

91-2119

# Maruah Bangsa MELAYU GAGAL?

CHAN TSE YUEN

Cetakan Pertama.....April 1991

© Hakcipta CHAN TSE YUEN

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.

ISBN : 983-99707-0-4

Concept / Cover Design  
Tan Kah Seng / Laser Skill

Typesetting (DTP)  
Laser Skill Sdn.Bhd.

Penerbit  
Leane Enterprise  
No.61-63, Changkat Tambi Dollah,  
Pudu, 55100 Kuala Lumpur

Pencetak  
Percetakan & Perniagaan Maju Jaya,  
21, Lorong Brunei Selatan, off Jalan Pudu,  
55100 Kuala Lumpur.

Harga:\$15.00

*Buku ini ditujukan khas kepada.....*



*Mendiang LAI SOOI*

黎瑞女士

*.....Kasih ibu sepanjang hayat*

M  
320-9595  
CHA

566419  
APB

\* 4 AUG. 1991

Perpustakaan Negara  
Malaysia



*Datik-datik terakhir bersama ibu yang ku cintai....*

	MUKA
	SURAT
Maruah Bangsa MELAYU GAGAL?	1
SIAPA SELEPAS MAHATHIR?	7
Kebudayaan Kebangsaan Malaysia : 'BUDAYA PAKSA'	15
Ke Arah Bangsa Malaysia Yang Tulen:	
DR. MAHATHIR WIRA TERAGUNG	23
ABDULLAH BADAWI JADI MENTERI KABINET	27
UMNO Ke Sabah : ADA KESAN BURUKNYA	31
Pemilihan Naib Presiden 1990 : REBUTAN KE JAWATAN TINGGI	35
PAS Kelantan : "FAHAMILAH HASRAT BUKAN ISLAM"	41
PUASI 'AIR MATA' DARI PENJARA CHANGI	45
RENCANA YANG MEMALUKAN RAKYAT SINGAPURA	49
PAS CABULI HAK BUKAN ISLAM	51
Pelan Pemulihan Ekonomi : NAJIB MAIN POLITIK?	55
PENGARUH 'CARI MAKAN' DALAM PARTI	59
UMNO BANYAK LAHIRKAN PEMIMPIN CHAUVINIS	63
Surat Terbuka Kepada Pemimpin MCA : BUKAN CHAUVINIS	
TAPI BERSEMANGAT	67
Reaksi Tulisan Chan Tse Yuen : MCA PUNCA UMNO	
JADI CHAUVINIS	71
Datuk S. Samy Vellu : BUKAN KAYA, AMAT KAYA !!!	73
GELORA DALAM MIC	77
Perdamaian Samy - Subra : TIADA KEIKHLASAN?	81
MUSA DENGAN PILIHAN TERAKHIRNYA	85
STRATEGI DATUK MUSA	89
KIT SIANG CEMBURUKAN LAM THYE	93
DAP NAIK KERANA CINA TENTANG POLISI BN	97
HALA SEMANGAT '46 SETERUSNYA .....	101
PEMIMPIN 46 KEJAR WANG DAN PELUANG	105
ANWAR JANTUNG HATI MAHATHIR	109
Isu Anggota Parlimen Bebas : DIMANA PENDIRIAN ZAHIR?	113
Pilihanraya Kecil Johor Bahru : UJIAN PERTAMA TEAM B	115
Pilihanraya Kecil Johor Bahru : 'ANJING' DAN 'KUCING'	
KOMPROMI	119
Pilihanraya Johor Bahru : SATU PENGAJARAN DAN PELAJARAN	123
Pilihanraya Kecil Parit Raja : ENAM SEBAB BN MENANG	127

	MUKA
	SURAT
Shahrir - Bakar Dewa SAMA-SAMA MAHU TUNJUK JANTAN	131
Pinda Perlembagaan : CEGAH POLITIK 'TUPAI'	135
PEMUDA, WANITA UMNO HILANG SAYAP?	137
Isu KUBB : PEMUDA UMNO GAGAL	141
<u>UMNO HILANG 'BARU'</u>	143
'Political Blackmail' PERPADUAN BEBANI DR. M	147
STAIL DAN KEMAHIRAN POLITIK MAHATHIR ✓	151
SULITNYA PERDAMAIAAN .....	155
SEMBUNYIKAN BABI PANGGANG DEDAH LEMBU	159
Tarik Balik GSP : DAP-DAVID SATU BAKUL	163
ANTARA PEMUDA UMNO DAN MAJLIS PEGUAM	167
AMALAN 'BURUK SIKU'	171
GERAKAN UNTUK SEMUA KAUM?	175
Gerakan Balas Tulisan Chan Tse Yuen : PERPADUAN PERLU DIUTAMAKAN	179
GERAKAN SEDANG MERONTA-RONTA	183
Jawapan Balas Kepada Tulisan Chan Tse Yuen : PENDIRIAN GERAKAN TEGAS	187
TULISAN LUM WENG KEONG MELENCONG	192
Reaksi Tulisan Chan Tse Yuen : JANGAN RAGUI USAHA GERAKAN TAK PAYAH DEDAHKAN PEKUNG DR. KANG !!!	196
SONGKOK, TUDUNG SATU PENINDASAN KAUM?	199
Anwar : SEPATUTNYA TERIMA HAKIKAT	203
BERITA TERLEWAT YANG BAIK	207
BAHASA MALAYSIA DI KALANGAN KAUM CINA	212
Mata Pelajaran Mandarin : BAHASA MALAYSIA TERJEJAS?	216
JANGAN PERTIKAI BAHASA KITA	221
LOGIKKAH GUNA BAHASA PERANCIS?	225
KISAH SUAMI-ISTERI DI KEMENTERIAN KESIHATAN	229
DAKWAAN TSE YUEN TAK BENAR	232
KISAH 'HARU' DI KEMENTERIAN KESIHATAN	236
'GEMPA BUMI' PARTI GERAKAN AKAN BERTERUSAN?	239
Perbincangan DEB : PEMIMPIN NASIONAL PERLU RASIONAL	242
TULISAN CHAN TSE YUEN DIKESALI	245
Isu Pembekuan 24 Koperasi : ADA UDANG DI SEBALIK BATU?	248
	249

## KANDUNGAN

	MUKA SURAT
TUDUHAN SERIUS YANG PERLU BUKTI	254
Isu-isu Sensitif : NAJIB UMPAMA 'PENCURI PEKIK PENCURI'	257
MENGAPA SEKARANG MELAYU MELENTING?	261
Isu Bahasa Di Pesta Makanan Laut Johor : MB JADI KOBOK?	265
DEWAN RAKYAT SEBAGAI 'HIASAN'?	269
Dewan Negara : BAGAIMANA MAHUNYA	273
Tol : BILA AKAN SELESAI?	276
Tol : JANGAN BEBANKAN RAKYAT	279
BAHAYA RADIOAKTIF	282
Rumah Terbengkalai : SIAPA HARUS DIPERSALAHKAN?	285
Disiplin Murid : NAKAL KERANA GURU?	289
NEGARA KITA SUKA BERPESTA	293
Amaran Kepada Pelancong : PENGAJARAN PADA MALAYSIA	297
PATUNG TUNKU DIPERTIKAI	300
Tidak Hormat 'NegaraKu' HUKUMAN LEBIH BERAT	305
SINDROM GILA NOMBOR	307
Keracunan : KENAPA BERTANGGUH?	311
PERIHAL RETAK MENANTI BELAH	315
ANTARA TRAGEDI DAN PERPADUAN	318
Cukai Pendapatan : SUATU TEKANAN?	321
Akta Rahsia Rasmi : ADAKAH IA PERLU?	325
Akta Rahsia Rasmi : APA JAMINANNYA?	329
Haramkan Rock : KENAPA?	332
ENCIK CHAN TIDAK TAHU BUDAYA MELAYU	334
Rokok : SIAPA BERSALAH?	336
Di Sebalik Main Golf : GERAKAN MALU SENDIRI	340
NASIB SI PONDAN	343
Insiden Lettenan (U) Wahi Anwar : SEMANGAT DAN PENGORBANAN	346
New Zealand MPs' Petition : THE PM REPLIES .....	348
KENYATAAN YANG MENYINGGUNG PERASAAN	351
JAWAPAN PERDANA MENTERI	353
Apartheid : MAHATHIR DIMINTA PENGARUHI ASEAN	355
DIMANA BUMI DIPIJAK, DISITU LANGIT DIJUNJUNG	358
KENYATAAN TIMBALAN MENTERI LUAR CHINA WAJAR	362

	MUKA
	SURAT
Perang Teluk : DI MANA KEADILAN?	364
Perang Teluk : SIAPA BENAR - SIAPA SALAH	369
JAWAPAN KEPADA TULISAN TSE YUEN	373
BALASAN CHAN TSE YUEN KEPADA 'JAWAPAN'	
SAUDARA DR. CHANDRA MUZAFFAR	376
DR. CHANDRA TIDAK BERPIJAK DI BUMI NYATA	379
POLITIK LEE KUAN YEW	384
Perbalahan Lee - Nair : SATU GIMMIK POLITIK?	388
SELAMAT BERJAYA - BENAZIR	392
Pelajar Burukkan Nama Negara : KERAJAAN TIDAK TEGAS	394
Sikap Masyarakat Malaysia : SUSAH ABANG - PAYAH ADIK	397
PENGARANG AKHBAR SEPERTI BUDAK SEKOLAH	400
SEJARAH BARU OLIMPIK	402
'Saudara' : MEMBAWA PENGERTIAN 'HALUS'	405
Media Tidak Hormati Raja : TIDAK GUNA 'DATUK'	
PADA KUAN YEW	409
Pulau Sukan Komanwel : BIKIN SERUPA CAKAP	411
Merebut Piala Thomas : ERATKAN PERPADUAN KAUM	414
Sukan : KITA TIDAK SERIUS?	417
Kecam Filem Hong Kong : UTUSAN MALAYSIA NIAT JAHAT?	420
Iklan Rokok : KEMENTERIAN TIDAK TEGAS	423
PEPERANGAN UBAH SIKAP MANUSIA	427
PERPADUAN MELALUI AKHBAR	431

## PRAKATA

11 Oktober 1984, suatu detik yang pastinya akan tersemat kukuh dalam sanubari saya...ketika subuh hening pada tarikh itulah ibu yang saya sayang dan hormati pergi untuk selama-lamanya iaitu setelah lima tahun 'berperang' dengan penyakit kanser.

Bertolak dari saat itu bercambah di kotak fikiran saya untuk menulis sebuah buku sebagai lambang kenangan yang abadi bagi dirinya. Berkat usaha yang tidak pernah mengenal jemu, maka impian dan hasrat tersebut kini menjadi kenyataan menerusi kelahiran buku sulung saya bertajuk Maruah Bangsa MELAYU GAGAL?.

Penglibatan saya selama hampir enam tahun dalam dunia penulisan merupakan suatu pengalaman yang amat berharga bagi saya untuk menilai erti sebenar warna-warna kehidupan. Dunia penulisan juga telah mengajar saya menjadi lebih berani dan bertanggungjawab dalam menyuarakan kebenaran serta meluahkan kemungkaran.

Seorang penulis terkemuka Amerika Syarikat, Han Suyin pernah berkata: "KEBENARAN, SEPERTI PEMBEDAHAN, IA MENYAKITKAN, TETAPI BOLEH MENYEMBUHKAN". Inilah asas dan landasan perjuangan saya dalam dunia penulisan selama ini. Meskipun apa yang pernah saya luahkan dalam ruangan DARI HATI KE HATI (Akhbar WATAN) dan LEMBARAN MINGGU (Akhbar Mingguan Perdana) kerap mencetuskan kontroversi dan menggaris hati sesetengah pihak, namun saya merasakan ia adalah sebagai satu tanggungjawab.

Bagi saya, seseorang penulis bukan sahaja berperanan menggunakan mata penanya untuk sekadar berkarya. Malahan peranan dan tanggungjawab mereka adalah besar dalam mencorakwarnakan kehidupan dan menjalinkan persefahaman yang jitu antara manusia sejagat.

Menerusi karya sulung ini, saya tidak sekali-kali berniat untuk mereka-reka sebarang isu yang boleh membangkitkan perasaan permusuhan di kalangan sesama insan. Sebaliknya menerusi buku: Maruah Bangsa MELAYU GAGAL? ini saya cuba memecahkan beberapa persoalan yang selama ini mencengkam dan membaliuti kehidupan masyarakat Malaysia tanpa mengira warna kulit dan resam budayanya.

Perpaduan, keharmonian dan persefahaman yang terjalin di kalangan masyarakat berbilang bangsa di negara ini adalah suatu yang sepatutnya kita pelihara dan kongsi bersama. Namun begitu, masih terdapat sedikit sebanyak kepincangan dan sikap kepura-puraan yang sudah sebatik menjadi se-macam satu budaya di kalangan ‘orang-orang’ tertentu masih diamalkan. Akibatnya timbul keresahan dan keadaan tidak selesa di kalangan masyarakat.

Buku bertajuk: Maruah Bangsa MELAYU GAGAL? juga cuba menggarap dan mendedahkan beberapa kepincangan yang dilakukan oleh segelintir pemimpin yang sering bermain sandiwara dalam suatu isu yang membabitkan kepentingan ramai. Mereka tidak sekadar ‘bermain politik’ tetapi apa yang jelas mereka itu adalah terdiri dari manusia-manusia hipokrit dan menggunakan segala ruang yang ada untuk membina ‘empayar kekuasaannya’ sendiri.

Kedudukan dan kuasa sesungguhnya telah melalaikan mereka. Mereka alpa kepada tanggungjawab yang terpikul dibahunya. Mereka tidak sekadar angkuh dengan senyum dan janji manis yang terukir indah di bibir malahan mereka begitu asyik bermain kata-kata tanpa mengira perasaan dan sensitiviti rakyat keseluruhannya.

Sebagai penulis, saya kerap menjadi sasaran dan kecaman pihak-pihak tertentu. Ketulusan dan keikhlasan hati saya dalam menyuarakan sesuatu kebenaran sering dianggap sebagai menentang.

Namun begitu saya tetap akur bahawa setinggi mana kedudukan pangkat dan martabat seseorang itu, akhirnya mereka mesti bertanggungjawab kepada sejarah. Sejarah adalah ‘hakim’ yang akan mengadili seseorang dan tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapapun.

Menerusi kelahiran karya sulung ini, saya merasakan ia bukan sekadar dapat menambahkan koleksi bahan bacaan, tetapi yang lebih penting ialah untuk mengajak seluruh rakyat Malaysia bersikap lebih rasional dan lebih matang dalam mengharungi liku-liku hidup yang penuh dengan pancaroba ini.

Walaupun sebahagian besar dari kandungan buku ini merupakan koleksi rencana-rencana saya yang pernah tersiar di akhbar WATAN dan Mingguan Perdana, namun saya merasakan ia adalah suatu yang amat berharga dan begitu

bernilai untuk dijadikan bahan rujukan kita bersama. Saya sedar terdapat isu-isu tertentu yang saya muatkan dalam buku ini mungkin dianggap sudah lapuk dan ketinggalan zaman, tetapi kita juga harus akur bahawa setiap yang ‘antik’ itu kerap menjadi pilihan ramai.

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada rakan saya, Mohammad Yusof (bekas Pengarang Mingguan Perdana) iaitu orang pertama yang banyak memberi galakan dan membuka peluang kepada saya untuk menjadi kolumnis dalam ruangan ‘Lembaran Minggu’. Juga ucapan terima kasih kepada Haji Hishamuddin Yaacob (Pengarah Urusan Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.) yang telah bermurah hati membenarkan saya menerbitkan semula rencana-rencana saya yang pernah termuat dalam ruangan ‘Dari Hati Ke Hati’ (akhbar WATAN) ke dalam buku ini.

Ucapan terima kasih juga saya hulurkan kepada ALIRAN kerana memberi keizinan menerbitkan semula surat terbuka Perdana Menteri ke dalam buku ini.

Mudah-mudahan kemunculan buku ini dapat memberi sumbangan ke arah kelahiran generasi Malaysia yang lebih berwibawa dengan meletakkan perpaduan dan keharmonian sebagai tunggak yang utama.

Akhir kata, sama-sama lah kita merenung sejenak dan seterusnya mengambil iktibar di sebalik susunan kata-kata ‘ke-ramat’ :-

Yang merah itu saga,  
Yang korek itu kendi,  
Yang indah itu bahasa,  
Yang cantik itu budi.

CHAN TSE YUEN  
KUALA LUMPUR  
APRIL 1991.

## Maruah Bangsa: **MELAYU GAGAL?**

**SETELAH** mengambil masa dua tahun akhirnya Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) telah menyerahkan satu laporan yang setebal 600 halaman kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Sabtu lalu (8 Februari 1991).

Umum mengetahui laporan yang dinamakan Dasar Ekonomi Untuk Pembangunan Negara (DEPAN) akan menjadi panduan kepada kerajaan untuk merangka Dasar Ekonomi Negara selepas 1990.

Menurut pengurus MAPEN Tan Sri Ghazali Shafie, laporan tersebut tidak menumpukan kepada satu-satu bangsa, sebaliknya bertujuan membangunkan semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum. Sehubungan itu ia mencerminkan matlamat yang sama untuk semua.

Kenyataan Tan Sri Ghazali tersebut telah mencerminkan pendirian yang adil dan memberi harapan kepada rakyat jelata, terutamanya masyarakat bukan bumiputera yang kersahan dan bimbang sama ada Dasar Ekonomi Negara selepas 1990 akan merugikan mereka.

Tidak dapat dinafikan, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mula dilaksanakan pada awal 1970-an telah menimbulkan pelbagai kontroversi sepanjang tempoh pelaksanaannya selama-dua puluh tahun.

Sebagai rumusan, ia menjadi igauan masyarakat bukan bumiputera yang sentiasa merungut DEB merugikan mereka. Di sebaliknya masyarakat bumiputera pula mendakwa mereka masih belum mencapai matlamat. Pendek kata, masing-masi-

ng tidak berpuas hati.

Saya agak kurang berasib baik kerana tidak berpeluang untuk mengambil bahagian dalam MAPEN. Bagaimanapun, berdasarkan semangat kebangsaan dan demi manfaat semua dan negara, saya tetap memberikan sedikit pandangan yang bermas terhadap penggubalan Dasar Ekonomi Negara pada masa hadapan.

Pada dasarnya, saya harus menegaskan bahawa sekiranya mengambil kira keadaan pada 1970-an DEB perlu dan patut dilaksanakan untuk memperbaiki ketidakseimbangan dalam bidang ekonomi di antara kaum. Dalam pada itu tumpuan yang lebih telah diberikan untuk menolong kaum bumiputera yang agak jauh ketinggalan dalam bidang ekonomi.

Memang adalah tidak sihat dan mungkin merbahaya jika terwujud suatu masyarakat yang mana satu golongan telah menguasai ekonomi dan yang lain terlalu lemah. Dalam keadaan pengagihankekayaan negara yang tidak seimbang mudah menimbulkan rasa tidak puas hati syak wasangka yang berkecenderungan menjelaskan keharmonian di antara golongan-golongan berkenaan. Sebagai negara majmuk keadaan yang dimaksudkan itu harus dielakkan.

Dari rungutan yang disuarakan sepanjang tempoh 20 tahun kebelakangan ini terdedahlah masyarakat bumiputera dan bukan bumiputera masing-masing kurang memahami kedudukan dan perasaan pihak lain.

Dalam hubungan ini terdapat pandangan agak serong yang harus diperbetulkan.

Pihak penggubal Ekonomi Negara harus memahami dan mengakui hakikat bahawa kekayaan yang ada pada orang-orang Tionghua itu datangnya dari usaha mereka sendiri. Kisah 'Apek' bangun sebelum lalat terbang untuk bekerja sehingga larut malam baru berehat adalah perkara kebiasaan di kalangan Tionghua. Di samping itu mereka pandai berjimat. Dengan bertungkus lumus bekerja dan mengikat perut. Mereka sepertinya mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih maju dan setimpal dengan titik peluh yang dikeluarkan. Ini tidak boleh diirihatkan oleh sesiapa. Tetapi dengan pelaksanaan DEB aktiviti-aktiviti perniagaan mereka seolah-olah terkekang, peluang untuk mendapat lesen dan kemudahan atau bantuan kerajaan begitu terhad jika dibandingkan dengan rakan-rakan kaum bumiputera. Pada awalnya

mereka kurang memahami bahawa mereka sedang menempuh arus DEB yang mana keutamaan harus diberi kepada rakan bumiputera dalam tempoh pelaksanaan dasar tersebut. Apabila memahami kedudukan sebenar, kebanyakan masyarakat bukan bumiputera mula bersikap sabar dan rela 'terhin-cut-hincut' buat sementara untuk menunggu rakan bumiputera memperbaiki dan mempertingkatkan kedudukan ekonomi. Mereka mempunyai tanggapan bahawa pada tamatnya DEB 'kepincangan' akan pulih.

Menjelang ke akhir 1990 terdengar suara-suara yang dilafazkan tentang soalan sama ada DEB akan diteruskan. Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berlakon seperti 'badut' dengan mengeluarkan dakwaan 'sejarah terhutang kepada Melayu'.

Mungkin beliau tidak sedar bahawa sebagai seorang rakyat yang setia dan bermaruah kita harus bertanya kepada diri kita sendiri apa sumbangan kita kepada negara dan bukan apa yang negara berhutang kepada kita. Jika mengikut dakwaan Datuk Seri Najib, apakah tidak mungkin cucu-cicit Yap Ah Loy bangun mendakwa berdasarkan sejarah negara kita terhutang kepada 'keluarga Yap' maka mereka boleh menuntut pemberian harta benda atau martabat tanpa usaha diri mereka sendiri. Bagaimana pula kita hendak melayan tuntutan satu keluarga di Melaka yang juga mendakwa dari segi sejarah bahawa takhta kesultanan Melaka harus dipulangkan kepada mereka? Maka perbahasan yang mungkin timbul dari situ tidak akan berakhir sampai bila-bila.

Sebagai seorang rakyat berketurunan Tionghua, saya memahami perasaan dan keresahan masyarakat Tionghua tentang dasar ekonomi negara pada masa hadapan. Tetapi dalam soal menamatkan dasar ekonomi negara yang menyerupai DEB yang memberi perlindungan dan keistimewaan kepada bumiputera, saya berpendapat, bumiputera sendirilah yang harus lebih ghairah melihat dasar sebegitu dihapuskan seberapa awal yang mungkin. Saya yakin pandangan ini adalah hasrat dalam hati sanubari tokoh pemimpin-pemimpin negara terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri.

Sekiranya kita mengkaji kenyataan dan pandangan Perdana Menteri pada masa-masa yang lampau semangat beliau berkobar-kobar ingin meletakkan bangsa Melayu pada satu tahap

yang maju dan benar-benar berdikari. Pandangan seperti ini dapat dilihat dari banyak ucapan beliau yang sentiasa mengingatkan kaum bumiputera supaya jangan terlalu bergantung kepada kerajaan tetapi sebaliknya harus berikhlas dan berusaha untuk berdiri di atas keupayaan sendiri.

Jemaah menteri dan pemimpin-pemimpin Melayu lain turut memberi pandangannya yang sealiran dengan Perdana Menteri. Justeru itu, boleh dikatakan Perdana Menteri kita dan kebanyakan pemimpin-pemimpin UMNO sekarang mempunyai visi yang panjang dan rasional. Bagaimanapun buat sekarang ini nampaknya Perdana Menteri terhimpit dan serba salah dalam membuat keputusan untuk merangka dasar ekonomi negara dalam 1990-an. Ini adalah kerana sekiranya kita mengekalkan dasar ekonomi negara yang memberi banyak perlindungan kepada bumiputera ia bermakna bumiputera masih tidak boleh berdikari. Berdasarkan cita-cita Perdana Menteri yang dimaksudkan itu, maka tidak hairanlah beliau sentiasa tertanya-tanya kepada diri sendiri bagaimana suatu bangsa yang tidak boleh berdikari boleh melaungkan dengan tegas slogan 'maruah bangsa'?

Justeru itu, sekiranya satu Dasar Ekonomi yang menyerupai DEB 1971-1990 digubalkan selepas ini, ia bermakna maruah bangsa Melayu akan terjejas, dengan lain perkataan, apabila sesetengah pemimpin Melayu melaung mahu DEB diteruskan, mereka yang cuba menggagalkan maruah bangsanya sendiri.

Ini disebabkan Melayu masih tidak boleh berdikari dan terpaksa bergantung kepada dasar tersebut yang mana mereka menjadi "manusia subsidi", lemah dan tidak berkeupayaan dan sentiasa hidup di atas kesusahan kaum lain.

Sedangkan pada realiti yang ada sekarang, tanpa DEB bangsa Melayu sudah pun berjaya dan benar-benar mampu menyaangi bangsa lain. Kita sudah melihat ada orang Melayu yang menjadi Datuk Bandar dan usahawan di negara asing, melahirkan ramai intelek yang berkeupayaan dan disegani seperti profesor Syed Naquib Al Attas yang tidak dilahirkan di bawah DEB, termasuk Datuk Seri Dr. Mahathir kerana usahanya sendiri.

Apa yang ada dalam penilaian Perdana Menteri sekarang ini ialah sejauh manakah matlamat DEB itu tercapai dan sejauh mana kemampuan bumiputera dapat ditingkatkan?

Cadangan MAPEN sebagaimana yang telah dilafazkan oleh Tan Sri Ghazali mungkin telah memberi satu jawapan yang agak munasabah iaitu masa hadapan untuk semua tidak mengira batasan kaum akan disambut baik.

Untuk memastikan bumiputera memantapkan diri dalam bidang ekonomi dan semua usaha yang telah dicurahkan dalam tempoh DEB yang lalu tidak berkecaci, mungkin langkah-langkah perlu diambil dalam dasar ekonomi negara yang akan digubalkan itu untuk memberi bimbingan dan asuhan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera. Tetapi hasrat dan perasaan bukan bumiputera tidak boleh diketepikan.

Sungutan bukan bumiputera bahawa timbulnya penyelewengan dalam perlaksanaan DEB yang menjelaskan kepentingan bukan bumiputera harus diambil perhatian.

Dalam usaha memberi tumpuan yang terlalu berat kepada bumiputera bagi tujuan mengimbangi ketidakseimbangan yang ada pada awal 70-an (masyarakat Tionghua lebih maju dan bumiputera lemah di bidang ekonomi), apakah sebaliknya akan mewujudkan ketidakseimbangan semula bagi kaum bukan bumiputera?

Penggubal dasar ekonomi negara harus mempunyai pandangan rasional dan memandang semua kaum sebagai anggota dalam satu keluarga yang mana kepentingan mereka harus dipelihara bersama.

Bagaimanapun kita harus mengamalkan sikap positif tentang dasar ekonomi negara dan memahami bahawa itu semua adalah untuk melahirkan sebuah negara yang harmoni dan bersepadu. Dalam pada ini saya mengesyorkan bahawa kerajaan dapat melonggarkan peraturan-peraturan yang terkandung dalam DEB dahulu agar perniagaan perkongsian di antara bumiputera dan bukan bumiputera dapat dilakukan. Dengan cara ini bukan sahaja bumiputera dapat mempelajari kemahiran bermiaga dari kaum lain, di samping itu mereka juga boleh mengujudkan persefahaman dan mengeratkan persahabatan. Ini tentunya dapat menyumbang ke arah perpaduan negara. Pihak kerajaan tidak seharusnya memandang di sudut perniagaan sahaja malah di bidang lain juga.

Dengan pandangan positif dan persefahaman di antara satu dengan lain serta berusaha ke arah yang sama, saya yakin hari esok akan lebih bersinar untuk kita semua.



**DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD**  
- *Wira dunia ketiga*

## SIAPA SELEPAS MAHATHIR?

SETIAP kali menjelang Perhimpunan Agong Tahunan UMNO pada tahun yang mana ia mengadakan pemilihan pucuk pimpinan parti, maka 'demam' pemilihan boleh dirasai di seluruh negara. Ini adalah kerana sebagai "taikoh" Barisan Nasional yang mentadbir negara ini, perkembangan dan perubahan dalam barisan pimpinan parti itu mungkin juga menentukan siapakah Perdana Menteri atau orang yang bakal mewarisi "takhta" tersebut.

Pemilihan tiga Naib Presiden UMNO bagi penggal 19.90-1993 merupakan satu-satunya pertarungan yang amat se ngit. Ia berkesudahan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid muncul sebagai pemenang. Kemenangan Datuk Seri Anwar memang telah diduga sedangkan kejayaan yang dua orang lagi adalah keputusan yang mengejutkan.

Persoalan tentang siapa akan mengambil-alih dari Perdana Menteri kita sekarang, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang kian meningkat menjadi gamitan ramai menjelang Perhimpunan Agong UMNO lalu tidak reda sebaliknya masih disebut-sebut oleh masyarakat ramai.

Keadaan ini mungkin berpunca dari beberapa faktor. Di antaranya adalah kerana Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri sudah kian lama memegang jawatan tersebut, tambahan pula kesihatan beliau sering menimbulkan tanda-tanya walaupun pada zahirnya beliau begitu gagah dan telah sembuh sepenuhnya dari pembedahan "bypass" yang telah dilakukan lebih dua tahun lalu. Tetapi, faktor yang dianggap terpenting

sekali adalah kerana beliau telah mencapai kejayaan besar dalam karier politik dan tugasnya sebagai Perdana Menteri. Biasanya seseorang tokoh sampai ke kemuncak kejayaan akan merancang pula masanya untuk berundur.

Sekarang, ramai pemerhati politik meramalkan Datuk Seri Dr. Mahathir akan bersara pada 1993 yang mana akan wujud kekosongan kerusi tertinggi dalam negara. Kini, pelanggan di kedai-kedai kopi semakin rancak berbahas siapa yang bakal menjadi Perdana Menteri termasuk juga Timbalan Perdana Menteri.

Ada juga kalangan politik yang menganggap bahawa pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada November 1990 adalah 'separuh akhir' dalam perlumbaan ke puncak karier politik dan 1993 pula merupakan 'pertandingan akhir' yang sebenar.

Walaupun selepas November 1990, tidak kedengaran lagi pukulan gendang 'peperangan', namun persiapan untuk 1993 telah pun dijalankan di sebalik tabir dengan begitu senyap dan teratur oleh semua golongan yang terlibat.

Umum mempercayai, UMNO mempunyai dua kelompok yang terbesar iaitu, kelompok gandingan Ghafar - Pak Lah - Sanusi dan kelompok Anwar yang bergantung kepada Datuk Seri Dr. Mahathir. Datuk Seri Sanusi dikategorikan sebagai dalam kelompok Encik Ghafar adalah jelas terbayang dari Perhimpunan Agong UMNO 1990 yang mana anaknya sendiri, Encik Tamrin dikatakan menjadi Ketua kempen Datuk Seri Sanusi. Manakala kecenderungan "Pak Lah" kepada Encik Ghafar tidak diragui oleh sesiapa.

Buat masa ini, kekuatan yang sebenar kedua-dua kelompok ini masih samar-samar. Kedudukan yang lebih jelas hanya boleh diketahui pada tahun hadapan (1992) iaitu selepas pemilihan di peringkat bahagian.

Tentang soalan siapa yang mungkin mewarisi Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-Lima kelak, nampaknya masih menjadi tanda tanya dan jawapan yang tepat bukan senang hendak dicari.

Ini mungkin kerana sebagai seorang pemimpin parti (UMNO) dan negara, imej Datuk Seri Dr. Mahathir terlalu menonjol. Walaupun beliau merupakan Perdana Menteri yang paling kontroversial dan stailnya menyerupai bekas Perdana Menteri Singapura Encik Lee Kuan Yew yang kadang-kala

mempunyai ciri-ciri diktator, namun sama ada kawan atau lawan masing-masing mengakui beliau telah mencapai prestasi yang tidak ada tolok bandingnya yang mana kewibawaannya begitu disegani.

Ramai orang menganggap beliau akan terus berundur dari arena politik sebaik sahaja menjalani "bypass" tetapi sebaik sahaja beliau sembuh dan melantun kembali serta beraksi lebih gagah dari sebelumnya begitu mengagumkan. Semangat perjuangan Datuk Seri Dr. Mahathir yang kita saksikan dalam perkara ini harus dinamakan "semangat Mahathir" dan dianggap sebagai teladan oleh rakyat negara ini dalam memupuk semangat berjuang yang tinggi dalam usaha mereka untuk membangunkan negara.

Tidak dapat dinafikan, Datuk Seri Dr. Mahathir dengan kelantangan beliau bersuara, telah berjaya mempertingkat dan mengharumkan imejnya serta nama negara dalam arena antarabangsa. Prestasi demikian tidak pernah dicapai oleh Perdana Menteri sebelumnya.

Pendek kata Datuk Seri Dr. Mahathir telah berjaya 'mengukir' namanya dengan penuh penghormatan yang mana setelah berada di mercu kejayaan sekian lama, tentunya ingin mencari peluang untuk berundur.

Tetapi saya tetap berpendapat, seandainya keadaan kesihatan mengizinkan, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak perlu berundur terlalu awal. Kewibawaan beliau telah memantapkan kestabilan parti (UMNO) dan negara yang mana bertambah dengan visinya yang jauh dan tinggi, sangat-sangat diperlukan oleh kita dalam usaha membangunkan Malaysia menjadi negara Perindustrian dan terus sebagai negara yang maju dalam tahun 2020 seperti mana yang disaran oleh beliau dalam kertas kerja khas yang dibentangkan di persidangan pertama Majlis Perdagangan Malaysia pada 28.2.1991.

Sebaliknya, sesiapa yang mengambil alih darinya kelak akan memerlukan sekurang-kurangnya beberapa tahun menstabilkan kedudukannya sama ada dalam parti atau kerusinya sebagai Perdana Menteri sebelum dapat memberi tumpuan ke arah urusan pembangunan negara.

Bagaimanapun, lambat laun Datuk Seri Dr. Mahathir pasti juga akan melepaskan genggaman kuasanya kepada orang lain, sebab itulah tekanan tentang siapa selepas beliau terus menjadi tajuk perbualan ramai. Soalannya sekarang ialah

mungkin oleh sebab kewibawaan dan imej Datuk Seri Dr. Mahathir terlalu menonjol maka timbul pula satu masalah ia itu, pada masa ini, negara kita seolah-olah ketandusan pemimpin negara. Gejala seperti ini pernah berlaku kepada beberapa pemimpin negara lain seperti Mao Tse Tung dan Chou En Lai dari Negara China yang mana imej mereka terlalu tinggi maka seluruh dunia ketika itu hampir bersependingat bahawa adalah sukar sekali mencari tokoh lain yang layak mengambil alih. Perkembangan kemudian terbukti bahawa selepas kedua-dua pemimpin ini meninggal dunia pada 1976, setakat ini belum muncul scorang lagi tokoh Negara China yang mampu menyaingi kewibawaan mereka.

Berbalik kepada isu 'waris' Datuk Seri Dr. Mahathir, buat sekarang ini, antara nama tokoh yang disebut-sebut sebagai layak menjadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ialah Encik Ghafar Baba, Datuk Seri Anwar, Datuk Abdullah, dengan Datuk Seri Anwar sebagai "favourite".

Sebelum kita menganalisis siapa dan bagaimana tokoh berkenaan akan muncul, adalah lebih baik untuk kita mengimbas tentang latar-belakang mereka berkenaan.

Apabila Encik Ghafar Baba dilantik oleh Datuk Seri Dr. Mahathir untuk menggantikan Datuk Musa Hitam, ramai menganggap beliau hanya sebagai Timbalan Perdana Menteri sementara sahaja. Tetapi setelah memegang jawatan tersebut hampir empat tahun, imejnya sebagai Timbalan Perdana Menteri sudah dikekalkan. Bahkan ramai orang berpendapat bahawa beliau berkeupayaan mengambil-alih dari Datuk Seri Dr. Mahathir.

Tetapi ada juga 'kelemahan' beliau yang sengaja diperbesar-besarkan oleh pihak lawan secara senyap-senyap. Ini termasuk dari segi usia beliau yang sebaya dengan Datuk Seri Dr. Mahathir, dan dari segi kesihatan beliau juga pernah menjalani pembedahan "bypass" jantungnya. Yang satu lagi 'isu' yang suka dipermain-mainkan oleh musuh politiknya ialah tentang latar-belakang beliau yang bukan profesional atau pemegang ijazah.

Bagaimanapun, persoalan tentang usia beliau dianggap bukan faktor yang penting kerana pengunduran Datuk Seri Dr. Mahathir bukan usia bahkan cuma oleh kerana telah mencapai ke mercu karier dan sudah terlalu lama memegang jawatan tersebut. Mengenai latar-belakang pendidikan, ia

langsung tidak menjadi halangan kerana sudah terbukti orang yang tidak berpendidikan tinggi juga berkemampuan menjadi ketua negara. Contohnya Perdana Menteri Britain sekarang Encik John Major yang hanya menerima pendidikan setakat berusia 16 tahun sahaja, jauh kurang daripada Encik Ghafar sendiri.

Imej Encik Ghafar yang bersikap sederhana menyebabkan beliau satu-satunya tokoh negara yang disenangi oleh semua lapisan masyarakat, bahkan semua kaum. Ini merupakan faktor yang memihak pada beliau.

Sekiranya mengambil kira sejarah yang mana mengikut keadaan yang biasa, seorang Timbalan Perdana Menteri pastinya dapat 'naik pangkat' menjadi Perdana Menteri dan juga tradisi UMNO yang sangat menghargai serta memelihara pengambilalihan kerusi tersebut secara licin demi menjaga kemantapan negara, Encik Ghafar berada dalam kedudukan yang agak selesa.

#### DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI

Naib Presiden UMNO yang diberi gelaran 'Pak Lah' oleh media massa diibaratkan 'ikan masin hidup semula'. Ini juga merupakan seorang tokoh yang mengamalkan sikap sederhana yang boleh diterima oleh semua pihak. Ini merupakan faktor terpenting bagaimana beliau berjaya memecahkan pelbagai rintangan dan terus berjaya menang pertandingan hebat dalam Perhimpunan Agong UMNO tahun 1990.

Dalam UMNO sama ada mereka berlatar-belakang sekular atau agama, masing-masing rasa selesa dengan 'Pak Lah'. Hakikat yang mana bapanya sebagai seorang ulama yang disegani bertambah dengan 'Pak Lah' sendiri adalah seorang bekas mahasiswa Universiti Malaya yang berkelulusan dalam pengajian Islam turut memperkuuhkan imej dan kedudukan beliau dalam parti. Perwatakan 'Pak Lah' yang 'simple' dan tidak suka melatah serta berpegang teguh kepada prinsip menyumbangkan ke arah popularitinya.

#### DATUK SERI ANWAR IBRAHIM.

Bekas Presiden ABIM Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah

anak buah Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Sejak kemasukannya ke dalam UMNO, kedudukannya naik dengan pesat dan mungkin sebab itu, beliau telah menjadi sasaran sesetengah orang dalam UMNO sendiri dan mengecap beliau sebagai pemimpin 'cocky'. Beliau telah memberi imej suka melatah kepada orangramai.

Tetapi, karisma dan kewibawaan Datuk Seri Anwar seperti 'Pak Lah' masing-masing tidak dipertikai. Malah ramai dikalangan generasi muda Melayu menghormati Datuk Seri Anwar kerana cara politiknya yang dinamik dan agresif serta kuat bersemangat bangsa Melayu.

Bagaimanapun, sikap beliau yang terlalu menekan prinsip tidak menyenangkan sesetengah rakan 'seperjuangannya' dalam parti.

Selain daripada tiga orang tokoh yang disebutkan di atas, bekas Timbalan Perdana Menteri merangkap bekas Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam merupakan 'dark-horse' dalam perlumbaan tersebut.

Dari empat 'ekor' kuda ini, pelbagai gandingan mungkin dibentuk. Apabila kita mengatakan 'gandingan' adalah kerana sebaik sahaja ada kekosongan kerusi Perdana Menteri, soal kerusi timbalannya juga timbul. Situasi dalam UMNO sekarang agak 'tricky'. Keputusan muktamad bergantung kepada kehandalan permainan catur pihak-pihak berkenaan.

Jika Datuk Seri Dr. Mahathir mengosongkan kerusi Perdana Menteri dan juga Presiden UMNO sebelum 1993, secara automatik timbalannya sekarang, Encik Ghafar akan mengambil alih jawatan tertinggi itu. Besar kemungkinan Encik Ghafar akan memilih rakan sepasukannya untuk mengisi kekosongan kerusi nombor dua. Setakat ini, nama yang disebut-sebut untuk kerusi ini adalah 'Pak Lah'.

Bagaimanapun, dalam politik, sebarang kemungkinan boleh berlaku. Tidak mustahil Datuk Seri Anwar menjadi pilihan sekiranya situasi politik ketika itu boleh memantapkan kedudukan Encik Ghafar.

Namun begitu, sekiranya Encik Ghafar percaya kombinasi beliau dengan 'Pak Lah' begitu kuat dan boleh memantapkan parti, harapan Datuk Seri Anwar untuk naik ke atas semakin sulit.

Justeru itu, kedudukan Datuk Seri Anwar sekarang ini boleh diibaratkan sebagai "tak ten tak tu, di antara che kai

dengan sepuluh".

Selain itu, para penganalisis politik tidak menolak kemungkinan Datuk Musa sebagai faktor yang boleh mencegat situasi politik kepemimpinan UMNO di masa akan datang.

Ini disebabkan menurut rekod, Datuk Seri Dr. Mahathir dengan Datuk Musa seolah-olah sepasang kekasih yang sedang "berasmara" di dalam politik. Dahulu Mahathir - Musa itu berbaik-baik seperti sampai boleh berkongsi sepasang seluar. Pada suatu ketika 'kamceng' mereka mulai retak menyebabkan Datuk Musa meletakkan jawatan. Tetapi apabila Datuk Seri Dr. Mahathir mengalami kesulitan dan situasi yang tidak stabil, Datuk Musa tiba-tiba sahaja muncul membantu beliau khususnya UMNO Negeri Johor.

Sebaik sahaja Datuk Seri Dr. Mahathir mengukuhkan semula kedudukannya, beliau bagaikan mengenang budi, ters melantik Datuk Musa sebagai Duta Khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu yang bertaraf menteri.

Baru-baru ini juga kita dapat menyaksikan dari kaca TV Datuk Musa mengiringi Perdana Menteri ke Bali, Indonesia untuk membincangkan mengenai ekonomi Asia.

Dari semua perkembangan ini menunjukkan tanda-tanda 2 M itu masih berhubung baik.

Nampaknya 'kamceng' 2 M dalam keadaan 'mahu putus tetapi masih melekat' adalah kerana mereka saling menghor-mati dan menghargai karisma antara mereka.

Berdasarkan faktor ini, selain daripada keupayaan Encik Ghafar atas sebab kemantapan dan pengalaman ada pada beliau yang sukar cari bandingan; sekiranya Datuk Seri Dr. Mahathir lebih mengutamakan karisma Datuk Musa yang dijangka hampir setanding dengannya dan boleh melindungi kedudukan "anak emasnya" Datuk Seri Anwar, berkemungkinan juga Perdana Menteri akan mengambil langkah yang luar dugaan dengan mencaturkan kedua-dua mereka ini bagi mengisi kekosongan kerusi nombor satu dan nombor dua sekaligus.

Selain itu, UMNO juga mempunyai beberapa orang pemimpin pelapis yang berwibawa untuk menerajui parti itu.

Sehingga kini, dua bintang yang disebut-sebut mempunyai karisma yang menonjol adalah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Mohamad Taib dan Menteri Besar Jo-

hor, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Kedua-dua mereka telah berjaya membawa satu era industrialisasi di kedua-dua negeri tersebut. Mereka telah berjaya menarik pelabur-pelabur asing seperti Taiwan, Korea, Jepun, Hong Kong, China dan lain-lain untuk melabur ke Negeri Selangor dan Johor.

Secara langsung, ia telah berjaya meningkatkan ekonomi, memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, memulihkan imej di samping membuktikan kewibawaan karisma, keupayaan dan lain-lain sebagai pemimpin yang berpotensi dan berjaya.

Keupayaan yang ditunjukkan oleh kedua-dua mereka ini merupakan satu kredit untuk mereka naik ke tahap yang tinggi sekali (politik pusat).

Kesimpulannya, selain daripada faktor-faktor tertentu dan juga kehandalan masing-masing dalam berpolitik, faktor takdir adalah terpenting sekali. Seperti kata pepatah Tionghua:—"Kuasa manusia ada hadnya, tetapi Takdir mengatasi segala-galanya".

## Kebudayaan Kebangsaan Malaysia: **'BUDAYA PAKSA?'**

"TIDUR sebantal, mimpi lain-lain", pepatah Tionghua ini menyifatkan bagaimana keadaan "kamceng" sepasang suami isteri yang tidak "ngam" agak tepat sekali untuk membayangkan kedudukan masyarakat majmuk kita yang terdiri daripada pelbagai kaum, adat, agama dan budaya yang mana adalah kebiasaan terdapat percanggahan pandangan tentang sesuatu perkara ataupun polisi negara.

Kebudayaan kebangsaan negara telah menjadi satu isu yang paling kontroversial sebaik sahaja ia disyorkan oleh Kongres Kebudayaan Kebangsaan (KKK), anjuran pihak swasta pada 1971 yang mana ahli-ahli budaya dan cerdik pandai telah meluluskan tiga ketetapan sebagai asas kebudayan kebangsaan iaitu:-

- i.Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini.
- ii.Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.
- iii.Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Perlu diperhatikan bahawa pada tahun 1973, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerbitkan sebuah buku koleksi kertas kerja KKK bertajuk "Asas Kebudayaan Kebangsaan" dengan memberi keterangan dalam buku tersebut yang berbunyi:" Pendapat-pendapat yang dikemukakan dalam kertas kerja ini adalah pendapat penulis sendiri dan tidak semestinya merupakan pendapat-pendapat Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan".

Pendirian kementerian tersebut jelas menunjukkan kerajaan tidak (ataupun setakat itu belum) menerima ketetapan KKK. Hingga hari ini, kerajaan masih tidak pernah memberi sebarang pengumuman rasmi tentang sebarang perubahan pendirian tersebut.

Tetapi satu perkembangan yang luar biasa dan mengejutkan telah berlaku. Jabatan Penerangan Malaysia dalam terbitan risalah Dasar Kerajaan (Ogos 1990) dengan senyap-senyap menyelitkan ke dalamnya ketetapan KKK tersebut di bawah tajuk "Dasar Kebudayaan Kebangsaan". Dengan lain perkataan, pada zahir dan 'rasmi'nya ketetapan KKK tiba-tiba telah menjadi DASAR KERAJAAN.

Saya telah menulis surat kepada Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik untuk bertanya sama ada kerajaan berubah pendiriannya terhadap cadangan KKK. Malangnya surat berkenaan seperti dibakulsampahkan, langsung tidak dibalas.

Persoalan yang menarik sekarang ialah, apakah Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat menyeleweng dan bertindak di luar batasan? Apakah beliau langsung tidak mempedulikan pendirian kerajaan yang mana dengan menuhi nafsunya sendiri memasukkan ketetapan tersebut dalam risalah itu ataupun sebaliknya kabinet kita telah bersetuju dengan ketetapan tersebut dan Datuk Mohamad hanya melaksanakan dasar baru kerajaan sahaja yang mana ia bermakna pemimpin-pemimpin (menteri-menteri) bukan Melayu umpama dalam dua muka, memperdaya dan menyembunyikan hakikat sebenar dari masyarakat bukan Melayu di samping berpura-pura seperti tiada sebarang perubahan pernah berlaku?

Hingga sekarang, perkara ini tetap menjadi misteri yang tidak terjawab.

Setelah membaca kertas kerja yang dibentangkan dalam KKK, saya berpendapat, walaupun saya menghormati pandangan-pandangan (para cendekiawan) berkenaan, mereka seolah-olah meluahkan fikiran dari 'menara gading' kerana rumusan ini tidak selari dengan realiti. Terdapat perkara yang remeh temeh dan tidak logik telah dikemukakan oleh para ahli-ahli ilmiah ini sebagai dasar/ pokok.

Tidak dinafikan ramai cerdik pandai bersetuju (walaupun tetap menyokong ketetapan KKK) kebudayaan sesuatu kaum

atau negara wujud secara evolusi yang mana sekiranya kerajaan kita dengan sengaja mahu membentuk kebudayaan kebangsaan, mungkin Malaysia akan menjadi negara pertama dan tunggal dalam dunia ini yang berbuat demikian.

Sikap cerdik pandai tersebut dengan mengketepikan hakikat bahawa kebudayaan adalah sesuatu yang dinamik dan mempunyai hayat, sentiasa berubah-ubah serta berkembang dari masa ke semasa di samping saling mempengaruhi antara satu tamadun dengan yang lain. Oleh itu bolh dikatakan mereka yang mengamalkan sikap sempit dan berbau perkuman tanpa mengambil kira realiti ibarat ‘berfikir hingga ke hujung tanduk’.

Berpandukan kepada tiga ketetapan KKK dengan hujah “kebudayaan kebangsaan hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rantau ini” menunjukkan para cerdik pandai ter-salah tempat dan mereka yang menghadiri KKK ini telah mendedahkan kekusutan fikiran dan bertindak seolah-olah tidak tahu apa yang sebenarnya dikehendaki.

Faktor yang lain adalah ganjil sekali dan sukar diterima bahawa dalam usaha menubuhkan identiti kebudayaan kebangsaan, keadaan sebenar dalam tanah air sendiri diketepikan: sebaliknya berteraskan kebudayaan rantau ini yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand, Kampuchea, Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Malanesia dan Oceania) sehingga Malagasi. Nam-paknya mereka yang berkenaan sudah lupa tujuannya adalah cuba membentuk kebudayaan Malaysia dan bukan ‘Kebudayaan Rantau Asia’.

Selain daripada unsur-unsur Melayu, kebudayaan rantau ini merangkumi kebudayaan Thai, Vietnam, Kampuchea, Filipina, Tionghua, India, Barat dan lain-lain, apakah kita perlu memasukkan kesemua unsur itu dalam kebudayaan kebangsaan kita kerana kebudayaan tersebut tetap wujud dalam rantau ini walaupun tidak dalam bumi Malaysia ?

Menurut ketetapan KKK, kebudayaan kebangsaan yang dibentuk suatu hari nanti berteraskan kebudayaan Melayu dan unsur-unsur Islam. Cadangan ini sebenarnya bertentangan dengan realiti masyarakat kita yang majmuk dan menganut pelbagai agama.

Sekiranya cadangan KKK itu diterima oleh kerajaan, lantas ia akan menyekat kebudayaan suku kaum lain negara ini

dalam bentuk masyarakat yang berlainan dengan kebudayaan Melayu menduduki tingkat yang terunggul dan kebudayaan kaum lain itu dijadikan hamba yang mana suka atau tidak, kebudayaan kebangsaan terwujud demikian menyerupai kebudayaan kolonialisme.

Kongres Kebudayaan 1971 adalah dianjurkan oleh pihak swasta. Masyarakat bukan Melayu tidak mempunyai wakil sebagaimana sepatutnya dan tidak berpeluang meluahkan pandangan atau pendirian mereka, apatah lagi bersetuju di atas ketetapan tersebut. Sekiranya kerajaan gagal mengambil kira hakikat ini dan terus menerima dengan 'mentah-mentah' ketiga-tiga ketetapan itu dan mengenakan tekanan ke atas pelaksanaannya, maka kebudayaan sedemikian merupakan 'kebudayaan paksaan'.

Justeru itu, demi perpaduan dan keharmonian rakyat, ketetapan KKK yang banyak menimbulkan syak wasangka dan ketidakpuasan di antara kaum sepanjang dua puluh tahun kebelakangan ini, kerajaan perlu bersikap tegas dan tidak memberi pengiktirafan sama sekali kepada ketetapan tersebut.

Kebudayaan adalah membayangkan kewujudan suatu bangsa atau tamadun sama ada sebagai bukti bahawa bangsa atau tamadun berkenaan pernah wujud dalam sejarah. Kebudayaan sesbuah negara cuma refleksi kedudukan sebenar negara berkenaan dan terutamanya apa jenis manusia yang bermastautin di situ pada suatu masa yang tertentu. Justeru itu, mengungkit kepada sejarah sepertimana yang suka dilakukan oleh sesetengah cerdik pandai cuma membuktikan keadaan atau kedudukan masyarakat pada masa yang dirujukkan sahaja. Akan tetapi, menurut perkembangan semasa, apa yang wujud sekarang patut diambil kira dan sebagai orang yang rasional mestи mengakui hakikat ini. Kita tidak boleh menafikan hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara majmuk yang diduduki oleh rakyat berbilang kaum, bangsa yang mempunyai pelbagai kepercayaan dan agama.

Pemimpin-pemimpin negara kita sering menekankan bagaimana kerajaan hendak mentadbir dengan saksama; tetapi kesaksamaan sepatutnya wujud dalam semua bentuk. Sekiranya kita bersikap berat sebelah dan terlalu menonjolkan sesuatu kaum sepertimana yang berlaku dalam percubaan

sesetengah golongan dalam usaha merekabentuk kebudayaan kebangsaan yang mana kebudayaan Melayu dijunjung dan kebudayaan kaum lain diturunkan martabatnya maka dengan adanya ketidaksamaan ini secara natural tentunya boleh menimbulkan syak wasangka dan ketidakpuasan antara kaum secara berterusan. Jadi bagaimana kita boleh memupuk rasa perpaduan ini?

Kita masih teringat bekas menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Datuk Samad Idris (kini Tan Sri) yang pernah melahirkan pandangan yang sempit sehingga menyakitkan hati masyarakat Tionghua dengan mencadangkan tarian singa, satu-satunya kebudayaan kaum Tionghua diubahsuai mengikut unsur tempatan dijadikan tarian harimau.

Datuk Samad gagal menghalusi bahawa walaupun pada zahirnya tarian singa di negara ini menyamai negara Cina, Taiwan ataupun Hong Kong; namun tarian singa di Malaysia sepatutnya dilihat dari persepsi yang luas yang mana akan terdapat perbezaan yang amat ketara dari segi inti dan semangatnya dengan tarian singa di negara asing itu.

Kewujudan tarian singa di bumi Malaysia melambangkan dan juga membuktikan kepelbagaian kebudayaan negara ini.

Di mata dunia, kepelbagaian kebudayaan negara kita adalah satu keistimewaan dan keunggulan. Dan ini adalah berkat sejarah yang menguntungkan Malaysia.

Boleh diibaratkan Malaysia mempunyai banyak permata sebagai khazanah negara. Malangnya kerana kesempitan fikiran sesetengah golongan yang hanya mahu memilih satu bentuk permata iaitu kebudayaan Melayu dan sekaligus mengketepikan permata lain sebagai batu tidak bernilai.

Kekayaan khazanah Malaysia yang terbayang dari kepelbagaian kebudayaan sudah lama menjadi perkara yang diperhatikan oleh negara-negara asing. Sampai hatikah kita sendiri yang menolak ataupun mengurangkankekayaan ini?

Kerajaan harus sedar, rakyat merupakan 'hakim' yang memutuskan sama ada sesuatu polisi kerajaan popular atau tidak. Misalnya jika kebudayaan kebangsaan kita yang direka bentuk mengikut kaedah ketetapan KKK tersebut dan dilaksanakan dengan paksaan (sekiranya kerajaan tetap berdegil mahu berbuat demikian) masyarakat bukan Melayu akan enggan menerimanya.

Banyak peristiwa yang pernah berlaku dalam negara ini

pada masa lampau membuktikan bagaimana "budaya paksa" boleh menimbulkan ketidapuasan.

Misalnya peristiwa mahasiswa bukan Melayu diwajibkan memakai songkok dalam konvokesyen di sebuah universiti tempatan tiga tahun dahulu telah menimbulkan kemarahan masyarakat bukan Islam.

Ura-ura sesetengah pemimpin Melayu yang hendak menghapuskan sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil tanpa menghormati hak orang-orang Tionghua dan India mempelajari bahasa ibunda mereka yang terpelihara oleh Perlembagaan Negara malahan Perlembagaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Penolakan cek yang didakwa ditandatangani dengan 'tulisan Cina' adalah satu-satunya peristiwa yang menyayat hati masyarakat Tionghua dan dianggap sebagai stau penghinaan dan penghalangan terhadap penggunaan bahasa Cina.

Papan tanda yang digantung oleh para peniaga yang mana tulisan Cina dihadkan kepada saiz yang jauh lebih kecil daripada bahasa Malaysia juga dirasai oleh masyarakat ini sebagai suatu 'paksaan' dan halangan terhadap penggunaan bahasa di kalangan bukan rasmi yang terjamin oleh Perlembagaan tetapi telahpun disalahgunakan oleh pegawai yang terlalu ghairah.

Umum mengetahui, dalam kehidupan seharian dan demi keselesaan, sesetengah kaum bukan Melayu juga suka memakai sarong apabila berada di rumah atau pada waktu rehat. Bagaimanapun, kebanyakan kaum Tionghua tidak berani atau tidak rela memakai sarong keluar dari halaman rumah mereka masing-masing. Dalam hubungan yang sama, pada masa kini jarang kita dapat melihat wanita bukan Melayu memakai sarong kebaya lagi. Sikap negatif seperti ini timbul dari perasaan anti-paksaan tadi.

Jadi, terbuktilah perwatakan manusia yang tidak suka dipaksa untuk mengalah atau menuruti sesuatu. Lebih kuat tekanan, maka lebih kuat pula kuasa tentangan.

Saya masih teringat seorang cerdik pandai yang dihormati iaitu Pak Samad (A Samad Ismail) pernah mengeluarkan pandangan yang paling saksama tentang ura-ura pembentukan kebudayaan kebangsaan. Beliau berkata; "Saya tak fikir kerajaan boleh buat apa-apa melainkan mendorong, merangsang dan menunjuk".

Sebenarnya rakyat negara yang berbilang kaum ini sudah lama 'caca marba' dan secara evolusi kebudayaan kepelbagaian sudah berakar umbi dalam masyarakat kita.

Pada bila-bila masa kita boleh masuk sebuah kedai kopi dan menikmati makanan yang sudah diubahsuai pelbagai kebudayaannya. Kita boleh mengikut selera sesuka hati dan bebas terus menikmati yong tau foo, nasi lemak, capati, roti canai, teh terbang dan sebagainya.


Sesetengah cerdik pandai yang terlalu ghairah mengatakan kebudayaan kebangsaan kita harus direkabentuk dan menitikberatkan budaya Melayu serta Islam. Sikap sebegini boleh menimbulkan syak wasangka kaum bukan Melayu dan bukan Islam kerana mereka bimbang akan diasimilasikan. Ini terbukti dari pertelahan yang tidak terhenti-henti dalam dua puluh tahun kebelakangan ini iaitu semenjak adanya ketetapan KKK.

Saya bersedia untuk berhujah dengan mereka bagi membuktikan apakah itu kebudayaan Melayu yang sebenarnya? Umum mengakui kebanyakan kebudayaan Melayu seperti pakaian dan alat-alat muzik, bukanlah milik mereka yang asli. Apabila 'benda' itu dikembalikan kepada negara asal, tentu nya yang tinggal di dalam kebudayaan Melayu adalah mirip 'ala budaya bogel'.

Selain itu, sama ada dalam bidang-bidang fikiran, kebentukan, kesenian ataupun kebanyakan nilai dan norma seharian kita sudah mempunyai serta menerima keistimewaan antara satu sama lain. Biarlah kebudayaan kebangsaan negara kita dibentuk secara evolusi dan bebas dari sebarang tekanan ataupun niat asimilasi.

Kebudayaan yang wujud melalui proses evolusi itu bukan sahaja setakat menunjukkan kekayaan dan kepelbagaianya, bahkan ia akan membuktikan kepada seluruh dunia sikap liberal kerajaan kita.

Negara kita akan disanjung oleh dunia luar kerana berjaya memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum melalui sistem pemerintahan yang bertoleransi dan sanggup menerima pelbagai nilai-nilai budaya.



**ENCIK GHAFAR BABA** – tahan lasak

## Ke arah Bangsa Malaysia yang tulen: **DR. MAHATHIR WIRA TERAGUNG**

DALAM prakata buku ini saya telah mengatakan bahawa "setinggi mana kedudukan pangkat dan martabat seseorang itu, akhirnya mereka mesti bertanggungjawab kepada sejarah. Sejarah adalah 'hakim' yang akan mengadili seseorang dan tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapapun."

Justeru itu, bagaimana merdunya lagu sanjungan untuk seseorang pemimpin dinyanyikan, namun ia akan diberi tafsiran muktamad oleh sejarah.

Pendek kata, sama ada seseorang pemimpin itu wira atau petualang, sejarah akan menentukan segalanya.

Sejak kemerdekaan 34 tahun yang lalu, perkara yang tidak terhenti-henti menjadi perhatian utama kita ialah soal perpaduan rakyat jelata.

Tidak boleh dinafikan, negara kita telah mencapai prestasi cemerlang yang membanggakan dalam aspek pembangunan, pendidikan, ekonomi, perindustrian dan banyak bidang yang lain. Namun, kita mesti akur pada hakikat bahawa soal perpaduan rakyat yang tulen masih merupakan satu impian.

Kita tidak perlu memperolok-olokkan soal perpaduan. Perkara yang sering ditimbulkan dalam ucapan-ucapan pemimpin negara telah membayangkan keadaan yang sebenar.

Sekiranya kita menatap soalan tersebut, berfikir dengan mendalam dan panjang lebar, mungkin kita akan mendapat rumusan bahawa walaupun rakyat berbilang kaum sudah menjalin persahabatan yang agak mesra, hasil dari usaha kerajaan dan inisiatif dari mereka sendiri, pada keseluruhan-

nya masih ada kerenggangan terwujud di antara mereka, masih ada ruangan yang boleh dirapatkan lagi.

Dalam pada itu, kita memerlukan sedikit "break-through". Kita sering mendengar pendekatan mahu menegakkan keadilan dalam satu masyarakat yang saksama tidak mengira kaum di samping mewujudkan satu bangsa Malaysia. Tetapi apabila ke peringkat pelaksanaan dasar, rakyat pula dikategorikan mengikut keturunan. Maka, selagi kontradiksi ini berlanjutan, selagi itulah perbezaan dan jurang di antara rakyat berkekalan.

Pada keseluruhannya, ketika mengambil kira kedudukan yang unik pada masyarakat kita, dasar interim untuk memperseimbangkan masyarakat diperlukan yang mana Dasar Ekonomi Baru telah digubal dan dilaksanakan di antara 1970 hingga 1990. Oleh itu, tidak dapat dielakkan rakyat kita 'dikategorikan' mengikut ras dan keturunan.

Buat sekarang ini, kerajaan sedang menimbang untuk melakarkan Dasar Ekonomi Negara pada masa hadapan.

Setakat ini, semua pemimpin negara ini sedikit sebanyak tidak terdaya membebaskan dari kongkongan perkauman. Mereka tidak seharusnya dipersalahkan kerana masyarakat kian berubah dan beransur maju, yang mana kebetulan mereka hidup dalam era interim perubahan dan penyesuaian.

Kita masih mengenang visi Allahyarham Dato' Onn Jaafar, seorang pemimpin yang berpandangan luar dari batasan perkauman dengan mencadangkan UMNO membuka pintunya kepada bukan Melayu.

Walaupun Dato' Onn mempunyai kalibar sebagai seorang tokoh yang berwibawa malangnya tidak ada kuasa mutlak untuk melaksanakan impian yang luhur itu.

Setelah empat dekad berlalu, lahir pula seorang lagi tokoh yang mampu untuk melakukan langkah yang lebih bersejarah untuk memecahkan benteng perkauman. Beliau ialah tidak lain tidak bukan Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Pendekatan ini bukan tidak berasas. Sebaliknya banyak tanda-tanda sudah jelas terbukti dari percakapan serta tingkah laku Datuk Seri Dr. Mahathir yang menunjukkan trend menuju ke arah kemungkinan tersebut.

Kertas kerja khas yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir di Persidangan Pertama Majlis Perdagangan Malay-

sia pada 28 Februari, 1991 telah terhurai.

Dalam kertas kerja tersebut, beliau telah mengemukakan sembilan cabaran yang mana saya percaya pembaca yang arif telah sedia maklum untuk rakyat Malaysia menjelang tahun 2020. Apa yang dibentang dan dihujahkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dalam kertas kerja itu adalah bebas dari cengkaman perkauman; bahkan, lebih tepat lagi, telah betul-betul merobohkan batasan perkauman.

Antara lain, Datuk Seri Dr. Mahathir berhujah, "demi mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama, ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya, secara adil, dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara".

Beliau juga berkata, cabaran kita juga termasuk "mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada...".

Perkataan-perkataan seperti "keyakinan terhadap diri sendiri" dan "ekonomi bersaing" dalam teks ucapannya begitu menonjol dan menarik perhatian saya. Ia memberi satu gambaran nyata beliau bahawa semua rakyat Malaysia akan dilayan dengan taraf yang sama di mana kita perlu bersaing sama rata. Tambahan pula, percakapan beliau sedia menimbang cadangan untuk menghapuskan perkataan "keturunan" dalam surat beranak menunjukkan besar kemungkinan Datuk Seri Dr. Mahathir akan mengambil satu langkah yang begitu berani, mempunyai pandangan jauh dan yang penting sekali, sekaligus melampaui kongkongan perkauman. Sekiranya ini menjadi kenyataan, tindakan tersebut akan memberi asas yang kukuh untuk benar-benar mewujudkan Bangsa Malaysia yang tulen, dan bersepadu.

Apa yang pasti, Datuk Seri Dr. Mahathir akan mengukirkan namanya dalam sejarah negara sebagai wira yang teragung.



Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meneropong 'beyond' abad 21.

## ABDULLAH BADAWI JADI MENTERI KABINET?

HABUK yang berterbangan akibat dari perlumbaan untuk merebut jawatan-jawatan tinggi dalam UMNO pada Perhimpunan Agung 30 November 1990 lalu sudahpun mendapati Keputusan luar dugaan yang berlaku dalam perhimpunan tersebut telah menyebabkan Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pening kepala hingga hari ini. 'Up-Set' tersebut tidak lain tidak bukan telah dilakukan oleh 'the hopeless candidate' – Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Datuk Abdullah yang lebih dikenali dengan panggilan "Pak Lah" juga pernah digelar 'bintang harapan' pada suatu ketika dahulu telah dikepung, dihalang dan 'dicekik' dalam Perhimpunan Agung UMNO tersebut oleh golongan tertentu yang berada dalam arus utama parti sehingga tiada orang berani meramalkan yang beliau mempunyai harapan untuk mengekalkan kerusi Naib Presiden yang pernah disandangnya sebelum ini.

Bagaimanapun beliau mengejutkan semua orang dan juga para pemerhati politik yang masing-masing 'terjatuh cermin mata' dengan pencapaian kemenangan cemerlang.

Kemenangan "Pak Lah" mungkin menyayat hati ramai 'saudara'nya dalam parti. Kemenangan itu telah menjadikan kebanggaan setiap anggota UMNO kerana ia telah membuktikan bahawa para perwakilan UMNO benar-benar matang berfikir yang mana dalam pemilihan pucuk pimpinan parti, mereka bukan 'pak turut' dan tidak mudah dipengaruhi dengan kemahuuan orang atasannya malah terus bertindak

adil.

'Penghakiman' yang dilakukan oleh para perwakilan UMNO itu telah meletakkan Datuk Seri Dr. Mahathir dalam keadaan serba salah.

Bukan rahsia lagi "Pak Lah" bukan pilihan Datuk Seri Dr. Mahathir dalam pertandingan tersebut. Namun beliau terpaksa mengakui hakikat dan menerima 'penghakiman' para perwakilan itu. Ini sekurang-kurangnya adalah setakat kedudukan dalam parti UMNO sahaja.

Apa yang mungkin telah menyebabkan Datuk Seri Dr. Mahathir menelan 'Panadol' ialah layanan yang sepatutnya diberikan pada "Pak Lah". Lebih tepat lagi, bagaimana kedudukannya dalam kerajaan?

Sekiranya kita menatap kembali sejarah pada tahun 1987, walaupun 'Pak Lah' berjaya mengekalkan kerusi Naib Presiden UMNO tetapi oleh kerana ketika itu 'Pak Lah' lebih 'berwarna' team B, Datuk Seri Dr. Mahathir terus memecatkan beliau dari senarai jemaah menteri yang pada masa itu sedang memegang jawatan Menteri Pertahanan.

Keputusan yang diambil Presiden UMNO itu boleh membawa pelbagai interpretasi. Dari satu segi, memang adalah perkara biasa bagi seorang ketua kerajaan mengketepikan menteri yang tidak sependapat dengannya. Dari sudut UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Presiden dalam mengambil keputusan tersebut (memecatkan Pak Lah dari kabinet) adalah bercanggah dengan prinsip demokrasi. Dengan lain perkataan, tindakan tersebut bermakna Datuk Seri Dr. Mahathir tidak menghormati kemahuan parti (UMNO) yang dipimpinnya sendiri sepertimana yang telah ditunjukkan oleh para perwakilan dalam pemilihan 1987.

Itu merupakan kali pertama beliau menggunakan kuasa mutlaknya sebagai Perdana Menteri untuk memecatkan "Pak Lah" dari kabinet. Walaupun bermakna kemahuan anggota parti diketepikan, tindakan tersebut pada ketika itu dapat persefahaman umum.

Tetapi kali ini lain pula, ini adalah sekali lagi para perwakilan dengan begitu tegas telah menunjukkan mereka memerlukan pimpinan "Pak Lah" sehingga sanggup tidak mahu melayan 'arahan' atasan dan terus memilih beliau. Sekiranya Datuk Seri Dr. Mahathir masih tidak mahu memberikan sebarang jawatan kabinet pada "Pak Lah" yang telah

dipilih semula sebagai Naib Presiden UMNO melalui satu sistem demokrasi, ia akan nampak terlalu janggal di mata dunia.

Yang pentingnya bukan kejanggalan itu. Ia mungkin boleh mendatangkan suatu gambaran negatif terhadap Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri dan mungkin boleh menjelaskan imej beliau. Selagi Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mahu memulihkan jawatan kabinet 'Pak Lah', ia bermakna Datuk Seri Dr. Mahathir langsung tidak menghormati para perwakilan UMNO sendiri. Bukan setakat itu sahaja, bahkan dengan berbuat demikian, beliau telah mencabuli semangat demokrasi parti. Dalam pada itu, selagi Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mahu 'cakap serupa bikin' dan benar-benar mempraktikkan demokrasi dalam UMNO, beliau tidak layak membicarakan tentang demokrasi baikpun dalam partinya sendiri atau dalam arena lain!

Jadi nampaknya buat kali ini Datuk Seri Dr. Mahathir tidak ada pilihan lain tetapi 'terpaksa' melantik 'Pak Lah' sebagai menteri semula. Jika Datuk Seri Dr. Mahathir mahu layan atau 'tunduk' kepada semangat demokrasi dan hendak melantik 'Pak Lah' sebagai menteri, perkara ini akan menimbulkan masalah baru (perlu menelan Panadol lagi). Mana ada jawatan kosong?

Bagaimanapun dengan hasrat Datuk Paduka Daim Zainuddin ingin meletakkan jawatan sebagai 'Menteri Duit' telah memberi Datuk Seri Dr. Mahathir satu cara penyelesaian.

Jika Datuk Seri Dr. Mahathir menerima 'permintaan' Datuk Paduka Daim maka telah berlaku satu kekosongan jawatan menteri. Persoalannya ialah apakah 'Pak Lah' sesuai menggantikan Daim? Memandangkan faktor beliau adalah Naib Presiden UMNO tidak mustahil 'Pak Lah' mengambil alih tempat Datuk Paduka Daim.

Sekiranya kita menganalisiskan bagaimana Datuk Paduka Daim sendiri tiba-tiba muncul 'tak tahu dari mana' dan terus dilantik sebagai Menteri Kewangan, nampaknya Datuk Seri Dr. Mahathir mahu seorang yang tidak kontroversial memegang jawatan tersebut. Ini tidak sukar difahamkan, ekonomi negara adalah satu-satu bidang yang amat penting dalam pentadbiran kerajaan.

Justeru itu perlu diadakan seorang Menteri Kewangan

yang tidak kontroversial dalam parti agar beliau boleh memberi tumpuan sepenuhnya terhadap perlaksanaan tugasnya. Berdasarkan hujah tersebut, tidak ada seorang pun dari tokoh UMNO 'layak' atau sesuai memegang jawatan Menteri Kewangan.

Apakah pakar korporat seperti Tan Sri Azman Hashim, Pengurus Arab-Malaysian Bank yang namanya pernah disebut-sebut bakal menggantikan Datuk Paduka Daim pada dua tahun kebelakangan ini ataupun Datuk Mokhzani atau Datuk Khalid Ibrahim, Pengurus Amanah Saham Nasional turut muncul sebagai calon?. Jika keadaan seperti ini berlaku, mana ada lagi jawatan untuk 'Pak Lah'?

Bagaimanapun kita harus melupakan bahawa apa yang kita bincangkan adalah kuasa mutlak Perdana Menteri. Beberapa orang yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan 'kata-kata hikmat' yang terakhir. Mengikut kehandalan peraturan politik yang tiada tolok bandingnya buat ketika ini ramai orang berpendapat akhirnya Datuk Seri Dr. Mahathir akan mengadakan satu cara penyelesaian yang di luar dugaan yang mana akhirnya 'Pak Lah' masuk juga ke kabinet.

## UMNO ke Sabah: ADA KESAN BURUKNYA

'UMNO ke Sabah' USNO bubar! Inilah sejarah kembar yang tercatat pada 21 Februari 1991 di Perhimpunan Agung USNO yang terakhir di Dewan Perdana Wisma MUIS, Kota Kinabalu.

Dengan kemasukan UMNO ke Sabah menjadi kenyataan dari impian kononnya ia telah timbul semenjak zaman Al-marhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, iantas senario politik Sabah berubah, begitu juga dengan permainan peraturan politik dalam UMNO sendiri.

Peristiwa tersebut diibaratkan sebagai satu 'kemenangan' kepada Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang pandai 'mencuri' kesempatan dan berani mengambil keputusan untuk terus bertapak di Sabah.

Presiden-presiden UMNO sebelumnya terlalu berhati-hati, walaupun berkali-kali mengukur, tetapi akhirnya tidak berani mengerat; mungkin dianggap masanya belum sesuai.

Sedang anggota UMNO mendewa-dewakan kejayaan UMNO ke Sabah, kita berpendapat masih banyak lagi yang berserbut dan tersembunyi yang harus diawasi UMNO. Sekiranya tidak mungkin UMNO akan terperosok ke sudut yang amat menyusahkan.

Paling janggal sekali, adakah bekas Presiden USNO, Tun Datu Mustapha Datu Harun jujur dengan 'mengorbankan' diri untuk membuka jalan kepada UMNO bertapak di Sabah. Ingatan orangramai masih segar tentang bagaimana pada hujung bulan lalu (Januari 1991) Tun Datu Mustapha be-

gitu tegas menekankan bahawa beliau tidak akan menyertai UMNO (lihat Watan 28-1-91) dan juga bahawa beliau tidak akan meninggalkan USNO (lihat laporan akhbar tempatan-Daily Express, Sabah Times dan Borneo Mail pada 26-1-1991).

Tidak sampai tiga minggu kemudian, pendirian tegas Tun Datu Mustapha 180° berubah. Berikutan perkembangan terbaru itu apa yang melucukan ialah jentera media massa yang dikawal oleh UMNO masing-masing memberi kredit kepada Tun Datu Mustapha dan menggambarkan beliau sebagai orang yang rela dan mengorbankan dirinya untuk UMNO.

Dengan mengorbankan dirinya beliau bukan benar-benar bermurah hati; malah ‘pengorbanan’ tersebut terpaksa dilakukan kerana beliau telah menghadapi kebuntuan politiknya. Dari Ketua Menteri sebagai yang terpilih martabat politik Tun Datu Mustapha terjunam menjadi ADUN biasa, apa yang tinggal kepada Tun Datu Mustapha dan USNO hanya sebuah warong, dan warong ini kini ‘digadai’ kepada UMNO. Dalam keadaan USNO ‘separuh mati’ diibaratkan ‘UMNO memberi roh kepada jasad USNO’ untuk meneruskan perjuangan di Sabah.

Setelah menyambut ‘bapa angkat’ dari Kuala Lumpur, program percaturan politik Sabah tidak lagi ditentukan oleh Tun Datu Mustapha. Segala apa jua yang hendak dilaksanakan haruslah terlebih dahulu mendapat isyarat dari Semenanjung. Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri dan UMNO akan berdepan secara terus dan terbuka dengan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Kemasukan UMNO ke Sabah boleh dikatakan licin. Bagaimanapun jalan di hadapan untuk UMNO di Sabah tidak mudah, sebaliknya UMNO perlu merintangi pelbagai masalah dalam negeri itu dan nasibnya belum dapat dipastikan.

Tanda rintangan pertama yang akan dihadapi oleh UMNO di Sabah bolehlah dibayang dari ‘kebocoran’ mulut Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapannya di Kota Kinabalu pada 20 Februari 1991 apabila beliau menegaskan “UMNO akan memberikan semula teraju negeri Sabah kepada orang Melayu”.

Kenyataan yang spontan daripada Datuk Seri Najib yang masing-masing memberi keutamaan kepada orang Melayu (dan juga masyarakat Islam) mungkin boleh menimbulkan

rasa ketidaksenangan bumiputera Sabah yang bukan Melayu dan bukan beragama Islam.

Dan sekiranya layanan yang diberikan kepada orang Melayu lebih diutamakan berbanding dengan bumiputera bukan Melayu, perasaan ‘tersisih’ dan ‘dianaktirikan’ timbul keadaan sebegini mungkin diapi-apikan oleh PBS untuk mempertingkatkan sentimen anti-Semenanjung dan jika keadaan ini berlaku, UMNO di Sabah akan terjerumus ke kancang huruhara dan kucar-kacir. Akibatnya sebelum sembah dari ‘kelukaan Kelantan’ UMNO pula akan menanggung malu di Sabah!

Rasanya Datuk Seri Dr. Mahathir pasti telah mencongak semua kerumitan yang akan dihadapi UMNO di Sabah dan akan mengambil langkah-langkah untuk mengelak kejadian yang tidak diingini.

Apa yang paling efektif untuk memperkuuh, memantap dan memperluaskan pengaruh dan kedudukan UMNO di Sabah, terutamanya di kalangan masyarakat bumiputera bukan Melayu di Sabah ialah dengan memberi layanan kepada mereka yang tidak kurang daripada orang-orang Melayu.

Bagaimana pula masyarakat bukan bumiputera di Sabah? Jika UMNO ingin maju di Sabah, ia mestи mengamalkan sikap yang benar-benar adil yang mana kepentingan bukan bumiputera tetap terpelihara.

Satu masalah dalaman yang pasti timbul ialah, apakah UMNO Sabah yang berasaskan USNO satu hari nanti akan dikawal oleh bekas anggota USNO rela membuka pintu kepada bumiputera lain (yang bukan bekas anggota USNO bahkan mungkin ‘musuh politik ketat’ mereka) turut masuk UMNO?

Sama ada kemasukan UMNO ke Sabah adalah satu keputusan yang bijaksana atau sebaliknya hanya masa boleh memberi jawapan.

Bagaimanapun tentu mendatangkan kesan yang besar kepada imbalan percaturan politik di UMNO. UMNO Sabah yang mempunyai 20 bahagian (berdasarkan 20 kawasan Parlimen) berhak menghantar 220 perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO menjadikan negeri ini kedua terbesar selepas Perak (23 bahagian) dengan 253 perwakilan).

Timbalan Presiden UMNO Encik Ghafar Baba tentunya tokoh UMNO yang paling beruntung dari perkembangan

tersbut. Dan ini tentu telah mempertingkatkan peluang Encik Ghafar untuk mengekalkan kerusinya pada tahun 1993 dan jika pada ketika itu Datuk Seri Dr. Mahathir mahu bersara, kerusi nombor satu parti berada di genggamannya.

Pada masa sekarang, yang pasti ialah demam pilihanraya UMNO pada masa akan datang akan turut terasa di Sabah juga. Ramai tokoh UMNO yang tidak pernah memandang ‘ke timur’ pada masa lampau akan mencari kesempatan untuk melawat ke Sabah.

Semua ini boleh terjadi kerana Datuk Seri Dr. Mahathir mengambil keputusan yang berani dengan menekan ‘butang ke Sabah’!

## Pemilihan Naib Presiden 1990 : **REBUTAN KE JAWATAN LEBIH TINGGI**

DI MANA-MANA sekarang orang memperkatakan tentang Perhimpunan Agung UMNO pada akhir bulan ini. Isu ini agak menarik kerana membabitkan pertandingan sengit bagi jawatan Naib Presiden UMNO.

Disebabkan imej Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terlalu menonjol, beliau dijangka tidak akan dicabar. Pemerhati politik berpendapat, untuk memelihara kemantapan UMNO, sayap di bawah Datuk Seri Dr. Mahathir iaitu kerusi Timbalan Presiden juga tidak akan diperundingkan.

Justeru itu jika ada orang ingin bertanding bagi kedua-dua jawatan itu, pasti datang dari 'badut' yang cuma ingin bersandiwarai.

Berbanding dengan senario 1987, Datuk Seri Dr. Mahathir terpaksa berhempas pulas untuk mencapai kemenangannya ke atas Tengku Razaleigh Hamzah, kini beliau dan 'adiknya' Ghafar Baba berada dalam keadaan selamat dan amat selesa sekali. Mungkin inilah puncanya beliau menunjukkan sikap 'acuh tak acuh' dalam memberi komen terhadap perlumbaan merebut kerusi Naib Presiden.

Pada Ahad lalu, beliau telah memberi amaran terbuka kepada calon-calon supaya tidak terbabit dalam kempen kotor seperti menggunakan wang dan jentera kerajaan, kempen bercorak penganjuran majlis jamuan serta mengadakan pakatan.

Menurut beliau, ini adalah bagi mengelakkan berlakunya tragedi 1987. Amaran Presiden UMNO itu pada 'prima facie'nya adalah nasihat orang tua. Tetapi sekiranya dikaji kembali butir-butir kenyataannya itu, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak sepatutnya berbicara demikian sebagai politikus veteran. Umum mengetahui bahawa dalam pertandingan mana-mana sistem politik sama ada dalam negeri ataupun antarabangsa, pakatan di antara sesetengah pemimpin adalah perkara biasa. Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri telah berpapak dengan Ghafar dalam pertandingan 1987 untuk menentang regu Ku Li-Musa.

Bagaimanapun jika meneliti nasihat yang diberikan oleh tokoh yang tidak tercabar atau tertekan sama sekali, kita akan faham mengapa beliau 'talk a bit of nonsense'. Dalam pertandingan kali ini, 'rebutan' Naib Presiden UMNO adalah kemuncak peristiwa dalam Perhimpunan Agung UMNO 1990. Setakat ini ketiga-tiga 'incumbent' iaitu Pengurus Perhubungan UMNO Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, AJK Perhubungan UMNO Pulau Pinang Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Pengurus Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, masing-masing telah mengumumkan hasrat mereka untuk mempertahankan jawatan Naib Presiden.

Selain itu tiga Menteri Besar iaitu Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib (Selangor), Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin (Johor) dan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik turut membuat pengumuman yang sama.

Di samping itu Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar dan Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid juga telah melahirkan hasrat yang serupa. Ini bererti tiga 'incumbent', tiga Menteri Besar, seorang Ketua Menteri dan dua Menteri Pusat akan bertanding untuk merebut kerusi Naib Presiden itu.

Sejarah pemilihan UMNO 1975 membuktikan bahawa Presiden UMNO boleh memutuskan nasib bakal calon Naib Presiden UMNO. Ketika itu, Presiden UMNO Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein cuma membuat ucapan tahniah kepada tiga calon yang disukainya iaitu Encik Ghafar, Tengku Razaleigh dan Datuk Seri Dr. Mahathir atas sumbangan mereka kepada pentadbiran negara yang mana keputusan pemilihan itu menunjukkan ketiga-tiga calon tersebut

menang dengan majoriti undi yang di pungut mengikut 'giliran' nama mereka disebut oleh Presiden parti.

Dalam pertandingan kali ini, Datuk Seri Dr. Mahathir 'enggan' mempengaruhi keputusan perwakilan UMNO terutamanya dalam pertandingan perebutan jawatan Naib Presiden. Apakah beliau benar-benar tidak mengendahkan sama sekali siapa yang akan menjadi Naib Presiden UMNO? Bagi seorang tokoh politik seperti Datuk Seri Dr. Mahathir di mana beliau sudahpun mencapai kemuncak karier politiknya bukan setakat dalam negeri tetapi juga di arena antarabangsa, adalah pelek jika beliau tidak ada sebarang pilihan untuk menentukan bakal pemimpin yang akan menggantikan beliau suatu hari nanti.

Walaupun banyak ulasan atau analisis telah diberikan oleh pemerhati politik tentang nasib bakal calon untuk jawatan tersebut namun masih sukar untuk membuat telahan siapa yang akan muncul sebagai pemenang.

Meneliti kepada perkembangan semasa dalam parti itu termasuk sesetengah gerak geri dan juga kenyataan yang dikeluarkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri sebagai Presiden UMNO, kita akan dapat membuat kesimpulan yang mungkin tepat dengan keputusan muktamad kelak.

Tidak dapat dinafikan, keinginan Presiden UMNO mempunyai pengaruh besar terhadap nasib bakal calon Majlis Tertinggi UMNO dalam pertandingan merebut kerusi Naib Presiden.

Dalam mempergunakan pengaruh, rasanya Datuk Seri Dr. Mahathir lebih mahir daripada Allahyarham Tun Razak Hussien. Ucapannya kepada perwakilan UMNO lebih mudah difahami. Beliau pernah memberi isyarat secara 'samar-samar' kepada perwakilan UMNO yang mana beliau mengingatkan calon yang akan merebut jawatan Naib Presiden supaya menilai kembali rekod masing-masing sebagai anggota parti dan kerajaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir tidak seperti Allahyarham Tun Razak yang menyuarakan orang yang beliau mahu, sebaliknya memberi isyarat kepada perwakilan tokoh yang beliau hendak lucutkan jawatannya daripada Naib Presiden UMNO.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga pernah membuat kenyataan tidak langsung kepada pemberita bahawa "kita memerlukan generasi baru untuk memperkuatkan lagi UMNO yang mana

kita memerlukan orang muda untuk membawa nafas baru dalam UMNO."

Tan Sri Wan Mokhtar adalah ahli politik veteran. Dari percakapan Datuk Seri Dr. Mahathir, beliau berpendapat Menteri Besar Terengganu itu, haruslah memberi laluan kepada orang baru yang lebih dinamik. Tetapi Datuk Seri Dr. Mahathir mempunyai tatasusila ketimuran yang halus dan tidak menyatakan secara langsung.

Kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan perwakilan UMNO bahawa rekod Tan Sri Wan Mokhtar adalah kurang baik. Ini terbukti dari keputusan pilihanraya umum yang lalu yang mana UMNO Terengganu telah hilang dua kerusi Parlimen dan sepuluh kerusi DUN.

Kepada Datuk Abdullah, disebabkan hubungan beliau dengan regu Ku Li - Musa pada tahun 1987, beliau telah tersisih sebagai wakil UMNO dalam kabinet.

Pada pertandingan 1987 walaupun beliau ada kaitan dengan kem Ku Li - Musa namun oleh kerana popularitinya sebagai 'bintang harapan', beliau masih dihargai oleh perwakilan UMNO. Beliau berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai Naib Presiden.

Setelah tiga tahun berlalu pengaruhnya dalam parti tersebut semakin menurun dan kedudukan ini menjadi satu tamparan hebat kepada tokoh veteran UMNO Pulau Pinang itu.

Keputusan Datuk Seri Dr. Mahathir tidak menyenaraikan Datuk Abdullah dalam kabinet secara tidak langsung telah menjatuhkan kerjaya politik ke atas Datuk Abdullah.

Sementara itu seorang lagi "incumbent" jawatan Naib Presiden iaitu Datuk Seri Anwar kini berada dalam kedudukan yang agak kukuh dan selamat. Beliau telah di terima umum sebagai pemimpin 'next achelon' negara berdasarkan kepada pencalonan beliau telah menembusi sekatan kenegerian.

Umumnya Datuk Seri Anwar tidak mempunyai apa-apa masalah untuk mempertahankan jawatannya. Sementara itu Tan Sri Wan Mokhtar dan Datuk Abdullah pula agak sukar untuk menyelamatkan diri dari serangan pencabar-pencabar mereka.

Di kalangan pencabar-pencabar jawatan itu beberapa faktor perlu diambil kira untuk menjangka keupayaan mereka. 'seorang calon perlu ada pakatan politik dan 'base' yang

kuat untuk mempastikan kemenangan berpihak kepada mereka.

Datuk Abu Hassan dan Datuk Seri Sanusi adalah tokoh yang mempunyai 'base' yang meragukan. Mereka ini hanya bergantung kepada populariti jawatan yang mereka sandang dalam kerajaan pusat.

Menurut telahan saya Datuk Abu Hassan adalah pencabar yang paling lemah kerana beliau bukan saja tidak mempunyai 'base' yang kuat tetapi sepanjang kerjaya politik beliau tidak menunjukkan karisma yang terserlah.

Kesediaan beliau untuk bertanding dengan alasan memberi perkhidmatan lebih berkesan kepada parti dan rakyat disambut secara dingin. Kebanyakan perwakilan tidak mahu seorang Naib Presiden yang mampu menjadi 'post man' bagi menyampaikan hasrat mereka di peringkat antarabangsa sahaja.

Mengenai Datuk Seri Sanusi Junid pula, beliau mempunyai bakat yang lebih baik daripada Datuk Abu Hassan. Tetapi jika dibandingkan dengan pencabar-pencabar lain, Datuk Seri Sanusi tidak mempunyai peluang yang baik untuk mendapatkan jawatan tersebut.

Bagi Tan Sri Muhammad beliau merupakan seorang ahli politik yang begitu menonjol dan dinamik. Kelantangannya untuk memperjuangkan hak dan maruah bangsa Melayu telah umum diketahui oleh para perwakilan UMNO di seluruh negara. Selain itu kepemimpinannya di Selangor terserlah sekali yang mana beliau telah berjaya menarik pelabur asing dari luar negara terutama Taiwan ke Selangor dalam masa yang singkat bagi membolehkan negeri itu menjadi negeri yang terunggul.

Selain itu MB Selangor adalah tokoh kesayangan Datuk Seri Dr. Mahathir. Ini adalah rahsia umum. Pada pilihanraya yang lalu beliau telah membuktikan kepemimpinannya dengan mencapai kemenangan cemerlang bagi Barisan Nasional. Ini merupakan rekod yang perlu diambilkira.

Sementara itu Tan Sri Muhyiddin sekira dibanding dengan Menteri Besar Selangor, personalitinya kurang menonjol tetapi dari segi 'dinamisma'nya adalah lebih ketara. Seperti Tan Sri Muhammad di Selangor, UMNO Johor juga memberi kemenangan besar kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya lalu. Pada Jumaat lalu PKENJ yang dipengerusi

oleh MB Johor sendiri telah terpilih sebagai pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri. Apakah ini suatu kebetulan atau pun susunan disengajakan untuk menonjolkan peribadi MB Johor itu?

Bagaimanapun kita tidak boleh melupakan Ketua Menteri Melaka dan Menteri Besar Perak yang merupakan 'dark horse' dalam perlumbaan merebut Naib Presiden UMNO. Ini kerana kedua-duanya mempunyai 'base' yang membolehkan mereka berpeluang membuat sesuatu yang mengejutkan.

Memandangkan usia Datuk Seri Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba telah melewati 60-an dan masing-masing telah mencapai kegemilangan dan kemuncak karier politik mereka, adalah 'natural' mereka melepaskan 'baton' kepada generasi baru dalam beberapa tahun ini.

Ini bermakna mungkin ada di antara dua orang Naib Presiden yang terpilih ini adalah bakal Presiden dan juga Timbalan Presiden UMNO sekaligus menduduki kerusi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Jadi pemilihan Naib Presiden kali ini lebih merupakan bakal pemilihan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Tidak hairanlah bahangnya kian hari kian meningkat.

PAS Kelantan :

## **“FAHAMILAH HASRAT BUKAN ISLAM”**

**SETELAH** ‘membelasah’ Barisan Nasional di kesemua kerusi Dewan Undangan Negeri di Negeri Cik Siti Wan Kembang dalam pilihanraya umum ke lapan pada 21.10.1990 lalu, PAS yang menerajui Angkatan Perpaduan Ummah kembali mentadbir negeri tersebut.

Sejak itu, pelbagai perubahan telah cuba dilaksanakan oleh pemimpin PAS yang mana ‘kekelipannya’ bukan sahaja menyilaukan mata orangramai malahan ada di antara pengumuman-pengumuman berkenaan menjadikan pihak-pihak tertentu terpinga-pinga.

Pentadbiran ‘baru’ itu membuka tirainya dengan beberapa langkah yang agak memberangsangkan. Menteri Besar, Haji Nik Aziz Nik Mat sendiri memotong 45 peratus daripada gajinya dan claun-claun kerajaan beliau yang turut dikuangkan untuk disalurkan ke tabung kebajikan rakyat. Dalam waktu yang sama, anggota-anggota Dewan Undangan Negeri PAS juga bersedia untuk menyumbang dari pemotongan 20 peratus claun mereka bagi tujuan tersebut.

Langkah seperti ini bukan setakat menjimatkan perbelanjaan malahan apa yang lebih bermakna ialah memberi satu teladan yang sungguh baik kepada pegawai-pegawai kerajaan negeri supaya turut mengamalkan cara pemerintahan dan juga kehidupan sederhana dan mengelakkan daripada berme wah-mewah.

Dari segi pentadbiran apa yang telah dilakukan oleh pemerintah PAS itu harus diberi pujian.

Dalam hubungan lain, PAS juga bercadang untuk meminda perlembagaan negeri bagi membolehkan kerajaan negeri melantik kalangan bukan Islam untuk menjadi Anggota Dewan Undangan Negeri bagi mewakili dan menyuarakan pandangan masyarakat bukan Islam. PAS mendakwa ini adalah satu-satunya dasar parti itu untuk berlaku adil kepada semua lapisan masyarakat Kelantan termasuk juga bukan Islam.

Jelas bahawa pihak pentadbiran PAS Kelantan mencuba bersungguh-sungguh untuk memikat hati masyarakat bukan Islam. Tetapi keghairahan PAS untuk melaksanakan hukuman hudud dalam pentadbiran negeri tersebut sekaligus menebalkan semula rasa curiga masyarakat bukan Islam terhadap partinya.

Walaupun baru-baru ini Menteri Besar, Haji Nik Aziz telah memberitahu bahawa Kerajaan Negeri tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan hukum hudud, akan tetapi beberapa tindakan yang telah diambil sebelum ini telah membangkitkan keresahan di kalangan bukan Islam.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri telah mengatakan ia akan mengkaji semula mengenai penjualan minuman keras dan pajak gadai serta lesen berkaitan dengan konsert rock, tempat-tempat hiburan atas sebab kononnya ini semua tidak berjiwa Islam. Tindakan tersebut terbukti bahawa pihak pentadbiran PAS langsung tidak menghormati pihak minoriti di negeri Kelantan.

Walaupun secara adil kepada pihak pentadbiran PAS mereka tidak menyatakan bahawa hukum hudud tetap akan dilaksanakan terhadap orang bukan Islam. Tetapi dengan tidak membenarkan penjualan minuman keras dijual di kedai-kedai tertentu dan sebagainya merupakan suatu pencabulan terhadap hak-hak bukan Islam yang mana amalan cara hidup mereka membenarkan mereka minum arak atau sebagainya.

Ini adalah bertentangan dengan konsep dan semangat demokrasi yang mana pihak minoriti harus mematuhi kehendak majoriti dan sebaliknya pihak majoriti pula hendaklah menghormati hak dan maruah pihak minoriti. Dalam hubungan ini walaupun pihak majoriti adalah terdiri daripada Anggota-anggota Dewan Undangan Negeri PAS yang mana mereka telah menubuhkan kerajaan yang berasaskan pemerintahan Islam tetapi kebebasan minoriti yang berada di dalam negeri

tidak harus dilupakan sama sekali.

Bagaimanapun, masyarakat bukan Islam tidak begitu hairan terhadap pendirian pentadbiran PAS yang dimaksudkan itu kerana menurut perlumbagaan parti itu memang perjuangan PAS adalah perjuangan Islam.

Walaupun ada sesetengah kalangan berasa terpedaya oleh PAS kerana pada beberapa tahun kebelakangan ini (sejak awal 1986 - menjelang pilihanraya umum ke tujuh) PAS telah mengaturkan satu strategi untuk memikat hati masyarakat bukan Islam.

Dengan lain perkataan menurut cabangannya iaitu CCC pada ketika itu (1986) PAS telah memberi 'jaminan' bahawa ia seolah-olah akan memberi layanan yang lebih adil kepada masyarakat bukan Islam dan menjelang pilihanraya umum ke lapan lalu, PAS juga menegaskan pendirian yang sama.

Justeru itu pengumuman pentadbiran PAS di negeri Kelantan yang tetap hendak melaksanakan hukuman hudud dan mencabuli hak kebebasan masyarakat bukan Islam adalah ibarat pepatah Tionghua, 'sepandai-pandai serigala menyamar, akhirnya terdedah juga ekornya'.

Satu senario yang agak pelik sudah pun timbul. PAS yang melakukan sesuatu yang tidak menyenangkan masyarakat bukan Islam terutama masyarakat Tionghua tetapi sebaliknya rakan-rakan yang pernah bersekongkolan dengan PAS iaitu DAP pula dipersalahkan.

Di samping itu pertubuhan-pertubuhan seperti Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia dan Persekutuan Persatuan Sekolah-sekolah Cina (kedua-duanya disebut 'Dong Jiao Jong') yang 'bersealiran' dengan Angkatan Perpaduan Ummah dalam menunaikan aspirasi dua parti sistem tetap juga dikecam.

Umum mengetahui sepanjang masa berkempen dalam pilihanraya umum yang lalu, anggota dan juga pemimpin DAP 'berpeluk-pelukan' dan bekerjasama kuat dengan pihak PAS. Ini sedikit sebanyak menyumbangkan ke arah prestasi yang cemerlang yang telah di capai oleh PAS di negeri Kelantan.

Dalam hubungan yang sama Dong Jiao Jong yang mengetahui akan matlamat perjuangan dan latar belakang PAS itu samar-samar di bawah slogan hendak menjayakan impian dua parti sistem juga memberi sokongan secara ter-

buka kepada PAS.

Akhirnya PAS yang berjaya di Kelantan. Impian besar DAP dan DJJ berkecai ibarat ‘ayam terlepas tangan berbau tahi’ dan kini masyarakat Tionghua berdendang ‘Ni jen Mor Sock’ atau ‘Apo Nak Dikato’ terhadap DAP dan DJJ yang mana sama-sama tidak dapat memberi sebarang jawapan.

Tanda tanya sekarang ini ialah apakah masyarakat Tionghua akan turut diperdaya oleh DAP dan DJJ pada pilihanraya umum yang akan datang?

## PUISI 'AIR MATA' DARI PENJARA CHANGI

SEJAK timbulnya kes PAN-EL akhir tahun lalu, Encik Tan Koon Swan telah bertungkus-lumus memperjuangkan pembebasannya dari segala penglibatan kes tersebut.

Tetapi, selepas penentuan mahkamah Singapura pada 25 Ogos 86, episod PAN-EL berakhir dan begitu malang Encik Tan Koon Swan telah dihukum penjara selama dua tahun. Berita ini amat menyedihkan anggota MCA dari semua lapisan.

Sebaik saja keputusan mahkamah diketahui, Encik Tan Koon Swan tidak teragak-agak menghantar telegram melalui peguamnya kepada Datuk Lee Kim Sai selaku Setiausaha Agung MCA mengemukakan perletakan jawatannya sebagai Presiden MCA dengan serta-merta.

Anggota MCA di seluruh negara terkejut mendengar berita tersebut dan mereka secara sepihak sama-sama menyuarakan hasrat hati tetap percaya kepada Encik Tan Koon Swan dan mahukan beliau meneruskan kepemimpinannya sebagai Presiden MCA.

Saya sendiri sebagai Pengurus Biro Politik dan Publisiti MCA Selangor mengirimkan telegram kepada Encik Tan yang berbunyi, 'Dear Saudara Presiden, please don't resign, we love you.'

Suara tidak mahu melepaskan Encik Tan Koon Swan walaupun beliau menerima nasib yang malang itu kedengaran di seluruh negara. Beratus-ratus wakil dari peringkat negeri dan bahagian berulang-alik ke ibu pejabat MCA melahirkan

hasrat mereka.

Memandangkan desakan daripada 'grassroot', jawatankuasa MCA tidak berani menerima perletakan jawatan Encik Tan Koon Swan dengan terburu-buru dan mereka kemudiannya menghantar perutusan seramai tujuh orang Anggota Jawatan Kuasa Pusat sekali lagi menemui Encik Tan Koon Swan membuat percubaan terakhir memujuknya. Tetapi usaha tersebut menemui kegagalan sepertimana pada kali pertama yang mana pucuk pimpinan sendiri telah mengunjungi beliau dalam usaha berkenaan.

Sebaliknya Encik Tan Koon Swan telah mengirim pesanan melalui rombongan itu yang mana beliau meminta kepada semua anggota dan pemimpin MCA memberi sokongan penuh seperti yang pernah diberikan kepada beliau sendiri terhadap Datuk Dr. Ling Liang Sik untuk memimpin MCA. Encik Tan Koon Swan juga memuji Datuk Dr. Ling Liang Sik sebagai seorang pemimpin yang berkaliber dan berkarisma sendiri.

Akhirnya jawatankuasa pusat MCA terpaksa mengambil keputusan untuk menerima perletakan jawatan pada 3 September 1986.

Timbalan Encik Tan Koon Swan, Datuk Ling dengan sebulat suara telah diterima sebagai Presiden MCA dan Setiausaha Agung, Datuk Lee Kim Sai 'naik pangkat' menjadi Timbalan Presiden dan timbalannya dahulu, iaitu Encik Ng Cheng Kiat dipilih sebagai Setiausaha Agung. Jadi satu era baru di bawah pimpinan Datuk Dr. Ling Liang Sik pun bermula.

Sedang semua anggota dan pemimpin MCA masih diselubungi perasaan sedih di atas pengunduran Encik Tan Koon Swan, apa yang lebih menyedihkan ialah ada sesetengah kalangan menjadikan nasib yang dialami oleh MCA ibarat 'sudah jatuh ditimpa tangga' secara terbuka menyuarakan di dalam media massa menyeru Encik Tan mengosongkan kerusi Ahli Parlimen Gopeng. Orang yang menyuarakan hasrat tersebut sedikit pun tidak menunjukkan sikap kemanusiaan sebaliknya bersikap kejam terhadap seorang yang telah ditimpa 'takdir'.

Pihak MCA telah menu buhkan jawatankuasa khas untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan Parlimen Gopeng dalam masa yang dijangka kurang

dari dua tahun ketika Encik Tan Koon Swan tiada.

Kita berharap pihak-pihak tertentu dan penduduk-penduduk Gopeng khasnya bersimpati dengan Encik Tan Koon Swan dan mengizinkan dirinya mengambil cuti dalam tempoh beliau berada dalam penjara di Singapura.

Kita yakin sebaik sahaja Encik Tan Koon Swan dibebaskan, beliau akan memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pengundi-pengundi sebagai pampasan sewaktu ketiadaan beliau.

Encik Tan Koon Swan telah banyak memberi sumbangan kepada MCA dan disebabkan penglibatan beliau dalam krisis MCA, suasana yang keruh kembali jernih dengan kebijaksanaan dan usahanya. Malah sumbangan dan pengorbanannya diakui sendiri oleh anggota MCA.

Imej Encik Tan Koon Swan sebagai pemimpin gergasi tidak akan luput ekoran 'pemergian'nya dan mereka tetap berpendapat bahawa Encik Tan Koon Swan adalah 'innocent' dan tidak akan bersalah baik dari segi undang-undang ataupun moral kerana beliau merupakan 'mangsa' pihak Singapura yang begitu ghairah ingin menutup kelemahan negara itu akibat menerima tamparan kemerosotan ekonomi yang paling teruk sejak akhir-akhir ini.

Walaupun Encik Tan Koon Swan berada di dalam Penjara Changi yang mempunyai nama yang berbau puisi dan romatik dalam Bahasa Cina iaitu TELUK BULAN PURNAMA beliau tetap mengenang dan mencurahkan perasaan melalui surat perletakan jawatannya.

Surat perletakan jawatannya penuh perasaan sedih dan hampa juga menunjukkan perasaan belas kasihan kepada anggota-anggota. Surat ini begitu mengharukan sehingga terdapat pemimpin MCA yang menitiskan airmata. Malah dalam sebuah perenggan surat tersebut beliau melahirkan rintihan hatinya secara puisi. (Lihat terjemahannya).

*Meskipun diri ini berada  
di Teluk Bulan Purnama (Penjara Changi)  
tiba kudongak ke langit  
cahaya rembulan tiada sinaran  
kurenung ke bawah  
nostalgia rinduku terhadap  
tanahair semakin memuncak.*

我人雖在明月灣  
可是抬頭不見明月  
還是低頭思故鄉

Kita tetap berkeyakinan babak perjuangan Encik Tan Koon Swan dalam sejarah hidupnya belum berakhir dan beliau pasti akan kembali sebagai 'gergasi' yang disayangi. Kemungkinan beliau berkecimpung semula dalam gelanggang politik agak tipis kerana apa difahamkan beliau telah 'jemu dan muak' terhadap politik yang membawa 'kemalangan' kepadanya.

Sebaik saja Encik Tan Koon Swan berundur, sesetengah kalangan begitu cepat meramalkan MCA akan dilanda krisis sekali lagi kerana perebutan kuasa oleh pucuk pimpinannya tetapi Timbalan Presidennya Datuk Lee Kim Sai segera menyangkal dakwaan tersebut dan memberi jaminan tidak akan berlaku perebutan kerusi pada perhimpunan agung tahun hadapan seiptimana yang diperkatakan.

Datuk Lee Kim Sai juga berkata kini anggota-anggota MCA menghargai semangat perpaduan dan tidak ingin melihat 'pisang berbuah dua kali' dalam parti dan harapan mereka agar MCA terus kukuh dan lebih membina di bawah pimpinan Datuk Dr. Ling Liong Sik.

# RENCANA YANG MEMALUKAN RAKYAT SINGAPURA

Saudara pengarang,

RENCANA Saudara Chan Tse Yuen Mingguan Perdana keluaran 19 September sangat dikesali dan merupakan kritikan yang pedas. Rencana itu mengenai Encik Tan Koon Swan seorang ahli politik dan Presiden MCA yang didakwa dan dihukum 2 tahun penjara oleh Mahkamah Singapura. Hal ini telah dimaklumkan di akhbar dan diadili oleh para hakim yang bijaksana.

Akan tetapi Saudara Chan menuduh bahawa Encik Tan adalah mangsa pihak Singapura yang begitu ghairah yang cuba ingin menutup kelemahan negara itu akibat menerima tumparan kemerosotan ekonomi yang paling teruk sejak akhir-akhir ini.

Adalah dimaklumkan bahawa seluruh dunia mengalami kemerosotan ekonomi bukan Singapura sahaja. Jangan menjadikan hal ini satu isu untuk menegakkan benang yang basah. Encik Tan dipenjarakan mereka tetap beranggapan dia adalah 'innocent'.

Pada pendapat saya jika ia (Encik Tan) 'innocent', saya rasa tiada sebab mengapa dia harus didakwa. Rencana ini sungguh memalukan kami rakyat Singapura dan ia merupakan rencana yang tidak bernalas sama sekali.

AZLINA,  
Singapura 1852



**TAN SRI MUHAMMAD HJ. MOHAMAD TAIB**  
– Visi Selangor selepas tahun 2000



**TAN SRI MUHYIDDIN YASIN**  
– Antara tokoh pelapis

## PAS CABULI HAK BUKAN ISLAM

SEJAK Pas kembali mentadbir Kelantan setelah kemenangan besar dicapainya dalam pilihanraya umum Oktober 1990 lalu, pentadbiran tersebut umpama duri dalam daging kepada Kerajaan Pusat yang dikemudikan oleh Barisan Nasional. Setiap gerak-geri yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri itu diikuti dengan penuh perhatian. Motifnya adalah jelas.

Hampir setengah tahun berlalu, kini terdapat tanda-tanda menunjukkan populariti parti Pas sudah mula menurun.

Dalam pada itu, kaum wanita merupakan golongan pertama yang berasa kurang senang hati dengan Pas yang berura-ura akan mengenakan beberapa larangan ke atas wanita, termasuk tidak dibenarkan bekerja pada waktu malam yang turus menjelaskan pendapatan kaum wanita.

Tindakan yang lebih mendatangkan kesan buruk bukan setakat dalam negeri Kelantan; malah, pada seluruh negara iaitu dalam keghairahan Pas melaksanakan pentadbiran ala Islam, telah mengintroduksi beberapa peraturan yang menggusarkan masyarakat bukan Islam dan sekaligus membangkitkan kebimbangan.

Kerajaan Pas telah mengenakan larangan penjualan arak dan sekatan ke atas tempat-tempat hiburan turut menjelaskan kebebasan masyarakat bukan Islam.

Perkembangan 'mengislamkan' segala-galanya yang disahut oleh badan-badan bukan kerajaan dalam negeri tersebut sehingga menyekat kebebasan bukan Islam itu telah menimbulkan perhatian dan kerohanian masyarakat bukan Islam di seluruh negara.

Dalam hubungan ini, mulai Mac (1991) lalu, Hotel Per-

dana Negeri Kelantan dilarang menjual sebarang arak dan berdisko dalam hotel tersebut. Berikutan ini, beberapa Anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Pas dari negeri Trengganu telah mendesak Kerajaan Negeri Trengganu supaya ikut jejak Hotel Perdana dengan menghapuskan arak dan diskò di Hotel Primula yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri Trengganu.

Perkembangan terbaru yang berlaku di Hotel Perdana dan desakan DUN yang serupa nada itu telah membawa kesan yang tidak sihat. Pertama, ia telah menebalkan perasaan syak wasangka masyarakat bukan Islam terhadap masyarakat Islam dan terhadap kerajaan pimpinan PAS itu. Kedua, ia akan menjelaskan imej negara dalam mata dunia yang pasti meragu-ragukan sama ada negara kita betul-betul mengamalkan sikap saling hormat-menghormati kebebasan beragama.

Rakyat negara ini harus berasa bangga kerana sejak dulu lagi kerajaan telah mengamalkan sikap kebebasan beragama yang mana rakyat yang terdiri daripada berbagai agama bebas melakukan segala aktiviti-aktiviti agama mereka tanpa disekat atau dihalang. Dan rakyat sendiri sudah tahu bagaimana melaksanakan 'self-restraint' untuk saling menghormati agama antara satu sama lain. Ini merupakan satu tradisi malah satu kebudayaan kepunyaan Malaysia yang menjadi lambang keleluhanan Malaysia dalam dunia ini!

Malangnya, berikutan tindakan PAS dan juga pengikut-pengikut seperti Hotel Perdana, tradisi yang kita banggakan itu mungkin dinodai dan hancur.

Masyarakat bukan Islam tidak mempertikaikan hak masyarakat Islam dan kerajaan, baikpun kerajaan Pusat atau Negeri Kelantan merancang peraturan-peraturan atau aktiviti-aktiviti demi mempertingkatkan dan memelihara agama Islam. Bagaimanapun mereka tetap berasa tersinggung terhadap tindakan Kerajaan Negeri Kelantan dan Hotel Perdana yang mana dalam keghairahan demikian telah menyekat kebebasan, bahkan mencabul hak kebebasan keagamaan bukan Islam.

Cuba kita merenung sekejap rasionalnya tindakan-tindakan yang menjelaskan kebebasan bukan Islam itu. Kita sudah sekian lama mengamalkan sikap saling menghormati di antara rakyat yang terdiri daripada keturunan dan keagamaan yang berlainan.

Kita semua sudah tahu hak dan larangan masing-masing.

Ada undang-undang mengawal sebarang pencerobohan atau-pun kesalahan. Kita sentiasa menggalakkan rakyat dari semua lapisan dan latar belakang berlainan, sama ada ras atau agama, caca merba supaya betul-betul mewujudkan satu masyarakat yang berharmoni dan bersatu padu. Kini PAS pula cuba menghancurkannya.

Cuba kita bayangkan, dalam sebuah hotel, sebuah tempat awam yang dikunjungi oleh semua orang, tidak mengira ras, agama atau sebagainya. Dek pepatah Inggeris "One man's meat is another's poison", bukan setiap benda dalam dunia ini sesuai untuk setiap orang. Tetapi hanya oleh kerana arak dan diskò menjadi larangan orang Islam maka menghapuskan benda itu dari tempat kunjungan ramai seperti sebuah Hotel adalah satu tindakan keterlaluan yang langsung tidak mengambil kira perasaan bukan Islam, malah, telah mencabuli kebebasan mereka.

Dan, dengan berbuat demikian, pada hakikat, merupakan "memaksa bukan Islam mengikut cara hidup Islam" (tidak menyentuh arak dan tidak berdiskò). Perkara seperti ini amat merbahaya. Bukan setakat menimbulkan kesangsian antara rakyat kita berlainan agama, malah bagaimana dunia akan memandang kepada kita?

Kita masih teringat menjelang dua pilihanraya umum lepas (1988 dan 1990), PAS dalam usaha memikat hati masyarakat bukan Islam, terutamanya masyarakat Tionghua, telah mengambil inisiatif mendekati slogan "Adil kepada semua" dan setengah-setengah antara mereka yang "arif" seperti anggota Chinese Consultative Council! (CCC) yang ditubuhkan oleh PAS sendiri dan juga DAP, begitu rapat berpeluk-peluk dengan PAS kini bertanggung-jawab untuk memberi penjelasan terhadap tindakan PAS sekarang.

Perkembangan di Kelantan bukan suatu perkara yang sihat. Ia mungkin menjelaskan keharmonian antara rakyat berbilang agama negara ini.

Bagaimanapun, yang pasti ialah masyarakat Tionghua tidak akan percaya "cakap-cakap manis" PAS lagi.

Demi kestabilan dan untuk memastikan perpaduan negara tidak terjejas, kerajaan pusat harus campur tangan untuk menghentikan tindakan Kerajaan Negeri Kelantan dan badan-badan yang menjadi pengikutnya dari meneruskan perbuatan yang tidak rasional itu.



**DATUK SERI NAJIB TUN ABDUL RAZAK**  
- Naik kerana nama bapa?



**DATUK SERI ANWAR IBRAHIM**  
- Politik rakus?

## Pelan pemulihan ekonomi : **NAJIB MAIN POLITIK?**

PADA 18 Julai 1987 lalu Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan, pergerakan tersebut telah mengemukakan satu pelan lima strategi kepada kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara.

Pelan tersebut, antara lain mencadangkan cara-cara untuk mengatasi masalah pengangguran, memusatkan pertumbuhan ekonomi dan menyelamatkan syarikat-syarikat bumiputera yang menghadapi masalah.

Datuk Seri Najib juga memberitahu bahawa pelan pemulihan ekonomi nasional yang dikemukakan adalah lanjutan dari ketetapan Pergerakan Pemuda UMNO yang diluluskan di Perhimpunan Agungnya pada April lalu.

Lima strategi utama yang terkandung dalam pelan itu ialah program tindakan nasional ke arah peningkatan peluang pekerjaan; program pemesatan penswastaan, strategi kewangan pemulihan ekonomi, strategi institusi untuk pemulihan ekonomi.

Pelan itu juga mencadangkan sebuah kor pembangunan belia nasional melibatkan semua kaum yang merupakan sebuah organisasi bebas dan bersifat kebangsaan ditubuhkan.

Bagi masyarakat kita yang sekian lama tercungap di bawah tekanan kelembapan ekonomi yang berpanjangan, pengumuman pelan tersebut adalah sesuatu berita yang menegarkan. Ramai menaruh harapan ke atas kejayaan perlaksanaannya kelak.

Pelbagai reaksi dari kalangan tertentu telahpun disuarakan. Presiden Aliran, (satu-satunya pertubuhan yang cukup lantang

dalam kritikannya). Dr. Chandra Muzaffar berkata, walaupun beliau mengalui-alukan penubuhan sebuah kor pembangunan belia nasional yang melibatkan semua kaum tetapi pergerakan itu menentang penswastaan.

Ketua Pemuda Gerakan, Dr. Koh Tsu Khoon pula mencadangkan supaya sebuah komiti Pemuda Barisan nasional ditubuhkan bagi mengendalikan pelaksanaan pelan tersebut. Beliau berkata, komiti ini harus memulakan perbincangan tentang polisi ekonomi selepas 1990. Di samping itu, Dr. Koh Tsu Khoon mendakwa ada beberapa cadangan dan polisi tidak dilaksanakan mengikut semangat dan objektif asalnya.

Naib Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam mengalui-alukan pelan tersebut, mengingatkan kajian lebih teliti dan mendalam harus diadakan terutamanya terhadap cadangan memusatkan pertumbuhan ekonomi dan penjualan harta-harta kerajaan.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda MCA Datuk Yap Pian Hon berkata, beliau telah mengarahkan satu 'Pasukan Kecil' untuk mengkaji pelan tersebut dan beliau akan membuat komen lanjutan, jika perlu.

Beliau tidak memberi keterangan dengan panjang lebar.

Apakah cadangan pelan itu boleh mencapai kejayaan yang diharapkan?

Bagaimanapun ia lebih merupakan satu 'election gimmick' bagi Datuk Seri Najib yang mana pelan itu tidak harus dipandang dari segi ekonomi sahaja, tetapi ada udang di sebalik batu pula!

Dengan ringkas kata, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda itu cuba mengambil kesempatan ini bagi mencari publisiti dan meningkatkan imejnya sendiri dengan matlamat akhirnya dapat mengekalkan kerusi nombor satu dalam pergerakan itu tahun depan.

Ini bukan dakwaan melulu. Timbalan Presiden UMNO Encik Abdul Ghafar Baba mengulas bahawa pelan itu bukan perkara baru. Beliau berkata ada beberapa cadangan yang dikemukakan itu serupa dengan apa yang sedang dikaji oleh Pasukan Tugas Khas UMNO.

Ada juga tanda-tanda lain yang menyokong dakwaan saya tersebut.

Umum mengetahui, pada dua tahun kebelakangan ini, ramai negara membangun di rantau ini terganggu kadar per-

tumbuhan ekonomi negatif. Dan dari ramalan yang paling positif kadar pertumbuhan ekonomi negara kita bagi tahun depan adalah di antara 3.5 peratus hingga 4.0 peratus sahaja dan di jangka meningkat kepada 4.5 peratus bagi tahun 19-89 dan 1990.

Ramai pakar ekonomi berkata dalam keadaan seperti ini yang mana kadar pertumbuhan ekonomi bukan dalam keadaan yang tetap dan sukar sekali bagi sesebuah negara melepaskan diri dari 'kelembapan' dan memusatkan pertumbuhan ekonomi.

Ada dua lagi faktor yang tidak meyakinkan kita sama sekali.

Apabila Encik Ghafar ditanya sama ada pelan tersebut praktikal, jawapannya ialah itu bergantung ke atas produktiviti minyak dan juga tuntutan pasaran dunia.

Apakah negara kita berdaya mengendalikan harga minyak di dunia? Kita cuma bergantung kepada ramalan sahaja.

Faktor kedua yang membimbangkan ialah jika pengeluaran minyak dipertingkatkan ke paras 560,000 tong sehari, seperti yang dicadangkan kerana ini akan memusatkan proses penghabisan simpanan minyak negara kita. Kalau sampai peringkat itu, apa kita akan bergantung pulak?

Dalam pada ini, saya berani mengatakan kerajaan lebih mementingkan daya dan tenaga rakyat yang mana pada masa yang lampau kita sentiasa memandang rendah dan juga mengabaikannya. Peristiwa yang mana Pegawai Penguatkuasa dari Pejabat Daerah langsung tidak peka dengan rayuan penanam dan terus memusnahkan tanaman sampingan yang mereka tanami di atas tanah kerajaan yang terbiar sering kedengaran.

Kerajaan harus membuka lebih tanah lapang kepada rakyat yang ingin mengusahakannya. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti negara bahkan menurunkan kadar pengangguran dan terpenting sekali, usaha-usaha tenaga rakyat ini akan dapat menyumbang ke arah memulihkan ekonomi negara yang kian merosot ini.

Terdapat juga satu faktor yang kurang meyakinkan dalam pelan tersebut. Ia mengandungi cadangan menyelamatkan syarikat-syarikat bumiputera yang menghadapi masalah. Apakah Pergerakan Pemuda UMNO cuma ingin memulihkan kedudukan ekonomi peniaga-peniaga Melayu dari kelembapan

sahaja dan pengusaha-pengusaha keturunan lain boleh dibiarkan berkekalan dengan dilema masing-masing? Cadangan yang sempit dan mementingkan diri sendiri ini tentunya menimbulkan prasangka kaum bukan bumiputera.

Datuk Seri Najib berkata cadangan pelan tersebut akan dibincangkan dalam mesyuarat Pemuda Barisan Nasional suatu hari nanti yang mana undangan untuk pemimpin dari komponen parti lain dapat disuarakan.

Tetapi dari laporan akhbar, kita tahu sebenarnya Pergerakan Pemuda UMNO telah menyerahkan pelan tersebut kepada Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin awal-awal lagi pada 18 haribulan lalu. Apakah ini bermakna Pergerakan Pemuda UMNO terus mengambil tindakan dahulu kemudian baru melemparkan keputusan itu kepada parti komponen lain untuk memberi ulasan ataupun lebih tepat mempelawa sokongan terbuka dari mereka?

Dengan tindakannya demikian, Pergerakan Pemuda UMNO telahpun memperkecilkan kedudukan komponen parti lain.

## PENGARUH ‘CARI MAKAN’ DALAM PARTI

KETIKA merasmikan seminar mengenai Hal Ehwal Kerajaan di Wisma MCA di Ibu Kota pada 2 September 1988 lalu, Presiden MCA Datuk Dr. Ling Liang Sik telah memberi amaran kepada semua pemimpin MCA yang memegang jawatan di pelbagai peringkat termasuk Anggota Parlimen, ADUN, Anggota Majlis Daerah dan Perbandaran bahawa jika gagal mencapai prestasi kerja yang memuaskan mereka akan dipecat dan tidak akan dinamakan sebagai calon untuk memegang sebarang jawatan yang dimaksudkan itu pada masa akan datang.

Nampaknya amaran Datuk Dr. Ling Liang Sik itu bukanlah percakapan ‘kosong’ sahaja kerana beliau juga telah membuat pengumuman pada ucapan perasmian seminar tersebut bahawa sebuah jawatankuasa pengendalian yang diketuai oleh timbalannya Encik Lee Kim Sai turut dibentuk bagi mewujudkan sistem pengawasan dan menilai prestasi kerja wakil MCA dalam jentera pentadbiran kerajaan yang mana beliau turut menambah tidak akan teragak-agak mendangkan supaya tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang malas memenuhi tanggungjawab.

Walaupun pendirian tegas sepertimana yang telah dilafazkan oleh Datuk Dr. Ling Liang Sik itu sebenarnya sudah ‘long overdue’ kita boleh merasakan terdapat kejujuran dan keikhlasan lahir dari lubuk hati pemimpin itu.

Bagaimanapun, kita percaya Datuk Dr. Ling Liang Sik mempunyai sesuatu hasrat tersembunyi yang tidak di

umumkan dan hasratnya itu ialah bertujuan membersihkan imej MCA di khalayak ramai dan menegak semula imej serta keutuhan parti itu.

Dalam hubungan ini, mungkin kita harus merenung kembali titik sejarah MCA. Sebenarnya kewujudan MCA (Malayan Chinese Association) bukan berbentuk politik sebaliknya ia adalah sebuah pertubuhan amal yang muncul pada saat yang genting apabila masyarakat Tionghua sedang mengalami penderitaan berpunca dari pencerobohan politik selepas Perang Dunia Kedua.

Pada ketika itu seorang British yang kembali ke Malaya mengesyaki masyarakat Tionghua mudah dipengaruhi oleh anasir pengganas komunis, telah memberi pelbagai masalah kepada kaum Tionghua menyebabkan mereka berada dalam keadaan menderita.

Suatu peristiwa yang dapat mengesahkan keadaan ini ialah dalam keghairahan untuk mencegah masyarakat Tionghua dari dipengaruhi oleh pengganas komunis, penjajah British memaksa keluarga-keluarga Tionghua yang bercempaka di sekitar kawasan desa berkumpul di kawasan-kawasan terkurung yang di panggil ‘kampung baru’ dan oleh kerana ia dilaksanakan dengan begitu gopoh, maka tidak ada sebarang kemudahan asas diberikan kepada penduduk kampung baru itu.

Maka pada saat-saat yang sangat memerlukan bantuan, lahirlah MCA sebagai penyelamat kepada kaum Tionghua di kampung baru. Parti itu memberi berbagai-bagai bantuan, termasuk memberi wang tunai, makanan dan juga tenaga anggotanya menolong untuk membina rumah-rumah kedieman.

Untuk membiayai perbelanjaan yang besar dalam usaha memberi bantuan lain, MCA menjual tiket loteri kebajikan untuk mengumpul tabung yang diperlukan. Selain itu, tokoh-tokoh MCA ketika itu yang diketuai oleh Sir Tun Tan Cheng Lock dan beberapa rakan jutawan masing-masing mengeluarkan wang dari kocek sendiri untuk memenuhi perbelanjaan kerja amal itu.

Perkembangan semasa menyebabkan MCA mengubah bentuknya menjadi sebuah parti politik. Cuma dari namanya yang masih kekal berbau pertubuhan dapat kita mengenang kembali asalnya yang bukan politik itu.

Para ahli sejarah hari ini boleh mengesahkan bahawa pe-

mimpin-pemimpin MCA pada peringkat awal adalah segolongan jutawan yang baik hati dan mereka sanggup mengorbankan diri dari segi masa, kehidupan yang selesa dan juga wang ringgit untuk memberi bantuan kepada kaum seteturunan mereka.

Tetapi peredaran masa telah menyebabkan satu perkara biasa berlaku di mana-mana pertubuhan, juga termasuk dalam parti MCA. Berlainan dari golongan Sir Tun Tan Cheng Lock dan rakannya yang berada dan menyertai MCA untuk benar-benar berbakti dengan menyumbangkan wang dan tenaga dari masa ke semasa, ada pula segelintir anggota MCA yang menyertai parti itu bertujuan untuk mencari kekayaan untuk diri mereka sendiri.

Golongan 'cari makan' ada di dalam MCA pada tahun enam puluhan, tujuh puluhan dan juga sekarang!

Dan kehadiran golongan 'oportunis' inilah yang merosakkan nama dan imej MCA kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Tambahan pula dengan golongan oportunistis yang telah mendapat kedudukan dalam MCA dan seterusnya memegang jawatan penting dalam kerajaan, mereka sibuk mencari peluang untuk memperkayakan diri sehingga mengabaikan tanggungjawab dan jarang sekali meluangkan masa untuk menjenguk nasib rakyat. Akibatnya pengaruh MCA di kalangan rakyat terjejas dan merosot.

Oleh sebab itu, amaran Presiden MCA Datuk Dr. Ling Liong Sik dalam ucapan perasmian seminar tersebut jelas membayangkan keazaman beliau yang ingin memberi nafas baru kepada imej parti itu dalam pandangan rakyat negara ini.

Bagaimanapun maklum balas yang telah diterima, kaki cari makan dalam UMNO (Baru) jauh melebihi parti-parti komponen lain dalam gabungan Barisan Nasional.

Sebenarnya pemimpin-pemimpin tinggi UMNO (Baru) pernah 'mengesahkan' gejala ini secara terbuka pada masa yang lampau. Bukan rahsia lagi sesetengah pemimpin UMNO (Baru) sanggup membelanjakan beribu-ribu wang ringgit untuk merebut jawatan ketua bahagian sahaja!

Dan bukan rahsia lagi kerana rakyat jelata tahu dari perbincangan (kadang-kala) secara terbuka dan juga desas-desus kononnya sesetengah anggota UMNO (Baru) khususnya

generasi muda telah menyertai parti itu bertujuan mencari peluang dan mencari pengaruh untuk mendapatkan projek-projek kerajaan, mendapatkan lesen-lesen atau tanah-tanah dan juga mendapatkan itu dan ini!

Gejala ini memang suatu trend yang sukar dielakkan. Ia membayangkan akhlak manusia yang kebanyakannya berkecenderungan ‘oportunistik’.

Soalnya sekarang ialah, memandangkan UMNO (Baru) adalah parti yang menerajui kerajaan Barisan Nasional, sekiranya gejala ‘mencari makan’ itu bertambah buruk, mungkin membawa seribu satu macam bencana, kalau tidak sekarang mungkin beberapa tahun akan datang.

Nampaknya anggota politik harus mempertingkatkan semangat dan perjuangan politik untuk rakyat dan negara supaya mencairkan fikiran kebendaan dan kembali menyuarakan keluh-kesah rakyat demi menjaga kepentingan mereka yang akhirnya memanfaatkan negara dan kita.

# **UMNO BANYAK LAHIRKAN PEMIMPIN CHAUVINIS**

**MALAYSIA** adalah sebuah negara yang paling bertuah malah unik dalam pembentukan masyarakatnya yang berbilang kaum dan agama. Tuahnya kerana ia mempunyai banyak hasil galian seperti bijih timah, kayu balak, getah dan kelapa sawit yang mana setakat ini rakyat berbilang kaum pada keseluruhannya dapat mengecapi hidup bersepadu dalam keadaan yang harmoni, walaupun peristiwa 13 Mei telah sedikit sebanyak mencemar sejarah yang boleh dibanggakan oleh rakyat negara ini.

Malangnya kini Malaysia sedang menghadapi satu cabaran yang rumit sekali sejak kemerdekaan dan sekiranya kita tidak mengatasinya dengan sebaik-baiknya, ia mungkin mendatangkan malapetaka yang mana sukar dipulihkan semula. Apa yang dimaksudkan ialah pemimpin dan ahli politik negara yang bercorak ekstrimis dan berpandangan sempit, langsung tidak mengambil kira perasaan kaum lain. Gejala ini berlaku bukan sahaja di parti-parti oposisi, malah berlaku di komponen-komponen Barisan Nasional termasuk UMNO dan MCA.

Dalam hal ini UMNOlah yang banyak melahirkan pemimpin muda yang chauvinistik dan ekstrimistik yang mana MCA jauh ketinggalan dalam nisbahnya kerana cuma segelintir sahaja ekstrimis yang pernah muncul di kalangan MCA, itu pun akibat daripada reaksi terhadap ekstrimis UMNO.

Dan sesetengah golongan kakitangan kerajaan yang juga berpandangan sempit dan chauvinistik dalam menjalankan tugas mereka, banyak menimbulkan keresahan di kalangan masyarakat bukan Melayu. Misalnya, penyelewengan dalam pengambilan penuntut ke Universiti tempatan yang terlalu berat sebelah dan amat mengecewakan mereka yang berketurunan bukan Melayu, sekatan-sekatan dalam bidang perusahaan ekonomi, peraturan yang luar dari batasan yang berbau chauvinistik dan bercanggah dengan apa yang termaktub dalam perlembagaan negara seperti insiden enggan menerima cek-cek yang bertanda tangan dalam bahasa Tionghua yang pernah diputuskan oleh Bank Simpanan Nasional dan Pejabat Pos serta banyak lagi peristiwa-peristiwa lain yang membangkitkan kesangsian antara kaum dan ketidakpuasan terhadap kerajaan.

Sekali imbas kita mendapat banyak misalan yang menunjukkan bagaimana ekstrimnya sesetengah pemimpin muda dari UMNO yang langsung tidak mengambil kira perasaan masyarakat bukan Melayu. Masih teringat seorang Exco Pemuda UMNO yang pernah secara terbuka mencadangkan supaya memansuhkan sistem pembelajaran Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil pada Februari lalu dalam Khemah Kerja Politik Pemuda Barisan Nasional 1986. Apabila beliau mengatakan demikian, adakah beliau tidak langsung mengetahui bahawa Perlembagaan Negara menjamin rakyat bukan Melayu berhak mempelajari bahasa ibunda mereka ataupun beliau langsung tidak menghormati Perlembagaan Negara?

Mujurlah Ketua Pemuda UMNO, Encik Anwar Ibrahim dengan tidak teragak-agak memberitahu para hadirin dalam khemah kerja itu bahawa apa yang dicadangkan oleh Exco Pemuda itu bukan pendirian Pemuda UMNO. Pelik sekali, Encik Anwar yang pada ketika itu bertindak rasional tetapi dalam beberapa insiden kemudian terutama sekali dalam isu ketetapan MCA Selangor yang kontroversial baru-baru ini pula memberi reaksi secara ekstrimistik dan chauvinistik, malah beliau bertindak luar batasan apabila memberi ucapan yang paling provokatif dalam ucapannya kepada murid-murid sebuah Sekolah di Selangor.

Apakah beliau ingin meracuni fikiran anak muda yang bersih dan masih tidak tahu menahu tentang isu politik?

Sukalah dijelaskan di sini bahawa ketetapan MCA Selangor itu telah diputar-belitkan dan dipermainkan oleh akhbar-akhbar dan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Apa yang dapat disahkan di sini ialah hak dan kedudukan istimewa orang Melayu langsung tidak disentuh dalam ketetapan tersebut.

Dan meskipun kini isu tentang ketetapan itu telah selesai dalam kabinet dalam suasana mesra dan memuaskan semua pihak, malang sekali ekstrimis UMNO masih mengungkit-ungkitkan perkara tersebut. Golongan ini diketuai oleh Datuk Mohammad Rahmat yang berdegil dan meminta Datuk Lee Kim Sai meminta maaf.

Kita berpendapat tindakan sedemikian menunjukkan mereka ini tidak langsung menghormati keputusan kabinet, malah scolah-olah mencabar kewibawaan kabinet. Disyaki pula bawaha Datuk Mohammad adalah 'catur' bagi golongan yang berniat menentang pentadbiran Perdana Menteri kita merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mana mereka hendak mencari kesempatan mengacau ketenteraman, kesejahteraan dan mencetuskan kacau bilau di dalam masyarakat dan negara demi memperolehi apa yang dihajatinya selama ini.

Mengimbas kembali, kita mendapati sejak ucapan Datuk Abdullah Ahmad yang kontroversial dengan kegunaan perkataan 'ketuanan Melayu' yang mana kemudian beliau terlepas dari sebarang tindakan kerana ucapannya dianggap oleh pihak berkuasa sebagai tidak bertentangan dengan Akta Hasutan dan ia cuma pandangan individu, bukan pandangan UMNO; masyarakat bukan Melayu berpendapat UMNO telah 'endorsed' pandangan sempit yang telah disuarakan oleh Datuk Abdullah dan kini boleh dikatakan masyarakat bukan Melayu dalam ketakutan terhadap satu tekanan baru yang terbayang-bayang akibat daripada segala tindakan yang ekstrim iaitu 'Sindrom Kolonialisme Melayu'.

Mereka berpendapat demikian kerana sejak ucapan Datuk Abdullah di Singapura itu, sesetengah pemimpin muda dari UMNO yang ekstrim sentiasa menonjolkan 'ketuanan Melayu'. Mereka tertanya-tanya apakah masyarakat bukan Melayu tetap menjadi hamba dan golongan yang ditadbir ataupun dijajahi yang mana orang Melayu mengambil alih peranan yang dimainkan oleh orang Inggeris sebelum merdeka?

Walaupun masyarakat kita mengalami tekanan dari ekstrimis-ekstrimis yang dimaksudkan itu, kita percaya keman-tapan Perdana Menteri dan Timbalannya yang terbukti dari cara mereka menyelesaikan isu ketetapan MCA Selangor itu adalah pemimpin-pemimpin yang berjiwa kenegaraan dan mereka tidak akan membiarkan golongan ekstrim bermahara-jalela!

Presiden MCA, Datuk Dr. Ling Liong Sik dalam ucapan di Perhimpunan Tahunan Ahad lalu telah mengarahkan anggota parti supaya sentiasa bersikap sederhana dalam menghadapi tekanan beberapa golongan pelampau yang hanya ingin meluaskan pengaruh mereka dengan membangkitkan isu perkauman.

Ini adalah prinsip atau pendirian yang paling munasabah dalam suasana dan pembentukan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Bagaimanapun, kita menyeru golongan ekstrimis menukar sikap mereka dan turut bersema-nngat sederhana demi kepentingan negara.

Itulah yang seharusnya kita lakukan dalam memenuhi tanggungjawab kita sebagai pemimpin dan memainkan peranan dalam parti bagi menyemai dan menyalurkan kefahaman kepada anggota, menenang dan mententeramkan perasaan umum, menyelesaikan salah faham antara kaum dan bukannya bersikap 'batu api' atau pun mengapi-apikan bagi menambahkan permusuhan. Sikap yang buruk ini seharusnya dikikis, ibarat kata pepatah 'Buang yang keruh, ambil yang jernih' demi kesejahteraan dan ketenteraman bersama.

Kita menyeru rakyat Malaysia terutama sekali ahli politik tidak mengira keturunan dan bangsa supaya bersikap seder-hana dan rasional dan saling hormat menghormati antara satu sama lain dengan niat yang baik, persaudaraan yang tulin dan erat supaya sama-sama kita bekerjasama dan bertungkus-lumus memulihkan ekonomi negara yang agak parah demi kepentingan bersama.

Surat terbuka kepada  
pemimpin MCA :  
**BUKAN CHAUVINIS  
TAPI BERSEMANGAT**

ISU PERIBUMI yang mengambil masa selama dua belas hari telah lega kerana ia berakhir tanpa menemui puncak yang negatif. Bagaimanapun, masih ada yang merengk-rengk tidak puas hati. Sementara Chan Tse Yuen dari MCA pula mengatakan bahawa UMNO banyak melahirkan pemimpin yang chauvinis. (WATAN Edisi Sabtu 29-1-Dis '86)

Ketetapan konvensyen MCA Selangor yang kontroversi itu memang benar secara jelas tidak mempersoalkan hak-hak keistimewaan orang Melayu, tetapi MCA Selangor sudah pergi lebih jauh dari itu hingga melampaui undang-undang. MCA Selangor telah mencabar semangat orang Melayu dan menjatuhkan maruah orang Melayu. Bagi orang Melayu tidak ada yang lebih besar penderitaannya di atas dunia ini selain dari menanggung malu. Soal maruah adalah soal besar. Sebab itulah timbulnya falsafah 'dari malu biar mati' di kalangan orang Melayu.

Benarkah ramai pemimpin UMNO chauvinis? Sebenarnya pemimpin UMNO bukan chauvinis tetapi bersemangat. Ini berpanjangan dari darah keturunan pahlawan dan sejarahnya yang tidak terputus dari sejarah asalnya. Jika dibandingkan dengan sejarah kaum-kaum lain yang terputus dari sejarah asalnya kerana perpindahan alam budayanya.

Dalam WATAN edisi yang lalu, Chan Tse Yuen mengajak kita mengimbas kembali ucapan Datuk Abdullah Ahmad di Singapura dahulu yang menyebut fasal ‘ketuanan Melayu’ dan sebagainya. Soalnya apakah puncanya yang menyebabkan beliau terpaksa membangkitkan sampai ke situ?

Baik, sekiranya kita menganalisis sejarah perselisihan antara kaum di negara ini, kaum bukan Melayulah memulakan apinya. Misalnya, isu Dasar Pelajaran Kebangsaan, isu Timbalan Perdana Menteri kedua, isu kebudayaan Nasional, Tragedi 13 Mei dan banyak lagi. Lepas pilihanraya lalu, sewaktu semua komponen Barisan Nasional merayakan kemenangan besar kerana dapat membentuk kerajaan semula tiba-tiba meletup dari mulut Datuk Lee Kim Sai selaku Timbalan Presiden MCA yang mengatakan Dasar Ekonomi Barulah yang menyebabkan masyarakat Cina menolak MCA yang membawa kepada MCA kalah teruk.

Alangkah terhirisnya perasaan UMNO apabila seorang pemimpin MCA, rakan dalam Barisan Nasional sendiri mencemuh dasar yang dianggap ideal yang dipersetujui bersama bagi tujuan mengatasi polarisasi kaum di negara ini. Itulah sebabnya Datuk Abdullah Ahmad bangkit untuk mengingatkan kaum-kaum lain di negara ini supaya jangan bermain api. Jika tidak sebab itu perkataan ‘tuan’ tidak timbul. 30 tahun bukan satu waktu yang panjang dalam jalinan sejarah Bangsa Melayu yang telah terbina beribu-ribu tahun dahulu.

Saudara Anwar Ibrahim adalah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Beliau menduduki kerusi itu dipilih melalui ‘undi’ dari perwakilan dari seluruh negara melalui proses demokrasi. Undi diberi atas dasar kepercayaan bahawa beliau boleh mempertahankan dan memperjuangkan nasib orang Melayu yang dalam serba-serbi ketinggalan. Dan juga memelihara maruah orang Melayu. Dalam menunaikan tanggungjawab itu adakalanya beliau bersemangat dan ada kalanya beliau rasional.

Adakalanya Encik Anwar mempertahankan orang-orang Cina di hadapan Pemuda UMNO yang emosional tetapi perkara ini tidak pernah berlaku di kalangan pemimpin MCA yang mana mempertahankan orang Melayu di hadapan anggota MCA dalam perkara-perkara yang ada rasionalnya.

Sebenarnya Encik Anwar bersemangat. Bukan chauvinistik

atau sempit. Jika tidak masakan terbentuknya ikatan Pemuda Barisan Nasional. Hari ini pemuda UMNO lebih terbuka atau liberal dari zaman sebelumnya. 'Kesederhanaan' itu ada makna dan batas-batasnya. Kalau tidak masakan begini uniknya negara ini sekarang. Apakah ertinya 'tuan' kepada UMNO jika kekayaan hasil buminya dibolot oleh kaum-kaum lain sejak dari zaman penjajah lagi.

Chan Tse Yuen menyentuh tentang kemasukan pelajar-pelajar ke universiti tempatan tidak adil. Tafsiran keadilan itu mengikut perspektif satu pihak sahaja. Tidak menjangkaui lebih luas dan tidak mengketepikan pula agenda yang tersembunyi yang ada dalam diri dalam memperkatakan keadilan.

Sejauh ini orang-orang Cina lebih mampu menghantar anak-anak ke luar negara untuk belajar. Kadar bilangannya lebih lima kali ganda dari orang Melayu yang dapat pergi ke luar negeri untuk mendapatkan pelajaran. Ini bermakna pendapatan ibu bapa pelajar kaum Cina lebih ramai yang mampu.

Apabila kita membicarakan soal penyelewengan selalunya pemimpin-pemimpin UMNOlah yang menjadi sasaran kaum-kaum lain di negara ini. Tuduhan mereka seolah-olah orang Melayu tidak amanah langsung. Padahal siapakah George Tan dalam skandal BMF? Siapakah lima orang yang diburu oleh kerajaan Brunei dalam isu Bank Nasional Brunei. Kita menerima hakikat peristiwa Bank Rakyat tetapi apa yang terjadi dengan 24 buah koperasi? Dan siapa pula yang meruntuhkan keagungan Pan-El? Janganlah kita buat-buat tidak nampak bila terkena batang hidung sendiri.

Saya juga mengajak Chan Tse Yuen membicarakan soal pembangunan. Dari 452 buah kampung-kampung baru yang diperjuangkan oleh MCA kenapa tidak dimasukkan Kampung Baru Kuala Lumpur sebagai senarai kampung yang patut dibela? Setidak-tidaknya dimasukkan kerana nama kampung itu Kampung Baru! Barulah ada bau-bau keadilan.

Ucapan Presiden MCA Datuk Dr. Ling Liong Sik dalam perhimpunan Agung MCA Ahad lalu di mana menyeru anggota MCA bersikap lebih sederhana patut disanjung. Jarang-jarang pemimpin MCA berucap seumpama itu. Jika begitu sikap semua kaum di negara ini kita yakin cita-cita negara untuk membina satu rupa bangsa Malaysia yang bersatu-padu tidak akan menemui jalan buntu. Tetapi sejauh

mana pula kata Datuk Dr. Ling Leong Sik itu tidak dilangkahi oleh anggota MCA, kita menjadi saksi dalam hal ini.

## Reaksi tulisan Chan Tse Yuen : **MCA PUNCA UMNO JADI CHAUVINIS**

**KUALA LUMPUR:** Kalangan pemimpin UMNO dari pelbagai peringkat menyifatkan sindiran oleh Pengurus Biro Politik MCA Selangor, Chan Tse Yuen menerusi rencana bertajuk 'UMNO Banyak Lahirkkan Pemimpin Chauvinis' sebagai satu senjata yang akan makan tuan.

Mengulas rencana yang disiarkan dalam akhbar ini (Edisi 29 Nov - 1 Disember), para pemimpin UMNO berpendapat, MCA tidak seharusnya mencari asas lain untuk 'melemparkan batu sembunyi tangan' kepada orang-orang Melayu.

Schubungan itu, mereka memberi amaran kepada segelintir pemimpin MCA agar tidak membuat tuduhan melulu dan mendakwa orang-orang UMNO sebagai pemimpin chauvinis. "Kami menganggap tuduhan itu sebagai satu tindakan yang mencabar hak orang-orang Melayu dalam mempertahankan maruahnya, bagaimana pun kami yakin sindiran itu akan menikam MCA sendiri," tegas mereka.

Ketua Pergerakan UMNO Bahagian Pendang, Encik Othman Abdul menegaskan, para pemimpin UMNO tidak dilahirkan untuk menjadi 'chauvinis' malahan UMNO secara terus terang menentang 'mereka' yang bersikap chauvinis.

Encik Othman yang juga Anggota Parlimen Pendang selanjutnya menarik perhatian kenyataan Chan Tse Yuen itu sebagai helah untuk menutup sifat-sifat chauvinis sesetengah rakannya dalam MCA dengan menjadikan kononnya UMNO sebagai punca tercetusnya ketegangan antara kedua pihak baru-baru ini.

"Sila buktikan jika UMNO yang menjadi punca? Kami akan bangkit bersuara jika dicabar. Malah kita akan bangun

dan menentang bila maruah serta perasaan kita disentuh oleh 'mereka' yang langsung tidak menghiraukan hati dan perasaan orang-orang Melayu", tekan beliau. "Kita bukan lahir untuk menjadi chauvinis, tetapi kita menentang mereka yang bersifat demikian. Kita orang-orang Melayu adalah bersifat defensif, yang mana kita mempertahankan hak dan maruah kita".

Ketua Penerangan Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Encik Azman Attar Othman mencabar Pengerusi Biro Politik MCA Selangor itu menarik balik tuduhan tersebut.

Katanya, dalam konteks ini UMNO sememangnya melahirkan pemimpin-pemimpin yang bersemangat kebangsaan dan sayangkan bangsanya". Bagaimanapun, rencana Chan itu lebih berbentuk tuduhan seolah-olah UMNO yang memukul gendang perang terhadap ketegangan UMNO-MCA baru-baru ini," tegasnya bersungguh-sungguh.

Encik Azman yang juga Ketua UMNO Bahagian Batu berkata, orang Melayu ibarat sarang tebuan malahan MCA pula janganlah hendaknya 'lempar batu sembunyi tangan'.

Dalam rencana (rujuk WATAN) Pengerusi Jawatankuasa Biro Politik MCA Selangor itu, antara lain mengulas, negara kini sedang menghadapi satu cabaran yang rumit sekali sejak merdeka dan jika tidak dapat diatasi ia mungkin mendatangkan malapetaka yang mana sukar dipulihkan semula.

Perkembangan sedemikian, pada pandangan Chan Tse Yuen, ramai pemimpin negara kini bercorak ekstrimis dan berpandangan sempit dan dalam hal ini katanya UMNOlah yang banyak melahirkan pemimpin chauvinis. Beliau juga menuduh bahawa pemimpin chauvinis dari MCA hanya muncul akibat dari ekstrimis UMNO.

"Para pemimpin MCA khasnya dalam peringkat usia muda seperti Chan Tse Yuen harus sedar bahawa mereka itu pada hakikatnya baru celek dan lupa asal-usul," tegas Ketua Pemuda UMNO Bahagian Sungai Siput, Haji Mohd. Padil Harun.

"Kenyataan yang ditulis dan disiarkan itu seolah-olah cuba mengaburi pandangan orang lain. Seolah-olah meletakkan semua kesalahan kepada orang-orang Melayu," jelas Haji Padil, yang juga salah seorang Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

## Datuk S.Samy Vellu : **BUKAN KAYA, AMAT KAYA!!!**

DALAM masyarakat kita, suatu realiti kehidupan ialah pertuturan 'orang besar' boleh menjadi tumpuan orangramai. Dalam hubungan ini, suatu perkara yang diucapkan oleh Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu di Perhimpunan Agung MIC ke-36 pada Isnin (3.7.88) telah menarik perhatian saya.

Sebagai usaha menyangkal dakwaan bahawa beliau seorang yang kaya, Presiden MIC itu cuma mengaku 'hanya mempunyai' sebuah rumah berharga \$87.000.00 di Australia untuk kediaman anaknya yang sedang menuntut di situ. Beliau juga mengaku memiliki 'sekeping tanah' di Sitiawan, Perak (luasnya tidak diketahui). Hanya apa yang 'lupa' diakui oleh Datuk Samy Vellu ialah beliau juga mempunyai sebuah rumah besar untuk kediaman sendiri di Kuala Lumpur!

'Penjelasan' Datuk Samy Vellu tersebut bukan sahaja tidak dapat menjelaskan apa-apa, bahkan telah menimbulkan beberapa persoalan.

Pertama, mengapa Datuk Samy Vellu begitu sensitif terhadap dakwaan yang beliau adalah orang kaya? Kalau seorang itu memang kaya dan berada, maka tidak ada sebab untuk menyembunyikan hakikat itu. Bila kekayaan dan harta kita dikumpul dan diperolehi melalui cara yang betul, sah dan juga usaha sendiri, kita harus merasa bangga sekali.

Kita tidak boleh dipersalahkan kerana kaya ataupun memiliki harta yang banyak. Orang lain tidak boleh 'merampas' kepunyaan kita. Dalam hubungan ini, Datuk Samy Vellu ha-

rus merasa bangga kerana beliau dapat membeli sekeping tanah di Sitiawan semasa menjadi seorang jurutera sebelum 'naik' dalam politik dan menjadi seorang menteri.

Tetapi gaya Datuk Samy Vellu, seolah-olah takut hendak mengakui beliau kaya adalah perkara yang lucu. Kita rasa Datuk Samy Vellu memang seorang yang 'humble' apabila beliau mengakui dirinya 'hanya mempunyai sedikit harta' sahaja. Memandangkan masyarakat kita sesak dengan orang suka 'show off', sebenarnya mempunyai sedikit harta tetapi berlagak seperti orang yang amat kaya, seperti apa yang disifatkan oleh pepatah Tionghua, 'Si kurus menampar muka sendiri hingga bengkak agar kelihatan seperti orang gemuk'.

Berbanding dengan sikap golongan ini, gaya merendahkan diri yang telah diamalkan oleh Datuk Samy Vellu mungkin boleh dijadikan teladan kita semua.

Tetapi kita tidak bersetuju dengan 'penjelasan' Datuk Samy Vellu iaitu beliau bukan orang kaya. Kita tidak dapat meyakinkan diri tentang pendapatnya itu.

Datuk Samy Vellu mampu 'memperuntukkan' wang untuk membeli sebuah rumah di Australia yang berharga \$87.000.00 (harga cuma dakwaan beliau) hanya untuk kegunaan anaknya yang sedang belajar di negara itu adalah suatu perkara cukup untuk kita mengkategori beliau sebagai orang kaya. Namun mengetahui, lazimnya orang kayapun tidak begitu cenderung membeli rumah di luar negara cuma untuk kegunaan anak mereka mengejar ilmu di situ untuk tempoh beberapa tahun sahaja.

Oleh yang demikian saya kira agak tepat dan tidak keterlaluan jika kita 'mengesahkan' Datuk Samy Vellu sebagai seorang yang bukan kaya sahaja, bahkan amat kaya!

Jika Datuk Samy Vellu masih tidak mahu mengaku dakwaan ini, maka tujuan beliau membeli rumah di Australia boleh menimbulkan tandatanya. Apakah pembelian rumah di Australia itu satu tanda bahawa Datuk Samy Vellu mula membuat 'persiapan' untuk berhijrah ke negara itu suatu hari nanti ataupun rumah itu akan dijadikan rumah rehat pada masa depan? Datuk Samy Vellu tidak boleh menyalahkan orang yang menimbulkan keraguan.

Bagaimanapun, mengikut 'standard' yang telah 'ditetapkan' oleh Datuk Samy Vellu, iaitu orang yang mempunyai harta 'yang hanya sedikit' seperti beliau tidak boleh dianggap

sebagai orang kaya. Aduh! Saya rasa susahnya untuk kita mencari orang kaya di Malaysia.



**DATUK MUSA HITAM**  
– 'Dark horse'



**DATUK SERI S. SAMY VELLU**  
– *Suka melatah*

## GELORA DALAM MIC

SEMENJAK Naib Presiden MIC M.G. Pandithan diberi surat tunjuk sebab (Show cause Letter) oleh Jawatankuasa Disiplin parti itu pada Mei 1988 lalu, beliau telah melakukan berbagai-bagai taktik termasuk episod 'puasa maut di sisi keranda'. Tetapi malangnya semua ini tidak mendatangkan kesan yang diharapkan; malah pada 1 Disember 1988 lalu, Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) telah mengambil keputusan muktamad untuk menyingkirkan Pandithan daripada parti itu.

Seperti biasa, penyingkiran Pandithan telah menimbulkan banyak reaksi dan komen dari khalayak ramai, terutamanya media massa. Baik bersetuju atau tidak, kebanyakan pandangan yang diberikan adalah tertumpu kepada sama ada keputusan tersebut munasabah ataupun sebaliknya. Hingga rencana ini ditulis belum dapat lagi kita membaca sesuatu laporan yang mengungkit sebab mengapa Pandithan di 'tolak' oleh Jawatankuasa disiplin MIC. Untuk mencari jawapan yang tepat, sedikit masa diperlukan untuk mengkaji perkara ini dan dalam rencana ini dapat memberikan kepada para pembaca satu pandangan yang lebih mendalam dan menyeluruh tentang isu Pandithan itu.

Untuk memudahkan anda memahami latarbelakang isu tersebut, ada baiknya kita menyentuh sedikit sistem kasta (Caste System) yang dipraktikkan di negara India pada masa dahulu. Sistem kasta dipercayai berasal dari negeri Tamil Nadu. Ia mempunyai empat golongan iaitu:

1. Brahmin - Mereka adalah sami daripada suku kaum Iyar. Perlu diingatkan selain daripada golongan Iyar, orang lain tidak boleh dikategorikan sebagai Brahmin.

2. Shaivas - kumpulan ini terdiri daripada anggota kerabat raja;
3. Shatriyas adalah anggota tentera dan
4. Sudras atau dipanggil sebagai Harijans dan lebih biasa di panggil Pariya. Pada masa lampau golongan ini ialah 'orang yang tidak boleh disentuh' (the untouchable). Mereka kebanyakannya kuli, boleh dikatakan tidak mempunyai sebarang status. Bagaimanapun golongan itu membentuk sembilan-puluh peratus penduduk negeri Tamil Nadu. Pendek kata, golongan pariya adalah kumpulan yang tertindas di India. Hingga sekarang, secara rasmi kerajaan India tidak pernah mengumumkan pemansuhan sistem kasta.

Walau bagaimanapun, ia pernah dibatalkan secara tidak langsung selepas India mencapai kemerdekaan pada tahun 1947 dengan pemansuhan 'Jamindar' (orang besar jajahan yang boleh menjadi raja).

Sejak pemansuhan Jamindar, golongan pariya mulai mendapat nafas baru dan bangkit dalam masyarakat India. Ada di antara mereka telah berjaya mencapai status tinggi dalam masyarakat; misalnya dua orang bekas Ketua Menteri Tamil Nadu iaitu mendiang Anna Thurai dan M. Karunanithy. Anna Thurai ialah Presiden pertama bagi 'Dravadian Munetra Kalakam (DMK)' sebuah parti politik berpendirian tegas untuk membasmikan sistem kasta dan memperjuangkan nasib. M. Karunanithy yang juga tidak asing lagi kepada kaum India di negara ini pernah mengunjungi negara kita pada Disember 1987 di atas jemputan Presiden MIC, Datuk Samy Vellu.

D: Malaysia, walaupun masyarakat kaum India pada keseluruhannya begitu yakin dan mendakwa bahawa fikiran sistem kasta tidak wujud lagi di zaman moden ini, tetapi pada hakikatnya, perasaan itu kekal dalam 'sub conscious mind' ataupun jiwa kebanyak kaum India yang bukan daripada golongan pariya.

Di negara kita, ada juga sebuah pertubuhan yang berdaftar di bawah nama 'Pariya Sangam' yang turut berjuang untuk membasmikan kasta. Dan dilema Pandithan bermula dengan aktivitinya yang ada kaitan dengan "Pariya Sangam" satu

pertubuhan yang dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Pandithan adalah seorang keturunan kumpulan Pariya. Beliau juga menunjukkan hasrat dan ‘komitment’ dalam usaha untuk melenyapkan sebarang prasangka kasta masyarakat India (di Malaysia) yang mana sejak awal lapan puluhan beliau telah menjadi seorang pemimpin pejuang pariya di negara ini. Dalam ucapan-ucapan beliau kepada kaum India yang terdiri daripada golongan pariya, beliau terkenal dengan slogan yang berbunyi:

“Vodanpirava paraiyar Sagodarargale” yang mengandungi makna “Saudara pariya”. Beliau sendiri mengingatkan golongan pariya di negara ini supaya berasa bangga kepada diri sendiri sebagai seorang pariya dan juga tidak segan, untuk mengakui diri mereka dari kasta tersebut.

Kita memang bersetuju kepada perjuangan Pandithan dalam aspek ini yang mana saya menambah, di atas bumi ini, tiada satu bangsa atau kumpulan yang lebih rendah ataupun tidak setaraf dengan manusia lain. Kejayaan mendiang Anna Thurai dan M. Karunanithy dan ramai lagi keturunan pariya yang telah mencapai prestasi cemerlang harus membanggakan golongan pariya.

Berbalik kepada Pandithan, dalam keghairahan perjuangannya yang dimaksudkan itu, beliau telah berjaya menu buhkan banyak cawangan MIC di seluruh negara yang mana keanggotaannya terdiri dari golongan pariya. Umum mempercayai dalam MIC hari ini, tidak kurang tiga puluh peratus perwakilan pusatnya (central delegates) terdiri daripada golongan pariya. Ini adalah sebab utama mengapa Pandithan telah berjaya memanjat ke pucuk pimpinan MIC sehingga menjadi Naib Presiden parti itu.

Kegiatan Pandithan ini (menu buhkan cawangan MIC yang terdiri dari golongan pariya) tentunya sedikit sebanyak telah membimbangkan Presidennya Datuk S. Samy Vellu. Ini kerana Pandithan adalah seorang pemimpin yang berkiblatkan kepada Datuk S. Subramaniam, Timbalan Presiden MIC yang tidak sehaluan dengan Presiden Parti yang pernah mencabar kepimpinan Datuk Samy (pada peringkat awal apabila beliau baru mengambil alih dari mendiang Tan Sri Manikavasagam sebagai Pemangku Presiden MIC 1979). Datuk Samy tentunya tidak senang hati melihat ‘pihak lawan’ memampatkan pengaruh dalam parti.

Perbuatan Pandithan berterusan kerana 'menubuhkan cabangan MIC pariya' bukan melanggar peraturan parti. Bagaimanapun beberapa tindakan Pandithan sendiri telah membuka peluang kepada Datuk Samy untuk terus mengambil tindakan disiplin.

Antara tuduhan yang terkandung dalam surat "tunjuk sebab" yang ditujukan oleh Jawatankuasa Disiplin MIC kepada Pandithan pada Mei 1988 lalu, ialah Pandithan telah melakukan kesalahan yang 'serius' dengan melancarkan mogok lapar di sisi keranda yang memalukan MIC (menurut pandangan Datuk Samy) yang mungkin telah memperkuatkuahkan lagi 'hukuman' penyingkiran tersebut.

Peristiwa menyelubungi mesyuarat CWC MIC pada 1 Disember 1988 yang berlaku di luar Ibu Pejabat MIC telah menunjukkan bahawa kini MIC sedang menghadapi perpecahan. Timbalan Presiden Datuk S. Subramaniam telah meninggalkan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat yang sedang mendengar rayuan Pandithan dan 13 orang penyokongnya dan scorang lagi Naib Presiden, K. Pathmanaban terus tidak mahu masuk ke bilik mesyuarat. Mereka berdiri bersama Pandithan di luar Bangunan MIC dan memberi ucapan kepada kira-kira 2,000 penyokong Pandithan yang telah membanjiri persekitaran Ibu Pejabat MIC.

Walau bagaimanapun, Datuk Samy tetap menafikan MIC menghadapi perpecahan. Beliau telah dipetik oleh sebuah akhbar tempatan sebagai berkata 'Perpecahan dalam parti MIC tidak akan berlaku selagi saya menjadi Presiden'.

## Perdamaian Samy-Subra : TIADA KEIKHLASAN?

DALAM suasana arena politik antarabangsa semakin tegang menjelang 15/1/1991 (tarikh akhir ditetapkan oleh Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu - PBB bagi Iraq mengundurkan askarnya dari bumi Kuwait ataupun menghadapi serangan askar sekutu diketuai US, pergolakan komponen parti Barisan Nasional negara ini, MIC sudah mula menampakkan unsur-unsur perdamaian.

Ini berikutnya pengistiharan Presiden parti Datuk Seri S.Samy Vellu pada Jumaat (11/1/1991) lalu bahawa MIC kini bersetuju mencalonkan 'musuh' ketatnya dalam parti iaitu bekas Timbalan Presiden MIC Datuk Subramaniam menjadi senator sebagai satu langkah pendamaian bagi mengukuhkan perpaduan parti.

Umum mengetahui 'permusuhan' di antara Datuk Seri Samy dengan 'kem penentang' yang dikepalai oleh Datuk Subramanian sudah lama wujud.

Datuk Subramaniam pernah dua kali mencabar kepimpinan presidennya dan gagal dalam kedua-dua percubaan itu. Kali terakhir beliau menguji 'taring' presidennya ialah pada 1989 tetapi selepas dikalahkan beliau tetap menduduki jawatan Timbalan Presiden MIC (mengikut perlumbagaan MIC cuma kerusi presiden sahaja dipertandingkan) pada tahun 1989 dan juga terus memegang jawatan Timbalan Menteri Pertanian.

Scenario inilah menjadikan Datuk Subramaniam bagaikan 'duri dalam daging' pada presiden MIC itu sehingga beliau

tidak sabar lagi dan terus mengambil peluang pada pilihanraya umum ke lapan yang diadakan Oktober 1990 untuk 'mencantas' kepala Datuk Subramaniam dan juga sekutunya Datuk Pathmanaban salah seorang lagi Naib Presiden MIC.

Tindakan Datuk Seri S. Samy yang agak berani dan tegas itu memang senang difahami, beliau cuma hendak sekaligus 'mencabut duri' yang telah lama menyesakkan hatinya. Akan tetapi perbuatan beliau itu telah dianggap oleh rakan BNnya sebagai terlalu mementingkan diri sendiri dan langsung tidak mengendahkan kepentingan BN. Ini adalah kerana sedikit sebanyak pemecatan dua tokoh MIC itu dari senarai calon telah memecahbelahkan sokongan penyokong MIC kepada BN dalam pilihanraya umum tersebut.

Bagaimanapun selepas pilihanraya dua nama yang dikemukakan oleh MIC iaitu Datuk K. Kumaran (MP. Tapah) dan Datuk M. Mahalinggam (MP. Kapar) sebagai pengganti Datuk Subramaniam dan Datuk K. Pathmanaban untuk mengisikan dua jawatan Timbalan Menteri iaitu Sumber Manusia dan Pertanian tidak diterima oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

'Perang dingin' di antara Datuk Seri Samy dengan 'boss'-nya (Mahathir) terus bermula dengan senario Datuk Seri Samy seperti 'monyet kena belacan' melompat-lompat dan bertindak kasar sambil menegaskan pendiriannya jika 'kemahuan' MIC tidak ditunaikan beliau mengecam untuk meletak jawatan sebagai Presiden MIC dan akan 'berundur' dari arena politik. Tetapi Perdana Menteri bersikap tenang sahaja.

Sesetengah bahagian UMNO terus membantah sikap pemimpin MIC itu.

Ekoran dari itu, khabar-khabar angin mula menyebar sama ada kebetulan atau tidak dua kejadian di peringkat negeri telah mengukuhkan telahan orangramai bahawa Perdana Menteri hendak 'mengajar' Datuk Seri Samy. Kedua-dua peristiwa tersebut melibatkan jawatan exco negeri yang pernah dipegang oleh wakil MIC tidak 'dipulangkan' kepada MIC. Di Johor V. Arumugam adalah bekas exco MIC dan Datuk Dr. Subramaniam pula mewakili MIC dalam kabinet negeri Kedah. Walaupun ada sesetengah pihak mendakwa (rahsia terbuka) kejadian di Johor adalah akibat campurtangan dan tekanan pihak berpengaruh, namun cerita Perdana Menteri memberi pengajaran pada Datuk Seri Samy lebih dipercayai

umum atas kehilangan kerusi exco di dua buah negeri tersebut.

Tidak dapat dinafikan bahawa dua jawatan timbalan menteri tersebut telah dibekukan oleh Perdana Menteri untuk sekian lama. Perkara seperti ini (jawatan kabinet yang diperuntukkan kepada parti komponen BN dibekukan) tidak pernah berlaku dalam sejarah negara ini. Sebenarnya perkara tersebut merupakan pertembungan dua prinsip yang masing-masing utuh yang sekian lama menjadi amalan pihak pentadbiran negara ini. Prinsip pertama ialah 'semangat Barisan Nasional', Perdana Menteri sebagai pucuk pimpinan BN sentiasa menghormati parti-parti komponen BN dalam pemilihan anggota kabinet yang mana calon-calon yang dikemukakan oleh rakannya diterima ikut senarai atas semangat tersebut.

Inilah mungkin sebabnya Datuk Seri Samy begitu yakin kemahuan MIC (beliau) akan diterima oleh Perdana Menteri begitu sahaja sehingga berani menggugurkan pencalonan dua tokoh MIC tersebut pada saat penting dan genting (dalam masa berhadapan pilihanraya umum). Dalam perkiraan Datuk Seri Samy mungkin menganggap Perdana Menteri tidak berani mengketepikan semangat BN.

Tetapi oleh kerana cara kasar dan menekan yang dipaparkan oleh Datuk Seri Samy Vellu dalam perkara tersebut beliau telah 'push PM to the wall' yang mana dalam usaha memelihara kewibawaan dan imejnya sebagai Perdana Menteri beliau tidak boleh tunduk pada kemahuan MIC. Malahan, perkembangan peristiwa tersebut terus menyebabkan semangat BN terus bertembung dengan kuasa mutlak (prerogative power) Perdana Menteri yang mempunyai kuasa mutlak dan tidak boleh dicabar dalam pemilihan anggota kabinet beliau.

Kebuntuan tersebut mungkin timbul dengan Perdana Menteri berasa marah pada Datuk Seri Samy di atas perbuatan beliau yang mana Perdana Menteri 'senyap-senyap' tidak mahu mengisi kekosongan dua jawatan Timbalan Menteri yang sepatutnya diperuntukkan kepada MIC itu telah menarik reaksi yang keras dan secara terbuka tidak menghormati kuasa mutlak Perdana Menteri dalam perkara tersebut.

Bagaimanapun sikap Datuk Seri Samy yang kini ingin menerima Datuk Subramaniam semula membuktikan beliau telah berubah sikapnya. Kini Datuk Seri Samy terpaksa menjilat air ludahnya dan menerima hakikat bahawa kuasa mem-

beri jawatan dalam kabinet adalah hak mutlak Perdana Menteri.

Sungguhpun Datuk Seri Samy cuba mengadakan pakatan perdamaian dengan Datuk Subramaniam, Datuk Seri Samy tetap sudah mengalah dengan tekanan Perdana Menteri. Dalam pertembungan dua prinsip tersebut, Perdana Menteri yang dikenali umum sebagai seorang yang berwibawa dan matang berpolitik dijangka akan mengambil satu keputusan atau penyelesaian yang tidak akan menjelaskan kedua-dua prinsip itu.

Diramalkan Perdana Menteri tidak akan menunaikan seratus peratus kemahuan Datuk Seri Samy (iaitu kedua-dua jawatan tersebut diberikan pada dua calon yang dikemukakan lebih awal). Dijangkakan Perdana Menteri akan memberi satu kerusi kepada 'calon Datuk Seri Samy' dan satu lagi akan ditentukan oleh Perdana Menteri sendiri. Dengan berbuat begitu Datuk Seri Dr. Mahathir akan dapat memelihara imej dan kewibawaannya sebagai Perdana Menteri yang mana kuasa mutlaknya tidak terjejas di samping turut membuktikan bahawa semangat BN tetap terpelihara.

Bagaimanapun apakah MIC dapat memulihkan perdamaian dalam parti itu secara berterusan? Pada hemat penulis Datuk Seri Samy tidak benar-benar rela dalam 'pendamaian' tersebut. Ia semata-mata tunduk kepada tekanan Perdana Menteri. Sementara itu Datuk Subramaniam pula bersikap mementingkan diri sendiri, beliau hanya mahukan jawatan sahaja. Ini jelas apabila Datuk Subramaniam mengketepikan semangat setiakawan dengan Datuk Pathmanaban yang juga menerima nasib sepertinya. Datuk Pathmanaban kini sedang berada di luar negara.

Sikap Datuk Subramaniam yang tidak sempat lagi menunggu kepulangan Datuk Pathmanaban itu boleh diibaratkan sebagai 'menjual' kawan.

Perdamaian antara Datuk Seri Samy dan Datuk Subramaniam yang tidak berasaskan semangat keluhuruan dan keikhlasan seperti mana yang ditegaskan kononnya demi perpaduan parti sebenarnya merupakan 'marriage of convenience' dan boleh diumpamakan 'tidur sebantal mimpi lain-lain'. Sertakat manakah kedua-dua pihak itu akan terus "bermesra" sedangkan hakikat sebenarnya orangramai sudah mengetahui.

# MUSA DENGAN PILIHAN TERAKHIRNYA

PENGISYTIHARAN bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mengesahkan dirinya sebagai anggota Bebas pada Ahad lalu (2-10-1988) telah menamatkan teka-teki orangramai tentang kedudukannya dalam krisis UMNO (Baru). Pada 19 September lalu, apabila 13 anggota Parlimen mengumumkan pendirian mereka sebagai anggota Bebas melalui ahli dari Kawasan Jelebu, Datuk Rais Yatim, pendirian Datuk Musa pula menjadi tumpuan ramai.

Sebenarnya pendirian Datuk Musa sebelum (pengumuman 13 anggota parlimen) itu sudah lama menjadi tanda tanya dikalangan anggota UMNO, 'Baru' ataupun 'Lama' stail dan gaya. Team A atau Team B, yang kurang tegas dan samar-samar itu bukan sahaja tidak meyakinkan mana-mana pihak dalam parti yang dilanda krisis itu, malah tidak ada satu pihak yang berani mengaku Datuk Musa orang mereka. Bagaimanapun dengan pengesahan beliau sendiri, Datuk Musa Hitam berjaya dengan 'once and for all' meyakinkan pengikut-pengikutnya dimanakah pendirian beliau.

'Penyertaan' Datuk Musa ke Team B pada zahirnya dapat menambahkan kekuatan puak menentang pucuk pimpinan UMNO (Baru), sebaliknya ia diibaratkan 'time bomb' dalam kumpulan tersebut. Lambat-laun krisis akan tercetus juga antara Datuk Musa dengan Tengku Razaleigh Hamzah, anggota Parlimen Gua Musang yang dianggap oleh semua pihak sebagai ketua 'de facto' bagi Team B.

Sebelum menganalisis lebih lanjut adalah perlu kita me-

ngimbas kembali trend ‘pembebasan’ bekas anggota Parlimen dan sesetengah ADUN UMNO. Sedangkan anggota Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad sebelum beliau mengosongkan kerusi dan bertanding semula dalam pilihanraya kecil pada 25 Ogos lalu, anggota parlimen Sungai Benut, Tawfik Tun Dr. Ismail adalah dua orang tokoh Team B yang meminta Speaker Dewan Rakyat pada sessi lalu untuk berpindah tempat duduk mereka diruangan oposisi.

Selubungan dengan itu, tiga ADUN Team B telahpun menduduki tempat oposisi dalam sessi Dewan Undangan Negeri Kelantan yang diadakan pada Jun lalu. Dalam Pengumuman Datuk Rais itu, beliau juga memberitahu para wartawan bahawa ada beberapa orang ADUN Team B (tiga dari Negeri Sembilan, dua dari Selangor dan satu dari Melaka) akan membuat pengumuman sebagai anggota BEBAS tidak lama lagi. Dan selain Datuk Rais sendiri, 12 daripada anggota Parlimen berkenaan ialah Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang), Hj. Ibrahim Ali (Pasir Mas), Datuk Haji Saidin Mat Piah (Tasik Cenderoh), Hj. Ibrahim Azmi Hassan (Kuala Nerus) Datuk Hj Mohamed Hj Ali (Nilam Puri), Hj. Wan Omar Wan Majid (Pasir Putih), Datuk Paduka Hajjah Rahmah Osman (Shah Alam), Datuk Zainal Abidin Zain (Bagan Serai), Datuk Radzi Sheikh Ahmad (Kangar), Datuk Hj Zakaria Abdul Rahman (Besut), Datuk Kamaruzaman Ahmad (Tanjung Karang) dan Datuk Zainol Abidin Johari (Sik).

Dengan pengumuman anggota Parlimen dan ADUN yang pro Tengku Razaleigh untuk memutuskan perhubungan dengan Barisan Nasional dan menjadi anggota BEBAS, perkembangan krisis UMNO pun sampai ke satu tahap yang mana Team B tidak lagi membenarkan sesiapa yang kononnya berpihak kepada mereka terus duduk diatas pagar.

Dengan lain perkataan Datuk Musa Hitam juga tiada pilihan lain dan terpaksa mengumumkan pendirian secara terbuka. Boleh dikatakan Datuk Musa yang begitu licik dalam permainan percaturan politik terpaksa mengejar masa untuk menyertai ‘keretapi terakhir’ bagi mengekalkan kedudukannya atau cuba memanjangkan kerjaya politik beliau sekurang-kurangnya buat seketika itu dengan membuat keputusan yang beliau benci tetapi terpaksa juga menyertai Team B.

Datuk Musa disifatkan sebagai tidak ada pilihan lain kerana semasa dan selepas beliau meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri beliau telah membidas kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir yang mana sukar sekali bagi beliau untuk merujuk kembali; tambahan pula penyokong-penyokong setia Datuk Seri Dr. Mahathir yang memegang posisi tinggi dalam parti dan kerajaan tidak menggembari Datuk Musa kerana kepulangan beliau, sudah tentu akan menjasakan kedudukan mereka.

Jadi bolehlah dikatakan sebaik sahaja Datuk Musa meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri, beliau sudah membakar jambatan yang menghubungkan beliau dengan Datuk Seri Dr. Mahathir dan juga pemimpin lain dalam pucuk pimpinan UMNO dan dengan menyertai Team B, adalah merupakan mencari jambatan baru untuk mengembalikan kegemilangan dalam kariernya sebagai seorang tokoh politik berperingkat nasional.

Sekiranya Datuk Musa melengah-lengahkan pengumumannya (untuk menyertai Team B), beliau akan dikeji oleh penyokong-penyokongnya sendiri, yang mana, walaupun akhirnya (selepas masa yang panjang) beliau membuat pengumuman sedemikian, kesannya tidak seberapa. Beliau akan kehilangan kuasa 'tawar menawar' untuk menjadi salah seorang pemimpin Team B lebih-lebih lagi diterima sebagai salah seorang anggota kumpulan itu sahaja.

Mengapa Datuk Musa tidak membuat pengumuman sebagai anggota BEBAS bersama dengan kumpulan 13 pada September 1988? Jawapannya ialah penyertaan Datuk Musa ke Team B merupakan 'Time Bomb' dalam puak tersebut.

Umum mengetahui Datuk Musa bukan pemimpin biasa, beliau mempunyai cita-cita yang besar dan berniat memanjat lagi supaya satu hari nanti beliau dapat kembali ke mercu kuasa politik. Oleh kerana itu soalannya ialah siapa yang akan mengetuai Team B. Adakah Datuk Musa rela memberi jalan kepada Tengku Razaleigh yang pernah dikalahkan oleh beliau dalam pertandingan merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO untuk menjadi 'taikoh' kumpulan itu.

Datuk Musa tentulah tidak sanggup berbuat demikian. Maka itulah sebabnya beliau tidak membuat pengumuman bersama kumpulan 13 untuk mengelakkan dari secara tidak langsung mengakui Tengku Razaleigh sebagai 'taikoh' beliau

dan juga kumpulan tersebut.

Sebagai tokoh terakhir membuat pengumuman (sebagai anggota BEBAS), ia memberikan gambaran kepada umum bahawa beliau adalah seorang tokoh 'heavyweight'. Ini memuaskan ego seseorang yang bercita-cita besar.

Satu perkara yang perlu diambil perhatian ialah apabila menjawab soalan wartawan beliau hanya menegaskan bahawa beliau tetap bersama Tengku Razaleigh dan kumpulannya tetapi tidak menyebut sama ada siapa yang akan mengetuai kumpulan itu, sedangkan dari senarai nama yang dikeluarkan kepada media massa oleh Datuk Rais Yatim semasa membuat pengumuman bagi kumpulannya tentang keanggotaan BEBAS 13 anggota Parlimen, nama Tengku Razaleigh tercatat di dalam senarai teratas. Secara tidak langsung 'mengesahkan' Tengku Razaleigh sebagai ketua kumpulan tersebut.

Jadi apakah Datuk Musa rela menjadi orang 'bawahan' Tengku Razaleigh memandangkan senioritinya dalam arena politik? Sekiranya kedudukan tidak membenarkan iaitu jika kebanyakan suara dalam kumpulan tersebut mahukan Tengku Razaleigh menjadi ketua mereka, Datuk Musa tidak akan melahirkan hasrat (hendak menjadi ketua) tetapi sebaliknya beliau akan membenamkan hasrat itu untuk seketika dan menunggu masa yang sesuai untuk menerkam semula seperti pepatah Tionghua yang berbunyi 'adalah mustahil dua ekor harimau berkongsi dalam satu hutan' Tengku Razaleigh dan Datuk Musa akan tidur sebantal tetapi mimpi lain-lain.

## STRATEGI DATUK MUSA

SAYA agak sekarang ini Presiden UMNO (Baru) Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pening kepala sedikit. Ini adalah kerana bekas 'brother' yang pernah memakai satu seluar yang sama dengannya', iaitu Datuk Musa Hitam sekali lagi cuba menguji kehandalan percaturan politiknya.

Ketika berucap dalam jamuan meraikan kemenangan Datuk Shahrir Abdul Samad dalam pilihanraya kecil Johor Bahru bulan lalu, Datuk Musa tiba-tiba mengumumkan bahawa beliau bersedia menemui Datuk Seri Dr. Mahathir bagi menyelesaikan masalah perpecahan orang Melayu. Lantas, cadangan itu dialu-alukan oleh pelbagai pihak termasuk pertubuhan-pertubuhan Melayu.

Cadangan Datuk Musa ini amat 'tricky'. Beliau menggunakan nama perpaduan orang Melayu yang sukar untuk ditolak oleh mana-mana satu pemimpin Melayu kerana berbuat demikian akan dituduh sebagai pengkhianat Melayu. Mungkin menyedari keadaan ini Datuk Seri Dr. Mahathir juga terpaksa menerima cadangan itu tetapi tidak mahu perbincangan yang bakal diadakan berdasarkan sebarang syarat.

Sebenarnya, pada beberapa bulan kebelakangan ini, kerjaya politik Datuk Musa menampakkan lampu isyarat merah kerana jika berbanding dengan masa beliau meletak jawatan Timbalan Perdana Menteri dua tahun dulu, pengaruh beliau semakin cerah. Kemenangan anak buahnya, Datuk Shahrir di pilihanraya kecil Johor Bahru turut memberi nafas baru kepada beliau. Boleh dikatakan kemenangan tersebut telah memberi modal kepada Datuk Musa dan kumpulannya untuk tarik harga dengan UMNO (Baru).

Datuk Musa benar-benar tahu mengambil kesempatan

untuk mengatur strategi baru dengan memberi tekanan ke atas Datuk Seri Dr. Mahathir yang tidak berani menolak sebarang cadangan untuk berbincang tentang perpaduan Melayu. Dilema Datuk Seri Dr. Mahathir mudah dibayangkan. Jika beliau menolak cadangan Datuk Musa itu, seterus politiknya pula akan mengutuk beliau sebagai menghalang perpaduan orang Melayu.

Tetapi Datuk Seri Dr. Mahathir ‘melenturkan dirinya’ dan bersetuju duduk semeja untuk bermuafakat dengan Datuk Musa dan gengnya, maka maruah beliau mungkin akan terjejas sedikit; kerana berbuat demikian boleh diterima sebagai pengakuan bahawa UMNO (Baru) ‘tidak sempurna’ tanpa kumpulan bekas Team B; dengan lain perkataan, ini bermakna UMNO (Baru) terus mengakui kelemahannya.

Bagaimanapun, ‘perpaduan Melayu’ adalah satu ‘senjata’ yang bisa dan sukar ditandingi oleh mana-mana pihak. Datuk Seri Dr. Mahathir sedar dengan mencadangkan perbincangan perpaduan Melayu, Datuk Musa telah menyediakan satu jerat untuk beliau, yang mana dalam perkiraannya, sama ada rela ataupun tidak, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak ada pilihan lain tapi masuk ke dalam jerat itu dahulu kemudian baru mencari jalan keluar.

Dan, scandainya perbincangan tidak membawa hasil, Datuk Musa dan kumpulannya tidak kehilangan apa-apa malah mungkin beliau boleh menyalahkan UMNO (Baru) tidak jujur, dan itu dan ini!

Pendek kata, sebaik sahaja Datuk Musa menyepak bola ‘perbincangan perpaduan Melayu’ di bawah kaki Datuk Seri Dr. Mahathir, beliau dan gengnya sudah berada dalam kedudukan yang selesa, yang tidak mungkin merugikan sesiapa.

Apakah Datuk Seri Dr. Mahathir turut terjerat pada kali ini. Pemerhati politik berpendapat Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mudah mengalah, beliau tetap akan mengatur tindak balas untuk mengatasi serangan Datuk Musa itu.

Apa yang akan dilakukan oleh beliau? Beliau telah pun memberi persetujuan untuk berbincang tapi tidak mahu sebarang syarat diikat ke atasnya. Jawapan ini nampaknya ‘biasa’. Tetapi jika kita memikir dengan lebih mendalam, ‘ular bisa terhendap-hendap di dalamnya’!

Umum mengetahui Datuk Musa dan Tengku Razaleigh Hamzah serta kumpulan yang menentang Datuk Seri Dr.

Mahathir selama ini begitu lantang menyorak slogan hendak memulihkan UMNO 46, dan bersetuju bersemuka dengan Datuk Seri Dr. Mahathir tanpa syarat bermakna kumpulan UMNO 46 sudah 'mengalahkan diri sebelum perperangan', sebelum pembukaan perbincangan mereka dan mengketepikan perjuangan untuk memulihkan UMNO 46!

Apabila perbincangan menemui kebuntuan kelak, kedua belah akan tuduh menuduh di antara satu sama lain yang pihak lain tidak jujur dan sebagainya.

Apa yang mungkin diketengahkan dalam perbincangan perpaduan Melayu itu? Perkara yang ditekankan oleh kumpulan 46 ialah berapa kerusi dalam kabinet dan juga pasti yang mereka dapat jika mereka berbaik-baik semula? Ini bukan mustahil tetapi hanya realiti sahaja.

Tetapi Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mungkin berani menunaikan 'permintaan' ini kerana kemungkinan beliau akan 'dibantai' oleh orangnya sendiri. Jadi, hasil perbincangan tersebut boleh kita ramalkan sekarang juga.

Apa akan terjadi selepas itu? Sama ada perbincangan yang dimaksudkan itu diadakan? Datuk Seri Dr. Mahathir akan terus cuba menyekat kemaraan kumpulan UMNO 46, genggam bara api biar sampai menjadi arang. Beliau akan membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihanraya umum tidak lama lagi (mungkin dalam tempoh enam bulan) yang mana beliau bersedia menghilangkan beberapa kerusi kepada PAS, asalkan dapat 'menyingkirkan' seterunya dalam kumpulan UMNO 46, untuk selama-lamanya!

Ini adalah berdasarkan kiraan Barisan Nasional akan dapat mengekalkan kedudukannya sebagai parti yang memenangi majoriti kerusi dalam pilihanraya umum yang bakal diadakan.

Sama ada telahan ini tepat ataupun sebaliknya, sama-sama kita lihat dan tunggu...yang mana dalam pandangan penulis, Datuk Seri Dr. Mahathir mungkin juga sedang melihat dan menunggu untuk mencari masa yang sesuai untuk mengadakan 'show-down' keseluruhan dengan Kumpulan UMNO 46.



**NG CHENG KIAT** – Perjuangkan prinsip



**ENCIK LIM KIT SIANG**  
– hampa sistem 2 parti

# KIT SIANG CEMBURUKAN LAM THYE

KONGRES DAP kelapan sudahpun berlangsung selama dua hari berturut-turut pada pertengahan April dengan 'ketiadaan' Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang dan enam orang lagi tokoh parti itu yang sedang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Pusat Kemunting, Taiping.

Selain dari dua orang muka 'baru' kesemua anggota jawatankuasa kerja pusat (CWC) lama dapat mengekalkan kedudukan mereka dalam parti. Antara mereka yang turut dipilih semula sebagai pemimpin pusat itu termasuklah kesemua tujuh orang pemimpin yang ditahan di Kemunting, iaitu Lim Kit Siang, Karpal Singh, Dr. Tan Seng Giaw, Lau Dak Kee, V. David dan Lim Guan Eng. Encik Lee Lam Thye dipilih semula sebagai Pemangku Setiausaha Agung parti.

Beberapa minggu sebelum kongres DAP itu, berita mengenai adanya segolongan pemimpin DAP berhasrat mengambil kesempatan dari ketiadaan Lim Kit Siang dengan merancang komplot untuk 'memberontak' bagi mengambil alih kepimpinan parti telah menjadi tumpuan media massa dan perhatian ramai.

Pada mulanya pemimpin DAP itu cuba menyembunyikan hakikat ini dan mendakwa berita tersebut sebagai cerita karrut.

Tetapi usaha puak 'pemberontak' berkembang hingga tidak terkawal dan akhirnya pucuk pimpinan terpaksa mengaku secara terbuka hakikat itu.

Pada peringkat ini pucuk pimpinannya agak goyang. Kedudukan Pemangku Setiausaha Agung nampaknya terancam. Keadaan ini muncul dari laungan yang kedengaran di beberapa sudut dalam negara membayangkan ketidakpuasan 'grass-root' tentang kepimpinan Lee Lam Thye yang dianggap terlalu sederhana dan lembut.

Pengaruh puak 'pemberontak' yang kononnya diketuai oleh anggota Parlimen Petaling Jaya, Dr. Eng Seng Chai nampaknya semakin hari bertambah kuat.

Sesetengah pemerhati politik berasa inilah peluang terbaik bagi Lim Kit Siang untuk 'menghapuskan' Lee Lam Thye.

Ini bukan khayalan semata-mata sebaliknya analisis berdasarkan sejarah. Umum mengetahui Lim Kit Siang amat segan dan tidak senang pada Lee Lam Thye kerana imej dan popularitinya yang baik itu. Selama ini Lim Kit Siang tidak berhenti-henti mengambil langkah mencegah pengaruh Lee Lam Thye dari berkembang dalam parti.

Keadaan menjadi ketara sekali apabila Lim Kit Siang sentiasa memencilkkan Lee Lam Thye di kalangan pucuk pimpinan DAP. Ini jelas terbukti dari hakikat bahawa selama ini Lim Kit Siang menguasai jawatankuasa Kerja Pusat DAP sehingga tiada seorang pun di peringkat atasan boleh dianggap sebagai pengikut Lee Lam Thye.

Lim Kit Siang tidak puas hati setakat mengawal DAP sahaja. Malah beliau pernah membuat beberapa percubaan bagi mengurangkan pengaruh dan populariti Lee Lam Thye di luar platform parti. Suatu ketika Lim Kit Siang pernah membuat sekurang-kurangnya dua percubaan bagi 'merampas' kerusi Parlimen Bandar Kuala Lumpur (kini Bukit Bintang) dari tangan Lee Lam Thye.

Bukan rahsia lagi menjelang pilihanraya 1978, Lim Kit Siang pernah menggunakan kuasanya sebagai Setiausaha Agung DAP memaksa Lee Lam Thye menyerahkan kawasan Parlimen KL Bandar yang mana beliau sendiri akan mengambil alihnya. Kesungguhan Lim Kit Siang 'menghalau' Lee Lam Thye dari kawasan KL Bandar kerana menganggap Setiausaha Agung parti haruslah menjadi anggota Parlimen ibukota negara barulah sesuai dengan kuasanya. Inilah penyakit "ego" Lim Kit Siang. Setiausaha Agung itu juga dikatakan tidak rasa senang hati dengan publisiti meluas yang diberikan pada Lee Lam Thye.

Bagaimanapun, Lee Lam Thye tidak berganjak dan berani berdepan dengan Kit Siang secara "show down". Kononnya Lee Lam Thye pernah berkata, jika Lim Kit Siang menggunakan kuasanya sebagai Setiausaha Agung dan 'merampas' kerusinya, beliau akan terus bertanding sebagai calon individu pula! Akhirnya Lim Kit Siang mengundur diri!

Strategi unortodox yang dilakukan oleh Lim Kit Siang sekali lagi mengejutkan orangramai. Kali ini beliau menyeru perwakilan ke kongres supaya memberi sokongan padu kepada Lee Lam Tye. Perbuatan Lim Kit Siang ini telah 'menyelamatkan' Lee Lam Thye, sekurang-kurangnya daripada mengalami 'embarrasment' jika beliau terus dicabar.

Orang mengetahui Lim Kit Siang tidak begitu rela memberi sokongan kepada Lee Lam Thye dalam 'round' ini. Beliau terpaksa berbuat demikian. Dalam saat-saat DAP sedang mengharungi 'set-back' yang paling teruk dalam sejarah parti itu dengan tujuh orang tokoh parti ditahan bawah ISA, Lim Kit Siang tidak boleh membenarkan pertandingan secara berpuak-puak dan besar-besaran berlaku dalam DAP kerana boleh melemahkan parti itu. Pada hakikatnya, berada di bawah 'pemerintahan kuku besi' Lim Kit Siang itu perwakilan DAP tidak biasa dengan semangat 'demokrasi'. Sekiranya DAP mengadakan pemilihan melalui proses demokrasi besar kemungkinan akan mendatangkan kesan yang buruk kepada partinya.

Pendekata, DAP memerlukan Lee Lam Thye untuk menstabilkan parti itu dan Lim Kit Siang terpaksa memberi sokongan kepada Lee Lam Thye demi untuk kestabilan parti.

Oleh kerana Lim Kit Siang memberi sokongan secara terbuka kepada Lee Lam Thye, 420 orang perwakilan dari 400 buah cawangan dari seluruh negara terus berpaut kepada 'bayang-bayang' Lim Kit Siang yang mana puak pencabar terpaksa membatalkan niat mereka sama sekali. Dari 99 orang calon yang masih bertanding untuk jawatan CWC itu, 55 mengundurkan diri. Akhirnya DAP melewati saat-saat yang genting dan terus terselamat, sekurang-kurangnya buat sementara, daripada kemungkinan krisis parti.

Tetapi kesan dari kongres itu masih membimbangkan puuk pimpinan DAP. Peristiwa Dr. Eng Seng Chai berbalah dengan Chan Kok Kit secara terbuka adalah salah satu-satu bukti tentang adanya 'under-current' dalam DAP.

Dr. Eng. Seng Chai telah dituduh sebagai 'trouble-maker' dalam parti itu dan menurut sumber-sumber yang dekat dengan DAP, beliau mungkin akan menghadapi tindakan disiplin.

Tetapi sebaliknya, Dr. Eng Seng Chai dan penyokongnya mendakwa mereka teraniaya dan terus menyeru pucuk pimpinan membuat penyiasatan lanjut bagi menentukan orang yang benar-benar bertanggungjawab terhadap tuduhan tersebut.

'Berita' terbaru ialah Dr. Eng Seng Chai telah memberi 'ultimatum' kepada pucuk pimpinan agar menjalankan siasatan yang mendalam bagi mendedahkan 'the culprit'. Sekiranya tidak dilakukan siasatan Dr. Eng Seng Chai dan penyokongnya akan mengundurkan diri dari DAP.

Akhbar Berita Awam (Akhbar Cina) dalam terbitan muka depannya bertarikh 25/4/88 melaporkan demikian. Persoalan apakah Dr. Eng Seng Chai akan mengambil keputusan yang mengejutkan itu sama-sama lah kita nantikan?

Tetapi, kini DAP menghadapi suatu dilema lagi. Menurut Seksyen 9A (1) (C) Akta Pertubuhan, seseorang yang ditahan di bawah ISA tidak boleh menyandang sebarang jawatan dimana-mana pertubuhan. Tetapi orang yang terlibat boleh membuat rayuan kepada Pendaftar Pertubuhan untuk mendapat kebenarannya dalam tempoh 28 hari dari tarikh beliau dilantik.

Apakah Pendaftar Pertubuhan akan membenarkan permonahan yang dikemukakan oleh DAP itu, dan sekiranya ditolak, apakah Lim Kit Siang dapat mengekalkan kedudukannya dengan cara 'remote-control' dari Kemunting melalui proxinya?

Sekiranya Lim Kit Siang ditahan dalam tempoh masa yang berpanjangan ada juga keimbangan pengaruhnya dalam parti lambat laun akan merosot. Pada masa itu, secara natural, Lee Lam Thye pasti mengambil alih dan ini bermakna tamatnya era Lim Kit Siang!

Dan dengan adanya golongan yang terlalu ghairah untuk menghapuskan Dr. Eng Seng Chai (yang sudah terpaksa meletak semua jawatan dalam parti selain daripada kerusi anggota Parlimen Petaling Jaya) dengan meningkatkan 'tuduhan' berterusan terhadapnya, nampaknya 'Time-Bomb Dalam DAP' boleh meletup pada bila-bila masa sahaja!

# DAP NAIK KERANA CINA TENTANG POLISI BN

PILIHANRAYA umum telah pun berlalu pada 3 Ogos 1986 dan kedudukan kerusi yang dimenangi oleh parti-parti yang bertanding adalah seperti berikut:

UMNO 83 kerusi, MCA 17 kerusi, Gerakan 5 kerusi, DAP 24 kerusi.

Kerajaan Barisan Nasional telah dapat mengekalkan lebih dua pertiga kerusi majoriti bagi membolehkan pembentukan kerajaan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan keputusan pilihanraya tersebut membuktikan rakyat masih tetap percaya dan menyokong segala polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Bagaimanapun sebaliknya, dalam pilihanraya yang lalu telah menjadi satu trend membuang undi mewujudkan polarisasi kaum.

Orang-orang Tionghua tidak lagi menyokong MCA dan Gerakan yang selama ini dianggap sebagai mewakili suara orang-orang Tionghua di dalam kerajaan.

Seperti diketahui umum, sebelum pilihanraya diadakan, orang-orang Tionghua pada keseluruhannya kecewa terhadap polisi-polisi Barisan Nasional seperti peluang mendapat pelajaran tinggi di universiti, kekurangan peluang pekerjaan dalam sektor kerajaan dan dalam bidang perniagaan, kontrak dari kerajaan diberi keistimewaan kepada Bumiputera.

Ini menyebabkan orang-orang Tionghua merasakan kerajaan tidak adil terhadap mereka.

Kita bukanlah menentang Dasar Ekonomi Baru tetapi pada pandangan orang ramai, terdapat penyelewengan dalam

pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sehingga kaum bukan Bumiputera terutamanya orang-orang Tionghua merasa tidak puas hati.

Sebelum 1969, orang-orang Melayu agak mundur dalam bidang ekonomi dan mereka memikirkan bahawa mereka tidak akan dapat menikmati harta serta kekayaan negara.

Tetapi selepas Dasar Ekonomi Baru diwujudkan, nasib orang-orang Melayu berubah dan diperingkatkan dalam bidang ekonomi dan lain-lain menyebabkan mereka terlepas dari dilema yang selama ini membendung mereka.

Kini sebaliknya, orang-orang bukan Bumiputera pula terutamanya orang Tionghua menghadapi dilema yang dialami oleh orang-orang Melayu dahulu. Mereka berasa tidak puas hati dengan sesetengah polisi kerajaan dan bagi melahirkan rasa ketidakpuasan hati itu mereka menyokong DAP seperti mana terbukti di dalam pilihanraya yang lalu.

Kerajaan haruslah mengenalpasti masalah dan rasa ketidakpuasan hati kaum Tionghua supaya jurang polarasi kaum yang wujud sekarang dapat dirapatkan semula.

Adalah tidak adil bagi pihak kerajaan menyalahkan MCA dan Gerakan di atas kekurangan jumlah pengundi Tionghua yang menyokong Barisan Nasional kerana dari bukti pembuangan undi tersebut, rakyat bukannya menentang MCA atau Gerakan, tetapi menentang polisi-polisi Barisan Nasional.

Orangramai kini mempersoalkan kenyataan Datuk Ahmad Razali, Menteri Besar Selangor yang mana dia dalam ceramahnya di Kajang pada 1hb Ogos 1986 mengeluarkan ugutan kepada pengundi-pengundi di sana dengan menyatakan sekiranya terdapat mana-mana kawasan DUN Barisan Nasional yang kalah, kawasan tersebut tidak akan menikmati pembangunan selama lima tahun ke hadapan.

Kenyataan Menteri Besar ini mungkin menyebabkan MCA kalah kerusi DUN kawasan Kajang.

Wang yang digunakan untuk pembangunan adalah wang hasil kutipan cukai dari rakyat. Dalam ertikata lain, wang tersebut bukannya wang kerajaan semata-mata.

Kerajaan wajib memberikan kepada rakyat peluang menikmati pembangunan tidak kira bangsa dan keturunan kerana rakyat adalah pembayar cukai dan berhak menikmati pembangunan hasil dari kutipan wang mereka.

Kerajaan juga janganlah mengamalkan sikap 'pilih kasih'

biarpun pihak kerajaan kalah di dalam kawasan tersebut kerana menang atau kalah bukanlah soal pokok. Juga janganlah dianaktirikan kawasan tersebut ataupun menyalahkan masyarakat di atas kekalahan kerajaan.

Apa yang perlu dilakukan, kerajaan haruslah menunjukkan kesaksamaan dan keadilan bagi terus mendapat sokongan dari rakyat.

Sesungguhnya adalah tidak patut seorang pemimpin negeri seperti Menteri Besar mengeluarkan kata-kata yang scolah-solah membangkitkan semangat benci terhadap kerajaan secara tidak langsung. Perkara seperti ini juga berlaku di pilihanraya tahun 1978 apabila Datuk Hormat Rafie (waktu itu Menteri Besar) berucap di Serdang membangkitkan perkara yang sama mengakibatkan Yap Pian Hon (sekarang Datuk) kalah.

Dan di dalam akhbar Sin Chew Jit Poh, *headline* akhbar tersebut tercatat kenyataan Datuk Ahmad Razali, di Kajang pada 1hb Ogos 1986.

Kita berharap kenyataan Menteri Besar tersebut disalah-fahamkan oleh pihak akhbar tetapi tiada penafian beliau mengeluarkan kenyataan seperti itu.

Sekiranya perkara ini benar, dicadangkan kepada pihak tertinggi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr. Mahathir menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan disiplin ke atas beliau.

Menjadi satu persoalan mengapa dalam saat-saat terakhir berkempen tiba-tiba tokoh-tokoh selalunya Menteri Besar mengeluarkan kata-kata yang boleh melukakan hati calon Barisan Nasional.

Kerajaan Malaysia sejak dari kemerdekaan hingga ke hari ini tidak putus-putus mengadakan pilihanraya yang mana menunjukkan kerajaan masih mengamalkan sistem demokrasi.

Dan saya sebagai calon Barisan Nasional kawasan DUN Damansara Utama walaupun menerima kekalahan di tangan DAP saya tetap menerima kekalahan tersebut dengan hati yang terbuka. Saya mengambil kesempatan di dalam ruangan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengundi-pengundi yang memberi kepercayaan kepada saya.

Meskipun kalah di dalam pilihanraya tersebut, saya tetap akan kembali ke kawasan tersebut dan berikrar akan menolong sedaya yang mungkin penduduk-penduduk di sana terutamanya di kampung-kampung yang masih belum mene-

rima berbagai-bagai kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik.

Dalam masa saya berkempen dan menghabiskan masa di sana telah memberi peluang kepada saya mengeratkan hubungan dengan penduduk-penduduk kampung serta mengerti akan kesusahan yang mereka alami.

Saya telah 'jatuh kasih' kepada pengundi-pengundi kawasan DUN Damansara Utama dan tidak akan membiarkan mereka semua berterusan mengalami kesusahan sebaliknya akan terus mendampingi mereka mulai sekarang dan akan cuba memberi pertolongan kepada mereka bila-bila masa sahaja.

## **HALA SEMANGAT '46 SETERUSNYA...**

**PILIHANRAYA** kecil Johor Bahru pada 25 Ogos lalu yang berkesudahan dengan calon bebas, Datuk Shahrir Abdul Samad yang disokong kuat oleh kumpulan (bekas) UMNO '46 mencapai kemenangan besar mengalahkan calon Barisan Nasional Haji Mas'ud Haji Abdul Rahman telah mencetuskan pelbagai spekulasi di kalangan orangramai.

Antaranya tersebar khabar-khabar angin bahawa para anggota Parlimen UMNO '46 akan mengambil giliran untuk meletakkan jawatan supaya memaksa UMNO (Baru) mengadakan 'show-down' dengan mereka dalam pilihanraya kecil yang akan diadakan kelak.

Sementara itu ramalan tentang kewujudan satu barisan pembangkang yang terdiri dari UMNO '46, PAS, DAP dan juga Parti Demokratik India Malaysia (DMIP) begitu heboh diperkatakan sekarang.

Mungkin UMNO '46 menganggap kematian Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Allahyarham Datuk Syed Zain Edrus Al-Shahab adalah 'tepat pada masanya' kerana tanpa mengorbankan ADUN ini, mereka berpeluang untuk menguji kekuatan UMNO (Baru) dan juga mengacau percaturan politik UMNO (Baru).

Dengan lain perkataan, bekas UMNO '46 berkesempatan untuk menyimpan 'peluru' mereka buat sementara dan menunggu pertempuran pilihanraya kecil di kawasan DUN Parit Raja yang telah dikosongkan berikutan pemergian Allahyarham Datuk Syed Zain.

Bagaimanapun dari segi strategi, bekas UMNO '46 tidak

akan berdiam diri untuk tempoh masa yang panjang. Selepas pilihanraya kecil Parit Raja, kumpulan ini pasti akan bergerak untuk mengatur serangan baru ke atas UMNO (Baru). Dan, taktik besar kemungkinan yang akan dipergunakan adalah pilihanraya kecil. Inilah perkara yang menarik perhatian pemerhati-pemerhati politik.

Soalnya sekarang ialah, sama ada bekas UMNO '46 akan mengosongkan kerusi mereka sekaligus dan 'Sailang' dengan UMNO (Baru) 'once and for all'?

Kebanyakkan pemerhati politik menolak kemungkinan ini kerana dengan berbuat demikian bermakna bekas UMNO '46 akan menghabiskan 'peluru' mereka dan selepas itu tidak akan terdaya untuk bersaing dengan UMNO (Baru) lagi.

Jadi, gerakan bekas UMNO '46 mudah diramalkan, iaitu mengosongkan kerusi DUN atau Parlimen satu demi satu. Dengan pergerakan demikian, selain dari meneruskan 'serangan' dan mengacau UMNO (Baru), bekas UMNO '46 juga dapat memelihara semangat perjuangan penyokongnya supaya tidak menjadi lemah akibat dari perselisihan yang berlarutan.

Bagaimana pula tindak-balas UMNO (Baru) untuk mengatasi cabaran tersebut? Presiden UMNO (Baru) Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga memegang tunggak kuasa negara selaku Perdana Menteri, mempunyai beberapa pilihan.

Sebelum mengambil sebarang keputusan untuk menemui cabaran dari lawan, beliau mesti memikir terlebih dahulu kesan-kesan pilihanraya kecil dari berbagai-bagai aspek.

Pertama, sama ada Barisan Nasional (BN) boleh muncul sebagai pemenang memandangkan kekalahan teruk yang dialami oleh BN di Johor Bahru, baru-baru ini. Sebarang kekalahan di dalam tangan bekas UMNO '46 lagi, pastinya sedikit sebanyak akan melemahkan semangat anggota UMNO (Baru) dan menjelaskan gengsi Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai ketua UMNO (Baru) dan juga negara.

Seperkara lagi, kos pilihanraya kecil juga harus diambil kira terutamanya dalam keadaan ekonomi yang masih belum begitu pulih dan kemelesetan yang berpanjangan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.

Jadi, perasaan 'takut kalah' dan 'kocek kosong' mungkin menjadi faktor penentuan yang mungkin memaksa Perdana Menteri terus mencari alasan untuk mengelakkan UMNO

(Baru) dari bertemu bekas UMNO '46 di gelanggang pilihanraya kecil akan datang.

Datuk Seri Dr. Mahathir mempunyai satu "senjata" yang tidak dapat disaingi oleh pihak lawan. Dalam hubungan ini beliau boleh membentangkan rang undang-undang mengharankan sebarang pilihanraya kecil diadakan akibat perletakan jawatan oleh mana-mana ADUN atau anggota Parlimen selain dari kekosongan jawatan akibat kematian atau kejadian lain yang tidak boleh dielakkan.

Tetapi berbuat demikian akan menyebabkan UMNO (Baru) menjerat diri sendiri yang mana dakwaan lawan yang mengatakan Datuk Seri Dr. Mahathir diktator dan demokrasi terbuntu dalam negara ini terbukti dari perbuatan sendiri!

Jangan kita lupa, sebelum dan selepas pembuangan undi di pilihanraya kecil Johor Bahru, Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri dan para pemimpin kanan lain berulang kali mengatakan dengan adanya pilihanraya Johor Bahru membuktikan demokrasi masih mendapat tempat di bumi ini. Apakah Datuk Seri Dr. Mahathir akan menampar mukanya sendiri dengan mengharamkan pilihanraya kecil dari terus diadakan?

Tetapi ada juga tanda-tanda membayangkan Datuk Seri Dr. Mahathir akan mencari jalan lain dan ini boleh 'dicium' dari terbitan Mingguan Malaysia minggu lalu (4-9-88) dalam ruangan 'Khabarnya' yang bertajuk 'BN Tak Payah Bertanding' oleh Awang Selamat.

Tulisan itu telah 'membuka jalan' untuk UMNO (Baru), yang menekankan bahawa pilihanraya yang disengajakan oleh bekas anggota UMNO (Lama) itu merupakan suatu perkara yang tidak patut diadakan, membuang wang dan tenaga dan penulis itu terus mencadangkan bahawa ada baiknya jika BN tidak meletakkan calonnya dalam pilihanraya kecil yang dirancang oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan kumpulan itu.

Jika kita mengambilkira kenyataan Utusan Malaysia yang merupakan suara UMNO (Baru), kita akan dapat memastikan sendiri bahawa UMNO (Baru) mungkin akan menggunakan taktik memberi kemenangan percuma kepada lawan dalam pilihanraya kecil yang akan datang. Cara ini setidak-tidaknya boleh mengelakkan UMNO (Baru) dari sebarang keputusan pilihanraya kecil yang sama seperti 'Waterloo' di Johor Bahru.

Dari sudut lain, cadangan Awang Selamat itu mungkin

satu-satunya taktik yang bijak. Ini adalah kerana jika seseorang Yang Berhormat bekas anggota UMNO '46 mengosongkan kerusinya dengan sengaja dan bertanding semula dalam pilihanraya yang yang mana UMNO (Baru) tidak turut bertanding dan terus memberi laluan percuma kepada beliau.

Ia akan menyebabkan beliau (dan juga kumpulan bekas UMNO '46) seolah-olah memperbodohkan diri sendiri di depan mata orangramai. Tambahan pula, sentimen yang berpihak pada bekas anggota UMNO '46, SOKONGAN ANGGOTANYA MUNGKIN PUDAR KERANA PENGUNDI - PENGUNDI MUNGKIN AKAN MUAK TERHADAP PERCATURAN ANTARA PUAK (dalam UMNO) yang bertujuan hanya untuk membuktikan kekuatan masing-masing dan keadaan ini memberi gambaran bahawa untuk tujuan yang dimaksudkan, sesuatu perkara yang serius (pilihanraya) telah dijadikan seperti suatu permainan kebudak-budakan!

Inilah kesan negatif yang mungkin menjeratkan kedudukan bekas UMNO '46 yang pasti dicksplotasi oleh UMNO (Baru) melalui media massa yang dikawal oleh mereka dengan sepenuhnya.

## **PEMIMPIN 46 KEJAR WANG DAN PELUANG?**

BARU-BARU ini, secara mendadak nama Yaakob Mohamad menjadi "popular" di kalangan politik dalam negara. Bekas Ketua Perhubungan Semangat 46 Negeri Kelantan itu menjadi kontroversial berikutan pengumuman perlatakan kesemua lima jawatan yang dipegang olehnya dalam parti tersebut dan dakwaan beliau kononnya PAS telah mempermain-mainkan Semangat 46 dengan tidak mengotakan perjanjian mempertukarkan jawatan-jawatan dalam Kerajaan Negeri kepada anggota Semangat 46.

Kontroversial menyelubungi Yaakob cuma adalah satu-satunya di antara pelbagai masalah dalaman yang dialami oleh Semangat 46. Sebenarnya parti itu sedang dilanda penyakit "sindrom mencari peluang".

Menjelang pilihanraya umum yang berkesudahan pada 21 Oktober 1990, Semangat 46 berkobar-kobar dengan semangat yang amat tinggi, anggota parti tersebut dan para pemimpinnya begitu berkeyakinan akan dapat mencapai prestasi yang cemerlang yang boleh menggugat kedudukan Barisan Nasional. Keputusan selanjutnya mengecewakan dan idaman Semangat 46 menjadi berkecaci dengan mereka hanya berjaya memperolehi lapan kerusi Parlimen, jauh kurang dari jangkaan. Keputusan ini dianggap satu kekalahan yang amat teruk sekali.

Ramai orang berpendapat pilihanraya umum tersebut merupakan ukuran kekuatan Semangat 46. Pandangan ini memang benar, tetapi ujian yang sebenarnya ialah bagaimana

anggota parti itu menghadapi cabaran selanjutnya.

Nampaknya jawapan bukan sukar dicari. Perkembangan dalam lebih kurang 100 hari selepas pilihanraya umum tersebut menunjukkan semangat anggota Semangat 46 sudah mulai luntur.

Satu demi satu para pemimpin parti tersebut berpaling hati. Bermula dengan Marina Yusof yang begitu lantang sekalii mengecam kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad telah kembali ke alam asalnya. Bekas calon Semangat 46 untuk Kawasan Parlimen Lembah Pantai itu senyap-senyap melaksanakan "gencatan senjata" dengan tidak lagi mengkritik UMNO buat seketika sebelum beliau dilantik sebagai Pengerusi Kewangan Usaha Bersatu Berhad (KUBB), cabang perdagangan Pemuda UMNO.

Datuk Haji Harun Idris pula secara terbuka mengumumkan bahawa beliau akan memberi tumpuan dalam perniagaan. Datuk Rais Yatim pula terbang ke luar negara ke bangku sekolah mengejar sarjana undang-undang. Haji Ibrahim Azmi Hassan pula seperti "bersara". Di antara semua perkembangan ini, anggota Parlimen Semangat 46 kawasan Pasir Mas, Ibrahim Ali dikhabarkan akan berpaling tadaah "memeluk" UMNO dan kononnya akan dilantik sebagai Timbalan Menteri. Kalangan politik tidak hairan dengan "khabar angin" ini kerana perwatakan si katak beliau pada masa yang lampau.

Yaakob yang kurang membuka mulut ketika memegang jawatan Ketua Penerangan Semangat 46 Negeri Kelantan, setelah meletakkan jawatan tersebut, sebaliknya bersikap mulut murai dan telah mengeluarkan banyak kenyataan yang mengaibkan parti serta mengelirukan khalayak ramai. Beliau juga telah menamakan 10 buah cawangan di bawah Bahagian Machang (Kelantan) sudah "berhenti" dan 80 peratus cawangan-cawangan dari bahagian tersebut akan lumpuh.

Perkembangan sedemikian menimbulkan satu tanda tanya yang menarik: "ke mana perginya Semangat 46 yang begitu kental pada permulaan penubuhan parti itu?" Orang ramai pasti masih teringat bagaimana para pemimpin Semangat 46 termasuk nama-nama yang tersebut di atas, telah menunjukkan semangat perjuangan yang tinggi sehingga seolah-olah rela mengorbankan segala dirinya demi untuk memelihara hak orang-orang Melayu dan menghidupkan semula semangat yang asal yang ada pada orang Melayu pada tahun

semangat yang asal yang ada pada orang Melayu pada tahun 1946.

Kini, sebaik sahaja ‘kapal layar Angkatan tersadai’ dalam pilihanraya umum 1990, sebahagian besar para pemimpin Semangat 46 pula tidak sabar hendak berlompat-lompat keluar dari kapal tersebut! Apakah semua slogan yang dilaungkan oleh mereka dahulu adalah dusta belaka?

Mungkin roh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj tidak senang dengan perkembangan itu dan mungkin berkata “Kau semua ini ‘penipu’ dan pengkhianat, sudah memperalat dan mengecewakan saya!”

Memang sebahagian besar pemimpin Semangat 46 masih berada dalam parti tersebut. Tetapi memandangkan pemimpin-pemimpin tersebut yang sudah menukar pendirian mereka itu bukan calang-calang orangnya maka tiada orang berani menjamin semangat perjuangan mereka boleh tahan untuk selama-lamanya.

Berdasarkan gerakan sesetengah pemimpin tingginya seperti Datuk Haji Harun Idris, Datuk Ibrahim Ali, Marina Yusof dan lain-lain telah membuktikan sekental-kental semangat perjuangan ataupun ideologi akhirnya menyerah kepada realiti.

Kerana lebih berminat mengejar peluang, mereka sudah lupa apa yang pernah dilaung-laungkan oleh mereka pada suatu ketika dahulu. Untuk masa depannya, semua ini boleh diketepikan. Kasihan kepada para penyokong yang cuba diperalatkan kerana slogan manis untuk menarik perhatian mereka satu ketika dahulu.

Sekiranya semangat perjuangan tidak tahan kepada daya tarikan seperti wang dan peluang di kalangan pemimpin Semangat 46 berterusan, besar kemungkinan Semangat 46 jatuh seperti parti-parti separuh “mati” pada masa akan datang.



*Penulis semasa mengangkat sumpah mewakili kadet-kadet yang menjalani latihan politik pada awal tahun 1980-an di hadapan Sdr. Wong Mook Leong, AJK MCA Pusat*



*Penulis, Datuk Lee Kim Sai dan Lim Keh Seng dalam satu majlis yang dianjurkan oleh MCA*

# ANWAR JANTUNG HATI MAHATHIR

ROMBAKAN kabinet yang berkuatkuasa pada 15 Mac depan 1991 sekaligus membawa senario politik UMNO ke satu dimensi baru yang menarik perhatian ramai. Dalam pada itu, ianya juga telah menonjolkan sikap Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ada 'dua jantung'. Apa yang jelas di sini semacam ada pilih kasih di antara tokoh baru dan lama.

Dua jantung yang berkait adalah Datuk Seri Anwar dan Ghafar Baba yang kini masih enak di kerusi empuk Timbalan Perdana Menteri. Walaupun ada empat portfolio yang terlibat dalam rombakan kabinet tersebut tetapi yang hangat diperkatakan ialah perlantikan Datuk Seri Anwar sebagai Menteri Kewangan dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi sebagai Menteri Luar. Ianya telah menimbulkan pelbagai reaksi terutama dalam usaha menonjolkan seseorang pemimpin masa depan negara.

Penyertaan semula Datuk Abdullah Ahmad Badawi atau lebih dikenali dengan panggilan 'Pak Lah' dalam barisan je-maah Menteri Kabinet telah memenuhi kehendak perwakilan UMNO. Dalam erti yang lain, perlantikan 'Pak Lah' boleh dikatakan sebagai 'kemenangan para perwakilan yang memilih Pak Lah' serta dapat menutup mulut pengkritik yang mengatakan Dr. Mahathir tidak mengamalkan demokrasi dalam UMNO.

Bagaimanapun, ramai di antara para pemerhati politik tetap percaya perlantikan 'Pak Lah' lebih membuktikan Dr. Mahathir menyerah kepada 'tekanan' perwakilan parti yang

mempunyai pandangan politik yang jauh.

Tetapi, dengan meletakkan 'Pak Lah di luar negeri' menimbulkan pula pertanyaan. Apakah Dr. Mahathir ingin melumpuhkan pengaruh beliau di dalam negeri (UMNO)? Jika kita mengupas kembali percakapan Dr. Mahathir dalam pembentukan kabinet pertamanya yang mana Tengku Ahmad Rithauddin dipanggil 'pulang' dan ditukar menjawat jawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebab beliau sebagai Naib Presiden perlu meluangkan banyak masa dalam negeri. Terdapat kontrakdisi pemikiran Dr. Mahathir pada ketika itu dan sekarang.

Dengan sensitiviti yang timbul dari dasar luar negara kita akibat memberi lampu hijau kepada bala tentera bersekutu mengambil tindakan tentera terhadap Iraq, jawatan Menteri Luar telah menjadi satu 'kerusi panas'. 'Pak Lah' perlu bertindak dengan berhati-hati supaya tidak 'terjerat' seperti Datuk Abu Hassan Omar.

Kini mungkin 'Pak Lah' sedang termenung dan memerhatikan tentang perwatakan manusia. Dalam masa kegelapan apabila beliau tidak memegang sebarang jawatan dalam kabinet, beliau dianggap oleh segelintir pihak sebagai 'ikan masin' dan tidak ramai orang mendampinginya.

Berikut pengumuman Perdana Menteri tentang kepulangannya ke kabinet, saya berani meramalkan bahawa rumahnya pasti sesak dengan pengunjung-pengunjung yang tidak pernah muncul pada tiga tahun kebelakangan ini.

Sudah tentu telefon di rumah 'Pak Lah' berdering-dering dan berbagai bahasa tahniah diucapkan kepada Naib Presiden UMNO itu.

Pemikiran rakyat negara ini pada keseluruhannya percaya perlantikan Datuk Seri Anwar sebagai Menteri Kewangan adalah bukti bahawa Dr. Mahathir hendak menyediakan 'anak buahnya itu' memegang jawatan yang lebih tinggi di masa depan, sebagai contoh jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Pengumuman tentang perlantikan Datuk Seri Anwar sebagai Menteri Kewangan telah disambut dengan sikap ragu-ragu dan dingin. Tiada pertubuhan-pertubuhan atau usahawan-usahawan memberi komen positif.

Ini jauh berbeza dengan reaksi hangat yang biasa ditunjukkan dalam menyambut perlantikan Menteri Kewangan pa-

da masa lampau termasuk Menteri yang bakal bersara, Datuk Paduka Daim Zainuddin.

Keadaan luar biasa ini timbul dari dua faktor. Pertama, Datuk Seri Anwar bukan pakar ekonomi. Maka, tidak hairanlah rakyat meragui kemampuannya untuk mengemudikan bahtera besar itu.

Faktor yang lebih penting ialah sikap Datuk Seri Anwar yang suka bersandiwara dan bermain politik. Ramai kalangan bimbang jika beliau meneruskan sikap begini sebagai Menteri Kewangan, besar kemungkinan akan mendatangkan malapetaka kepada ekonomi negara.

Menjelang akhir karier politik Datuk Paduka Daim ditampuk kuasa, kita perlu merakamkan pandangan umum yang mengakui Datuk Paduka Daim 'had done a good job' sebagai Menteri Kewangan. Beliau telah memulihkan ekonomi negara yang semakin malap dan kini negara menikmati keadaan ekonomi yang begitu baik.

Kita harus berterima kasih kepada beliau kerana usaha gigihnya yang tidak mahu melayan sebarang sepak terjang politik dan menumpukan sepenuh perhatiannya dalam melaksanakan sesuatu untuk manfaat negara.

Datuk Paduka Daim berjaya memantapkan ekonomi negara dalam keadaan sekarang yang boleh membanggakan jika dibandingkan dengan kebanyakan negara di rantau Asia dan dunia amnya yang banyak dilanda inflasi dan pelbagai masalah yang menyusahkan kehidupan rakyat masing-masing.

Datuk Paduka Daim boleh bersikap tegas kerana beliau tidak mempunyai sebarang niat dalam arena politik.

Tetapi Datuk Seri Anwar lain pula. Umum mengetahui dan terbukti dari gerak-gerinya sebelum ini, beliau mempunyai cita-cita besar untuk memanjat ke mercu politik.

Atas keghairahan untuk mempertingkatkan kedudukan, adalah natural secara sengaja atau tidak beliau mungkin meneruskan permainan lakonannya.

Saya rasa Perdana Menteri telah mengambil kira perkara tersebut tetapi tetap mengambil keputusan mahu memberi peluang kepada Datuk Seri Anwar agar membenarkan beliau memperluaskan pengalamannya dalam pentadbiran negara. Walaubagaimanapun, tindakan Perdana Menteri itu adalah satu keputusan yang berani tetapi merbahaya.

Perlantikan semula 'Pak Lah' sebagai menteri kabinet se-

benarnya adalah satu gerakan dan percaturan politik yang halus. Memang sudah tidak diragui kini kedudukan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO amat kukuh dan langsung tidak dapat digugat oleh sesiapapun.

Tetapi gerakan Datuk Seri Anwar yang aggresif di mana perkembangan pengaruh politik beliau yang pesat dan berpuak-puak Dr. Mahathir mungkin tidak mahu menghadapi tekanan dari golongan Anwar.

Justeru itu, 'Pak Lah'lah yang boleh mengimbangi kekuatan Anwar dan dengan memainkan 'balancing politic' boleh mengekalkan Dr. Mahathir dalam keadaan selesa.

Kedua-duanya, Datuk Seri Anwar dan Pak Lah bukan calang-calang dan masing-masing tidak boleh dipandang rendah. Datuk Seri Anwar mempunyai rekod yang cemerlang sebagai Menteri Pendidikan, sementara itu ketabahan 'Pak Lah' dalam menghadapi kesusahan dalam tempoh 'tiga tahun pembuangan' dan melantun kembali ke tumpuk kuasa menunjukkan kedua-duanya mempunyai karisma yang kuat serta masing-masing layak menjadi bakal pemimpin negara.

Bagaimanapun kata pepatah Tionghua yang berbunyi; 'Satu negeri tidak mungkin mempunyai dua raja'. Perkembangan politik pada masa depan akan mengheret kedua-dua pemimpin tersebut dalam satu perlumbaan yang sengit dan mungkin mendebarkan.

## Isu Anggota Parlimen Bebas : **DIMANA PENDIRIAN ZAHIR?**

KRISIS UMNO (Baru) masih belum pulih, kini parti pula dilanda dengan satu sindrom 'Anggota Parlimen bebas'. Sindrom ataupun penyakit ini dicetuskan oleh Anggota Parlimen Johor Bahru Datuk Shahrir Abdul Samad apabila beliau menyerahkan surat kepada Dewan Rakyat mengisyiharkan dirinya sebagai seorang Anggota Parlimen Bebas dan disertai oleh rakannya Mohamad Tawfik Tun Dr. Ismail Anggota Parlimen kawasan Sungai Benut.

Di samping itu khabar-khabar angin bahawa ada lagi 17 Anggota Parlimen akan mengisyiharkan pendirian mereka sebagai anggota bebas pada bila-bila masa.

Sama ada Presiden UMNO (Baru) Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berasa bimbang terhadap perkembangan itu kita tidak dapat menyelaminya. Tetapi kenyataan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Mohamad Zahir Ismail pada 12 Mei 1988 lalu begitu janggal sekali.

Menurut laporan akhbar-akhbar tempatan, beliau mengatakan bahawa semua bekas Anggota Parlimen UMNO (Lama) kekal sebagai anggota parlimen Barisan Nasional.

Tan Sri Mohamad Zahir menerangkan, Anggota Parlimen berkenaan dipilih ke Dewan Rakyat atas tiket Barisan Nasional dan bukan atas parti-parti mereka. Jadi, jika mereka dapat melepas rintangan pilihanraya umum dan menjadi Yang Berhormat, mereka telah menjadi Anggota Parlimen Barisan Nasional dan bukan parti dari mana mereka wakili.

Tetapi agak aneh, beliau teragak-agak dan tidak berani 'komited' apabila ditanya tentang kedudukan Encik Wong Choon Wing, bekas Setiausaha Organisasasi MCA merangkap bekas Timbalan Menteri Kebudayaan dan Sukan. Beliau cuma berkata, "Saya belum memikir tentangnya lagi".

Adalah jelas sekali, kenyataan dan jawapan Yang Dipertua Dewan Rakyat jauh bercanggah dari segi prinsip dan semangatnya serta juga kontradiksi dengan diri sendiri (*self contradictory*).

Pada hematnya, Tan Sri Mohamad Zahir bukan orang yang sesuai untuk membuat kenyataan tersebut. Jika beliau tetap ingin membuat demikian, beliau boleh memberi penjelasan berdasarkan peraturan-peraturan tertentu yang mengawal aktiviti dan kedudukan Anggota Parlimen dan bukan memberi ulasan seperti seorang tokoh politik.

Sebagai seorang YDP Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamad Zahir sepatutnya berpegang teguh dengan sikap berkecuali. Tetapi dengan membuat ulasan tersebut beliau bukan sahaja telah bertindak luar batasan, bahkan dengan sikap berat sebelah itu Tan Sri Mohamad Zahir sudahpun mencemarkan keluhuran Parlimen yang mulia itu. Apakah Tan Sri Mohamad Zahir cuba mencerobohi kuasa Presiden UMNO ataupun tokoh-tokoh politik lain yang patutnya lebih sesuai untuk membuat ulasan seperti yang dimaksudkan itu.

Dari pandangan peribadi, orangramai benar-benar mengharapkan Tan Sri Mohamad Zahir, yang memegang jawatan Yang Dipertua Dewan Rakyat mesti sentiasa mengingatkan diri terhadap tanggungjawabnya bukan sekadar menjalankan tugasnya dalam segala urusan berkait dengan jawatan itu tetapi mesti juga berhati-hati dengan tingkah lakunya supaya dapat menjaga keluhuran dan imej baik parlimen yang bebas dari sebarang percaturan politik.

Tan Sri Mohamad Zahir boleh dipandang sebagai seorang yang 'tidak berpendirian'. Beliau seolah-olah ghairah untuk berpolitik dari menjadi pengadil.

Dalam hubungan ini, Tan Sri Mohamad Zahir harus menahan perasaannya dan terus mengelakkan dari membuat sebarang tindakan atau mengeluarkan kenyataan yang mungkin boleh mengheret 'kerusi' YDP itu ke kancang pertengahan.

## Pilihanraya Kecil Johor Bahru : **UJIAN PERTAMA TEAM B**

**PENAMAAN** calon untuk pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru pada Khamis lalu (11 Ogos 1988) mengakibatkan suhu politik kian meningkat di kota selatan itu, malah demam pilihanraya kecil juga menjangkiti seluruh negara.

Kini ketiga-tiga calon berkenaan iaitu Haji Mas'ud Hj Abdul Rahman (Barisan Nasional), Datuk Abdul Shahrir Abdul Samad (Bebas) dan Abdul Razak Ahmad (PSRM) sedang bertungkus-lumus berkempen memperjuangkan nasib dan masa depan politik mereka. Sebelum kita mengulas dan meramalkan keputusan pilihanraya kecil itu, kita perlu mengimbas profil calon-calon yang bertanding dan sejarah pilihanraya Johor Bahru sebelum ini.

Haji Mas'ud seorang bekas pendidik, (meletakkan jawatan sebagai guru 31 Julai) penulis dan juga seorang aktivis masyarakat. Pernah memegang jawatan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Johor Bahru (1984-1987) yang ketika itu diketuai oleh Datuk Shahrir sendiri.

Ramai yang berpendapat pemilihan Haji Mas'ud merupakan suatu gerakan politik yang bijak. Ini adalah kerana sebagai seorang pendidik, beliau mempunyai latar belakang yang bersih, tiada sebarang 'kecacatan' ataupun kelemahan yang mungkin boleh dieksplorasikan oleh musuh politiknya dalam pilihanraya kecil itu. Jadi, jentera Barisan Nasional boleh menumpukan perhatian sepenuhnya dan menggerahkan semua kekuatan tenaga untuk berkempen.

Datuk Shahrir yang cuba mengekalkan kerusi Parlimen Johor Bahru yang telah diduduki sebanyak sepenggal, sedang

berkempen dengan suatu situasi yang aneh dan istimewa. Dalam sejarah pilihanraya ataupun pilihanraya kecil negara ini, tidak ramai calon bebas yang boleh berjaya. Tetapi bagi Datuk Shahrir keadaannya agak berlainan. Beliau disokong oleh beberapa bekas tokoh UMNO yang tidak bersepundapat dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad seperti Tengku Razaleigh Hamzah dan bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman. Kemampuannya tidak boleh dipandang ringan.

Abdul Razak yang mewakili Partai Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) bukan asing lagi bagi pengundi-pengundi di Johor Bahru. Sebelum ini, beliau sudah dua kali bertanding dengan Datuk Shahrir (ketika itu mewakili BN) dalam pilihanraya 1982 (dikalahkan dengan majoriti 26,537) dan 1986 (dikalahkan dengan 2,235 majoriti) untuk merebut kerusi parlimen Johor Bahru. Beliau juga mewakili PSRM dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Tanjung Puteri Mac lepas dan hampir-hampir berjaya (kalah dengan kelebihan tipis - 31 undi kepada calon BN, Datuk Haji Mohamed Yunus Sulaiman).

Pada hari penamaan calon, ketiga-tiga bakal yang berhor mat masing-masing melafazkan keyakinan untuk mencapai kemenangan, sedang cuma seorang sahaja yang boleh mencapai kemenangan!

Kawasan Parlimen Johor Bahru mempunyai 60,292 orang pengundi; 30,500 darinya adalah pengundi Melayu, 24,268 pengundi Tionghua, 4,974 pengundi India dan 180 pengundi bangsa lain.

Dalam pilihanraya umum pada tahun 1986 lalu, kawasan Parlimen tersebut mempunyai 59,922 pengundi, tapi cuma 26,467 orang sahaja yang keluar mengundi.

Untuk menganalisis pilihanraya kecil ini, soalan yang pertama mesti ditanya ialah, bagaimana pendirian 23,461 pengundi yang mendiamkan diri dan tidak keluar membuang undi mereka pada pilihanraya umum yang lepas. Kalau dibandingkan dengan angka pengundi yang mendiamkan diri ini, majoriti 2,235 undi yang diperolehi oleh Barisan Nasional pada tahun 1986 merupakan angka yang kecil sekali. Jadi, sama ada 23,461 pengundi ini atau sebahagiannya akan keluar mengundi kali ini adalah satu faktor yang tidak dapat diketahui; malahan, trend pembuangan undi golongan ini juga tidak diketahui dan tidak dapat diramalkan.

juga tidak diketahui dan tidak dapat diramalkan.

Bagaimana pula pendirian 36,461 pengundi yang telah membuang undi mereka pada pilihanraya umum tahun 1986? Sekiranya kita menggunakan kiraan yang simple; maka kita boleh mengatakan bahawa calon BN pasti akan mengekalkan kerusi tersebut. Sementara itu jumlah undi yang diperolehi oleh PSRM akan dibahagikan dengan calon bebas (Datuk Shahrir) kali ini. Jadi, Haji Mas'ud akan muncul sebagai pemenang pilihanraya tiga penjuru itu.

Akibat dari permainan publisiti oleh pihak-pihak tertentu dan perkembangan trend politik, nampaknya pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru telah menjadi satu pertarungan di antara Barisan Nasional dengan calon bebas (Datuk Shahrir) yang mana calon PRSM Abdul Razak telah jatuh standard sebagai 'pelakon pembantu' sahaja!

Dengan lain perkataan, ia adalah 'show-down' di antara UMNO (Baru) dengan bekas Team B dalam UMNO (Lama). Ini adalah satu pengujian kepada kedua-dua pihak. UMNO (Baru) pasti akan mangambil kesempatan ini untuk membuktikan kekuatannya.

Tapi ada juga faktor-faktor lain yang mungkin di luar dugaan dan kontrol kedua-dua pihak yang boleh menentukan menang dan kalah. Antaranya, jangan lupakan sedikit perjudian yang berupaya mempengaruhi pendirian pengundi. Bagaimanapun, harus difahami dan dihayati, pilihanraya kecil itu tidak membayangkan keadaan sebenarnya.

Bagaimanapun, pendirian pengundi Tionghua akan menentukan keputusan pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru. Sekiranya Barisan Nasional dapat menunjukkan keikhlasan kepada kaum Tionghua, maka peluang untuk menang adalah cerah.

Buat masa sekarang, masih terlalu awal untuk meramal keputusan terakhir, yang berani saya ramalkan ialah, soalan sama ada Abdul Razak akan hilang wang pertaruhannya!



**TAN KOON SWAN**

*- Masih berwibawa dan dihormati*



**DATUK MOHAMED RAHMAT**

*- Setia*

## Pilihanraya kecil Johor Bahru : **'ANJING' DAN 'KUCING'** **KOMPROMI**

HARI ini pada 25 Ogos 1988 pengundi-pengundi di kawasan Parlimen Johor Bahru akan diberi peluang untuk menentukan masa depan dan karier tiga orang calon yang berkempen bermati-matian sejak 11 haribulan lepas. Pilihanraya kecil itu kini telah sampai kekemuncaknya hari pembuangan undi.

Sepanjang tempoh berkempen itu peperangan publisiti tiga penjuru semakin meningkat dan bahangnya boleh juga dirasai oleh rakyat di setiap sudut dalam negara ini.

Selain daripada strategi konvensional kali ini kita dapat menyaksikan pelbagai bahan taktik baru dipergunakan oleh calon-calon pilihanraya kecil itu. Bukan orang hidup sahaja yang sibuk-sibuk berkempen, malah orang mati turut 'dipaksa' keluar dari kubur dan mengambil bahagian dalam peperangan publisiti pilihanraya tersebut.

Dalam perebutan kerusi parlimen ini, kita melihat gambar-gambar allahyarham bekas Perdana Menteri Tun Razak Haji Hussien dan bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Dr. Ismail Abd. Rahman dipamerkan oleh penyokong-penyokong calon Bebas, Datuk Shahrir Abdul Samad. Jika dua negarawan itu menyedari hal ini, entahlah apa perasaan mereka!. Bukan setakat itu sahaja, Datuk Shahrir juga menggunakan senjata airmata Bapa Kemerdekaan untuk memancing undi.

Bapa Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mun-

cul di Pusat Penamaan Calon pada hari penamaan dan di-pertengahan ucapan selama tujuh minit kepada hadirin (penyokong) Datuk Shahrir, beliau scolah-olah tidak tertahan kesedihannya dan terus mengalirkan airmata.

Peristiwa ini sedikit sebanyak dapat 'memikat' undi simpati dari pengundi-pengundi Johor Bahru untuk Datuk Shahrir.

Buat masa ini, nampaknya calon Barisan Nasional, Haji Mas'ud Abd Rahman sedang menghadapi cabaran yang paling hebat dari dua hala, iaitu Datuk Shahrir dan juga calon PSRM Abdul Razak Ahmad.

Tambahan pula DAP yang tidak meletakkan calon dalam pilihanraya kecil ini tidak berdiam diri dan turut campur-tangan dalam rebutan kerusi Parlimen tersebut. Tetapi anehnya DAP yang menjadi musuh ketat UMNO (Lama) terutamanya sebelum UMNO lenyap akibat keputusan Mahkamah Tinggi Februari lalu, kini berubah dan memberi sokongan secara terbuka kepada Datuk Shahrir yang merupakan proksi Team B dalam UMNO (Lama).

Menurut kenyataan Pemangku Setiausaha Agung DAP, Lee Lam Thye dan anak perempuan 'Setiausaha Agung' DAP (mewakili bapanya, Lim Kit Siang yang sedang dalam tahanan ISA di Kemunting) Lim Hwi Ying, bapa beliau juga memberi sokongan secara terbuka kepada Datuk Shahrir atas sebab yang diketengahkan iaitu, DAP berpegang dengan kepercayaan bahawa hanya Datuk Shahrir sahaja boleh memainkan peranan berkesan untuk menentang pucuk pimpinan UMNO (Baru).

Pendirian terbaru DAP ini mengejutkan orangramai, kerana perubahan pendirian itu boleh disifatkan 'anjing dan kucing' yang sentiasa berkelahi dan menjadikan seteru ketat, tiba-tiba berubah pendirian dan pandangannya. 'Anjing' berkata, 'kucing' yang diceritakan agak berlainan dengan kucing yang dimusuhi. Sebenarnya DAP tidak sedar bahawa kedua-dua kucing itu adalah satu keturunan dan mempunyai watak yang sama.

Dengan perubahan DAP ini telah terbukti dalam arena politik bahawa seseorang pemimpin boleh mengubah dan mengorbankan pendirian serta prinsipnya semata-mata untuk mencapai matlamat kepentingan peribadi.

Sebaliknya, pengundi-pengundi kaum Melayu di Johor

Bahru berada dalam keadaan serba salah. Sesetengahnya pening kepala dan agak keliru tentang pertelingkahan UMNO (Baru) dan puak yang menentangnya. Kedua-dua puak sama-sama menekankan bahawa mereka yang sebenarnya memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu. Masing-masing mendakwa mempunyai semangat keMelayuan tulen dan luhur, tetapi yang mana antara mereka yang betul-betul tulin? Benar-benar memeningkan kepala!

Satu masalah yang ditemui oleh puak Semangat 46 (UMNO 46) yang menyokong Datuk Shahrir ialah bagaimana hendak meyakinkan para pengundi Melayu bahawa kerjasama antara puak itu dengan DAP buat kali ini tidak bercanggah dengan prinsip UMNO (Lama) dan tidak akan menjelaskan kepentingan orang-orang Melayu. Dengan lain perkataan kerjasama di antara puak 46 dengan DAP itu tidak bererti puak UMNO 46 sudah menjual prinsip ‘parti’ atau melupakan perjuangan orang-orang Melayu menurut semangat 1946!

Lagi satu faktor yang boleh menentukan keputusan pilihanraya kecil JB, ialah ‘mood’ pengundi-pengundi masyarakat Tionghua yang tidak begitu berpuashati dengan kepemimpinan Barisan Nasional. Sama ada beberapa ‘hadiah’ pilihanraya kecil yang ditujukan oleh pihak BN akan mencapai keberkesanannya akan diketahui selepas tengah malam ini (26-8-88).

Tidak mengira apa keputusan pilihanraya kecil itu, satu kesan yang akan tinggal dalam fikiran pengundi-pengundi yang rasional dan tidak beremosi di Johor Bahru itu ialah apakah prinsip dan integriti politik boleh diketepikan oleh percantuman “politiking”?



**HAJI NIK AZIZ HAJI NIK MAT**  
– Menindas minoriti?



**TENGKU RAZALEIGH HAMZAH**  
– Terkapal-kapal

# Pilihanraya Johor Bahru : SATU PENGAJARAN DAN PELAJARAN

KEPUTUSAN pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru telah diumumkan pada sebelah pagi 26 Ogos lalu. Episod pilihanraya kecil itu pun berakhir dengan titik peluh perjuangan calon Bebas, Datuk Shahrir Abd. Samad telah berhasil dengan mengekalkan kerusi Parlimen yang didudukinya sebelum itu.

Beliau memperolehi 23,581 undi mengalahkan calon Barisan Nasional (BN), Haji Mas'ud Abdul Rahman (10,968 undi) dengan majoriti sebanyak 12,613 undi manakala calon PSRM Abdul Razak Ahmad telah mengalami kekalahan yang agak teruk.

Razak hanya mampu memperolehi 2,260 undi sahaja dan hilang wang pertaruhannya. (Saya telah meramalkan kemungkinan Razak akan hilang depositnya diruangan ini selepas penerimaan calon).

Sepanjang kempen pilihanraya kecil itu, kita telah menyaksikan 'pertarungan' yang hangat lagi sengit di antara dua musuh yang seimbang iaitu calon Bebas, Datuk Shahrir dengan calon BN, Haji Mas'ud dengan mengketepikan 'Bintang Pembantu' Abdul Razak ke sudut kesamaran.

Bagi BN dan PSRM, kini diibaratkan 'nasi sudah menjadi bubur'. Apa yang boleh dan harus dibuat ialah menjalankan suatu 'post mortem' untuk mencari punca kekalahan masing-masing.

Sementara itu, kalangan ramai lebih suka berteka-teki ten-

tang kesan keputusan pilihanraya kecil tersebut dan ingin tahu sama ada lebih banyak lagi pilihanraya kecil akan diadakan.

Sebelum kita mengkaji kemungkinan ini, kita rasa adalah lebih baik kita mengimbas beberapa perkara dan reaksi selepas pengumuman keputusan pilihanraya Johor Bahru.

Kebetulan, Datuk Shahrir dan 'nakhoda' pihak BN dalam pilihanraya kecil tersebut Haji Muhyiddin Mohd Yassin (kini Tan Sri), masing-masing memberi ulasan yang sama iaitu pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru membuktikan 'kemengangan pada demokrasi'.

Apa yang berbeza mungkin adalah Datuk Shahrir yang mendakwa pucuk pentadbiran negara sekarang kononnya condong ke arah diktator itu telah ditangkis di tangan rakyat yang menjalankan tugas mereka sebagai pengundi dalam proses demokrasi.

Sebaliknya, Haji Muhyiddin mungkin menekankan bahawa dengan adanya pilihanraya kecil tersebut yang mana rakyat (pengundi) diberi peluang dan hak yang bebas untuk memilih wakil mereka di samping menyangkal sebarang dakwaan yang dimaksudkan, sebaliknya membuktikan bahawa demokrasi masih hidup dalam negara ini.

Ramai bersetuju dengan hujah Haji Muhyiddin bahawa dengan mengadakan pilihanraya kecil itu pada keseluruhannya membuktikan demokrasi masih berkekalan di negara ini. Tetapi malangnya demokrasi yang ditonjolkan telah mendahakan beberapa kecacatan dan sedikit sebanyak mencemarkan demokrasi yang dijunjung itu.

Dalam hubungan ini, kita cuma mengambil contoh peranan media massa yang dikawal oleh pihak BN, terutamanya televisyen yang mana kita tidak boleh menafikan satu hakikat yang diketahui dan disaksikan oleh rakyat jelata, lebih-lebih lagi pengundi-pengundi di kawasan Parlimen Johor Bahru, iaitu liputan berita tentang kempen pilihanraya kecil tersebut terlalu berat sebelah. Liputan hanya menyebelahi calon BN sehingga calon-calon pembangkang hampir langsung tidak diberi peluang di kaca televisyen.

Jangan kita lupa satu watak manusia yang berkecenderungan dan bersimpati dengan pihak yang lemah. Kerana itu jentera publisiti BN sudah 'over-play' dengan propaganda melalui televisyen yang terlalu berat sebelah.

Televisyen kita yang berturut-turut menyiaraskan temubual Haji Muhyiddin hanya propaganda untuk calon BN itu telah menjadi 'back-fired' mengakibatkan para pengundi bersimpati dengan Datuk Shahrir.

Kita seharusnya tidak menipu diri sendiri dengan bersorak menyebut demokrasi tetapi pada waktu yang sama menge-nakan 'sekatan' ke atasnya. Rakyat jelata bukannya bodoh. Dari maklum balas yang diketahui, cara propaganda BN yang berat sebelah melalui televisyen itu telah pun menjadi buah mulut orang Johor Bahru dan pengundi-pengundi yang mengejii perbuatan 'tidak demokratik' itu.

Mereka menunjukkan rasa ketidakpuasan dengan membuang undi kepada 'pihak yang lemah' iaitu Datuk Shah-ri!

Selain itu kita harus mengakui ada lagi beberapa faktor lain yang menentukan keputusan pilihanraya tersebut. Dan antaranya harus juga kita mengakui bahawa serangan 'senjata airmata' oleh bekas Perdana Menteri Tunku Abd. Rahman Putra Al-Haj pada hari penamaan calon telah menimbulkan keberkesanannya.

Sepanjang kempen pilihanraya kecil itu dijalankan, kita telah menyaksikan kerajaan BN telah mengumumkan berbagai-bagai berita baik dan memberi banyak 'hadiah' kepada penduduk di Johor Bahru tetapi keputusan membuktikan 'se-rangan hadiah' itu gagal sama sekali.

Apakah ini membayangkan 'standard' pengundi kita sudah kian meningkat dan tidak mudah 'dikorupkan' dengan hadiah yang ditujukan kepada mereka pada saat-saat terakhir, iaitu menjelang sesuatu pilihanraya.

Kekalahan yang BN alami dalam pilihanraya itu ialah ha-kikat yang mesti diterima sekalipun pahit. Tetapi jika cuma mengaku kalah dengan mengeluarkan kenyataan yang mem-bayangkan gaya 'gentleman' sahaja tidak memadai dan bukan cara yang betul. BN yang menerajui kepimpinan kerajaan harus mengadakan satu 'post mortem' yang serius dan me-ngapa rakyat Johor Bahru menolaknya.

Mungkin juga BN terpaksa menilai semula dan me-ngubah dasar-dasar yang tidak diterima ataupun digemari oleh rakyat jelata. Dasar dan polisi yang tidak digemari oleh rakyat hanya boleh diketahui selepas 'post-mortem'.

Kita boleh mengambil ukuran dari reaksi Haji Mas'ud

untuk membayangkan sikap pihak kerajaan BN. Kita boleh merasa selesa dengan cara Haji Mas'ud menerima kekalahan-nya dengan hati terbuka sambil berkata dengan nada yang tenang, 'tiap-tiap pertandingan itu pasti ada yang menang dan kalah'.

Buat masa sekarang, apa yang menjadi pertanyaan orang-ramai ialah 'what's next'. Dari kenyataan Tunku Abd. Rah-man dan juga Datuk Shahrir, kita boleh meramalkan mung-kin ada lagi beberapa pilihanraya kecil akan 'terpaksa' diada-kan tidak lama lagi.

Ini adalah cara bekas Team B dalam parti UMNO lama (yang sudah lenyap akibat keputusan Mahkamah Tinggi) un-tuk menguji kekuatan UMNO (Baru) pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Pendek kata, para pengundi, baikpun di kawasan Parlimen Johor Bahru ataupun di kawa-san lain, mahu tidak mahu, suka atau sebaliknya akan turut terseret ke kancang 'perbalahan persaudaraan' dalam UMNO itu.

Kepada orang ramai yang langsung tidak mencebur arena politik yang tidak beremosi, mereka lebih mengambil berat pertumbuhan ekonomi negara yang mana kebanyakannya dari mereka ini bimbang sama ada perbalahan persaudaraan itu akan menjaskankan peluang pertumbuhan ekonomi negara.

Golongan 'bukan politik' inilah yang sentiasa mengha-rap-harapkan supaya segala perselisihan UMNO itu bagaikan 'air dicincang tidak akan putus'. Tidak lama lagi orang UM-NO akan menyelesaikan perbalahan persaudaraan mereka dan kemudian terus menumpukan perhatian ke arah pembangunan negara yang memanfaatkan rakyat jelata!

Seperkara lagi, keputusan pilihanraya kecil Johor Bahru itu jelas membuktikan rakyat Malaysia terang-terang menolak ideologi sosialis.

Abdul Razak juga faham akan mesej dari pengundi-pe-ngundi Johor Bahru yang mana selepas pengumuman kepu-tusan dibuat beliau melafazkan kemungkinan PSRM akan meminda nama parti itu dengan membuangkan perkataan 'Sosialis'. Jadi penjelasan Razak sendiri yang mengatakan ke-kalahan dalam pilihanraya kecil itu tidak bermakna ber-akhirnya kerjaya politiknya, tetapi sebenarnya mungkin mem-bayangkan PSRM akan turut mengalami nasib buntu dan terus lenyap dalam arena politik negara kita.

## Pilihanraya kecil Parit Raja : **ENAM SEBAB BN MENANG**

KEPUTUSAN pilihanraya kecil DUN Parit Raja pada 20 Oktober 1988 berkesudahan dengan calon Barisan Nasional, Mohammad Yasin Kamari mencapai kemenangan tipis 413 undi mengalahkan pencabar utamanya, Calon Bebas, Haji Hamdan Yahya yang disokong oleh kumpulan UMNO (Lama) diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah, adalah berita yang agak mengejutkan dan di luar dugaan.

Mohammad Yasin memperolehi 7,262 undi, Haji Hamdan Yahya mendapat 6,489 undi, manakala jumlah undi yang diperolehi oleh lima lagi calon bebas hanya 161 undi dan semuanya hilang wang pertaruhan. Jumlah yang keluar mengundi kali ini adalah menggalakkan. Dari 19,651 pengundi yang berdaftar 14,437 orang bersamaan 73.46 peratus turut menjalankan tugas mereka sebagai pengundi. Cuma 165 undi yang rosak. Ertinya Haji Hamdan tidak boleh menyalahkan lima lagi calon bebas atau pun pengundi yang merosakkan kertas undi mereka kerana jumlah undi tersebut hanya 326 sahaja, masih kurang dari majoriti yang diperolehi oleh calon Barisan Nasional.

Pada permulaan pilihanraya kecil Parit Raja, keadaan menunjukkan calon Bebas UMNO (Lama), Haji Hamdan merupakan 'favourite' untuk memenangi pertarungan tersebut. Semangat penyokong-penyokong Haji Hamdan melambung tinggi dan berkeyakinan untuk meneruskan prestasi mereka di dalam pilihanraya kecil Johor Bahru.

Perjuangan Mohammad Yasin bagaikan melawan arus. Bila ditanya orangramai tentang siapa mungkin muncul sebagai pemenang dalam pertarungan tujuh penjuru itu, kebanyakan jawapannya tidak berani menaruh harapan mereka pada calon Barisan Nasional.

Dalam keadaan begini, apabila keputusan muktamad diumumkan, hampir semua orang terkejut. Mungkin Mohammad Yassin Kamari dan Haji Hamdan Yahya turut terkejut.

Jadi, bagaimana Barisan Nasional berjaya mengatasi segala dakyah yang menggugat usaha jentera BN untuk mencapai kemenangan (dalam Pilihanraya Kecil Parit Raja)?

Pada hemat penulis, ada enam faktor penting telah menentukan keputusan pilihanraya tersebut:

i) Serangan: Perdamaian UMNO (Baru).

Keputusan Majlis Tertinggi UMNO (Baru) pada 15 Oktober 1988, menekankan perpaduan orang-orang Melayu yang mana ia bersedia untuk menerima semula bekas anggota UMNO lama yang menentang pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan bercadang mengadakan mesyuarat empat tokoh tertinggi Mahathir-Ghaffar dengan Tengku Razaleigh-Musa untuk berunding dan mencari jalan bagi menyelesaikan krisis UMNO dapat memenangi pengundi-pengundi Melayu yang "neutral".

ii) Tindakan UMNO (Baru) berjaya mendapat perintah mahkamah menghalangkan UMNO (Lama) dari terus menggunakan sebarang lambang yang berkait dengan UMNO lama termasuk poster bekas pemimpin UMNO (Lama) menyebabkan publisiti calon Bebas Haji Hamdan bagaikan mercun lembab yang kurang kekuatannya.

Tanpa mendapat 'bantuan' dari lambang UMNO (Lama) yang masih mempunyai 'pengaruh nostalgia' kepada sesetengah pengundi Melayu telah melemahkan kuasa penarikan kumpulan Tengku Razaleigh di 'medan Parit Raja' itu.

iii) 'Kabinet bayangan Ku-Li'

Dengan tersebarnya satu senarai anggota bakal jemaah menteri yang akan datang, dengan lebih tepat lagi 'Kabinet Bayangan Tengku Razaleigh' yang mana Tengku Razaleigh

Bayangan Tengku Razaleigh' yang mana Tengku Razaleigh sendiri telah dinamakan sebagai Perdana Menteri dan Timbalannya ialah Lim Kit Siang, sesetengah pengundi Melayu di Parit Raja mungkin merasa tersinggung kerana mereka tentunya tidak senang hati dengan bayangan bahawa jawatan penting seperti Timbalan Perdana Menteri akan dipegang oleh Lim Kit Siang. Inilah yang menyebabkan mereka enggan menyokong calon kumpulan Tengku Razaleigh.

iv) Tengku Razaleigh "tersalah cakap".

Reaksi pertama yang dilafazkan oleh Tengku Razaleigh tentang keputusan Majlis Tertinggi UMNO (Baru) yang menekankan perdamaian dan perpaduan Melayu dengan membuka pintu kepada semua orang Melayu telah merugikan Haji Hamdan Yahya. Kata-kata, "mati hidup saya tidak akan serta UMNO" telah memberi tamparan hebat pada pilihanraya itu. Kenyataan sedemikian memberi peluang penyokong UMNO (Baru) membidas Tengku Razaleigh dan puaknya yang tidak mahu perpaduan Melayu.

Mungkin kerana menyedari kesilapan tersebut, Tengku Razaleigh mengubah sikapnya kemudian. Tetapi beliau sekali lagi melakukan kesilapan dalam pertuturnya. Bercakap kepada akhbar WATAN (yang tersiar dalam keluaran bil. 377 bertarikh 18.10.88), beliau dilaporkan sebagai berkata pihaknya bersedia berunding dengan pemimpin UMNO (Baru) hanya setelah Semangat 46 memenangi pilihanraya Parit Raja. Nada beliau ini menyerupai gaya dan sikapnya apabila pertama kali bertemu dengan Datuk Musa Hitam dalam perebutan kerusi Timbalan Presiden UMNO beberapa tahun dahulu. Malangnya beliau mengulangi kesilapan yang serupa dan ini telah menyakitkan hati sesetengah pengundi-pengundi desa di Parit Raja yang suka pemimpin yang boleh merendahkan diri.

v) "Salah Cakap" Datuk Shahrir.

Pengumuman Datuk Shahrir Samad bahawa kumpulan Semangat 46 akan tetap bekerjasama dengan DAP dan PAS dalam pilihanraya yang akan datang dan pintu 'barisan' tersebut tetap tertutup kepada MCA telah menyebabkan Haji

rung kepada MCA.

Di samping itu ia telah menyayat hati anggota-anggota MCA di Parit Raja kerana hendak menjaga maruah parti yang dianggap telah dipandang hina oleh Datuk Shahrir itu, mereka telah bekerja bertungkus lumus untuk mendapat sokongan pengundi kaum Tionghua untuk calon UMNO (Baru).

vi) "Muflis" Haji Hamdan Yahya.

Semasa pertengahan kempen pilihanraya kecil, tiba-tiba kedengaran khabar-khabar bahawa ada sebuah bank tempatan akan mengambil tindakan mahkamah untuk mengumumkan Haji Hamdan sebagai seorang muflis atas hutang yang tidak dibayar yang mana beliau sebagai penjamin.

Berita ini memberi kesan yang negatif terhadap Haji Hamdan, kerana sesetengah pengundi tidak mahu 'bersusah-payah' mengalami satu lagi pilihanraya tidak lama lagi berdasarkan andaianya Haji Hamdan dipilih sebagai ADUN Parit Raja tetapi terpaksa mengosongkan kerusi tersebut atas sebab 'beliau mungkin dianugerahkan' sebagai seorang bank-rup oleh mahkamah nanti.

Dari enam faktor yang dibentangkan di atas, kita dapat i ia telah dibahagikan kepada tiga katagori;

- (a) Usaha UMNO (Baru) sendiri seperti dalam (i) dan (ii).
- (b) kesalahan kumpulan Tengku Razaleigh yang memberi 'bantuan' kepada calon Barisan Nasional seperti dalam (iv) dan (v) dan;
- (c) iaitu khabar-khabar angin yang menyebelahi calon Barisan Nasional seperti dalam analisis (iii) dan (vi).

Kesimpulan dari analisis tersebut di atas ialah, Barisan Nasional dengan kemahiran taktik dalam permainan publisiti dan percaturan politik telah berjaya mengatasi keadaan genting yang tidak menyebelahi pihaknya dan akhirnya dapat mengubah situasi 'disadvantage' untuk muncul sebagai pemenang; harus juga disedari, 'bantuan' yang timbul dari oleh kesilapan-kesilapan (Tengku Razaleigh dan Datuk Shahrir) kumpulan UMNO lama dan faktor-faktor luar dari dugaan (khabar-khabar angin yang mereka hadapi) turut menyumbang ke arah kemenangan calon mereka.

## **Shahrir - Bakar Dewa SAMA-SAMA MAHU TUNJUK JANTAN**

BUAT masa ini, perkara yang amat membimbangkan dan juga menarik perhatian orangramai ialah ‘pertarungan’ yang masih berterusan di dalam parti ‘taikoh’ dalam Barisan Nasional – UMNO (Baru).

Baru-baru ini apabila pertengkaran di antara Datuk Shahrir Abdul Samad dengan Haji Abu Bakar Dewa ‘meningkat’ ke peringkat bekas Menteri Kebajikan dalam suatu persidangan akhbarnya di Johor Bahru mengumumkan bahawa beliau telah menyerahkan surat perletakan jawatannya sebagai Anggota Parlimen Kawasan Johor Bahru bagi membuka jalan untuk mengadakan suatu pilihanraya kecil ‘show-down’ dengan anggota Exco Johor itu telah pun memanaskan lagi suasana.

Datuk Shahrir juga menerangkan dua syarat di dalam surat perletakan jawatan itu yang telah diserahkan kepada Speaker Dewan Rakyat. Beliau dilaporkan berkata, Haji Abu Bakar hendaklah menulis dan memberitahu peguamnya bahawa beliau akan turut meletakkan jawatan dari kawasan DUN Rengit dan berikutnya dengan itu kawasan DUN Rengit dan kawasan Parlimen Johor Bahru akan menjadi dua kerusi untuk dipertandingkan.

Satu lagi syarat Datuk Shahrir ialah Haji Abu Bakar diminta mendapatkan sepucuk surat ‘mandat’ dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad agar mereka berdua akan bertanding dalam suatu pilihanraya kecil di salah

sebuah kawasan yang dikosongkan itu.

Hingga hari ini, Haji Abu Bakar masih belum memberi apa-apa jawapan terhadap cabaran Datuk Shahrir itu.

Apakah akhirnya nanti Haji Abu Bakar akan terus berdepan dengan Datuk Shahrir dalam suatu pilihanraya kecil? Sekatakti ini tiada orang berani membuat ramalan.

Tetapi yang pasti ialah Haji Abu Bakar akan terus berdepan dengan Datuk Shahrir, diibaratkan seperti peribahasa Tionghua yang berbunyi ‘menunggang harimau, susah hendak berhenti’ kerana ia melibatkan maruah dua puak yang mereka ‘wakili’ iaitu UMNO (Baru) dan puak yang kini ingin menghidupkan semula UMNO (Lama).

Dalam pada itu Haji Abu Bakar lebih merasa tertekan kerana beliaulah orang yang memulakan cabaran kepada Datuk Shahrir. Oleh sebab itu jika sekarang beliau tidak berani meletakkan jawatannya dan terus bertanding dengan Datuk Shahrir dalam pilihanraya kecil, beliau bimbang akan dituduh atau dicap sebagai bukan lelaki. Boleh dikatakan kini Haji Abu Bakar berada dalam dilema dan terpaksa mendiamkan diri buat sementara.

Pada hemat penulis, pemimpin UMNO (Baru) serba salah kerana jika suatu pilihanraya terpaksa diadakan buat masa sekarang, ia akan menjadi satu ujian besar dan merupakan satu ujian kekuatan serta kewibawaan parti itu. Ini adalah satu ujian yang mesti dimenangi oleh UMNO (Baru). Tetapi setelah mengambil kira faktor adanya perpecahan di dalam parti, pemimpin UMNO (Baru) terpaksa berhati-hati sebelum membuat sebarang keputusan.

Schingga kini puak pencabar telah mendahului UMNO (Baru) dalam pertelaghanan terbuka dan publisiti yang meluas dan ini adalah suatu pergerakan politik serta percaturan yang agak baik dilakukan oleh ‘bayang’ di belakang Datuk Shahrir.

Tetapi sekiranya kita melihat dari sudut yang lain, apakah pertelaghanan dan saling cabar-mencabar itu suatu perkara yang rasional.

Kita berani mengatakan sikap di antara Datuk Shahrir dan Haji Abu Bakar itu harus diberi kata dua oleh rakyat negara ini.

Sebagai rakyat biasa, kita berhak bertanya, apakah kedua-dua mereka itu ataupun ‘boss’ di belakang mereka ingin

membazirkan berjuta-juta wang ringgit bagi mengadakan dua pilihanraya kecil semata-mata untuk membuktikan kekuatan dan membela maruah puak-puak berkenaan tanpa mengambil kira keadaan ekonomi negara yang masih belum 'sembuh' dari kemerosotan paling teruk setakat ini? Sekiranya pilihanraya kecil itu terjadi langsung tidak bermakna dan merupakan suatu 'gurauan' serta harus dikecam oleh orangramai.

Justeru itu, kita berani membuat ramalan di sini, iaitu pilihanraya kecil di antara Datuk Shahrir dengan Haji Abu Bakar juga tidak akan menjelaskan 'kejantanan'nya kerana akhirnya alasan yang diberi bukan beliau tidak berani berdepan dengan Datuk Shahrir tetapi kerana tidak mendapat lampu 'hijau' dari atas!

ADUN itu telah memberi Barisan Tiga mempunyai 2/3 dari jumlah nombor ADUN di Dewan Undangan negeri itu.

Bagi rakyat negeri Sarawak adalah suatu perkembangan yang menguntungkan, dengan adanya sebuah kerajaan yang kukuh dan stabil, kerajaan negeri akan menumpukan perhatian sepenuhnya dalam usaha untuk menjalankan projek-projek pembangunan yang mana akhirnya rakyat dapat menikmati hasilnya.

Para pemerhati politik dan rakyat melihat soal ‘lompat-melompat’ itu dari sudut lain. Kalangan ini menyifatkan dua orang ADUN PBDS itu sebagai petualang politik yang tidak berprinsip. Rakyat memilih mereka sebagai wakil di bawah lambang PBDS, lepas itu melompat ke parti lain. Dengan berbuat demikian, dua orang ADUN itu bukan sahaja telah memperdaya rakyat kedua-dua kawasan DUN berkenaan, malah kelakuan itu telah mencemarkan ‘nama’ politik.

Ada yang berhujah, ADUN sebagai pemimpin rakyat harus menunjukkan teladan yang baik kepada rakyat. Tetapi dengan melakukan lompatan yang dianggap oleh sebilangan besar kalangan rakyat sebagai perbuatan mengaibkan sudah tentu ia akan menimbulkan syak wasangka tentang amanah pemimpin berkenaan. Dari jangka panjang, ini mungkin akan merugikan kerajaan dan negara.

Bagaimanapun, kita melihat kerajaan negeri Sabah telah-pun mengambil langkah positif bagi mencegah perbuatan yang tidak sihat itu dengan meminda perlumbagaan negeri itu yang mana sesiapa yang melompat, tidak kira apa dalih yang diberikan, akan turut mengakibatkan kerusi DUNnya dikosongkan secara automatik.

Kita rasa sudah sampai masanya negeri-negeri lain harus mengambil langkah yang sama. Perlumbagaan Persekutuan juga harus dipinda supaya kegiatan lompat-melompat oleh setengah Yang Berhormat itu dapat dihapuskan.

Dengan itu moga-moga arena politik negara kita sedikit sebanyak ‘segar’ semula.

## **PEMUDA, WANITA UMNO HILANG SAYAP?**

TAHNIAH kepada akhbar WATAN kerana dibenarkan meneruskan semula penerbitannya setelah dibekukan sementara waktu sejak Oktober lalu. Pelepasan daripada pembekuan akhbar WATAN serta dua akhbar tempatan iaitu The Star dan Sin Chew Jit Poh mengandungi makna yang besar. Ia menandakan kerajaan kita berazam untuk mengamalkan sistem demokrasi di negara ini bilamana rakyat jelata diberi peluang untuk mencurahkan pandangan mereka tentang peristiwa dalam negeri, sama ada pandangan itu merupakan per-setujuan ataupun sebaliknya yang bercanggah dengan pendirian kerajaan.

Langkah ‘memulihkan’ akhbar-akhbar tersebut daripada pembekuan itu juga membayangkan kerajaan benar-benar menghargai semangat demokrasi yang sudah lama menjadi fikiran dan amalan rakyat Malaysia. Penerbitan semula WATAN, mempunyai hubungan dengan saya sejak 1986, kerana diberi peluang menyumbangkan rencana dalam ruangan yang bertajuk ‘Dari Hati ke Hati’. Ia memberi makna yang besar kepada diri saya. Saya masih teringat tempoh apabila WATAN terpaksa mengalami ‘titik hitam’ dalam sejarahnya. Ke mana-mana sahaja pergi, saya kerap ditanya apakah WATAN akan diterbitkan semula dan bila masanya. Dari segala pertanyaan ini kita mendapat kesimpulan bahawa WATAN adalah sebuah akhbar yang mendapat sokongan yang kukuh daripada orangramai.

Di atas merupakan satu catatan peribadi saya dan WATAN.

# PERHIMPUNAN AGUNG



*Penulis diapit oleh bekas Ketua Pemuda MCA, DATUK YAP PIAN HON dan Ketua Pemuda sekarang, Datuk CHAN KONG CHOY pada Perhimpunan Agong Pemuda MCA, 28 Oktober 1990*

## Isu KUBB : PEMUDA UMNO GAGAL?

**BERIKUTAN** Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 29 Mei lalu bilamana barisan anggota Lembaga Pengarah bariunya telah dipilih, Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUBB) yang dikatakan dilanda krisis penyelewengan itu tiba-tiba pada 3 Jun lepas pihak lembaga telah mengarah tujuh orang pegawai tingginya bersama dua orang kakitangan lain supaya mengambil cuti tanpa rekod berkuatkuasa sehari sebelum pengumuman itu.

Seterusnya kesemua yang terlibat itu dilarang memasuki pejabat KUBB atau anak syarikatnya Permodalan Bersatu Berhad (PBB) selama tempoh arahan itu berkuatkuasa.

Pengumuman tersebut membayangkan Lembaga Pengarah KUBB yang terpilih baru-baru ini memandang serius tuduhan penyelewengan yang dilemparkan terhadap koperasi itu dan seterusnya berazam untuk membersihkan namanya yang agak tercemar berikutan liputan publisiti negatif yang difokuskan ke atasnya beberapa minggu kebelakangan ini.

Daripada pandangan ini, pergerakan Lembaga Pengarah Baru KUBB itu membawa makna tersembunyi dan boleh dianggap lanjutan pertarungan politik antara Team A dengan Team B dalam UMNO (kini UMNO Baru)!

Sebenarnya sebelum KUBB mengadakan mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan pada hujung bulan lalu, tokoh-tokoh Pemuda UMNO (Baru) merupakan pihak yang begitu gharah untuk mendedahkan penyelewengan hingga membuat laporan polis menjelang mesyuarat agung itu.

Kita tidak dapat meyakinkan diri bahawa Ketua Permuda UMNO baru Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan rakan-rakan seperjuangannya dalam pergerakan pemuda

disebut Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Sebagai tanda menunjukkan kesungguhan itu, beliau telah memadamkan perkataan 'Baru' di kain pemidang majlis tersebut dengan menggunakan sejenis penyembur.

Beliau menambah, "dalam UMNO tidak ada baru atau lama. UMNO yang ada hari ini ibarat kereta yang dihidupkan lesennya. Tetapi ia masih kereta yang sama. Begitulah juga UMNO".

Dengan itu, media massa 'terpaksa' supaya tidak menyebutkan UMNO Baru lagi, yang ketinggalan mungkin cuma perkataan UMNO yang memegang jentera kuasa parti. Bagi para wartawan untuk tujuan perbezaan, perkataan 'UMNO 46' yang didakwa oleh Team B mungkin digunakan oleh sesetengah media massa.

Itupun mungkin boleh menimbulkan suatu perkara yang memeningkan kepala kerana UMNO 46 bukan satu parti ataupun pertubuhan berdaftar. Apakah wajar bagi media massa turut menggunakan perkataan UMNO 46 dan tidak mengendahkan sebarang bantahan dari UMNO yang 'berlesen' seperti yang dikatakan oleh Senator Datuk Hussein ?

Bagaimanapun, pengumuman Senator Datuk Hussein itu telah membolehkan kita memahami dengan lebih mendalam tentang tingkah laku dan mentaliti politik.

Mengimbas kembali, sebaik sahaja Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa UMNO adalah sebuah pertubuhan yang tidak sah dan berikutnya pengumuman Datuk Seri Dr. Mahathir menerima hakikat yang wujud itu, segolongan tokoh terdiri dari puak Team B dengan tidak teragak-agak terus berkejar ke Pejabat Pendaftar Pertubuhan untuk mendaftarkan parti 'UMNO Malaysia'.

Tindakan drastik itu jelas menunjukkan mereka bertujuan menubuhkan sebuah parti baru. Tetapi, apabila permohonan itu gagal, golongan tersebut pula mendakwa mereka lah yang berazam menghidupkan semula UMNO yang asalnya dengan menggunakan nama (yang tidak dapat didaftar) 'UMNO 46'.

Soalannya sekarang ialah, sekiranya golongan ini benar-benar sayang dan mengenangkan UMNO 46, kenapa tidak berteriak dan cuba mencari jalan untuk menghidupkan UMNO 46 dari awal lagi? Dalam hubungan ini, harus dingatkan keputusan (yang mengatakan UMNO tidak sah) Mahkamah Tinggi bukan 'final' memandangkan pihak-pihak

berkenaan masih boleh merayu di Mahkamah Agung.

Bagaimanapun, kemahiran percaturan politik golongan Team B itu agak handal kerana akhirnya mereka mendapat idea menggunakan nama 'UMNO 46', (walaupun ia tidak dapat didaftarkan dengan rasmi) yang menunjuk kecenderungan mengenangkan parti asal. Mereka juga telah menunjukkan rasa bangga dengan parti yang membela hak dan maruah bangsa Melayu terutama dalam memainkan peranan membebaskan tanahair dari belenggu orang putih bagi mencapai kemerdekaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir mungkin telah merasai 'ancaman' dari semangat UMNO 46 itu dan sebagai tindak balas beliau terpaksa 'menukar' nama partinya dengan 'menggugurkan' perkataan 'Baru' selepas perkataan 'UMNO'. Tetapi beliau menghadapi dilema dalam perkataan ini, kerana, beliaulah pemimpin yang mengumumkan 'kelahiran' UMNO Baru pada Februari lalu dalam satu sidang akhbar yang juga dihadiri oleh tokoh-tokoh parti itu!

Nama sesuatu pertubuhan, terutamanya sebuah parti politik seperti UMNO (Baru) yang merupakan 'Taikoh' Barisan Nasional yang juga menerajui kerajaan, seolah-olah tidak pasti akan nama partinya dan setelah nama (Baru) itu digunakan lebih kurang lima bulan sahaja, terpaksa 'menukar' atau 'membetulkan'nya. Apakah yang lebih "embarrassing" dari perkara ini?

Bagaimanapun, peristiwa-peristiwa tersebut telah mendedahkan suatu realiti dalam percaturan politik. Tidak mengira apa alasan yang diberikan dan tidak mengira apa slogan ditujukan, yang pentingnya ialah mencapai matlamat yang terpendam dalam hati sanubari seseorang itu.

Menurut pepatah Tionghua 'Sukar sekali bagi seseorang yang terheret ke kancang pergolakan masyarakat membebaskan diri dari melakukan sesuatu yang tidak terpengaruh oleh unsur-unsur yang bercanggahan dengan kemauan sendiri'.

Peristiwa pembetulan nama UMNO itu memang telah membuka mata dan memberi peluang kepada kita memikir sedalam-dalamnya untuk mencari kebenaran.

mimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir selaku presiden UMNO (Baru) bukan begitu licin, bahkan sentiasa menerima tekanan daripada golongan yang menentangnya. Golongan ini yang disifatkan sebagai "pembangkang dalam parti UMNO (Baru) merupakan "pain in the ass" bagi Datuk Seri Dr. Mahathir. Ini adalah kerana golongan tersebut telah mengambil banyak tindakan yang agak menyayat hati Datuk Seri Dr. Mahathir. Ini termasuk mengheret UMNO (Lama) ke mahkamah yang mengakibatkan parti itu diisyiharkan oleh mahkamah tinggi sebagai parti tidak sah dan oleh sebab itu "hilanglah" UMNO daripada pengetahuan antarabangsa.

Bukan setakat itu, golongan "anti Mahathir" ini dapat mempengaruhi dua orang bekas Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Tun Hussein Onn untuk menyebelahi mereka dan turut menyaman Datuk Seri Dr. Mahathir ke mahkamah.

Nampaknya sebagai langkah untuk menyelaraskan tindakan mahkamah itu, beberapa orang Ahli Parlimen "anti-puak" itu mula memainkan perasaan UMNO (Baru) dengan mengisyiharkan diri mereka sebagai anggota Bebas. Tiga anggota Parlimen yang sudah berbuat demikian ialah Datuk Shahrir Samad (Johor Bahru), Tawfik Tun Dr. Ismail (Sungai Benut) dan Datuk Radzi Sheikh Ahmad (Kangar). Di samping itu, khabar-khabar angin bahawa ada 17 lagi anggota Parlimen ataupun Anggota Dewan Undangan Negeri akan turut berbuat demikian pada bila-bila masa sahaja.

Oleh demikian, keputusan MT UMNO (Baru) (untuk menyingkirkan anggota Parlimen/DUN yang dimaksudkan itu) nampaknya adalah reaksi tentang tindakan dan tekanan golongan "anti" itu.

Kita berpendapat ia mungkin kurang adil kepada anggota Parlimen dan DUN yang masih berdiam diri kerana mereka rasa agak bingung dan tersepit dalam kancang perselisihan UMNO itu. Tetapi sekiranya kita memandang perkara ini pada sudut yang lain, apakah orang yang berdiam diri tidak berani mengambil pendirian dalam situasi UMNO sekarang itu adakah seperti oportunistis yang tidak berprinsip. Oleh sebab itu pucuk pimpinan UMNO (Baru) tentunya berasa tidak senang hati terhadap golongan berdiam diri ala oportunistik ini yang mungkin merupakan lebih merbahaya dari pada golongan yang berterus-terang mengisyiharkan

pendirian mereka.

Dan kepada dua golongan tersebut, baikpun mereka yang sudah membuat pengisytiharan sebagai anggota Parlimen-DUN bebas, ataupun mereka yang berdiam diri tetapi ada khabar-khabar angin akan turut berbuat demikian, semua ini merupakan tekanan yang kuat kepada UMNO (Baru).

Justeru itu, nampaknya Datuk Seri Dr. Mahathir sudah tidak sabar lagi dan tidak mahu membiarkan kedua-dua ketagori anggota Parlimen DUN meneruskan tindakan "tarik harga" dan terus mengambil keputusan yang agak mengejutkan itu. Pendek kata, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mahu tunduk kepada apa yang mungkin dianggap sebagai "political blackmail" walaupun golongan tersebut tidak bertujuan demikian tetapi sebaliknya sebarang tindakan yang menentang ataupun tidak bekerjasama itu hanya membayangkan ketidakpuasan mereka terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir sahaja.

Bagaimanapun kita berpendapat, keputusan Datuk Seri Dr. Mahathir itu adalah suatu gerakan percaturan politik yang berani tetapi agak bahaya kerana jika kita mengambil kira keadaan politik dalam UMNO (Baru), langkah itu boleh mendatangkan kesan yang di luar dugaan. Kita tahu Datuk Seri Dr. Mahathir "terpaksa" mengambil keputusan keras itu demi menjaga maruah dan kewibawaan UMNO (Baru) dan juga air muka beliau sendiri sebagai seorang pemimpin tertinggi parti itu; tetapi reaksinya pada anggota Parlimen-DUN yang disingkirkan itu sudah menjadi tandatanya orang ramai. Pengisytiharan MP-DUN berkenaan mungkin bermakna "kematian" karier politik mereka; apakah mereka yang terbabit itu akan turut berdiam diri ataupun akan mencari jalan 'survival' diri sendiri?

Pemerhati politik berpendapat para anggota Parlimen-DUN yang mengisytiharkan sebagai wakil (rakyat) bebas itu bagaikan harimau hilang taring, lambat laun bintang mereka akan terkubur.

Tetapi, apakah Datuk Seri Dr. Mahathir sudah dapat menghapuskan "musuh" nya dengan gerakan (menyingkirkan MP-DUN) yang pasti dianggap oleh beliau sendiri sebagai bijaksana untuk terus mengukuhkan kedudukannya?

Kita berpendapat tidak menjadi masalah bagi Datuk Seri Dr. Mahathir mengekalkan kedudukannya yang semakin hari

semakin kukuh itu. Bagaimanapun, suatu perkara yang membimbangkan masyarakat Melayu buat masa ini ialah perpaduan orang Melayu mungkin akan tergugat sekiranya perpecahan dalam UMNO berterusan. Dan soal perpaduan bangsa adalah perkara yang diutamakan dalam fikiran orang-orang Melayu. Sehubungan itu sudah menjadi harapan semua pihak untuk mengekalkan perpaduan bangsa Melayu.

Sekarang nampaknya soal perpaduan orang-orang Melayu adalah antara beban yang berat bagi Datuk Seri Dr. Mahathir.

## STAIL DAN KEMAHIRAN POLITIK MAHATHIR

SEKALI lagi Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menunjukkan stail dan kemahiran permainan politiknya yang 'tidak mengeluarkan kad mengikut peraturan' dan seterusnya mengejutkan semua pihak apabila dalam ucapan menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Ahad lalu (30-10-88) secara terbuka beliau telah menawarkan jawatan Menteri Tanpa Portfolio kepada dua orang tokoh kumpulan UMNO 46 iaitu, Tengku Razaleigh Hamzah dan bekas Timbalan Presiden UMNO Datuk Musa Hitam.

Sebelum menamatkan ucapannya, Datuk Seri Dr. Mahathir dengan nada yang agak 'berat' dan serius meminta maaf dari para perwakilan supaya tidak marah terhadapnya dan berhenti sejenak sebelum mengeluarkan 'pengumuman sensasi'nya dengan berkata, "Demi perpaduan orang Melayu dan UMNO, saya menawarkan jawatan Menteri Tak Berportfolio kepada Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam."

Ini telah diterima dengan tepukan gemuruh daripada perwakilan yang sambil memekik "Hidup Mahathir". Pada hari yang sama media massa yang paling berkesan dan berpengaruh dalam dunia moden ini iaitu TV dan Radio masing-masing memberi liputan tentang 'tawaran sejarah' Datuk Seri Dr. Mahathir itu. Dan pada hari keesokannya dalam 'headline' di akhbar-akhbar.

Pada masa rencana ini ditulis, Datuk Musa telah mengumumkan pendiriannya terhadap tawaran tersebut. Beliau menolak jawatan Menteri Tak Berportfolio dengan memberi-

kan alasan bahawa ‘baginya bukan tempat dan jawatan tinggi yang diperjuangkan tetapi apa yang diperjuangkannya ialah budaya politik dan semangat yang ditaja oleh UMNO asal pada tahun 1946 dan dihayati oleh semua anggota UMNO tulen. Beliau menambah, jawatan Menteri itu tidak berkaitan dengan perpaduan Melayu. “Rakan seperjuangan” beliau Tengku Razaleigh masih berdiam diri. Sementara itu beberapa orang lagi kerabat Datuk Musa juga telah memberi pandangan yang negatif terhadap tawaran tersebut. Bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menyifatkan tawaran itu sebagai ‘satu penghinaan’ dan enggan mengulas lanjut. Anak buah Musa, Datuk Shahrir Abdul Samad pula menganggap tawaran dari Datuk Seri Dr. Mahathir itu adalah satu muslihat politik sahaja.

Kita melihat satu gambaran yang mana Datuk Seri Dr. Mahathir cuma mengeluarkan satu ‘kad’ dalam langkah terbaru beliau, tetapi terdapat interpretasi yang berlainan tentangnya. Dari laporan media massa, kebanyakan reaksi memberikan pandangan bahawa tawaran Datuk Seri Dr. Mahathir itu merupakan langkah yang positif dan ikhlas. Dan bagi orang-orang yang menentang Datuk Seri Dr. Mahathir terutamanya penyokong UMNO 46 pula berpendapat ia hanya satu ‘jerat’ yang disediakan oleh Presiden parti.

Cara terbaru Datuk Seri Dr. Mahathir itu adalah mempunyai kedua-dua unsur tersebut. Dengan lain perkataan kita, percaya beliau memang jujur dalam membuat tawaran tersebut, bagaimanapun beliau berbuat demikian kerana ia bersetralas dengan strategi dan percaturan beliau untuk mencapai matlamat terakhir iaitu menamatkan krisis parti UMNO dan memulihkan perdamaian serta perpaduan masyarakat Melayu di samping memperkuuhkan kestabilan mereka, (tentu juga untuk kestabilan kepimpinan beliau sendiri).

Ramai juga berpendapat tawaran tersebut adalah diperbuat mengikut perancangan strategi yang dikawal rapi oleh Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri. Dalam hubungan ini, tidak lebih dari dua atau tiga orang kanannya berpeluang mengongsi pengetahuan ‘rahsia tertinggi’ itu dengan beliau. Walaupun tawaran (jawatan Menteri kepada Ku Li dan Musa) itu adalah di luar dugaan ‘hampir kesemua pemerhati politik’, namun sekiranya kita merenung kembali, memang ada tandatanda membayangkan kemungkinan pergerakan terbaru itu.

Dalam pada ini, undangan terbuka oleh Datuk Seri Dr. Mahathir kepada Tengku Razaleigh dan Datuk Musa pada pertengahan bulan sudah merupakan perbuatan menguji arah angin.

Pada hakikatnya, jawatan Menteri Tak Berpotfolio itu adalah ditawarkan kepada dua orang tokoh politik yang menentang pimpinan Dr. Mahathir, malah kedua-dua mereka itu bukan anggota UMNO buat masa ini (mungkin penyertaan sebagai anggota parti itu adalah pra-syarat tidak diketahui dan juga tidak diumumkan). Keadaan ini mungkin sukar diketahui oleh sesetengah orang yang pasti memikirkan ia tidak lojik. Memang benar negara ini yang telah arif dan mengetahui Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai seorang yang tidak mudah pasrah, tiba-tiba melenturkan dirinya dengan memberi 'carrot' kepada lawan. Ini sukar difahami!

Tetapi sekiranya dikaji dengan lebih teliti, baikpun kawan atau lawan, sama-sama terpaksa mengaku kehandalan permainan percaturan politik Datuk Seri Dr. Mahathir.

Tidak dapat dinafikan bahawa 'serangan perdamaian' yang dilakukan pada saat-saat akhir (beberapa hari sahaja) sebelum hari pembuangan undi di pilihanraya kecil Parit Raja sedikit sebanyak telah membawa kesan yang menguntungkan calon Barisan Nasional; dan begitu juga kita telah menyaksikan selepas tawaran kerusi Menteri itu diumumkan, lantas Datuk Seri Dr. Mahathir telah mengubah situasi dalam pertela-gahan parti itu. Pendek kata beliau telah 'turned the table against UMNO 46' yang mana senario sekarang lebih memihak kepada UMNO (Baru), satu keadaan yang jauh berbeza dengan keadaan selepas pilihanraya kecil Johor Bahru. Hanya dua minggu lalu, tiada orang berani meramalkan Datuk Seri Dr. Mahathir terdaya mengubah situasi yang lebih berpihak kepada 'Semangat 46' itu dalam masa yang singkat, lebih-lebih lagi dengan gaya yang begitu mudah sekali. Kesimpulan, dari bersusah payah bertahan, sekarang UMNO telah menukar posisi dan menjadi penyerang dan sedang perlahan-lahan menambahkan tekanan ke atas pihak lawan dalam revolusi yang tersirat.

Buat masa sekarang ini, kumpulan UMNO '46 terpaksa 'membela' diri mereka dari kecaman pelbagai pihak (dibantu oleh media massa yang dikawal atau dipengaruhi oleh UMNO supaya menyangkal tuduhan 'orang yang me-

mecahbelahkan perpaduan Melayu'). Sekurang-kurangnya buat seketika ini, kumpulan ini tidak sempat untuk mengatur serangan kerana sibuk bertahan. Yang ketara sekali ialah tidak kedengaran lagi rancangan untuk mengadakan pilihanraya kecil yang begitu hangat diperkatakan dan buat sedikit masa dahulu.

Ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir di Perhimpunan Agung yang disiarkan secara langsung melalui TV Malaysia telah memberi peluang kepada UMNO untuk membatalkan tuduhan -tuduhan yang dilemparkan oleh pihak penentang. Publisiti tentang perbahasan dalam Perhimpunan Agung kali ini yang diberi liputan yang meluas oleh hampir semua media massa dan di kemuncak dengan tawaran dari Presidennya merupakan satu tiupan taufan 'blacking-out' Semangat 46, mematahkan irama dan rancangan mereka.

Tidak kira apa motif sebenarnya Datuk Seri Dr. Mahathir dalam tawaran itu, kepada Tengku Razaleigh dan Datuk Musa, ia adalah umpan yang bisa yang tidak boleh ditelan. Salah seorang pemimpin UMNO 46, Haji Ibrahim Ali telah berjanji akan menghantar 'buah langsat manis' kepada kedua-dua tokoh itu sekiranya mereka berdua menerima tawaran yang dihulurkan.

Apa maksudnya buah langsat manis, tidak diterangkan tetapi dari nada kenyataan Haji Ibrahim, ia jelas membayangkan dilema UMNO 46, terutamanya Tengku Razaleigh dan juga Datuk Musa kerana tawaran dari Datuk Seri Dr. Mahathir. Sekiranya tidak mahu menerima, mereka akan dituduh sebagai orang yang tidak mahu melihat perpaduan Melayu tercapai.

## SULITNYA PERDAMAIAIN...

SEMASA bertitah di majlis santapan malam Kerajaan Selangor bagi meraikan Baginda dan Raja Perempuan Kelantan yang berada dalam rangka lawatan dua hari ke Negeri Selangor hujung minggu lalu, baginda Sultan Kelantan telah mengeluarkan kenyataan yang mungkin boleh mendatangkan kesan-kesan positif terhadap krisis UMNO yang sudah berlarutan.

Baginda mengingatkan 'pihak-pihak tertentu' supaya mengamalkan sikap tolak ansur dan memberi keutamaan kepada kepentingan negara daripada kepentingan diri untuk mempastikan kelancaran pembangunan negara dan, dalam pada itu tidak mengganggu keamanan serta semangat perpaduan yang wujud di negara ini.

Titah baginda itu merupakan kenyataan biasa dan tidak ditujukan kepada mana-mana golongan tertentu. Bagaimanapun ia telah dianggap sebagai nasihat untuk pihak yang sedang bertelagah dalam UMNO. Kita juga berkongsi dengan pandangan ini. Tetapi satu persoalan, iaitu sekiranya baginda benar-benar bermaksud demikian mengapa tidak berterus terang? Inilah 'finesse' Baginda Sultan Kelantan yang tidak mahu menjelaskan kekecualiannya sebagai seorang Sultan yang mengikuti tradisi adalah bebas dari kancah politik atau politiking; di sebaliknya mahu mesejnya sampai kepada 'pihak-pihak tertentu' demi kepentingan semua.

Setelah Perhimpunan Agung UMNO pada hujung Oktober lalu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berjaya mengubah 'imbangan' dalam krisis parti itu yang mana sekarang

pihak yang memegang kuasa dalam parti itu berada dalam keadaan yang kukuh dan selesa. Sebaliknya, pengaruh bekas Team B di bawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam nampaknya semakin lemah; harus diakui bahawa senario itu sedikit sebanyak adalah akibat daripada bantuan media massa yang dikawal oleh pihak berkuasa.

"Kad perdamaian" yang dihulurkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir dalam ucapan semasa menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung UMNO dengan mempelawa kedua-dua pemimpin Team B itu menjadi anggota kabinet telah merumitkan pihak lawan.

Walaupun Datuk Musa bereaksi agak cepat dengan menolak cadangan itu, Tengku Razaleigh masih berdiam diri.

Tidak dapat dinafikan, berbagai-bagai cara dan usaha telah dicuba oleh pihak-pihak tertentu untuk menyelesaikan masalah. Tetapi peristiwa 'sampingan' ialah Kongress Perpaduan Melayu yang dicadangkan untuk diadakan pada 12 dan 13 haribulan. Kita agak bersimpati dengan Yahaya Ismail selaku Ketua 1 PENA yang telah menunjukkan keghairahan dan kesungguhan untuk menganjurkan Kongres tersebut telah dilemparkan dengan pelbagai serangan dari 'kawan'nya sendiri.

Ini mungkin timbul dari perasaan irihati. Tetapi faktor utama kegagalan itu adalah kerana Kongres ini tidak kena pada masa dan ketikanya.

'Kad pelawaan kerusi kabinet kepada lawan' yang dikeluarkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir telah menyebabkan Kongres Perpaduan Melayu itu merupakan perkara yang berlebihan malah merupakan kegiatan yang mungkin akan memecah-belahkan perpaduan Melayu.

Inilah yang mungkin dianggap sebagai hakikat yang melucukan tetapi ia adalah satu kebenaran. Itulah sebabnya Yahaya menempuhi 'masa yang rumit' ketika cuba menganjurkan Kongres tersebut.

Semua pihak masih menunggu keputusan Tengku Razaleigh terhadap pelawaan Datuk Seri Dr. Mahathir. Sementara itu Datuk Seri Dr. Mahathir bak kata pepatah Tionghua 'orang kenyang menjual pau' beliau mampu menunggu dengan sikap sambil lewa.

Tanpa mengira apa akhirnya yang akan diputuskan oleh

Tengku Razaleigh, yang pastinya ialah Datuk Seri Dr. Mahathir tidak akan berhenti di situ. Beliau tentunya akan meneruskan perjuangan dengan matlamat untuk memperkuuhkan lagi UMNO.



*Ketua Menteri Pulau Pinang*  
**DR. KOH TSU KOON**  
- pemimpin ikhlas



*Timbalan Presiden MCA*  
**DATUK LEE KIM SAI**  
- tepuk dada tanya selera

# SEMBUNYIKAN BABI PANGGANG DEDAH LEMBU

WALAUUPUN tirai pilihanraya umum ketujuh telahpun berlabuh pada 3 Ogos lalu tetapi 'kesan' yang tidak menyenangkan masih lagi timbul dan diperkatakan.

Pihak MCA salah sebuah parti komponen Barisan Nasional mendakwa cara-cara pelaksanaan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah antara faktor-faktor utama yang menyebabkan parti itu mengalami kekalahan yang agak teruk dalam pilihanraya yang lalu.

Kenyataan tersebut telah mencetuskan satu kontroversi ataupun perdebatan yang mana sesetengah pemimpin UMNO mengeluarkan kata-kata kesal atas dakwaan MCA tersebut. Di antara mereka itu ialah EXCO Pemuda UMNO Encik Tamrin Ghafar yang telah melaungkan bantahan terhadap MCA, di samping itu Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Haji Daud Taha mengingatkan MCA jangan menjadikan DEB alasan ramai calonnya tewas dalam pilihanraya.

Pada peringkat awal timbul sedikit kekeliruan tentang isu tersebut. Bagaimanapun, situasi ini dapat dijernihkan semula akor daripada penjelasan Setiausaha Agung MCA, Datuk Lee Kim Sai dalam satu temuramah khas dengan Utusan beberapa hari yang lalu.

Datuk Lee Kim Sai menjelaskan kaum Cina menyokong sepenuhnya hasrat DEB untuk menyusun semula kaum dan membasmi kemiskinan tetapi kecewa dengan perlaksanaan

salah oleh para pegawai kerajaan yang terlalu gigih (overzealous) untuk mencapai matlamat DEB bagi kepentingan Bumiputera.

"Jangan salah faham yang kita (MCA) menyalahkan DEB sepenuhnya terhadap kekalahan teruk MCA. Bukan pucuk pimpinan UMNO atau kerajaan yang tidak mendengar rayauan MCA untuk kepentingan kaum Cina tetapi cara pelaksanaan di kalangan kakitangan yang terlampau gigih," tambah Datuk Lee Kim Sai.

Kita bersetuju dengan pandangan Datuk Lee Kim Sai itu. Kini telah menjadi suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan kalangan bukan Bumiputera khasnya masyarakat Cina memang merasa kesal dengan banyak penyelewengan dalam perlaksanaan DEB yang menjelaskan kepentingan mereka.

Terlalu banyak misalan dalam konteks ini baik pun dari segi peluang melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan ataupun dalam bidang perniagaan, yang mana peluang bukan Bumiputera tersekat ataupun dalam cirtikata lain tidak diberi kesempatan langsung untuk mendapatkan sebarang tender ataupun kerja-kerja dari kerajaan.

Malah, masyarakat Cina juga merasa tertekan dan teraniaya oleh pihak kerajaan. Perasaan yang tidak sihat ini timbul disebabkan terlalu banyak peraturan ataupun sekatan dalam pentadbiran kerajaan dari hampir semua peringkat.

Sehubungan ini adalah munasabah kita menghuraikan beberapa contoh untuk difahami oleh para pembaca akan masalah ataupun tekanan yang kaum Cina alami.

a) Pejabat pos seringkali mengeluarkan arahan-arahan yang pelik iaitu tandatangan dalam tulisan Cina adalah tidak sah dan tidak boleh diterima oleh pihak berkuasa jabatan tersebut. Arahan seperti ini adalah umpama sebiji 'bom' yang menyinggung perasaan masyarakat Cina, sedangkan perlombongan negara menjamin kebebasan dalam penggunaan bahasa lain dalam bidang buku rasmi, hujah kaum Cina bahawa tandatangan tidak mencerminkan cara tulisan, tetapi lebih mirip kepada tanda ataupun 'lukisan' kerana kebanyakan tandatangan tidak langsung wujud atau mirip sebarang bahasa tetapi cuma menunjukkan cara atau gaya orang yang menurunkan tandatangan itu.

Kaum Cina merasa marah terhadap arahan yang dianggap sebagai kurang munasabah dan kepada sesetengah golongan

arahan itu seolah-olah berbunyi 'anti-Cina'.

b) Beberapa majlis perbandaran seperti Taiping, Kuantan, Batu Pahat dan lain-lain mengeluarkan arahan bahawa daging babi panggang tidak boleh didedahkan pada umum bahkan penjualannya hendaklah secara tersembunyi

Masyarakat Cina tersinggung oleh arahan yang dianggap sebagai menghina maruah kaum Cina.

Mereka juga berpendapat bahawa pihak perbandaran berkenaan telah mencabar kewibawaan perlombagaan negara yang menjamin kebebasan rakyat dalam kegiatan-kegiatan agama.

Pada pandangan ramai, arahan seperti ini dikeluarkan semata-mata berdasarkan daging babi adalah haram bagi orang Muslim. Lantaran inilah maka tidak elok bagi mereka membiarkan daging babi panggang didedahkan pada orang Muslim.

Justeru itu, masyarakat Cina berhujah berdasarkan alasan yang sama, daging lembu juga tidak boleh didedahkan pada umum dalam proses penjualan kerana daging itu adalah haram bagi orang beragama Hindu dan Buddha.

Jika cuma daging babi panggang yang disekat dalam penjualan sahaja menunjukkan pentadbiran yang bercorak ketidakadilan dan berat sebelah.

c) Sejak permulaan DEB, kerajaan telah mengutamakan masyarakat Melayu yang mana sesetengah kakitangan kerajaan yang terlalu gigih itu telah menyeleweng daripada kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh DEB menyebabkan perasaan tidak puas hati timbul di kalangan bukan Bumiputra meningkat.

Banyak lagi kejadian-kejadian dan perkara yang berbunyi tidak adil berlaku kepada kaum bukan Bumiputera tetapi sebagai contoh cukuplah hanya ini yang dipaparkan dan harapan agar penjelasan yang pendek ini akan membuatkan masyarakat lain sedar apa yang dialami oleh kaum bukan Bumiputera.

Perkara-perkara tersebut bukanlah bertujuan hendak menyinggung mana-mana pihak tetapi sebagai seorang rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan menyertai negara, kita percaya untuk menjaga kepentingan negara dari segi jangka panjang tidak perlulah kita menyembunyikan perkara yang tidak sihat, ibarat kata pepatah Inggeris yang berbunyi 'Sweeping dirt under the carpet'(menyembunyikan sampah di

bawah permaidani).

Semua pandangan dan kata-kata dalam ruangan ini adalah kenyataan bernes dan membina. Ia adalah sekadar untuk membuka mata pemimpin dan tokoh-tokoh negara agar membuat sesuatu ataupun memperbetulkan perkara yang telah berlaku demi kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Dari pergaulan dengan rakyat dari berbilang kaum dan lapisan kita dapatilah bahawa rakyat jelata pada amnya menyintai kesejahteraan dan kemakmuran negara dan memang telah sedia wujud persahabatan yang tulin dan harmoni.

Tetapi yang sedihnya, banyak percanggahan dan perasaan tidak senang antara kaum timbul akibat daripada tindakan atau kenyataan 'orang politik' ataupun kakitangan kerajaan yang terlampau gigih.

Disyorkan tokoh-tokoh politik dan kakitangan kanan kerajaan mengambil kesempatan bergaul dengan orang bawahan dan orang-orang kampung dan kita pasti mereka akan dapatilah bagaimana jujurnya hubungan mereka sesama sendiri.

Kita percaya bagi mereka yang mempunyai kewibawaan yang tinggi pasti akan berfikir dahulu sebelum mengeluarkan sebarang arahan dan sebagainya dan tidak akan sewenang-wenangnya mengambil tindakan yang melampau batas.

Janganlah semata-mata hendak menjaga kepentingan sendiri untuk mendapatkan sokongan dan pengaruh di kalangan pengundi, kita membuat kenyataan dan mengeluarkan arahan yang boleh menyinggung perasaan kaum lain yang mana mungkin akan menimbulkan suasana tegang dan benci ke atas sesuatu kaum.

Walaubagaimanapun, kita tetap yakin rakyat Malaysia pada amnya tetap menyintai dan mengasihi akan kesejahteraan dan keharmonian negara. Rakyat mengharapkan agar pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh politik akan berfikir dahulu sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan yang boleh menimbulkan suasana tegang antara kaum.

Semangat cintakan negara dan perasaan muhibah antara kaum yang memang telah sedia terjalin dan dipupuk sentiasa janganlah diganggu-gugat.

## Tarik balik GSP : **DAP-DAVID SATU BAKUL**

PADA awal bulan ini, Persekutuan Buruh dan Kongres Pertubuhan Amerika Syarikat (AFL-CIO) telah membuat satu tindakan yang mungkin dianggap perkara biasa di negara itu tetapi mencetuskan isu hangat dalam negara ini. Satu petisyen daripada kerajaan Amerika Syarikat supaya status Skim Keutamaan Khas (GSP) yang diniikmati oleh Malaysia ditarik balik. Petisyen (AFL-CIO) adalah berdasarkan desakan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) V. David. Semasa berucap bulan Oktober lalu, V. David menuduh kerajaan Malaysia, antara lain secara berleluasa mencabar hak asasi manusia termasuk hak pekerja.

Dalam tempoh dua minggu V. David telah menjadi seorang yang kontroversial dalam negara. Beliau telah menerima 'bedilan' dari berbagai-bagai pihak.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Paduka Rafidah Aziz adalah antara tokoh yang memulakannya. Beliau menyifatkan perbuatan V. David itu sebagai pengkhianat negara. Pergerakan Pemuda UMNO dan Pemuda MCA turut mengutuk V. David atas perbuatan tersebut.

Dalam suasana demikian, V. David tiba-tiba mengaku kepada Menteri Buruh, Encik Lee Kim Sai bahawa beliau ada membuat desakan yang dimaksudkan itu pada 16 haribulan ketika mengunjungi menteri itu di pejabatnya.

Tetapi pada keesokannya, V. David telah mengejutkan orangramai dengan menafikan (melalui Timbalan Setiausaha Agung MTUC, Rajasekaran) bahawa beliau membuat gesaan

tersebut.

Bagaimanapun Encik Lee Kim Sai, apabila diminta mengulas, tidak menganggap kenyataan Rajasekaran sebagai penafian dan menekankan bahawa kecuali V. David sendiri berbuat demikian. Beliau masih berpegang pada kenyataannya.

Dalam keadaan yang mengelirukan, orangramai sedang tertanya-tanya, siapa yang benar dan siapa yang membuat helah?

Untuk mendapatkan jawapan ini kita percaya dengan meninjau detik-detik peristiwa seperti berikut.

Pertama apakah tujuan V. David mengunjungi pejabat Menteri Buruh itu pada 16 haribulan lalu?

Dan kenapa beliau enggan bercakap kepada para pemberita yang hadir tentang kandungan ataupun hasil perbualan beliau dengan menteri itu? Jika V. David sendiri bercakap kepada pemberita, 'kekeliruan' yang wujud seperti sekarang ini pasti tidak akan berlaku!

Lebih aneh lagi, mengapa V. David tidak membuat penafian sendiri dan penafiannya terpaksa dibuat oleh timbalannya.

Berdasarkan sikap V. David yang berdolak dalik sepanjang isu itu dan dari wajah beliau yang membayangkan kesal serta seolah-olah 'bertaubat' selepas membuat kunjungan ke atas Menteri Buruh itu, telah meyakinkan kita bahawa V. David tidak jujur dan berbohong kepada rakyat Malaysia.

Kerana helahnya, V. David tidak berani 'bersemuka' dan berdepan dengan rakyat. Itulah mungkin sebabnya beliau tidak bercakap kepada para pemberita dan tidak membuat penafian peribadinya.

Suatu perkara yang pelik juga ialah Parti Tindakan Demokratik (DAP) membisu dan mengelak daripada isu tersebut. Pengurus parti tersebut Dr. Chen Man Hin hanya mengulas tentang kemungkinan perlucutan status kewarganegaraan V. David. Apakah DAP bersedia membiarkan seorang pengkhianat negara kekal sebagai salah seorang pemimpin parti tersebut?

Kita berpendapat DAP harus memecatkan keanggotaan V. David yang juga Anggota Parlimen Puchong agar membuktikan kepada orangramai bahawa parti itu tidak pernah berubah dengan V. David dalam perbuatan yang dianggap oleh rakyat negara ini sebagai menjualkan kepentingan dan

maruah negara.

DAP mesti menjelaskan pendiriannya. Rakyat jelata sedang menunggu untuk mempastikan sama ada DAP turut mengambil bahagian ataupun membela perbuatan khianat pemimpinnya.



**DATUK ABDULLAH HAJI BADAWI**  
– Naib Presiden UMNO



**DATUK SERI SANUSI JUMID**  
– Naib Presiden UMNO  
(Gambar ehwan dari NANYANG SIANG PAU)

## ANTARA PEMUDA UMNO DAN MAJLIS PEGUAM

SEJAK hujung Oktober lalu, selain dari 'pergolakan' dalam parti UMNO yang sedikit sebanyak memanaskan bahang politik negara; pada keseluruhananya senario politik dalam negara ini boleh disifatkan sebagai sepi dan tenteram. Tidak ada demonstrasi berbau politik diaturkan oleh mana-mana pihak.

Keadaan seperti ini mudah dimaklumi. Selepas melancarkan operasi penahanan besar-besaran (106 orang) di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerajaan telahpun memperketatkan peraturan tentang aktiviti-aktiviti di tempat umum. Dalam hubungan ini Akta Polis juga telah dipinda.

Bagaimanapun, dua peristiwa yang berlaku baru-baru ini menimbulkan persoalan orangramai sama ada kerajaan telah bersedia melonggarkan sekatan tersebut.

Pertama, kakitangan bank-bank tempatan di seluruh ibu kota telah 'dibiar' untuk mengadakan tunjuk perasaan pada waktu makan tengahari pada dua minggu yang lepas. Perkara ini amat berbeza dengan arahan polis beberapa bulan dahulu yang 'menasihatkan' orangramai, termasuk parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan sosial supaya jangan mengadakan sebarang perhimpunan di tempat umum.

Dan, pada 14 Julai 1988 lalu, kira-kira 50 orang anggota Pemuda UMNO mengejutkan rakyat negara ini dengan mengaturkan demonstrasi menentang Majlis Peguam Malaysia di hadapan Bangunan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Ketika demonstrasi itu diadakan, kebetulan Mahkamah Tinggi sedang mendengar empat permohonan yang ditimbulkan

dari tribunal yang ditubuhkan untuk menentukan keduduan dan nasib Ketua Hakim Negara Tun Mohamad Salleh Abas, yang digantung jawatannya.

Kumpulan tersebut memaparkan pemidang yang mengandungi slogan mengutuk Majlis Peguam Malaysia. Menurut Encik Ahmad Zahid Hamidi, Ketua Biro Penerangan Pemuda UMNO yang merupakan tokoh yang mengepalai demonstrasi itu, bahawa mereka berpendapat Majlis Peguam Malaysia seharusnya tidak boleh campurtangan dalam isu tribunal berkenaan sebaliknya patut menyerahkan perkara itu kepada undang-undang yang sedia ada supaya ia dijalankan secara 'natural'.

Sejauhmana yang diketahui, kenyataan Encik Ahmad Zahid tersebut sungguh 'mencelikkan' dan mengingatkan orang ramai supaya mengukur kebenaran seseorang ahli politik bukan dari apa yang beliau mengatakan tetapi menilainya dari apa yang dilakukan. Ini adalah kerana sesetengah anggota politik cakap tak serupa bikin. Dalam hubungan ini, mengambil Encik Ahmad Zahid sebagai suatu contoh. Beliau menasihatkan Majlis Peguam Negara supaya 'let the law take its own course' terhadap isu tribunal Tun Mohamad Salleh Abas tetapi dengan mengatur demonstrasi di depan Bangunan Mahkamah Tinggi semasa empat permohonan yang tertimbul dari kes tribunal tersebut dalam proses perbicaraan, Encik Ahmad Zahid dan 50 orang anggota Pemuda UMNO sebenarnya telah bertindak scolah-olah hendak campurtangan atau berniat mempengaruhi proses kehakiman dalam kes yang dimaksudkan itu!

Apa yang jelas pada mata orangramai ialah setakat ini Majlis Peguam Malaysia bertindak dengan halus dan mematuhi undang-undang negara; sebaliknya Encik Ahmad Zahid memilih untuk mengadakan demonstrasi dan dengan berbuat demikian, beliau dan 'Kumpulan 50' bukan sahaja campurtangan dalam isu tribunal tersebut yang membuktikan sikap cakap tak serupa bikin, bahkan tindakan itu mengandungi satu pengertian yang jauh lebih merbahaya iaitu, mempolitikkan isu tribunal tersebut!.

Maklum balas dari rakyat biasa menunjukkan ramai di antara mereka merasa canggung dan aneh tindakan demonstrasi itu diadakan di hadapan Bangunan Mahkamah tinggi. Ada yang tertanya-tanya, apakah Pemuda UMNO memegang

pendirian "double standard", membantah dan mengutuk orang lain (Majlis Peguam Malaysia) 'campurtangan' dalam isu tribunal yang dimaksudkan, tetapi dirinya sendiri bertindak jauh lebih dari itu, dan seterusnya bertindak luar dari batasan dengan mengadakan demonstrasi pula di depan mahkamah apabila kes bicara tentang tribunal berkenaan sedang berjalan!

Demonstrasi kumpulan itu nampaknya gagal untuk mencapai matlamat politik yang diingini; sebaliknya ia telah mendatangkan kesan yang negatif terhadap Pemuda UMNO, sekurang-kurangnya dari segi imej yang turut terjejas kerana Pergerakan Pemuda UMNO kini dipandang sebagai cukur jerangau ada lagi di ubun-ubunnya.

Bagaimanapun, Encik Ahmad Zahid telah menyebabkan bosnya, iaitu Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Najib Tun Abdul Razak, dalam suatu kedudukan serba salah, kerana semasa mengadakan demonstrasi tersebut beliau menegaskan Pergerakan Pemuda UMNO akan mengaturkan satu demonstrasi yang lebih besar pada minggu selepas itu.

Hingga rencana ini ditulis demonstrasi 'lebih besar' yang didakwa yang akan diadakan oleh Encik Ahmad Zahid masih belum menjadi kenyataan. Ini telah menimbulkan persoalan dan memperkuatkan pandangan pemerhati politik bahawa mungkin tokoh tertinggi UMNO berpendapat demonstrasi 'Kumpulan 50' itu bukan suatu perkara yang matang dan seterusnya telah memberi arahan supaya tindakan sedemikian diharamkan sama sekali!

Mengapa tidak, sebarang demonstrasi seperti yang dilakukan oleh 'Kumpulan 50' itu bermakna mempolitikkan isu tribunal tersebut; tambahan ia merupakan suatu tindakan mencabuli keluhuran mahkamah dan juga boleh dianggap sebagai mencabar kewibawaan pihak polis yang enggan mengeluarkan permit untuk demonstrasi dalam bentuk sepertimana yang dilakukan itu.

Justeru itu, Pergerakan Pemuda UMNO terpaksa berdiam diri selepas melepaskan bedilan pertama (demonstrasi pada 14.7.88) yang menjadi ayam terlepas tangan bau tahi!.



DATUK SERI DR. LING LIONG SIK - Presiden MCA



DATUK LIM AH LEK - Menteri personaliti

## AMALAN ‘BURUK SIKU’

PARTI komponen Barisan Nasional yang memerintah negeri Sabah, Parti Bersatu Sabah (PBS) telah meluluskan sembilan usul dalam Perhimpunan Agung Tahunan pertama, Sabtu lalu.

Salah satu usul yang dibentangkan oleh Kongres Pemuda parti itu ialah menggesa kerajaan Sabah mengkaji semula kedudukan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Perhimpunan tersebut sebulat suara menggesa diadakan pungutan suara di kalangan rakyat negeri Sabah bagi menentukan sama ada mereka mahu Labuan dikembalikan kepada kerajaan Sabah ataupun kedudukannya sebagai taraf Wilayah Persekutuan dikekalkan.

Kongres Pemuda parti itu juga menolak diadakan rundungan dengan kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pam-pasan berkaitan perisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan pada April 1984.

Tindakan PBS tersebut telah menimbulkan perasaan kurang senang di negeri-negeri lain di Malaysia Barat dan hubungan antara kerajaan Sabah dengan kerajaan Persekutuan mula membayangkan keretakan lantaran ketegangan yang timbul secara mendadak.

Berbagai-bagi reaksi timbul akibat pengumuman berita tersebut. Ketua pembangkang Parlimen merangkap Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang berpendapat tidak ada ‘sebab’ yang boleh mencegah daripada mengadakan suatu referendum bagi menentukan kedudukan Labuan.

Beliau menambah, andainya rakyat Sabah bercadang mendapatkan semula Labuan, langkah berperlembagaan perlu diambil dan jika kerajaan pusat menghormati hasrat rakyat

Sabah tandatanya sama ada tindakan itu bercanggah dengan perlembagaan tidak akan timbul.

Beliau juga menegaskan dari segi sejarah, Labuan adalah sebahagian dari Sabah. Tanah itu diserahkan kepada Wilayah Persekutuan tanpa merujuk kepada rakyat peribumi.

Umum mengetahui bahawa keputusan penyerahan pulau itu kepada kerajaan pusat adalah tindakan individu oleh Bekas Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh.

Menteri Pertahanan, Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula berpendapat bahawa tindakan PBS untuk mengadakan pungutan suara bagi mengembalikan Labuan kepada Sabah sebagai 'apointless exercise'. Ia adalah tindakan yang tidak wajar kerana penduduk Sabah tidak akan mengalami kerugian sekiranya Labuan diletakkan di bawah jajahan Wilayah Persekutuan.

Beliau menambah perkara itu tidak perlu diungkitkan lagi kerana penyerahan Labuan kepada kerajaan Persekutuan telah dipersetujui oleh penduduk negeri berkenaan melalui wakil-wakil rakyat negeri Sabah.

Sementara itu, Datuk Harris membidas Ketua Menteri sekarang Datuk Joseph Pairin Kitingan dan menerangkan bahawa pada hakikatnya Pairin menyokong penyerahan Labuan kepada kerajaan Pusat dahulu dan juga menafikan perkara remeh atas tuduhan yang menyifatkan beliau adalah seorang "otoritet" yang membuang Labuan dengan sewenang-wenangnya. Beliau juga menafikan yang penyerahan Labuan itu tidak dirujukkan kepada rakyat Sabah.

Jikalau kita merenung dari segi perlembagaan, penyerahan Labuan kepada Kerajaan Pusat adalah melalui proses-proses yang diambil mengikut undang-undang yang selaras dengan perlembagaan.

Keputusan penyerahan Labuan kepada kerajaan Pusat diambil setelah diadakan persidangan di Dewan Undangan Negeri dan Parlimen. Anggota-anggota negeri yang mewakili rakyat Sabah memberi kata persetujuan bagi pihak rakyat mengenai penyerahan tersebut.

Memandangkan proses pengambilan Labuan adalah sesuai dari segi undang-undang perlembagaan, kita berpendapat perkara ini tidak perlu diungkit dan dipertikaikan lagi bahkan tiada suara bantahan kedengaran baik dari wakil-wakil rakyat mahupun rakyat Sabah sendiri melalui media massa.

Hingga ke saat saya menulis ruangan ini, Datuk Pairin masih belum menyuarakan sebarang penjelasan ataupun penafian atas apa yang diperkatakan oleh Datuk Harris bahawa beliau sendiri telah menyokong tindakan tersebut.

Sekiranya Datuk Pairin dan beberapa orang tokoh PBS benar-benar telah menyokong penyerahan Labuan kepada kerajaan pusat pada masa lalu, maka mereka tidak berhak lagi memungkiri janji ataupun bersikap tidak jujur dan janganlah menjadi seperti kata pepatah ‘buruk siku, sudah diberi minta balik’!

Sekiranya rakyat Sabah memandang penyerahan Labuan kepada kerajaan pusat adalah suatu keputusan yang tidak munasabah dan merasa kesal atas tindakan tersebut, pada hematnya kekesalan mereka ini umpama ‘nasi telah menjadi bubur’ semuanya kini telah menjadi suatu ‘kejadian’ yang tidak mungkin diulang semula.

Apa yang diperkatakan kini, rakyat Sabah haruslah mengambil isu ini sebagai satu pengajaran untuk masa hadapan. Rakyat Sabah janganlah bersikap terlalu bergopoh-gapah menyerahkan segalanya kepada wakil rakyat, berfikirlah dahulu sebelum membuat keputusan, bak kata pepatah, ‘sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.’

Dan nampaknya tidak ada jalan lain bagi rakyat Sabah melainkan mendapat pampasan dari kerajaan persekutuan.

Bagi Kongres Pemuda PBS yang menolak usul mengadakan runtingan dengan Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan pampasan adalah tidak munasabah.

Telah menjadi tradisi bagi Malaysia sejak dari pentadbiran Perdana Menteri Pertama, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman hingga ke saat ini mengadakan perundingan bagi menyelesaikan sesuatu masalah dan memberikan manfaat bagi semua pihak dan andainya perundingan tidak diadakan, pasti akan timbul salah faham dan penyelesaian tidak akan tercapai.

Hendaklah diingatkan kepada pihak Kongres Pemuda PBS jangan mengambil tindakan yang boleh meruncingkan lagi keadaan. Amalkanlah dasar buka pintu bagi mengadakan runtingan.



**NG HUWA HING dan TAI HEAN KEAT** – sahabat karib yang mengiringi penulis sewaktu melaporkan diri di Pejabat Polis Daerah Petaling pada 29 Oktober 1987, kerana Operasi Lalang

## GERAKAN UNTUK SEMUA KAUM?

DALAM komponen Barisan Nasional yang menerajui pentadbiran negara, tiga parti berbentuk 'mono-racial', iaitu UMNO (Baru) MCA dan MIC, merupakan parti-parti yang paling menonjol dan pengaruhnya paling berkesan. Ini adalah kerana parti tersebut terdiri daripada satu-satu kaum tertentu dan menurut perlembagaannya berjuang untuk kepentingan satu-satu kaum sahaja.

Dalam pada ini, umum mengetahui UMNO (Baru) mewakili orang-orang Melayu, MCA untuk masyarakat Cina dan MIC untuk masyarakat India. Bagaimanapun, ada dua buah lagi parti yang berbentuk 'multi-racial' iaitu parti Gerakan dan DAP yang turut menggantungkan sokongannya kepada masyarakat Tionghua, kedua-dua parti ini melaungkan slogan politik yang sama iaitu 'Malaysian Malaysia'.

DAP merupakan parti pembangkang yang terbesar dalam negara sementara Gerakan adalah salah sebuah komponen parti dalam gagasan Barisan Nasional.

Umum mengetahui, walaupun MCA dan Gerakan adalah sama-sama berada dalam BN, namun mereka tidak berapa 'ngam' dan sentiasa wujud perselisihan. Dalam hubungan ini tidak lama dahulu Ketua Pemuda Gerakan Dr. Koh Tsu Koon mengketepikan sebarang perasaan persaudaraan BN, turut mencabar Ketua Pemuda MCA Datuk Yap Pian Hon untuk berdebat di atas tajuk 'Di antara dasar politik 'mono-racial' dengan multi-racial', mana yang lebih sesuai untuk iklim negara ini' (makna lebih kurang begitu). Tetapi Datuk Yap Pian Hon langsung tidak melayani beliau.

Dan baru-baru ini, Ketua Biro Publisiti Gerakan Dr. Kang Chin Seng apabila bercakap dalam satu seminar politik di cawangan Gerakan Kajang pada 12 Ogos lalu, dengan begitu berani mendakwa bahawa parti-parti politik 'mono-racial' dalam negara ini sedang meronta-ronta buat kali terakhir untuk survival!.

Kenyataan beliau langsung tidak menarik perhatian kaum Tionghua yang menganggapnya sebagai mengarut, bercakap dengan tidak mahu mengambil realiti. Tetapi perkara ini membawa makna yang agak besar dan harus diambil perhatian. Ini adalah kerana Dr. Kang Chin Seng bukan calang-calang orangnya memandangkan kedudukannya dalam Gerakan (beliau adalah juga setiausaha politik kepada Datuk Dr. Lim Keng Yik, Presiden Parti Gerakan). Malah, kenyataan itu membawa makna yang agak jelas, tidak lain dan tidak bukan, tiga parti pengasas yang terbesar dalam BN yang berbentuk mono-racial iaitu UMNO (Baru), MCA dan MIC tidak harus wujud lagi dalam arena politik Malaysia!. Dengan lain perkataan, parti-parti ini, seperti yang didakwa oleh Dr. Kang Chin Seng yang sedang meronta-ronta buat kali terakhir untuk survival kita harus dibubarkan sama sekali!.

Jika dikaji hujah Dr. Kang Chin Seng, pergolakan parti UMNO (Baru) tidak payah diteruskan, janganlah membuang masa dan tenaga kerana bertelagah, ambillah nasihat Dr. Kang Chin Seng, tak payah meronta lagi, bubarkan UMNO (baru) dan terus masuk Gerakan sudahlah!

Ini mungkin berbunyi agak canggung tetapi ia benar dan tepat sekali, berdasarkan nasihat dan pandangan Dr. Kang Chin Seng.

Sekiranya dikaji kenyataan Dr. Kang Chin Seng yang paling kontroversial itu dengan lebih teliti, kita akan mendapati parti itu cuma menyiaran kenyataan tersebut dalam akhbar-akhbar berbangsa Tionghua dan tidak berani menyiarannya kepada akhbar-akhbar berbahasa Inggeris, lebih-lebih lagi kepada akhbar berbahasa Malaysia. Jangan merasa hairan, sebenarnya ini adalah taktik yang lumrah diamal dan dipraktikkan oleh Gerakan dan pada hakikatnya masyarakat Tionghua sudah lama menyifatkan perbuatan Gerakan itu sebagai talam dua muka atau ular berkepala dua yang hampir berlambang dalam Gerakan.

Dengan lebih jelas, dakwaan Dr. Kang Chin Seng tersebut bangga terhadap MCA (seterusnya ketatnya) tetapi sebaliknya parti itu takut menimbulkan kemarahan UMNO (Baru) yang juga kena 'tamparan'.

Itulah sebabnya Gerakan tidak berani menyatakan kenyataan tersebut kepada akhbar-akhbar bukan berbahasa Tionghua.

Kenyataan Dr. Kang Chin Seng yang penuh prejedis itu menyamakan parti-parti yang berbentuk 'mono-racial' sebagai parti yang mengamalkan racialisme. Dakwaan seperti ini pastinya disangkal bulat-bulat oleh UMNO (Baru), MCA dan MIC yang mana menurut perlombagaan masing-masing memperjuangkan untuk menjaga kepentingan sesuatu kaum tertentu, di samping menekankan dasar bekerjasama rapat dengan kaum lain dengan memperjuangkan untuk memupuk keharmonian dan perpaduan antara kaum, di samping menolak sebarang corak politik chauvinistik yang bermusuhan dengan kaum lain.

Dr Kang Chin Seng seolah-olah sudah lupa parti Gerakan yang menonjolkannya sebagai sebuah parti politik 'multi-racial', bak kata pepatah Tionghua, parti itu (sejak kewujudannya) lebih merupakan 'kepala kambing digantung tetapi anjing dijual'.

Lebih daripada 95 peratus anggota parti itu adalah kaum Tionghua (tetapi angkanya bukan besar) dan corak perjuangan politiknya cuma cuba mengambil hati kaum Tionghua sahaja. Ini bukan dakwaan penulis ruangan ini sahaja. Akhbar The New Strait Times Isnin lalu mengesahkannya dengan laporan mengenai dakwaan anggota Gerakan bukan Tionghua yang dipimpin oleh Ketua Cawangan Seberang Jaya (Pulau Pinang) Encik V.Aparoo yang telah menangguhkan satu perhimpunan anggota bukan Tionghua dan akan menghantar satu delegasi tujuh anggota untuk menemui ketua Gerakan Pulau Pinang untuk menyampaikan ketidakpuasan anggota bukan Tionghua kononnya parti itu telah menyimpang dari dasar perjuangan politik yang berbentuk "multi-racial". Nampaknya Gerakan yang memerlui rakan-rakan komponennya yang berbentuk "mono-racial" dalam BN, UMNO (Baru), MCA dan MIC bagi sedang meronta-ronta untuk survival sudah meninggalkan perjuangan asalnya dan turut memainkan politik perkaumannya.

Masyarakat Tionghua menghormati pemimpin yang berkorak ‘berani bersuara lantang’, berani bikin dan berani mengambil tanggungjawab atas segala perbuatanya’. Cara Dr Kang Chin Seng yang berani mengejek MCA dengan kenyataan kontroversial tersebut tapi takut diketahui oleh UMNO (Baru) telah dianggap oleh masyarakat Tionghua sebagai perbuatan pengecut.

Sesetengah pemimpin masyarakat Tionghua bertanggungjawab di atas kenyataannya. Bagaimana parti itu boleh diharapkan untuk memperjuangkan kepentingan mereka?

Nampaknya Gerakan terpaksa berterus terang memberitahu UMNO (Baru) bahawa ia sedang meronta-ronta buat kali terakhir untuk survivalnya supaya menebus sedikit imejnya dalam mata masyarakat Tionghua.

Apakah Gerakan berani menasihat UMNO (Baru) ‘menutup kedai’?

## Gerakan balas tulisan Chan Tse Yuen : **PERPADUAN PERLU DIUTAMAKAN**

RENCANA Chan Tse Yuen di dalam akhbar WATAN bil. 352, Sabtu 20 Ogos, 1988 di ruangan "Dari Hati Ke Hati" bertajuk "Gerakan untuk semua kaum?". Menarik perhatian saya untuk membacanya berulangkali. Ada beberapa hal yang menarik perhatian saya di atas isu-isu yang diungkitkan oleh penulis tersebut.

Pertama, Gerakan scolah-olah sengaja mencari populariti dengan membangkitkan isu "multi-racial" dan tidak bersifat "mono-racial" seperti kerabat BN yang lain, iaitu UMNO, MCA dan MIC. Tuduhan ini, menggambarkan penulis tidak mendalami politik yang harus diperjuangkan oleh setiap manusia yang rasional yang melihat di bumi Malaysia yang tercinta, khususnya dan di dunia amnya, yang merupakan perjuangan tanpa batas perkauman tetapi yang lebih penting manusia haruslah berfikir sebagai pejuang kemanusiaan sejagat tanpa mengira asal usul dan budaya mereka.

Manusia harus berfikir sebagai manusia yang diberi akal oleh Tuhan dan haruslah mengketepikan nafsu yang ganas dalam kalbu mereka supaya mereka menjadi ahli fikir untuk kebaikan manusia sejagat. Lantas itu Gerakan yang disuarakan oleh Dr. Kang Chin Seng, setiausaha politik Menteri Perusahaan Utama, seorang ahli fikir yang matang, yang melihat perjuangan dan ideologi Gerakan untuk orang Tionghua atau Melayu atau India sahaja, tetapi apa yang lebih penting yang dapat saya hayati ialah perjuangannya dan mahukan ideologi perpaduan dalam bentuk "multi-racial" benar-benar wujud di dalam setiap jiwa rakyat Malaysia dengan harapan kelak tidak

lagi wujud kancan perkauman di antara kaum seperti apa yang berlaku pada tahun 1969, yang mana peristiwa 13 Mei, 1969 itu mencatatkan sejarah hitam perkauman di negara kita.

Penulis haruslah melihat sejarah sebagai satu titik tolak pemikiran baru di dalam setiap perjuangan rakyat Malaysia masa depan, bukan perjuangan individu yang bersifat perkauman.

Kedua, isu perdebatan mengenai "di antara dasar politik mono-racial dengan multi-racial, yang mana lebih sesuai dengan iklim negara ini" yang dicadangkan oleh Dr. Koh Tsu Koon ini berbangkit berpunca daripada kenaikan pangkat Guru-Guru Sekolah Kebangsaan Cina. Kabinet telah bersetuju kenaikan pangkat guru-guru berdasarkan kepada "SISTEM 4-1" iaitu 4 kategori yang berkelulusan bahasa Cina dan seorang guru tidak berkelulusan Cina tapi fasih berbahasa Cina boleh dinaikkan pangkat. Persetujuan ini termasuk persetujuan daripada menteri-menteri MCA dan Gerakan, tetapi MCA kemudian nampaknya bersifat seperti "anjing menyalak bukit" dan mengatakan Gerakan "telah berkepala kambing digantung tetapi anjing dijual" kepada masyarakat Cina bahawa MCA tidak menyetujui "sistem 4-1" yang diluluskan oleh kabinet.

Pada hakikatnya Gerakan bukan menjual sesiapa, tetapi Gerakan mahu melihat "multi-racial" betul-betul diterima oleh setiap masyarakat Malaysia tanpa mengambil peduli asal usul mereka. MCA sebaliknya melihat isu ini dengan nafsu keCinaan mereka semata-mata dan scolah-olah mereka mesti pula rakyat di negara kita, sebab itulah MCA sentiasa mengungkit-ungkitkan keputusan yang tercapai melalui rundingan di dalam kabinet. Bukan itu sahaja, penulis dan anggota MCA menjual dan menjaja isu ini dengan menyatakan Gerakan menarik kaki MCA dan menjual maruah kaum Tionghua, tetapi tidak berani meluaskan kritikan mereka di kalangan UMNO dan di dalam akhbar Melayu. Biarlah masyarakat umum menilai MCA atau Gerakan yang bersifat "talam dua muka" atau "ular berkepala dua".

Kalau ideologi "multi-racial" ini tidak terdapat di dalam ruangan akhbar berbahasa Melayu, bahasa Inggeris atau Tamil, itu bukanlah kesilapan Gerakan kerana Gerakan bukan syarikat perniagaan seperti MCA yang mempunyai akhbar

sendiri tetapi Gerakan adalah sebuah perpaduan kaum melalui organisasinya yang menyebarkan ideologinya kepada semua rakyat Malaysia. Oleh itu tugas wartawan yang menyampaikan maklumat "multi-racial" ini dalam akhbar-akhbar mereka.

Gerakan bukan hak milik orang Tionghua atau Melayu atau India. Gerakan ialah hak milik setiap rakyat Malaysia tanpa peduli mereka dari golongan kaya atau miskin, tetapi mereka sebelum menyertai Gerakan mestilah menukar pemikiran, sikap dan naluri mereka kepada kecintaan sesama manusia sejagat dan perjuangan mereka untuk semua kaum, bukan untuk orang Tionghua atau India ataupun Melayu. Perjuangan Gerakan adalah untuk semua kaum. Sesiapa sahaja termasuk saudara Chan Tse Yuen, boleh menyertai Gerakan asalkan sifat perkauman diri beliau dilucutkan dari kalbunya. Walaupun masa dalam Gerakan keanggotaan kaum Tionghua lebih ramai, itu bukanlah kesilapan YB Datuk Dr. Lim Keng Yeik (kini Datuk Seri) atau Dr. Kang Chin Seng kenapa kaum India dan Melayu tidak begitu ramai menyertai Gerakan.

Ini menunjukkan masih ramai lagi rakyat Malaysia tidak melihat kepentingan perpaduan kaum "multi-racial" sebagai ideologi perjuangan mereka dan ramai melihat "mono-racial" sebagai landasan perpaduan mereka. Kita harus sedar sejarah tanahair ini di mana peristiwa 13 Mei, 1969, di mana Perikatan pada waktu itu tidak dapat membendung perkauman yang merebak di dalam masyarakat di masa itu. Adakah sejarah hitam seperti 13 Mei, 1969 mahu diulangi lagi?. Tentu tidak! Mungkin saudara Chan Tse Yuen boleh berfikir kembali secara rasional dan logikal.

Saudara Chan Tse Yuen menyatakan 95 peratus anggota Gerakan terdiri daripada kaum Tionghua adalah satu anggapan yang silap kerana dalam Gerakan umumnya 75 peratus sahaja terdiri daripada kaum Tionghua sedangkan 25 peratus adalah terdiri daripada kaum Melayu dan kaum India. Mengenai saudara V. Aparoo seperti yang disentuh oleh saudara Chan Tse Yuen seperti dalam akhbar "The New Straits Times" Isnin lalu adalah masalah biasa yang terdapat di dalam setiap pertubuhan atau organiasasi kerana mungkin beliau tidak begitu dapat menghayati perjuangan Gerakan dan mungkin beliau hanya melihat layanan Gerakan terhadap kaum Tionghua lebih istimewa kerana keanggotaan kaum

Tionghua dalam Gerakan lebih ramai. Memang tidak dapat dinafikan di dalam mana-mana parti-parti politik pun layanan diberi lebih istimewa kepada keanggotaan yang lebih ramai. Maka layanan pucuk pimpinan kapada kawasan atau cawangan itu tentulah lebih istimewa. Layanan yang istimewa ini bukanlah untuk kaum Tionghua semata-mata tetapi kebetulan cawangan itu keanggotaannya majoriti orang Tionghua. Maka layanan-layanan yang lebih diberi tentulah kepada masyarakat di situ yang ramai keanggotaannya kaum Tionghua. Sebaliknya, kalau sesuatu cawangan yang terdiri daripada kaum India yang ramai maka tentulah kaum itu yang lebih mendapat nikmat layanan pucuk pimpinan dan projek-projek pembangunan yang diberi. Bukan soal kaum yang menjadi motto perjuangan Gerakan tetapi soal keanggotaan yang diberi keutamaan.

Isu lain yang dibangkitkan oleh saudara Chan Tse Yuen nampaknya beliau sengaja mahu menimbulkan krisis di antara UMNO dan Gerakan dengan menyatakan adalah lebih baik UMNO dibubarkan dan supaya UMNO menyertai Gerakan. Saya mempunyai tanggapan yang saudara Chan Tse Yuen telah gagal memburuk-burukkan Gerakan terhadap anggota Gerakan, secara langsung beliau mahu menimbulkan kemarahan anggota UMNO terhadap Gerakan. Nampaknya pancingan kail beliau tidak mudah ditelan oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang sudah matang dalam politik. Kerana pemimpin UMNO tahu Gerakan adalah kerabat dalam BN yang mudah berunding dan mematuhi setiap keputusan yang dicapai untuk kebaikan masyarakat berbilang kaum di dalam kabinet atau Majlis Tertinggi BN, bukan seperti MCA bercakap di gelanggang lain nadanya dan di luar gelanggang pula lain rentaknya seperti pepatah Tionghua "Tikus di dalam harimau di luar".

Hj. Anuar Tan Abdullah

Khamis, 25 Ogos 1988

# GERAKAN SEDANG MERONTA-RONTA

NAMPAKNYA rencana saya dalam ruangan ini tempohari yang bertajuk 'Gerakan Untuk Semua Kaum?', telah menimbulkan reaksi daripada pucuk pemimpin parti Gerakan. Ini terbukti dari jawapan segera dari parti itu melalui tulisan bertajuk 'Gerakan balas tulisan Chan Tse Yuen - Perpaduan Perlu Diutamakan' yang disiarkan di dalam akhbar WATAN keluaran Ogos lalu.

Walaupun tulisan tersebut di siarkan dengan nama samaran 'Haji Anuar Tan Abdullah', namun saya pasti ia dikeluarkan dari pucuk pimpinan Gerakan. Keyakinan saya adalah terdiri dari tiga faktor berikut. Pertama, Haji Anuar mengatakan beliau tertarik dengan rencana saya dan beliau telah membacanya berulang kali. Sekiranya kita mengupas dari segi objektif tidak mungkin seorang anggota Gerakan biasa boleh beraksi dengan begitu ghairah sehingga mengambil inisiatif untuk menulis kepada akhbar menjawab rencana yang telah dibaca berulang kali itu. Kedua, dari isi kandungan tulisan Haji Anuar yang bersikap seperti orang yang kena tuduh yang berhempas pulas membela Gerakan, tidak sukar untuk kita mengagakkan siapa sebenarnya 'Haji Anuar Tan Abdullah'. Haji Anuar (atau pemimpin Gerakan) telah 'mendedahkan ekornya' dengan suasana yakin menyangkal dakwaan saya dalam rencana tersebut yang mengatakan Gerakan mempunyai 95 peratus anggota Tionghua dan sebaliknya beliau mengesahkan Gerakan hanya mempunyai 75 peratus sahaja anggota Tionghua!

Memang benar, dalam rencana tersebut saya telah mem-

buat dakwaan yang serius terhadap Gerakan. Seperti yang terbayang dari nama ruangan ini yang berbunyi 'Dari Hati Ke Hati', segala ulasan dan pandangan yang tersiar dalam ruangan ini adalah hasil pemikiran yang berpandukan prinsip yang dipegang teguh oleh saya iaitu menulis dengan ikhlas dan jujur dari hati sanubari. Tapi saya rasa agak kecewa dan sedih di atas sikap pemimpin Gerakan yang 'berkepala tikus, ekor pun tikus. Mengapa mereka masing-masing berdiari diri dan berselindung di sebalik tabir, tidak berani membela diri di depan mata rakyat negara ini?

Pada keseluruhannya, tulisan proxy melalui 'Haji Anuar Tan Abdullah (nama rekaan siapa tanyalah pada Gerakan) langsung tidak menjawab terhadap soalan yang ditimbulkan dalam rencana tersebut, malah beliau telah mengelakkan perkara ini sama sekali!

Dalam rencana itu, saya telah menulis bahawa Ketua Biro Publisiti Gerakan Merangkap Setiausaha Politik kepada Presiden Parti Gerakan, iaitu Dr. Kang Ching Seng dalam ucapannya di Kajang pada 12 hb Ogos lalu, telah mendakwa bahawa parti-parti politik mono-racial dalam negara ini sedang meronta-ronta 'buat kali terakhir' untuk survival. Sebagai ulasan saya mengatakan perbuatan Gerakan itu merupakan tindakan pengecut kerana Dr. Kang Ching Seng hanya menyatakan kenyataan itu kepada akhbar-akhbar berbahasa Tionghua sahaja dan tidak berani menyatakan kepada akhbar-akhbar berbahasa Inggeris, lebih-lebih lagi akhbar-akhbar berbahasa Malaysia. Maksud saya ialah, seperti lumrah berlaku pada masa lampau, tingkah laku Gerakan yang suka memainkan peranan dan taktik dalam dua muka. Keputusan Gerakan tidak menyatakan percakapan Dr. Kang Ching Seng itu kepada akhbar-akhbar yang mudah difahami oleh semua kaum adalah kerana ia merupakan suatu tampanan hebat ke atas muka 'taikonya' iaitu UMNO (Baru) yang berbentuk mono-racial. Mengikut ukuran kenyataan Dr. Kang Ching Seng itu yang mendakwa parti-parti mono-racial sedang meronta-ronta untuk survival, bermakna parti-parti seperti MCA dan MIC akan tamat 'usia' bila-bila masa dan UMNO (Baru) turut mengalami takdir yang sama. Oleh sebab itu saya menimbulkan keraguan sama ada Gerakan berani memberitahu kepada UMNO (Baru) dengan berterus terang bahawa parti itu sedang meronta-ronta dan seterusnya menasihati

UMNO (Baru) supaya membubarkannya dan menyertai Gerakan yang kononnya semakin hari semakin mendapat tempat dalam iklim politik negara ini. Cuma reaksi Gerakan (melalui Haji Anuar), menuduh saya ingin menimbulkan krisis di antara UMNO dan GERAKAN dan juga menimbulkan kemaslahan anggota UMNO terhadap parti GERAKAN dan seterusnya menekan ketaatsetiaan parti GERAKAN kepada kerabat dalam BN, iaitu 'taikonya'. Tetapi, satu perkara yang ketara ialah GERAKAN telah lupa menjelaskan mengapa ia tidak menyiarkan kenyataan kontroversial itu kepada akhbar berbahasa bukan Tionghua dan juga memberi penjelasan apa makna sebenarnya yang dimaksudkan oleh GERAKAN melalui kenyataan Dr. Kang Chin Seng itu.

Apa yang agak melucukan mengapa kenyataan Dr. Kang Chin Seng yang kontroversi itu tidak disiarkan dalam akhbar berbahasa Malaysia kononnya adalah kerana parti Gerakan bukan syarikat perniagaan seperti MCA yang mempunyai akhbar sendiri. Siapakah Gerakan yang ingin diperbodoh-bo-dohkan? Apakah Gerakan bermimpi rakyat jelata berfikiran kebudak-budakan dan percaya MCA mempunyai saham dalam akhbar berbahasa Malaysia seperti Utusan Malaysia dan Berita Harian?

Dalam jawapan itu, Gerakan, masih menekankan bahawa parti-parti mono-racial adalah berbahaya untuk negara ini. Saya rasa agak terkejut atas kedangkalan pemikiran politik pemimpin Gerakan yang scolah-olah tidak menyedari atau enggan memahami suatu hakikat iaitu walaupun tiga parti komponen pengasas dalam Barisan Nasional iaitu UMNO (Baru), MCA dan MIC masing-masing berbentuk mono-racial, tetapi sebetulnya parti-parti ini menghargai dan mengamalkan dasar multi-racial. Mereka ini sejak negara ini belum mencapai kemerdekaan, iaitu pada masa Perikatan, sudah menitikberatkan kerjasama dan harmoni di antara berbagai-bagai kaum dalam negara.

Sebaliknya kita melihat Gerakan yang sentiasa menyorok sebagai multi-racial dan menekankan keadilan dan kesaksamaan di antara rakyat berbilang kaum itu, apakah mereka cakap serupa bikin? Tidak, langsung tidak! Cuba kita bertanya Gerakan, mengapa parti itu tidak mempunyai seorangpun di antara Anggota Parlimen dan ADUNnya yang terdiri bukan Tionghua? Kita juga mendapati di antara ja-

watan penting di Majlis Tertinggi Gerakan hanya mempunyai seorang sahaja (Encik K. Subramaniam) yang menjadi perhiasan parti. Di manakah representasi 25 peratus golongan bukan Tionghua dalam Gerakan? Cukup, semua ini sudah memadai untuk membuktikan Gerakan 'kepala kambing digantung, anjing dijual'!

Bagaimanapun, rakyat negara ini, terutamanya kaum Tionghua memahami 'embarrassment' dan situasi yang serba salah yang di alami oleh Gerakan selama ini. Walaupun Gerakan berbentuk multi-racial, selama ini ia 'terpaksa' memainkan sentimen kaum Tionghua tapi pada masa yang sama, ia bimbang 'perbuatan kotor' ini (seperti bukti tidak menyiarkan kenyataan Dr. Kang Cheng Seng kepada akhbar-akhbar berbahasa bukan Tionghua) diketahui dalam 'kerabat bukan BN atau dengan lebih terus terang, taikohnya - UMNO. Itulah sebabnya Gerakan 'jumpa orang berbahasa orang, jumpa hantu bertutur bahasa hantu' dan terus bermain taktik dalam dua muka.

Sekiranya kita memandang dilema Gerakan dengan lebih serius dan bertanya kepada parti itu; 'Dalam kabinet mana satu kaum ia wakili dan kepentingan mana satu kaum ia perjuangkan dan setakat ini apa kepentingan yang pernah dapat dihasilkan dari perjuangan. Gerakan untuk mana-mana satu kaum? Jawapannya mungkin ialah tidak, Gerakan sedang meronta-ronta buat kali terakhir untuk survival, bila-bila masa sahaja boleh 'tutup kedai'!

Jawapan balas kepada tulisan  
Chan Tse Yuen :  
**PENDIRIAN GERAKAN  
TEGAS**

CHAN TSE YUEN melalui ruangan 'Hati Ke Hati' akhbar Watan, (Sabtu, 20 Ogos 1988) mendakwa pemimpin parti Gerakan hanya menyiarkan pendirian mereka mengenai politik berbilang kaum kepada akhbar-akhbar berbahasa Tionghua dan tidak berani menyiarkan kepada akhbar-akhbar berbahasa Inggeris atau berbahasa Malaysia.

Di samping itu beliau juga menuduh bahawa percakapan dan tindakan parti pemimpin Parti Gerakan seolah-olah menuju kepada MCA dengan tujuan untuk 'mengejek MCA' tetapi takut menyeru UMNO 'menutup kedai' kerana ia juga bercorak "mono-racial". Ini disifatkan sebagai satu taktik 'talam dua muka' atau 'ular berkepala dua'.

Saya ingin menjawab tuduhan-tuduhan Encik Chan Tse Yuen ini sebagai tambahan kepada rencana Tuan Haji Anuar Tan Abdullah selaku Timbalan Ketua Pemuda Gerakan Kebangsaan yang disiarkan dalam Watan pada 25 Ogos 1988.

Sekiranya Encik Chan Tse Yuen jujur dan membuka mata, beliau dapat bahawa dalam ucapan-ucapan dan percakapan para pemimpin parti Gerakan hujah-hujah yang diberikan itu pada amnya konsisten. Lebih penting lagi pendirian Gerakan bahawa perlunya politik bercorak berbilang kaum dan pendiriannya terhadap konsep keMalaysiaan adalah jelas. Lebih penting lagi pendirian ini sering disuara dan ditujukan

bukan sahaja kepada masyarakat Tionghua atau melalui akhbar-akhbar Tionghua tetapi ditujukan kepada semua rakyat dan melalui sebaran am bahasa-bahasa lain juga.

Saya ingin memberi beberapa contoh konkrit khasnya mengenai ucapan-ucapan yang diberi oleh Ketua Pemuda Gerakan Malaysia, Dr. Koh Tsu Koon kerana rencana Encik Chan Tse Yuen juga telah menyerang Dr. Koh Tsu Koon.

Dalam ucapan-ucapan Dr. Koh Tsu Koon di Parlimen dahulu, beliau pernah berkali-kali mengkritik politik perkauman dan anggota politik yang memainkan rentak demikian.

Mengikut analisis beliau, ini adalah kerana sesetengah anggota politik yang berdasarkan kepada sesuatu kaum itu berlumba-lumba mencari pengaruh dan kuasa hingga tidak dapat mengelakkan diri daripada memainkan politik perkauman.

Dr. Koh, juga pernah menyuarakan pendapat sedemikian dengan jelas dan lantang di dalam beberapa perhimpunan Pemuda Barisan Nasional dan üi dalam perjumpaan beliau dengan para pemimpin dan anggota Pemuda UMNO dan MIC.

Misalnya, di satu khemah kerja politik Pemuda Barisan Nasional yang dianjurkan oleh Pemuda PBB Sarawak pada bulan Ogos, 1985, Dr. Koh Tsu Koon dalam ucapannya menyuarakan pendirian yang sama.

Hujah-hujah beliau ini boleh di dapat dengan lengkapnya dalam satu laporan khas oleh Bernama yang disiarkan dalam beberapa akhbar bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia selepas khemah kerja itu.

Yang harus ditegaskan ialah kebanyakkan daripada para peserta dalam khemah kerja iaitu terdiri dari anggota Pemuda UMNO dan anggota Pemuda PBB Sarawak yang menjadi tuan rumah kepada khemah kerja itu. Mereka ini adalah berketurunan Melayu dan kaum Bumiputera yang lain. Malangnya Pemuda MCA tidak menghantar sebarang perwakilan kerana ketika itu MCA begitu sibuk dengan pertikaian di kalangan puak-puaknya. Namun demikian, Encik Chan Tse Yuen sendiri boleh menyemak laporan akhbar atau menyоal para peserta untuk membuktikannya.

Sebagai contoh kedua, di khemah kerja politik Pemuda BN yang kedua yang diadakan pada bulan Februari 1986 di Morib, Selangor di bawah anjuran Pemuda UMNO, Dr.

Koh Tsu Koon sekali lagi menyuarakan pendirian beliau ini.

Dalam khemah kerja kali ini, pemuda MCA telah hadir, diwakili oleh pasukan baru di bawah pimpinan Senator Kee Yong Wee pada ketika itu.

Apa yang harus ditegaskan ialah sambutan anggota Pemuda Melayu dan Bumiputera yang lain terhadap pendirian ini pada amnya adalah menggalakkan. Mereka tidak menafikan hujah-hujah yang diberikan oleh Dr. Koh Tsu Koon itu. Apa yang mereka soalkan ialah bagaimana politik berbilang kaum ini dapat dimajukan dalam keadaan sekarang dan bagaimanakah kita dapat menuju ke masa hadapan. Pihak Pemuda Gerakan memandangkan bahawa ini merupakan satu titik permulaan yang baik.

Sebagai satu contoh yang ketiga, Dr. Koh Tsu Koon juga menyuarakan pendirian yang sama ini apabila dijemput untuk memberi ucapan kepada pemuda MIC kawasan KLFT dalam satu khemah kerja politik Pemuda MIC di Genting.

Sebenarnya ada di antara pemimpin-pemimpin MCA baru-baru ini telah mengakui bahawa mereka ini sebenarnya tidak menentang pendirian berbilang kaum. Apa yang mereka persoalkan ialah pendirian ini merupakan satu idea yang belum dapat dilaksanakan pada masa ini. Misalnya, Timbalan Presiden MCA, Encik Lee Kim Sai (kini Datuk) telah menyatakan bahawa pada hakikatnya MCA pun telah mengamalkan pendirian politik berbilang kaum kerana menyertai BN, tetapi bentuknya merupakan mono-racial sahaja. Ertinya falsafah parti itu sudah bercorak berbilang kaum cuma bentuknya akan memakan masa untuk menjadikannya demikian.

Namun demikian berkali-kali Encik Lee Kim Sai mengatakan bahawa MCA tidak bersedia berbuat demikian. Maka jelaslah terdapat satu percanggahan di antara falsafah MCA dan perlaksanaan MCA. Apakah sebabnya MCA sekarang tidak berani membuka pintunya kepada rakyat Malaysia daripada keturunan bukan Tionghua? Adakah kerana mereka merasakan tidak selamat sekiranya mereka membuka pintu maka taktik mereka akan terdedah? Taktik MCA sudah jelasnya benar-benar merupakan "kepala kambing digantung, daging anjing dijual,".

Apa yang ingin saya tegaskan di sini ialah apabila Gerakan mengkritik politik berbilang kaum yang berdasarkan kepada sesuatu kaum itu, Gerakan bukan ingin menghancur-

kan parti-parti politik 'mono-racial' yang sedia ada sekarang seperti UMNO, MCA, dan MIC.

Tujuan kritikan dari Gerakan ini ialah untuk menganalisis betapa bahayanya politik perkauman berterusan. Gerakan juga hanya cuba mengemukakan sebab-sebabnya parti berbilang kaum itu adalah lebih sesuai untuk pembentukan sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu sungguhpun dari keturunan dan agama yang berlainan.

Harapan Gerakan sebenarnya ialah bahawa parti-parti politik perkauman termasuk UMNO, MIC dan MCA pada suatu hari nanti dapat mengubah pendirian dan sikap mereka serta mengubah bentuk mereka dengan membuka pintu mereka kepada semua rakyat.

Sebenarnya, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba telah berkali-kali dan juga baru-baru ini telah mengatakan bahawa memanglah menjadi hasrat pucuk pimpinan Barisan Nasional menuju ke arah yang sama ini. Pemuda Gerakan menyambut baik pendapat beliau ini.

Walau bagaimanapun, Pemuda Gerakan tidak bersetuju dengan hujah beliau bahawa ini hanya dapat dilaksanakan apabila sahaja keseimbangan ekonomi di antara kaum telah dicapai. Pemuda Gerakan berpendapat bahawa dengan adanya Barisan Nasional dengan sebuah parti yang benar-benar berbilang kaum barulah boleh mencapai matlamat perseimbangan sosial dan ekonomi itu dengan lebih cepat dan berkesan tanpa menjaskankan semangat perpaduan.

Oleh itu, saya ingin merayu kepada Encik Chan Tse Yuen dan juga pemimpin-pemimpin Pemuda MCA yang merupakan generasi baru rakyat Malaysia supaya mereka ini lebih bersikap terbuka.

Saya sesungguhnya berharap bahawa Encik Chan Tse Yuen dan rakan-rakannya dapat mengkaji perkara ini secara rasional dan menerima segala kritikan dari Gerakan dengan hati yang terbuka. Jangan pula memutarbelitkan pendirian Gerakan dengan menyifatkannya sebagai berniat jahat terhadap parti-parti lain.

Apa yang penting ialah kita semua harus mengketepikan kepentingan kita sebagai individu dan juga kepentingan parti secara sempit.

Sudah sampai masanya untuk kita sebagai rakyat Malaysia berfikir secara mendalam untuk mencari satu penyelesaian

dan pendekatan yang lebih sesuai dan janganlah terkongkong dengan cara yang tradisional yang mungkin sudah kurang sesuai bagi generasi baru yang ada sekarang dan bagi generasi akan datang.

Lum Weng Keong  
Naib Ketua Pemuda Gerakan Kebangsaan

Khamis 20 September 1988

## TULISAN LUM WENG KEONG MELENCONG

SELEPAS saya membaca tulisan Lum Weng Keong selaku Naib Ketua Pemuda GERAKAN Kebangsaan bertajuk 'Jawapan Balas Kepada Tulisan Chan Tse Yuen - PENDIRIAN GERAKAN TEGAS', pemikiran pertama saya ialah tidak mahu melayan beliau kerana tulisan tersebut "tidak dapat menggaru tempat yang gatal" iaitu seperti Haji Anuar Tan Abdullah sebelumnya.

Hujah yang diketengahkan oleh beliau sebulat-bulatnya lari dari inti persoalan. Tetapi supaya kebenaran tidak terbenam oleh putar-belit mereka, maka sekali lagi saya mendedahkan 'pekung' Gerakan dalam rencana ini dan membekalkan kebijaksanaan pembaca untuk menghakiminya.

Saya percaya pembaca agak kecewa kerana baikpun Haji Anuar Tan Abdullah atau Encik Kum Weng Keong, keduanya langsung tidak menyentuh tuduhan dan soalan yang saya timbulkan dalam rencana pertama saya yang bertajuk "GERAKAN UNTUK SEMUA KAUM" dan tulisan berikut di bawah tajuk "GERAKAN SEDANG MERONTA-RONTA".

Sebaliknya mereka sengaja mengelakkan persoalan dan berpura-pura 'berdebat' mengenai perkara yang bukan pokok, isu yang tidak menyentuh apa-apa. Mungkin mereka berharap dengan berbuat demikian mereka dapat memberi gambaran kepada orang ramai Gerakan tidak bersalah. Cuba kita lihat, saya telah mendedahkan dalam rencana pertama bahawa Gerakan bermain taktik dalam dua muka dan ular berkepala dua yang mana saya telah memberi bukti yang

konkrit iaitu, apabila Ketua Biro Publisiti Gerakan Merangkap Setiausaha Politik kepada Presiden Gerakan, Dr. Kang Chin Seng berucap dalam satu seminar politik di Kajang pada 12 Ogos, 1988, beliau telah mendakwa parti-parti politik "mono-racial" di negara ini sedang meronta-ronta buat kali terakhir untuk survival. Saya juga telah mendedahkan bahawa kenyataan Dr. Kang Chin Seng hanya tersiar dalam akhbar berbahasa Tionghua dan teks yang sama tidak disiarkan kepada akhbar-akhbar berbahasa Inggeris dan bahasa Malaysia kerana Gerakan takut menimbulkan kemarahan UMNO.

Bagaimana Haji Anuar dan Lum Weng Keong menjawab tuduhan tersebut? Mereka langsung tidak menyentuhnya. Tetapi dalam usaha untuk menutup kesalahan Dr. Kang Chin Seng dan parti itu, mereka telah menimbulkan perkara yang kurang meyakinkan sebagai pembelaan. Dalam hubungan ini, Lum Weng Keong telah memberitahu bahawa Ketua Pemuda Gerakan, Dr. Koh Tsu Koon pernah mengkritik politik perkauman yang mana kenyataan sedemikian telah ditujukan kepada akhbar-akhbar bukan berbahasa Tionghua.

Saya rasa kenyataan Dr Koh Tsu Koon ini seperti 'cakap serupa tidak bercakap' kerana umum mengetahui, setiap tokoh politik yang rasional, termasuk pucuk pimpinan parti pengasas Perikatan dahulu dan Barisan Nasional sekarang, iaitu UMNO (kini UMNO Baru) MCA dan MIC masing-masing mengutuk politik perkauman sempit yang bolch menjejaskan keharmonian antara kaum negara ini. Ini adalah kerana walaupun parti-parti tersebut berbentuk mono-racial, namun mereka lebih cenderung kepada pendekatan yang sederhana dalam stail dan cara pentadbiran negara.

Saya kurang faham Lum Weng Keong dan Haji Anwar tidak 'go right to the point' dan membahaskan soalan yang ditujukan. Mungkin mereka terkeliru sedikit tentang isu-isu yang berbangkit. Bagaimanapun, untuk memudahkan Lum Weng Keong dan Haji, saya cuba meringkaskan soalan dan dengan ini mengulangi dengan mengemukakan satu perkara dan menanti jawapan dari mereka. Perkara ini ialah tuduhan saya tempoh hari bahawa Gerakan adalah sebuah parti politik kepala kambing digantung tetapi anjing dijual seperti mana yang dapat dibuktikan dari hakikat yang tidak dapat dinafikan, sedangkan gerakan menyorak slogan sebagai sebuah parti

"multi-racial" yang kononnya memperjuangkan matlamat Malaysia, kesaksamaan untuk semua tidak mengira kaum atau keturunan, tetapi ia "cakap lain macam, bikin lain pula", dalam realiti, parti itu langsung tidak memberi peluang kepada pemimpin bukan Tionghua untuk memegang sebarang jawatan dalam kerajaan seperti anggota Parlimen atau ADUN malah menjadi calon pun tidak "layak" juga!. Jadi, mananya representasi 25 peratus bukan Tionghua dalam Gerakan?. Justru itu, anggapan saya yang terbaru ialah, walaupun Gerakan berusaha untuk menipu rakyat negara ini kononnya ia mempraktikkan dasar-dasar "multi-racial" dan memperjuangkan untuk semua, malangnya Gerakan "menggantung kepala kambing pun tidak layak"!.

Saya juga ingin menbangkitkan satu soalan lagi yang timbul dari kenyataan Dr. Kang Chin Seng tersebut. Kita tahu, pada hari Dr. Kang Chin Seng mengeluarkan kenyataan "parti-parti politik meronta-rona untuk survival", itu sebenarnya adalah hari keesokkan selepas hari penamaan calon di pilihanraya kecil Johor Bahru yang mana calon kerabat atau pun taikonya, UMNO (Baru) sedang menghadapi cabaran dari calon bebas dan calon mewakili PRSM. Kebetulan atau tidak, PSRM adalah parti yang tunggal berbentuk "multi-racial", jadi, apakah Dr. Kang Chin Seng bertujuan untuk belot kepada perjuang Barisan Nasional dan memberi isyarat kepada pengundi di Johor Bahru supaya menyokong calon PRSM, kerana yang lain tidak harus disokong terutamanya dari UMNO (Baru) yang sedang meronta-rona buat kali terakhir untuk survival, apa guna mengundi parti yang mungkin boleh "tutup kedai" pada bila-bila masa?.

Tetapi soalan yang paling pelik dan belum dijawab ialah, orang yang terus terabbit, iaitu Dr. Kang Ching Seng dan juga bosnya, Datuk Dr. Lim Keng Yaik masih berdiam diri. Semua orang tahu, secara terus terang, saya (dalam rencana tersebut) telah menuding terus ke arah kedua-dua Dr. itu yang mana harus di fahamkan, tuduhan berkenaan adalah perkara yang amat serius. Sebagai sebuah parti politik yang (tentunya) mendakwa menerajui sebahagian rakyat (besar atau kecil bukan soalan), setidak-tidaknya mesti menunjukkan ia boleh menghadapi cabaran. Saya telah mengemukakan bukti (keratan akhbar berkenaan) bagaimana Dr. Kang Chin Seng

bersifat bak pepatah Tionghua "macam kura mengundurkan kepala" dan membisu diri?. Bukan setakat tidak menangkiskan tuduhan beliau juga tidak memberi apa-apa penjelasan tentang percakapan kontroversial itu.

Begitu juga Datuk Dr. Lim Keng Yaik turut mendiamkan diri semua rakyat negara ini mengetahui, kedua-dua doktor itu bukan tokoh sebarang. Mereka memegang posisi yang paling tinggi dalam parti itu. Oleh sebab itu, kenyataan Dr. Kang Chin Seng boleh dianggap sebagai pendirian Gerakan, lebih-lebih lagi ia merupakan kenyataan polisi kerana mengulas dan menyifatkan tentang kedudukan parti-parti politik berbentuk "mono-racial" sebagai meronta-ronta untuk survival bukan kenyataan biasa, ia harus diketahui oleh semua lapisan rakyat terutamanya kerabatnya yang terlibat, iaitu UMNO (Baru), MCA dan juga MIC yang bercorak "multi-racial". Dan mengapa kenyataan penting seperti itu cuma disiarkan kepada akhbar-akhbar yang berbangsa Tionghua dan bukan melalui sebaran am bahasa-bahasa lain juga?. Apa alasan yang boleh meyakinkan orang ramai selain daripada bermain taktik dalam dua muka?.

Saya berpendapat Dr. Kang Chin Seng tidak boleh berdiam diri. Selagi Dr. Kang Chin Seng atau taukenya Datuk Dr. Lim Keng Yaik tidak memberi penjelasan yang memuaskan (tentang tuduhan tersebut), ia tetap akan mengukuhkan kepercayaan rakyat negara ini bahawa Gerakan benar-benar bermain politik seperti yang diterangkan dan selagi Gerakan seboleh-boleh berterusan berbelulang lembu sehingga tidak terasa malu walaupun taktik kotornya terdedah, maruah dan kredibiliti parti itu pasti menjadi tanda tanya.

Biar putih tulang, jangan putih mata, apakah Dr. Kang Chin Seng mahu menjadi "orang berdosa" dalam partinya dengan meneruskan sikap "hati tikus, berani bercakap lantang, tidak berani menghadapi akibat dan memikul tanggungjawabnya".

## Reaksi tulisan Chan Tse Yuen : **JANGAN RAGUI USAHA GERAKAN**

**KERAGUAN** Chan Tse Yuen terhadap Gerakan sebagai parti berbilang kaum masih terus menjadikan ruangan ‘Dari Hati Ke Hati’ akhbar WATAN sebagai gelanggang terbuka untuk mendapatkan kepastian.

Dalam mencari kebenaran hujah penulisannya, ternyata Chan Tse Yuen secara tidak langsung mendedahkan kejahilan pengetahuannya mengenai parti-parti politik di negara ini hinggakan jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Haji Anuar Tan dan Lum Weng Keong sering diselewangkan.

Beliau masih terus meminta Dr. Kang Chin Seng, Ketua Biro Publisiti Parti Gerakan merangkap Setiausaha Politik kepada Presiden Gerakan memberikan penjelasan wajar terhadap ucapannya dalam satu seminar politik di Kajang pada 12 Ogos, 1988 yang telah mendakwa ‘Parti-parti politik di negara ini sedang meronta-ronta buat kali terakhir untuk survival’.

Chan Tse Yuen juga telah membuat tuduhan liar apabila mengatakan bahawa dakwaan Dr. Kang Chin Seng itu hanya tersiar di dalam akhbar berbahasa Tionghua dan teks yang sama tidak diedarkan kepada akhbar-akhbar berbahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia atas alasan yang diberikan oleh penulis kerana takut menimbulkan kemarahan kepada ‘tai-konya’ UMNO (Baru).

Sayugia dinyatakan di sini bahawa untuk menjadi seorang penulis kita seharusnya tidak bertindak sebagai penulis upahan atau menulis untuk suatu kumpulan yang sehaluan dengan kita. Di samping itu pengetahuan yang mendalam

dan latar belakang yang menyeluruh perlulah ada kepada setiap penulis istimewanya dalam bidang yang akan ditulisnya.

Ternyata Chan Tse Yuen tidak memiliki watak-watak yang dimestikan untuk sesuatu bidang penulisan maka akhirnya beliau terperangkap di dalam bidangnya lantas tanpa disedarinya beliau sendiri telah mencipta kepalanya saperti kura-kura dan badannya saperti tikus.

Adalah sangat aneh dan luar biasa bila seorang pengulas politik saperti Chan Tse Yuen tidak tahu sama ada nama Haji Anuar Tan itu nama sebenar atau samaran sedangkan kedudukan Haji Anuar Tan di dalam Gerakan adalah sebagai Timbalan Ketua Pemuda Gerakan Pusat.

Chan Tse Yuen telah mempertikaikan soal multi-racial yang diperjuangkan oleh Gerakan apabila di dalam realiti Gerakan tidak langsung memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin bukan Tionghua untuk memegang jawatan dalam kerajaan seperti anggota Parlimen atau ADUN.

Pertimbangan untuk memegang sebarang jawatan di dalam kerajaan sama ada sebagai anggota Parlimen atau ADUN adalah bergantung kepada peratusan anggota satu-satu kaum di dalam Gerakan. Walaupun sekarang perubahan telah mula ketara di dalam pucuk pimpinan Parti Gerakan misalnya telah ada beberapa orang bukan Tionghua menganggotai Jawatankuasa Pusat tetapi ini tidak bererti bahawa pucuk pimpinan tidak berhasrat untuk melantik mereka dari golongan bukan Tionghua untuk memegang jawatan-jawatan di dalam kerajaan.

Sebenarnya Gerakan telah berusaha untuk mengenangkan beberapa orang bukan Tionghua untuk memegang beberapa jawatan politik di dalam kerajaan, tetapi oleh kerana matlamat perjuangan sebenar pemimpin bukan Tionghua di dalam Gerakan bukanlah untuk mengejar pangkat ataupun kedudukan, maka mereka telah menolak tawaran yang pernah diberikan oleh pucuk pimpinan.

Matlamat perjuangan sebenar mereka yang bukan Tionghua dan juga Tionghua di dalam Gerakan adalah semata-mata bekerja kuat untuk membangunkan negara. Ini tidak hanya boleh dilakukan sekiranya seseorang itu berada di dalam kerajaan.

Datuk Harun Sirat, Dr. Mat Hussin Hassan, Dr. Jayaraman dan saudari Rhina Bhar adalah di antara pemimpin

bukan Tionghua yang sedang giat bekerja tanpa memikirkan sesuatu balasan dari pucuk pimpinan Gerakan.

Dengan semangat bekerja tanpa mengharapkan sesuatu telah menyebabkan mereka sering mendapatkan perhatian dari pada anggota Gerakan di semua peringkat dan ini terbukti apabila mereka dicalonkan bertanding buat pertama kali untuk merebut beberapa jawatan di dalam Jawatankuasa Pusat. Mereka telah diberi mandat yang kukuh oleh perwakilan di perhimpunan tahunan Parti Gerakan yang lalu.

Walaupun Dr. Kang Chin Seng terus membisu dan tidak berhasrat memberikan penjelasan terhadap cabaran Chan Tze Yuen itu, ini bukan bererti Dr. Kang Chin Seng takut kepada Chan Tse Yuen atau dalam erti kata lain Dr. Kang Chin Seng berhati tikus.

Sebenarnya menjawab tulisan yang tidak tentu maksud seperti yang dikehendaki oleh Chan Tse Yuen apabila beliau masih terus melaungkan keinginan menerusi 'Di mana Gerakan Berada' dalam WATAN 1 Okt, 1988, adalah satu pekerjaan yang sia-sia kerana dengan memberikan apa jua bentuk jawapan, maka akan bererti kita menggalakkan seseorang terus menjadi penulis yang tidak berdisiplin.

Apakah Chan Tse Yuen telah faham bahawa 'Parti mono-racial sedang meronta-rona buat kali terakhir untuk survival' yang dimaksudkan oleh Dr. Kang Chin Seng itu tujuannya untuk merendahkan parti-parti yang berbentuk mono-racial di dalam Barisan Nasional?

Tidakkah Chan Tse Yuen memikirkan bahawa dalam pergelakan politik sekarang ini, Dr. Kang Chin Seng telah memaksudkan 'meronta-rona' buat kali terakhir untuk 'survival' itu adalah sebagai tidak wujud apa-apa krisis lagi di dalam parti-parti mono-racial.

Tetapi jika Chan Tse Yuen mempunyai maksud yang lain terhadap kenyataan Dr. Kang Chin Seng itu, adalah haknya sebagai seorang penulis yang sentiasa menulis untuk sesuatu pihak yang disukainya, beliau akan terus membuat demikian walaupun beliau sedar bahawa apa yang ditulisnya itu adalah semata-mata untuk tujuan periuk nasinya.

Sharimah Maidon  
SABTU, 15 OKT. 1988

## TAK PAYAH DEDAHKAN PEKUNG DR. KANG!!.

SEKALI lagi saya 'terpaksa' menjadikan ruangan dari Hati Ke Hati ini untuk meneruskan 'perdebatan' yang tidak dirancang dengan Gerakan, lebih tepat, dengan proxy Dr. Kang Chin Seng selaku ketua Publisiti Parti Gerakan meraungkap Setiausaha kepada Presiden Parti tersebut. Rencana ini adalah untuk menjawab tulisan Sharimah Maidon, yang bertajuk 'Reaksi Tulisan Chan Tse Yuen; JANGAN RAGUI USAHA GERAKAN' terbitan WATAN 15 Oktober, lalu.

Sebelum membahas hujah Sharimah, bagi memudahkan para pembaca perlulah kita merenungi kembali secara ringkas tentang isu pokok yang timbul tempoh hari. Ia bermula dari tulisan saya dalam ruangan ini yang bertajuk 'Gerakan Untuk Semua Kaum?'. Dalam rencana tersebut saya telah mendedahkan muslihat Gerakan yang bersikap dalam dua muka apabila Dr. Kang Chin Seng memberi ucapan dalam satu seminar Politik di Kajang pada Ogos lalu yang mana beliau mendakwa bahawa 'Parti-parti Politik mono-racial dalam negara ini sedang meronta-ronta buat kali terakhir untuk 'Survival'. Tetapi Gerakan cuma menyiarkan teks ucapan itu pada akhbar-akhbar berbahasa Tionghua sahaja kerana bimbang kenyataan yang juga menamparkan muka UMNO (Baru) itu diketahui oleh 'taikohnya'.

Selanjutnya juga saya menimbulkan soalan apakah perbuatan Dr. Kang Chin Seng merupakan Gerakan telah melakukan suatu pembelotan kepada perjuangan Barisan Nasional kerana ketika kenyataan tersebut disiarkan, merupakan hari keesokan penamaan pencalonan di pilihan raya kecil Par-

limen Johor Bahru yang mana kerabat-kerabatnya iaitu UMNO (Baru) sedang berjuang untuk mempertahankan kerusi tersebut menentang salah seorang calon yang terdiri Parti multi-racial (PSRM). Kenyataan dengan nada demikian membayangkan Dr. Kang Chin Seng cuba memujuk pengundi-pengundi Johor Bahru supaya memilih PSLRM dan menolak calon dari UMNO (Baru) yang merupakan sebuah parti yang sedang meronta-ronta!.

Sebenarnya tulisan Sharimah Maidon tidak mempunyai apa-apa hujah yang boleh meyakinkan sebaliknya ia dengan secara tidak sengaja telah 'memperluaskan pekong' Dr. Kang Chin Seng dan Gerakan di depan khalayak ramai.

Sharimah mengatakan saya telah membuat tuduhan liar terhadap Dr. Kang Chin Seng. Tetapi beliau berhenti dari situ sahaja dan langsung tidak mengemukakan sebarang bukti atau sebarang hujah untuk menyokong dakwaan tersebut. Dan untuk 'menutup pekong' Dr. Kang Chin Seng beliau seterusnya bersikap macam perempuan jahil dipertengahan jalan melemparkan serangan peribadi ke atas diri saya dan menuduh saya sebagai penulis ruangan yang diupah dan sebagainya. Malang sekali beliau memerangkap dirinya dengan mengingatkan para pembaca bahawa beliaulah merupakan 'penulis upahan' (sama ada oleh Dr. Kang Chin Seng sendiri atau parti Gerakan' kalau tidak bagaimana beliau bermati-matian membela Dr. Kang Chin Seng)?.

"Kejahilan" Sharimah jelas terbayang dari perenggan yang berbunyi pertimbangan untuk memegang sebarang jawatan di dalam Kerajaan sama ada sebagai anggota Parlimen atau ADUN adalah bergantung kepada peratusan anggota satu-satu kaum di dalam Gerakan. Sebagai jawapan kepada dakwaan bahawa Gerakan adalah sebuah parti yang merupakan kepala kambing digantung anjing dijual. Apakah Sharimah dan juga orang yang mengupah beliau menganggap anggota bukan Tionghua yang mempunyai 25 peratus dari jumlah anggota Gerakan itu tidak layak untuk menuntut scorang pun yang terdiri dari mereka bagi membayarkan representasi kewujudan mereka dalam parti tersebut ataupun mungkinkah kesemua 25 peratus anggota bukan Tionghua dalam Gerakan masing-masing jahil saperti beliau sendiri.

Penjelasan Sharimah kononnya pemimpin bukan Tionghua di dalam Gerakan bukanlah untuk mengejar pangkat dan

kedudukan, maka mereka telah menolak tawaran yang pernah diberi oleh pucuk pimpinan adalah melucukan. Siapa yang menipu siapa? Atau siapa yang cuba ditipu.

Lihat bagaimana penulis tersebut membela Dr. Kang Chin Seng yang sengaja berdiam diri. Antara lain beliau menulis Dr. Kang Chin Seng terus membisu dan tidak berhasrat untuk memberikan penjelasan terhadap cabaran Chan Tse Yuen..... Bukan berhati tikus.....! Sebenarnya menjawab tulisan yang tidak tentu maksud seperti yang dikehendaki oleh Chan ..... adalah pekerjaan yang sia-sia.

Saya ingin mengingatkan Sharimah bahawa 'pekong' Dr. Kang Chin Seng sudah cukup besar untuk diperhatikan dan tidak payah didedahkan lagi. Umum mengetahui, pokok isu ialah tentang kenyataan kontroversial Dr. Kang Chin Seng tersebut, dan begitu juga semua orang tahu, sampai hari ini mahupun Dr. Kang Chin Seng atau Gerakan (termasuk pembela-perbelia Dr. Kang seperti Sharimah) tidak pernah menyangkal, memperbetul ataupun menjelaskan tentang isi kandungan kenyataan tersebut, malah tiada juga penafsiran tentang fakta Gerakan bersikap dalam dua muka dengan tidak menyiarkan kenyataan itu pada akhbar-akhbar bukan berbahasa Tionghua. Apa yang jelas kelihatan Dr. Kang Chin Seng telah menyalakan api (dengan mengeluarkan kenyataan kontroversial itu). Tetapi beliau tidak berani menghadapi akibatnya.

Oleh kerana kenyataan kontroversial yang dimaksudkan itu mempunyai berat yang merupakan 'policy speech' Gerakan di samping itu, perbuatan ala - ala dalam dua muka (tidak menyiarkan percakapan yang terus terang menghentam tiga kerabat dalam Barisan Nasional itu (Baru), MCA dan juga MIC kepada akhbar-akhbar bukan Tionghua, penjelasan rasmi dari Gerakan merupakan suatu tindakan yang perlu dan diwajibkan supaya menjernihkan sebarang keraguan.

Selagi Dr. Kang Chin Seng bagaikan kura-kura memasukkan kepalanya ke dalam cencerang dan bersembunyi di belakang orang bawahannya seperti Haji Anwar, Lum Weng Keong dan Sharimah Maidon dan sengaja membisu, orang ramai tidak akan berhenti meragui kenyataan yang kontroversial itu. Nasihat yang ingin diberi kepada Dr. Kang Ching Seng ialah, bak pepatah Tionghua yang berbunyi 'Anak mertua perempuan yang hodoh, akhirnya juga bersua dengan

bapa mertua', beliau harus mengeluarkan dari tempat persembunyiannya dan terpaksa membela diri. Jika tidak, imej beliau sendiri dan juga Gerakan akan terus ternoda oleh perbuatan pengecutnya.

Dr. Kang Chin Seng, bilakah kita akan bersua?.

# **SONGKOK, TUDUNG SATU PENINDASAN KAUM?**

NAMPAKNYA, tahun 1987 telah dibanjiri dengan isu-isu yang hangat lagi mendebarkan. Isu mengenai songkok dan tudung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah salah satu perkara yang mencetuskan emosi pihak-pihak tertentu.

Walaupun isu itu berlaku pada pertengahan bulan Ogos lalu tetapi hingga kini, ia masih belum reda lagi. 'Masalah Songkok dan Tudung' tercetus pada pertengahan Ogos apabila UTM mengadakan Majlis Konvokesyen yang mana siswazah-siswazah bukan Melayu masing-masing diwajibkan memakai songkok (lelaki) dan tudung (perempuan).

Perkara ini telah merebak dan menghangatkan perasaan masyarakat bukan Melayu. Suara bantahan dari pelbagai pihak dan lapisan jelas kedengaran.

Antaranya, parti-parti politik sama ada parti pembangkang seperti DAP ataupun parti komponen Barisan Nasional (BN) seperti MCA dan Gerakan turut membantah dengan sekeras-kerasnya peraturan memakai songkok dan tudung itu.

Satu gejala yang agak pelik wujud kemudiannya. Pemuda UMNO, sayap UMNO yang merupakan 'Big Brother' dalam Barisan Nasional menyuarakan dengan begitu tegas menyo-kong peraturan tersebut. Dengan itu, parti-parti komponen BN mula campurtangan secara terbuka.

Naib Canselor UTM, Tan Sri Ainuddin Wahid, mempertahankan peraturan itu sambil menekankan bahawa ia sudah dilaksanakan sejak awal 1980. Beliau bertanya, mengapa baru

sekarang menyoal dan membantah sesuatu perkara yang telah wujud selama tujuh tahun?

Kalau kita mengimbas kembali sejarah, apabila UTM buat pertama kalinya hendak melaksanakan peraturan itu pada 19-80, ia telah menerima bantahan yang keras daripada Pemuda MCA yang diterajui oleh Datuk Lee Kim Sai ketika itu.

Sejak itu, masyarakat bukan Melayu tahun demi tahun, bertubi-tubi mengulangi bantahan terhadap peraturan tersebut. Oleh kerana pihak UTM tidak peka dengan bantahan yang dilaung-laungkan itu akhirnya perasaan tidak puas hati telah tidak terkawal dan memuncak sekali lagi pada tahun ini.

Apakah ‘masalah’ memakai songkok dan tudung telah menghantui masyarakat kita dengan begitu lama? Mungkinkah perkara itu dapat diselesaikan supaya memuaskan semua pihak secara damai?

Menurut penjelasan Naib Canselor UTM Tan Sri Ainuddin, rekabentuk songkok UTM itu adalah ‘ditiru’ dari lambang Pakistan International Airlines (PIA) dan menurut beliau, dengan memakai songkok dan tudung tidak bermakna seseorang telah diIslamkan atau diMelayukan. Ia cuma merupakan pakaian upacara majlis konvesyen sahaja.

Hujah beliau ini telah menerima sokongan daripada Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Prof. Tan Sri Awang Had Salleh.

Bagaimana pula pandangan masyarakat bukan Melayu?

Faktor utama masyarakat bukan Melayu membantah dan menentang pakaian songkok dan tudung di majlis konvesyen UTM adalah kerana ia mengandungi ciri-ciri penindasan terhadap mereka.

Ini dapat difahami jika kita meninjau bagaimana songkok yang berasal dari negara India telah berakar umbi di Malaysia khasnya masyarakat Melayu sehingga ia dianggap sebagai pakaian Melayu.

Begitu juga jika kita menganalisis perkembangan agama Islam di Malaysia yang berasal dari Asia Barat yang mana tidak dapat dinafikan penyebaran Islam adalah paling berjaya di negara kita sehingga ‘Islam itu Melayu’ dan ‘Melayu itu Islam’.

Di samping itu, songkok bukan sahaja dipandang oleh masyarakat majmuk kita sebagai pakaian Melayu, ia juga di-

anggap sebagai pakaian Islam.

Oleh kerana itulah, apabila UTM mewajibkan graduan bukan Melayu memakai songkok dan tudung, masyarakat bukan Melayu begitu sensitif dan marah.

Mereka menganggap dengan mewajibkan orang bukan Melayu dan tidak beragama Islam memakai pakaian songkok dan tudung yang berbau penindasan dan mengandungi ciri-ciri Melayu dan Islam nescaya masyarakat bukan Melayu menganggap UTM berniat meMelayukan dan mengIslamkan mereka.

Apabila Tan Sri Ainuddin membela tindakannya dengan mengketepikan sebarang bantahan, sikapnya agak memerlukatkan kerana sebagai seorang terpelajar, beliau seharusnya bijaksana dan rasional dalam tindakannya, tidak sempit pandangan tetapi sentiasa mengimbangi situasi. Sebaliknya, dalam isu yang dimaksud itu ‘performance’ beliau agak dikesali. Beliau sedikit pun tidak mengambil kira perasaan orang lain.

Biasanya apabila berlaku sesuatu isu, ada pihak yang suka menangguk di air keruh. Pelik sekali, dalam isu UTM itu, sebuah akhbar tempatan iaitu Utusan Malaysia turut bersikap demikian.

Dalam terbitannya pada 24-8-1987 di muka hadapan suratkhabar tersebut, ia telah menerbitkan suatu laporan yang dapat mengelirukan dan memberi gambaran tidak tepat terhadap hal sebenarnya. Laporan itu bertajuk ‘SISWAZAH-SISWAZAH BUKAN MELAYU TIDAK KEBERATAN PAKAI SONGKOK’, Utusan Melayu telah wawancara empat orang siswazah bukan Melayu yang kononnya dilaporkan sebagai ‘bersetuju’ dengan peraturan UTM itu.

Laporan itu lantas menerima tamparan daripada lebih kurang 150 orang siswazah-siswazah yang masih menuntut di UTM. Mereka beramai-ramai menandatangani dan menge luarkan suatu kenyataan akhbar menyuarakan bantahan mereka terhadap peraturan UTM itu yang mana mereka juga menegaskan segelintir kecil pelajar bukan Melayu yang diwawancara oleh Utusan Malaysia tidak dapat mewakili pandangan mereka.

Ekoran daripada itu (pakaian songkok dan tudung), Tan Sri Ainuddin sekali lagi mempertingkatkan imej dan populariti ny dengan mempertikaikan langkah kerajaan memberikan kuota 45 peratus kepada bukan bumiputera memasuki

universiti tempatan.

Menurut beliau pemberian nisbah 55 peratus bagi bumiputera dan 45 peratus bagi bukan bumiputera akan 'menyekat' kewujudan lebih ramai siswazah Melayu. Dengan berbuat demikian, Tan Sri Ainuddin telah melampaui batasan dan mencerobohi kuasa pihak-pihak eksekutif.

Nampaknya beliau telah lupa statusnya sebagai pegawai kerajaan yang ditugaskan untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang telah digubal oleh eksekutif, sebaliknya mempertikaikan dasar kerajaan (kuota kemasukan universiti). Beliau seolah-olah telah menceroboh dan mecabuli kewibawaan pihak penggubal dasar.

Dari isu pakaian songkok dan tudung yang ' dicipta' oleh Tan Sri Ainuddin dan juga suara lantangnya menegur dasar kerajaan dalam perkara kemasukan universiti, Tan Sri telah menunjukkan bakat dan kemahiran beliau memain publisiti.

Dengan itu, ada sesetengah masyarakat berpendapat dan mengesyorkan adalah lebih baik Tan Sri Ainuddin meletak jawatan dan terus mencebur ke dalam bidang politik sebagai seorang ahli politik sepenuh masa.

Anwar :

## SEPATUTNYA TERIMA HAKIKAT

KETIKA melancarkan makalah Undang-Undang menghorti Prof. Ahmad Ibrahim di Universiti Malaya tidak lama dahulu, Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim secara terbuka membidas Majlis Peguam Malaysia dan menurutnya se-gelintir hakim sebagai tidak bekerjasama melaksanakan penggunaan Bahasa Melayu di Mahkamah.

Beliau menyalahkan golongan tersebut sebagai batu penghalang kepada pelaksanaan Bahasa Melayu di dalam Mahkamah kerana (menurutnya) mereka mempunyai sikap yang ingin mempertahankan nilai dan sistem undang-undang ke-Inggerisan serta kebaratan.

Kita berasa amat terkejut dan hampir tidak percaya kenyataan seperti itu adalah keluar dari mulut Menteri Pendidikan kita dan berpendapat kenyataan itu tidak pada tempatnya (*uncalled for*). Dalam ucapan beliau yang telah diberi liputan luas oleh media massa tempatan, Encik Anwar memanggil bahasa Kebangsaan kita sebagai "Bahasa Melayu". Pada hemat penulis, ini adalah satu kesilapan yang amat besar yang boleh mendatangkan kesan buruk dan menjelaskan imej serta keluhuran bahasa Kebangsaan kita. Dengan memanggil bahasa Kebangsaan kita sebagai "Bahasa Melayu" sebenarnya, Menteri Pendidikan telah merendahkan status (*relegate*) bahasa Kebangsaan. Perlu diingatkan semasa kita di bawah pemerintahan orang putih, bahasa Kebangsaan sekarang ini dipanggil "Bahasa Melayu", kedudukannya tidak

berbeza dengan bahasa lain seperti bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Kesemua bahasa ini cuma dianggap sebagai bahasa yang dipergunakan oleh kumpulan etnik masing-masing.

Tetapi selepas kemerdekaan, Bahasa Melayu sudah pun "naik pangkat", ia telah menjadi bahasa Kebangsaan negara ini. Hakikat ini bukan sahaja telah diterima oleh rakyat jelata yang terdiri dari pelbagai kaum, malah perkara ini juga termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru itu Bahasa Malaysia (dulunya bahasa Melayu) menikmati satu kedudukan dan status yang amat tinggi lagi luhur yang tidak dapat dibandingkan oleh bahasa lain. Mungkin cuma dalam bidang akademik sahaja ia boleh dirujukkan sebagai Bahasa Melayu.

Jadi, dalam ucapan rasmi yang tersebut di atas, Encik Anwar "memecatkan panggilan Bahasa Malaysia" ke atas bahasa Kebangsaan kita dan cuma merujukkannya sebagai "Bahasa Melayu" bukan sahaja merupakan suatu perkara yang luar biasa, sebenarnya dengan berbuat demikian (dengan panggilan "Bahasa Melayu"), Encik Anwar telah merendahkan kedudukan bahasa Kebangsaan itu ke taraf yang biasa yang tidak ada perbezaan dengan bahasa etnik yang lain dalam negara ini!.

Mungkin sukar untuk kita meragui kebenaran Encik Anwar dalam usaha memperjuangkan dan memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di bidang Mahkamah, tetapi dengan menggunakan panggilan yang merendahkan status Bahasa Malaysia merupakan suatu kesilapan yang amat ketara yang tidak mungkin dilakukan oleh sesiapapun dan menimbulkan keraguan di kalangan ramai tentang standard Menteri Pendidikan kita. Sesetengah mereka telah bertanya-tanya apakah beliau tidak dapat menbezakan diantara "Bahasa Malaysia" dengan "Bahasa Melayu" tentang mana satu panggilan yang lebih luhur dan patut digunakan? Ataupun, Menteri Pendidikan kita dengan sengaja menggunakan panggilan "Bahasa Melayu" untuk menghasut orang-orang Melayu supaya memberi sokongan padu kepadanya dalam tindakan menegur golongan yang dimaksudkan itu dengan menonjolkan beliau sendiri sebagai wira bangsa Melayu dan untuk mencapai kesan politik ini, biarlah status Bahasa Malaysia direndahkan buat sementara?

Menyentuh cadangan Encik Anwar supaya memperce-

patkan penggunaan Bahasa Malaysia di bidang mahkamah, kita bersetuju dengan tindakan tersebut pada dasarnya tetapi tuduhan beliau terhadap Majlis Peguam Malaysia dan segelintir hakim sebagai tidak bekerjasama dalam pelaksanaannya adalah tidak benar. Penulis pernah berkhidmat dengan pejabat peguam dan dari apa yang diperhatikan, peguam-peguam dalam negara ini memang menitik beratkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam urusan profesion itu yang mana sejauh yang mungkin, mereka menggunakan Bahasa Malaysia dalam kertas kerja (paper works) berkenaan. Tambahan pula, Majlis Peguam Malaysia sering mengatur kelas-kelas Bahasa Malaysia khas untuk mempertingkatkan mutu dan "standard" peguam-peguam negara ini dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan itu.

Bagaimanapun, dalam usaha tersebut terdapat satu kerumitan yang tidak mudah di atasi dalam masa yang singkat, iaitu kita terdapat kekurangan istilah undang-undang dalam Bahasa Malaysia. Mungkin itukah sebabnya usaha menggunakan Bahasa Malaysia secara sepenuhnya dalam bidang kehakiman masih tidak boleh menjadi kenyataan. Tetapi seperti apa yang juga diakui oleh Encik Anwar sendiri dalam ucapan beliau pelaksanaan tersebut harus dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Ini senang difahami kerana jika dibandingkan dengan kegunaan bahasa Kebangsaan apa yang lebih penting ialah keadilan. Dalam pada ini, umum mengetahui dalam bidang kehakiman, ketetapan makna dalam bahasa atau perkataan berkenaan sentiasa menjadi faktor yang penting untuk menentukan keputusan kes-kes tertentu. Oleh itu, sebelum kita dapat melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia secara menyeluruh di dalam mahkamah, apa yang praktikal dan rasional yang harus kita berbuat ialah berusaha memperkayakan istilah undang-undang dalam Bahasa Malaysia. Dalam pada ini, biarlah lambat sedikit, asalkan keadilan dapat dicapai. Seperkara lagi, ucapan Encik Anwar tersebut juga telah menimbulkan perasaan tidak senang hati dalam fikiran orang gramai. Ini adalah kerana beliau seolah-olah berpendapat, sebarang unsur keInggerisan dan kebaratan dalam sistem undang-undang adalah unsur yang tidak baik dan harus ditukarkan. Mungkin oleh sebab itu dalam ucapan tersebut Encik Anwar telah mengesyorkan sistem undang-undang

negara ini "diubahsuaikan".

Kita berpendapat, tanggapan Encik Anwar sangat merbahaya.

Beliau berdasarkan pendapatnya kepada "fikiran anti penjajah", oleh sebab itu beliau menimbulkan perkataan "keInggerisan" dan "kebaratan" sebagai alasan hendak mengubahsuaikan sistem undang-undang di negara ini.

Encik Anwar telah melupakan satu hakikat bahawa baik pun keInggerisan mahupun kebaratan tidak menjadi masalah atau sensitiviti kepada kita semua, yang benar adalah kita telah mewariskan sistem undang-undang dari bekas penjajah kita orang British. Bukan setakat itu, kita juga telah mewarisi dan melaksanakan sistem pentadbiran serta sistem perubatan dari orang putih itu. Oleh kerana itu, jika kita mengkaji bidang-bidang sivil servis dan perubatan dalam negara ini, terdapatlah unsur-unsur keInggerisan dan kebaratan menyelubungi kedua-dua bidang ini. Apakah Encik Anwar juga mencadangkan supaya kita juga menukar unsur-unsur keInggerisan dan kebaratan dalam sivil servis dan perubatan kita dan menggantikan semua ini dengan sistem yang mempunyai unsur keMalaysiaan?

Jika "cadangan" seperti itu hendak dilaksanakan, negara kita akan menjadi keliru kerana kita tidak ada suatu sistem sivil servis yang tersendiri dan sempurna untuk menggantikan apa yang diwarisi dari orang British. Dalam bidang kesihatan, perubatan tradisional tidak maju sampai ke peringkat yang boleh mengambilalih sistem perubatan yang ada sekarang yang juga berunsur kebaratan! Begitu juga dalam sistem undang-undang dalam negara ini.

Suatu faktor yang amat penting sekali dalam sistem undang-undang negara kita ialah orangramai mempunyai keyakinan terhadapnya. Dan keyakinan orangramai terhadap sistem undang-undang menjaminkan kestabilan masyarakat kerana semua orang menghormati dan mematuhi undang-undang.

Justeru itu, sebarang cadangan hendak "mengubahsuaikan" sistem undang-undang negara ini dengan alasan sama ada mengurangkan unsur keInggerisan ataupun kebaratan, tentunya akan memecahkan keyakinan orangramai terhadap kehakiman kita yang mana implikasinya mudah dibayangkan.

Encik Anwar harus mengubah sikapnya terhadap sistem

undang-undang yang sudah memikat keyakinan rakyat negara ini. Beliau harus meninggalkan perasaan prejedis, keInggerisan dan kebaratan itu dari fikirannya.

“Approach” yang paling rasional ialah menerima hakikat bahawa sama ada sistem undang-undang, ataupun sistem sivil atau sistem perubatan semua ini telah menjadi amalan pentadbiran kerajaan kita dan juga merupakan darah daging kehidupan kita. Unsur keInggerisan atau kebaratan telah diserap dalam sistem kita dan dipergunakan untuk manfaat kita. Mungkin menjadi masalah hanyalah kepada orang-orang yang mempunyai keyakinan pada diri sendiri: “self-confidence” atau mempunyai “inferior complex”.

## BERITA TERLEWAT YANG BAIK

KETIKA menggulung perbahasan anggaran belanjawan pengurusan dan pembangunan bagi Kementerian Kehakiman untuk tahun 1989, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Oi Gin Sun telah memberitahu Dewan Rakyat bahawa Bahasa Malaysia akan digunakan dalam semua peringkat di mahkamah selewat-lewatnya pada tahun 1990.

Ini memang sebuah 'berita terlewat yang baik' yang dilu-lukan oleh orangramai kerana dengan pelaksanaan langkah tersebut yang selaras dengan dasar kerajaan, hasrat kita hendak mendaulatkan bahasa Kebangsaan semakin tercapai.

Sekiranya kita meneliti perkara ini secara mendalam, kita pasti akan menyedari banyak masalah yang merumitkan kelak. Walaupun Datuk Oi Gin Sun cuba meyakinkan orangramai dengan memberitahu Dewan bahawa Kementerian Kehakiman sedang menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyelaras segala perancangan dan pelaksanaan.

Bagaimanapun, dari reaksi biasa, terutamanya maklum balas dari para peguam, terdapat rasa tidak senang hati tentang perkara tersebut. Persoalan yang banyak ditimbulkan ialah sama ada masanya sudah sesuai untuk penggunaan Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya di mahkamah pada tahun 1990.

Setelah merenung perkara ini kita juga berkongsi kekhawatiran tersebut yang mana kita cuba berbincang keadaan berkenaan untuk manfaat semua, khasnya keadilan di bawah jentera kehakiman.

Walaupun usaha menggunakan Bahasa Malaysia di mahka-

mah telah bermula sejak tahun 1967 lagi tetapi pada peringkat awal itu, usaha berkenaan cuma terhad kepada menge luarkan segala undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dengan menggunakan Bahasa Malaysia.

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini banyak Mahkamah Majisteret dan Mahkamah Tengah telahpun menggu nakan Bahasa Malaysia dalam perjalanan kes-kes di dalam mahkamah (advocacy or hearing). Perlu kita mengakui di sini bahawa bahasa sebenarnya yang digunakan adalah 'bahasa campuran' sahaja dan bukan Bahasa Malaysia. Dengan lain perkataan, dalam perlaksanaan menggunakan Bahasa Malaysia di peringkat 'setakat ini', Bahasa Malaysia bukan bahasa tunggal yang digunakan. Ertinya sama ada secara lisan atau pun bertulis, Bahasa Malaysia masih digunakan dan masih menguasai proses hampir di semua peringkat.

Gejala demikian pada keseluruhannya berpunca dari hakikat bahawa kita tidak mempunyai istilah atau terminologi undang-undang yang mencukupi dalam Bahasa Malaysia. Pendek kata, sekiranya dibandingkan dengan Bahasa Inggeris yang telah beratus-ratus tahun 'berkecimpung dan berkembang' dalam bahasa bidang kehakiman, Bahasa Malaysia masih jauh ketinggalan yang mana kita sering menghadapi keku rangan istilah-istilah dan perkataan yang sesuai serta tepat untuk digunakan. Dalam hubungan ini, cuma ada satu terbitan istilah perkataan undang-undang dalam tahun tujuh puluhan sahaja, itupun tidak memuaskan. Banyak lagi istilah atau perkataan kehakiman tidak dapat dicari. Keadaan ini telah menimbulkan tandatanya di kalangan ramai sama ada pi hak Kementerian Kehakiman yang bertanggungjawab mem perlengkapkan Bahasa Malaysia supaya digunakan sepenuhnya di mahkamah di semua peringkat itu telah tidak menjalankan tugas mereka dengan sebaik-baiknya ataupun Dewan Bahasa dan Pustaka harus dipersalahkan.

Selain dari kekurangan istilah-istilah dan bahasa (phrases) bersesuaian dalam Bahasa Malaysia, satu lagi kelemahan ialah kebanyakan hakim-hakim di Mahkamah Tinggi terutamanya di Mahkamah Agung itu berpendidikan Bahasa Inggeris. Keadaan yang serupa juga kepada kebanyakkan peguam-peguam senior dalam negara ini. Kita tidak berani dan langsung ti dak mempunyai sedikit pun keraguan terhadap kebijaksanaan hakim-hakim kita. Tetapi dengan segala hormatnya kita

mempunyai asas yang berpatutan untuk meragui kemampuan mereka untuk menguasai Bahasa Malaysia.

Dalam bidang sukan, pasukan yang tidak mempunyai kehandalan boleh juga mengambil bahagian dalam sesuatu pertandingan dan tidak segan mengalami kekalahan teruk, kerana mereka masih boleh 'menghiburkan' diri sebagai mempunyai semangat kesukaran. Tetapi dalam bidang kehakiman, maknanya lain pula. Yang penting sekali ialah 'justice' untuk mereka yang patut diberi setelah hakim mendengar hujahnya. Sebagai kesimpulan, kita tidak boleh mengamalkan sikap 'try and error'. Dalam keghairahan mendaulatkan bahasa Kebangsaan kita, sama ada di bidang kehakiman, mahukah kita melihatkan dilaksanakan 'at the expense of justice'?

Seperkara lagi, dari segi mendaulatkan Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan kita, katakanlah Bahasa Malaysia digunakan dengan sepenuhnya di Mahkamah Agung, dalam keadaan istilah-istilah kehakiman yang tidak mencukupi. Hakim-hakim kita lebih berkebolehan untuk menguasai Bahasa Inggeris dan kekurangan pengetahuan dalam Bahasa Malaysia, begitupun juga dengan peguam-peguam yang hadir di depan mereka, jadi besar kemungkinannya perjalanan dalam Bahasa Malaysia tidak akan rancak dan mungkin kelam kabut sedikit serta kerap kali berulang-alik mencari bantuan Bahasa Inggeris. Apakah ia akan menggagalkan tujuan kita hendak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan kita sebaliknya terus 'mencerca' keluhurannya kerana mengetengahkan Bahasa Malaysia dalam keadaan yang agak 'embrassing'?

Kita bukan menentang dasar menggunakan Bahasa Malaysia di mahkamah di semua peringkat. Sebaliknya kita menyokong hasrat ini dengan sepenuhnya. Tetapi meramandangkan pelaksanaan ini dari segi rasional, kita tahu lambat laun tujuan ini pasti akan menjadi realiti. Biar lambat asalkan selamat, biarlah kita jangan terlalu ghairah hendak menggunakan Bahasa Malaysia dalam Mahkamah (Tinggi dan Agung) buat sedikit masa lagi (dua tahun tidak mencukupi untuk Bahasa Malaysia melengkapkan diri) asalkan keadilan tidak terjejas kerana kelemahan yang sedia maklum yang dibincangkan di atas itu. Sementara itu untuk melengkapkan Bahasa Malaysia supaya benar-benar bersedia untuk digunakan dengan sepenuhnya di semua peringkat mahkamah kita, baik-pun Kementerian Kehakiman mahupun Dewan Bahasa dan

Pustaka, marilah kita sama-sama bekerjasama menyumbang ke arah matlamat yang luhur itu.

# BAHASA MALAYSIA DI KALANGAN KAUM CINA

**APABILA** Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Gerakan Cintai Bahasa Malaysia (G.C.B.M) pada pertengahan Disember 1987 lalu, ramai kalangan rakyat terutama masyarakat Melayu menganggap ia satu-satu kempen yang ditujukan kepada kaum bukan Melayu sahaja.

Fenomena ini mungkin timbul kerana salah-anggapan masyarakat Melayu sendiri yang berpendapat orang-orang Melayu tentunya mencintai Bahasa Malaysia dan seterusnya pasti dapat menguasai bahasa itu dengan baik dan bermutu tinggi kerana Bahasa Malaysia itu adalah bahasa ibunda orang-orang Melayu sebelum ia 'ditabalkan' menjadi Bahasa Kebangsaan negara kita.

Bagaimanapun pemimpin Melayu tidak bersetuju dengan pandangan tersebut. Ini dapat dilihat daripada kenyataan Encik Anwar Ibrahim (kini Datuk Seri) ketika berucap merasmikan Minggu Bahasa Malaysia sempena dengan GCBM anjuran MCA di Dewan San Choon, Wisma MCA pada Isnin lalu (2-Mei-88).

Di samping memuji pihak MCA yang telah mengambil inisiatif dalam kempen GCBM, Encik Anwar (kini datuk Seri) dengan nada yang agak sedih bercampur perasaan "segan silu" mengakui pihak UMNO (Baru) akan mengekor jejak MCA dalam usaha mempergiatkan kempen GCBM bukan setakat di peringkat nasional saja tetapi ke peringkat negeri dan bahagian masing-masing.

Sempena dengan Minggu Bahasa Malaysia anjuran MCA itu beberapa program telah diatur. Tetapi program yang membawa makna yang terbesar ialah satu pameran (dengan kerjasama Persatuan Penterjemahan Dan Penulisan Kreatif Malaysia) yang mempamerkan bahan-bahan dan segala dokumentasi bahasa Melayu dihasilkan oleh masyarakat Tionghua.

Pameran itu telah mendedahkan banyak perkara yang amat mengagumkan; seperti dikatakan oleh Encik Anwar dalam ucapan perasmian tersebut, ia menunjukkan masyarakat Tionghua telah memberi sumbangan yang besar dan tidak ternilai kepada perkembangan bahasa Melayu pada masa yang lampau.

Berikut adalah titik-titik peristiwa sejarah yang mengagumkan kita:-

### 1. KAMUS

a) Sejak awal kurun 15, pertembungan kebudayaan Melayu/Tionghua telah berkembang. Menurut sebuah Kamus 'Perkataan Baru Melaka' (滿夷加新語) telah pun diterbitkan oleh Tiongkok (Tanah Besar Negeri China). Kamus ini mengandungi 482 perkataan Melaka. Ia menggunakan 'pinyin' dalam dialek Tiongkok. Jelasnya kamus ini diterbitkan bagi memudahkan saudagar-saudagar Tiongkok dalam menjalankan kegiatan perniagaan dengan 'counter-part' mereka di Melaka. Kamus ini mungkin merupakan kamus 'Melayu' yang pertama kali dilahirkan di dunia ini! Menurut Profesor Goh Thean Chye, kamus ini ada di dalam simpanan perpustakaan Universiti Malaya.

b) Kaum Tionghua pernah menerbitkan lima buah kamus jenis Tionghua-Melayu yang telah memainkan peranan yang penting dalam usaha memperkembangkan bahasa Melayu. Kamus-kamus ini termasuk Kamus Baru Melayu-Tionghua yang disusun oleh Lim Hing Nan pada tahun 1877, 111 tahun sebelum ini!

### 2) Penterjemahan Karya-karya Sastera Klasik Tiongkok.

Daripada dokumentasi yang dipamerkan itu, kita mengetahui bahawa daripada tahun 1889 hingga 1953, peranakan Tionghua pernah berusaha menterjemahkan karya-karya klasik Tiongkok ke dalam Bahasa Melayu. Tajuk-tajuk yang diterjemahkan melebihi 70 jenis dan bilangan naskah terbitannya sampai ratusan buah.

Antara karya-karya klasik Tiongkok yang diterjemahkan itu termasuk 'Sam Kok' atau 'Tiga Negeri Berperang', (三國) 'Seh Yew', (西游) 'Ong Cheow Koon Hoe Huan' (王船君和番) dan 'The Li Sao'. (离骚) Ini merupakan karya-karya klasik Tiongkok yang terkemuka.

### 3. Terbitan Suratkhabar bahasa Melayu

Daripada rekod sejarah, di antara tahun 1894 hingga 1935, masyarakat Tionghua yang bermastautin di negara ini pernah menerbitkan beberapa buah suratkhabar Melayu yang berbentuk ekabahasa dan dwibahasa. Akhbar-akhbar yang kesemuanya menggunakan ejaan Rumi banyak menerbitkan karya terjemahan Sastera Klasik Tiongkok.

Justeru itu, sekalipun masa hidupnya agak singkat, akhbar-akhbar ini telah memainkan peranan yang amat penting dalam hal pertembungan kebudayaan. Sekali imbas, akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh masyarakat Tionghua itu termasuk 'Suratkhabar Peranakan' (1894 – dalam dua bahasa Melayu-Inggeris, akhbar-akhbar selanjutnya diterbitkan dalam bahasa Melayu), 'Bintang Timor' (1894), 'Malaysia Advocate' (1910), 'Kabar selalu' (1924), 'Bintang peranakan' (1930), 'Sri Peranakan' (1932); dan 'Story Teller' (1934). Sejak negara kita mencapai kemerdekaan, kita tidak nampak lagi masyarakat Tionghua berkecimpung secara terus dalam terbitan akhbar-akhbar Bahasa Malaysia. Apakah kerajaan tidak lagi menggalakkan kaum Tionghua turut memberi sumbangan mereka dalam usaha memperkembangkan dan meningkatkan mutu Bahasa Kebangsaan kita itu? Kita berharap pihak kerajaan memberi pertimbangan bagi menghidupkan semula 'tenaga' yang terbiar ini demi untuk mempesat dan memperkayakan Bahasa Malaysia – Bahasa Kebangsaan yang dicintai oleh semua lapisan rakyat negara ini. Dalam pada ini, adalah wajar jika KDN dikeluarkan kepada golongan Tionghua bagi menerbitkan akhbar-akhbar Bahasa Malaysia.

### 4. Terjemahan Karya-karya Bahasa Melayu

Dalam tempoh awal lima puluhan hingga enam puluhan, sebanyak 35 buah karya-karya Bahasa Melayu telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Tionghua. Dalam pada ini, cerpen-lah yang banyak diterjemahkan dan dimuatkan dalam akhbar-akhbar harian Tionghua ataupun majalah Tionghua.

Antara karya-karya Bahasa Melayu yang diterjemahkan itu termasuk: 'Nyawa Di Hujung Pedang' oleh Ahmad Murad

(diterjemahkan oleh Tina Noh), "Sajak-sajak Chairil Anwar" (Liew Kian Djoe); "Belenggu" oleh Armijn Pane (Sha Li Lun) dan "Mekar dan Segar" (Tang Yong).

Usaha-usaha penterjemahan karya-karya Melayu ke dalam Bahasa Tionghua telah memainkan peranan yang paling bermakna demi ke arah mencapai persefahaman dan perpaduan antara kaum melalui pertukaran kebudayaan.

### 5. Sumbangan Sasterawan-Sasterawan Tionghua

Sejak awal-awal lima puluhan lagi, sudah lahir ramai sasterawan Bahasa Melayu yang berketurunan Tionghua. Hasil daripada kerja-kerja golongan ini telah memberi sumbangan yang tidak ternilai bagi menyuburkan lagi Bahasa Melayu.

Sejak tahun lima puluhan, Profesor Goh Thean Chye telah mengharumi kesusteraan Melayu dengan karya-karyanya seperti yang terkandung dalam Antologi Pantun terbitan 1960; Imbau Subuh dan Tanda Indah. Profesor Goh Thean Chye adalah seorang sasterawan terkemuka negara ini yang agak veteran dan masih teguh serta giat dari zaman 50an hingga sekarang.

Masuk ke era enam puluhan, sasterawan Tionghua seperti Liew Kian Djoe dan Cheng Song Huat pula muncul. Antologi sajak 'Jejak Kaki Dan Lagu Hati' yang dihasilkan oleh Liew Kian Djoe telah menerima sanjungan orangramai. Cheng Song Huat telah menghasilkan banyak karya-karya sajak, cerpen dan beliau terkenal dengan nama pena Kelana C.M sebagai seorang penulis ulasan politik dan buku-buku.

Hari ini, bidang sastera Tionghua tidak ketandusan sasterawan. Dr. Ting Chew Peh merupakan salah seorang sasterawan yang terkemuka buat masa ini. Malangnya beliau sudah berkecimpung dalam bidang politik dan sedang kian meningkat naik; jadi, nampaknya, bidang kesusteraan Melayu akan kehilangan seorang sasterawan yang berkebolehan.

Antara penulis Tionghua yang aktif kini ialah Siow Siew Sing, Goh Teck, Cheng Poh Hock, dan Goh May Teck. Mereka memberi sumbangan bagi memperkembangkan Bahasa Malaysia.

Tetapi, bukan setakat sasterawan individu yang memberi sumbangan saja; malah, beberapa pengajian tinggi seperti Universiti Nanyang (sebuah universiti di Singapura yang sudah tutup pada awal lapan puluhan), Maktab Ngee Ann Singapura dan Sekolah Menengah Swasta (Cina) Foon Yew

Johor, ketiga-tiga buah institusi ini masing-masing menu-buhkan Jabatan Pengajian Melayu (JPM) yang telah menca-pai kejayaan yang membanggakan pada masa yang lampau. Kita juga mengambil kira sumbangan JPM Universti Si-ngapura dan Maktab Ngee Ann kerana kedua-dua institusi pengajian tinggi ini telah mula memberi sumbangan apabila Singapura masih berada dalam pengakuan Malaya/Malaysia lagi.

Pendek kata, sumbangan masyarakat Tionghua kepada perkembangan Bahasa Malaysia (dulu Bahasa Melayu) adalah benar-benar mengagumkan. Masyarakat Melayu harus mem-buka mata dan memberi penghargaan dan galakan kepada para sasterawan-sasterawan keturunan Tionghua.

Daripada itu, para sasterawan Melayu tidak mengira keturunan akan menggembung tenaga dan berusaha ke arah mempertingkat dan memperkayakan Bahasa Malaysia. Dalam pada ini, kempen GCBM harus diberi sambutan yang hangat daripada semua lapisan rakyat negara ini.

# Mata pelajaran Mandarin : **BAHASA MALAYSIA** **TERJEJAS?**

PADA minggu lalu, beberapa buah akhbar tempatan, terutamanya akhbar berbahasa Tionghua telah menyiarkan suatu berita yang menarik perhatian orangramai. Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, kementeriannya akan mengambil tindakan praktikal untuk menggalakkan pelajar Melayu yang fasih berbahasa Malaysia dan Inggeris mengambil mata pelajaran Mandarin sebagai mata pelajaran pilihan.

Keesokannya (20.8.88), Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menyambut baik kenyataan Menteri Pendidikan itu. Timbalan Presiden GPMS, Encik Abdul Razak Abdul Malek meluahkan pendirian pertubuhan itu dengan mengatakan bahawa langkah yang telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan itu adalah baik kerana penerokaan lebih banyak bidang bahasa akan memperkayakan perbendaharaan dan peristikahan dalam pengucapan sehari-hari pelajar. Beliau menambah, ia juga akan meningkat dan mengukuhkan kedudukan pelajar-pelajar (yang berbahasa Mandarin selain dari fasih berbahasa Malaysia dan bahasa Inggeris) berkenaan untuk menghadapi cabaran dalam kerjaya sehari-hari mereka seperti dalam bidang perniagaan suatu hari nanti.

Kenyataan Encik Anwar dan Encik Razak itu telah mendapat liputan meluas dari akhbar berbahasa Tionghua tempatan. Pada hematnya, ia telah memberi kesan untuk me-

mancing beratus-ratus undi kepada calon Barisan Nasional, Haji Mas'ud Abdul Rahman di pilihanraya kecil kawasan Parlimen Johor Bahru yang akan diputuskan Khamis ini (pada masa rencana ini ditulis, belum sampai peringkat kemuncak lagi di pilihanraya kecil itu).

Mengupas tentang cadangan Kementerian Pendidikan tersebut, reaksi GPMS dan sikap positif masyarakat Tionghua, kita mendapati bahawa kebanyakannya ulasan hanya menekankan tentang peluang yang lebih banyak dan luas akan dinikmati oleh pelajar-pelajar yang boleh menguasai bahasa Mandarin selain fasih berbahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Kita tidak harus membidas usaha tersebut kerana ia merupakan suatu perkara yang lebih bermakna dan mustahak yang mana selama ini tidak disedari atau diberi perhatian sewajarnya oleh orangramai. Maksudnya, cadangan Kementerian Pendidikan tersebut, jika menjadi kenyataan, bukan sahaja memberi peluang dan faedah yang berlebihan pada para pelajar-pelajar berkenaan, perkembangan ini tentunya dapat memperkuatkan persefahaman antara dua kaum yang terbesar di tanahair demi menyumbang ke arah perpaduan negara.

Inilah dia satu-satu 'hasil' yang tidak termilai harganya dan boleh dikatakan pandangan jauh serta langkah bijaksana telah diambil oleh Kementerian Pendidikan.

Di samping memuji Encik Anwar tentang cadangan yang dialu-alukan itu, jika kita merenung kembali, kita akan merasa bingung seketika dan mungkin tidak begitu murah hati untuk memberi sanjungan. Ini adalah kerana sebenarnya cadangan tersebut bukan perkara baru untuk sesetengah masyarakat Melayu yang mana ibubapa Melayu yang (sejak beberapa tahun dahulu, mungkin Encik Anwar masih di bangku sekolah rendah) berpandangan jauh dan bijaksana, tetapi pun mengambil inisiatif untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Pada masa penulis menuntut di sekolah rendah, anak-anak Melayu menuntut di SRJKC merupakan perkara biasa. Dan dari perhatian ini, kebanyakannya ibubapa Melayu mengambil inisiatif sendiri menghantar anak-anak mereka menuntut di sekolah Cina. Mereka merasa bangga kerana anak-anak mereka lebih mudah 'cari makan' dalam suasana masyarakat berbilang kaum ini.

Ramai di antara orang Melayu yang mampu menguasai bahasa Mandarin (selain daripada dapat menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) terserlah dan lebih berjaya jika dibandingkan dengan sesetengah rakannya yang 'kekurangan' pengetahuan ini.

Mungkin pembaca ruangan ini merasa agak lucu jika diberitahu bahawa kadangkala saya pun terpaksa bertanya sesuatu dari seorang rakan Melayu yang merupakan bekas rakan sekolah saya di peringkat sekolah rendah Cina tentang tatabahasa Tionghua.

Jadi, nampaknya ibubapa Melayu yang sudah mengambil inisiatif sendiri dan menghantar anak mereka ke SRJKC dahulu terbukti orang yang berpandangan jauh. Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan sudah lama ketinggalan zaman!

Bagaimanapun cadangan itu harus merangkumi pelajar-pelajar keturunan India dan lain-lain juga. Kita berpendapat adalah lebih baik bahasa Tamil juga dijadikan salah satu pelajaran pilihan. Ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk memupuk persefahaman lebih mendalam di antara rakyat berbilang kaum demi mencapai perpaduan nasional yang sejati dan berkekalan.

Barangkali ada sesetengah orang akan bimbang dengan cadangan Kementerian Pendidikan kerana khuatir akan menjadikan kedudukan Bahasa Malaysia.

Ini bukan perkara yang harus kita bimbangkan. Kedudukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan kita bukan sahaja terjamin oleh Perlembagaan Persekutuan, malah pada realitinya, kian meningkat prestijnya dalam masyarakat kita.

Boleh dikatakan hari ini Bahasa Malaysia sudah lama mencapai matlamatnya sebagai Bahasa Kebangsaan negara; ia telah dikuasai dengan begitu baik oleh para anak-anak muda berketurunan bukan Melayu.

Slogan yang digunakan untuk meraikan Hari Kemerdekaan 31 Ogos ini ialah perkataan "Bersatu". Kita ibaratkan ini cemuhan kepada kita sendiri. Apakah sudah 31 tahun kita mencapai kemerdekaan, kita masih berada di peringkat awal, masih melaung-laungkan perpaduan dan sebagainya. Apa dan mana kelemahannya yang tidak dapat kita atasi sehingga sudah lebih dari tiga dasawarsa kita merdeka, kita

masih memekik "Bersatu".

Oleh itu, sebelum kita mencapai perpaduan, kita mesti memupuk persefahaman yang tulin di antara satu sama lain. Memang tidak boleh dinafikan, Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan memainkan peranan amat penting sebagai alat untuk memupuk persefahaman antara kaum dalam negara kita. Bagaimanapun, jika rakyat yang berbilang kaum itu mempelajari bahasa ibunda kaum lain, tentunya adalah sesuatu perkara yang membina yang boleh meningkatkan persefahaman dan perpaduan antara kaum.

Justeru itu, selain daripada Bahasa Malaysia, cadangan Encik Anwar hendak menggalakkan pelajar-pelajar Melayu mempelajari bahasa Mandarin (setelah menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) itu mungkin adalah suatu ubat sambungan yang berkesan untuk mencapai perpaduan negara.

Kepada langkah yang bijak dan berpandangan jauh itu (walaupun lambat sedikit seperti yang disifatkan di atas) kita angkat topi kepada Encik Anwar.

"Syabas, demi perpaduan negara".

## JANGAN PERTIKAI BAHASA KITA

DALAM Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, Naib Presiden UMNO Encik (kini datuk Seri) Anwar Ibrahim memberitahu perwakilan dan pemerhati bahawa kerajaan akan terus melaksanakan dasar pendidikan negara dengan menyerlaskan kehendak dan falsafah Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib yang mana beliau tidak akan berganjak seinci pun.

Ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 mengenai kementerian beliau di persidangan Dewan Rakyat pada 10 November lalu, Encik Anwar mengulangi pendirian kerajaan tersebut.

Dalam kenyataan itu, beliau menekankan bahawa kita harus mengamalkan sikap rasional terhadap pendidikan dan jangan menghadapi perkara itu dengan pandangan perkauman yang sempit.

Kita memang sependapat dengan Encik Anwar itu. Bagaimanapun kita keliru sedikit dan kurang faham mengapa beliau 'berikrar' kepada para hadirin di Perhimpunan Agung UMNO yang beliau tidak akan berganjak dalam perlaksanaan tugasnya.

Ini telah memberi suatu gambaran kepada khalayak ramai bahawa dasar pendidikan negara ataupun kedaulatan bahasa kebangsaan, iaitu Bahasa Malaysia telah pun tercabar oleh kalangan tertentu.

Kita sudah cuba mencari jawapan tentang maksud sebenar mengapa Encik Anwar berikrar dengan membuat pertanyaan

kepada orang lain tetapi tidak memperolehi jawapan yang memuaskan; setelah memikirkan perkara ini, kita dapat tafsirkan bahawa ia cuma cara politik Encik Anwar, nak 'main' sedikit untuk mendapatkan populariti.

Selain daripada itu, kita bersetuju dengan pandangan beliau terutama sekali penekanan beliau bahawa kita harus mengamalkan sikap rasional terhadap soal pendidikan dan jangan menghadapi perkara ini dengan pandangan perkauman yang sempit.

Falsafah ini sepatutnya menjadi suatu amalan kepada rakyat Malaysia dan pihak kerajaan. Jika kita dapat mengutamakan soal pendidikan (tentunya harus termasuk soal bahasa) dengan pandangan yang luas, masyarakat majmuk ini tidak akan sering terheret ke kancang pertelaghan mengenai isu bahasa.

Dari pemerhatian penulis sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita telah membuat kesimpulan yang ringkas tetapi menakjubkan, iaitu pihak Kementerian Pendidikan tidak mempunyai keyakinan yang tinggi atau dengan lain perkataan mereka seolah-olah mempunyai 'inferior complex'. Perasaan inilah mengakibatkan sesetengah pemimpin (pendidikan atau bahasa) terasa kononnya kedudukan Bahasa Malaysia mungkin akan tergugat oleh bahasa lain.

Untuk memperkuatkan kedudukan Bahasa Malaysia, pelbagai peraturan diketengahkan yang mana kaum lain turut merasa 'terancam' kononnya kebebasan menggunakan bahasa ibunda mereka telah tercabar. Dan salah anggapan tersebut menimbulkan pertelaghan dari perkara pendidikan dan bahasa pada masa lampau.

Berpandukan pendekatan yang rasional dan pandangan yang lebar, kita ingin membincangkan tentang perkembangan bahasa Inggeris.

Beberapa ratus tahun dahulu, bahasa Inggeris adalah suatu bahasa yang kasar, mundur dan tidak mempunyai kedudukan yang luhur di benua Eropah.

Mujurlah 'rakyat Mat Salleh' ketika itu mempunyai pandangan yang luas terhadap bahasa. Mereka sedikit pun tidak merasa segan akan keluhuran bahasa lain yang lebih maju dan digunakan oleh bangsa-bangsa lain di negara jiran. Dengan pendekatan yang jauh dari fahaman sempit, mereka pun berusaha untuk memperkayakan bahasa Inggeris dengan

meminjam dan menyerapkan bahasa asing ke dalam bahasa mereka.

Dalam perlaksanaan itu, mereka meminjam bahasa Perancis, Greek, Normandy, Italy, German dan juga China. Sehingga ini, kita masih dapat mengesan dengan jelas bahasa asing dalam bahasa Inggeris.

Setelah proses penyerapan bahasa asing, bahasa Inggeris sudah pesat berkembang dan hari ini, ia merupakan satu bahasa yang paling halus dan cantik di dunia ini. Mungkin pakar bahasa akan mendakwa ini adalah hasil dari pergaulan kebudayaan. Benar! Tapi kalau lauh "Mat Salleh" tidak mengamalkan sikap terbuka keadaan menjadi sebaliknya pula.

Berbalik kepada negara kita, sejak beberapa puluh tahun lalu, terutama sekali sejak penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka kita telah menyaksikan perkembangan pesat dalam bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia sedang menuruti jejak kaki "Mat Salleh" dahulu, yang bezanya ialah bahasa Malaysia telah berkembang dengan langkah yang lebih laju.

Ini sedikit sebanyak disebabkan dunia sekarang adalah dunia yang moden dan maju, segala-galanya juga bergerak laju. Kita yakin bahasa Malaysia akan menjadi bahasa yang kaya-raya (dari segi penyerapan bahasa asing yang lebih dari bahasa Inggeris), halus dan cantik suatu hari nanti.

Justeru itu, kita harus terus mengamalkan sikap yang liberal dan pandangan lebar terhadap perkembangan bahasa Malaysia; di samping itu oleh sebab kita mempunyai keyakinan tentang masa hadapan bahasa Malaysia, kita harus meninggalkan pandangan sempit terhadap bahasa lain.

Dalam hubungan ini, umum mengetahui Perkara 152 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan kita telah menjamin kedudukan rasmi yang tidak mungkin tergugat oleh sesiapa pun, malahan bahasa lain juga dapat dipergunakan di kalangan rakyat.

Dengan hasrat dan kemahuan semua rakyat yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang begitu jelas, adalah menghairankan bagaimana pelbagai isu boleh timbul dari kegunaan bahasa-bahasa. Ini mungkin adalah kerana setengah kalangan terutama pegawai kerajaan salah faham akan semangat Perlembagaan Persekutuan itu.

Dalam pada itu, satu contoh yang kita bentangkan di bawah ini jelas menunjukkan bagaimana tanggapan yang sa-

lah boleh menimbulkan isu. Beberapa tahun dahulu, di negara ini telah berlaku isu papan tanda. Beberapa majlis daerah dan majlis perbandaran telah pun menggubal peraturan atau undang-undang kecil yang mana menitikberatkan kedaulatan bahasa Malaysia yang mana tulisan itu mesti ditulis di tempat teratas sekali dalam sesuatu papan tanda dan tulisan lain mestilah lebih kecil.

Sekiranya kita menuruti nasihat Encik Anwar dengan mempunyai pandangan rasional dan mengelakkan fikiran sempit terhadap isu bahasa, maka perkara itu tidak mungkin berlaku sama sekali.

# LOGIKKAH GUNA BAHASA PERANCIS?

BARU-BARU ini Kementerian Pendidikan telah mengumumkan sedang berusaha untuk menjadikan Bahasa Perancis sebagai bahasa ketiga di negara ini.

Dalam perkara ini, akhbar-akhbar telah memetik ucapan-Timbalan Pengarah Pendidikan, Datuk Omar Hashim sebagai berkata di antara sebab-sebab pendirian tersebut diambil adalah bagi memudahkan pelajar kita menjalani pengajian tinggi di negara itu kelak.

Pada umumnya, dari segi ilmiah sahaja kita boleh mengalu-alukan pendirian kementerian itu. Tetapi sekiranya memikirkan perkara itu secara mendalam dan objektif dengan mengambil kira realiti dan latarbelakang masyarakat negara ini, keputusan kementerian hendak menjadikan Bahasa Perancis sebagai bahasa ketiga bukan sahaja tidak tepat pada tempatnya dan 'not down to earth', bahkan ia menunjukkan kejahilan pihak Kementerian Pendidikan sendiri.

Umum mengetahui berpunca dari sejarah tanahair kita pernah dijajah oleh British, Bahasa Inggeris menjadi popular di negara ini. Ramai rakyat fasih bertutur dalam bahasa itu selain daripada bahasa Malaysia dan dialek masing-masing. Tambahan pula Bahasa Inggeris adalah satu bahasa penghantar ilmiah di peringkat antarabangsa dan secara 'natural' bahasa ini telah diterima oleh pihak kerajaan dan juga rakyat biasa sebagai bahasa kedua negara.

Kalau tidak salah, kementerian pernah mengumumkan ia ingin menjadikan Bahasa Arab sebagai suatu mata pelajaran dalam sistem pendidikan di peringkat sekolah.

Kini dengan adanya 'projek baru' iaitu menjadikan bahasa Perancis sebagai bahasa ke tiga, rasanya sebagai langkah pertama tentunya pihak kementerian akan memperkenalkan bahasa tersebut sebagai salah satu mata pelajaran yang diwajibkan dalam sistem pendidikan kita.

Dengan ini, apakah ia bermakna kementerian menganggap pelajar kita seperti komputer yang boleh menyerapkan apa jua yang dilontarkan kepada mereka.

Justeru itu, kita boleh membuat rumusan bahawa cakap-cakap kementerian kononnya hendak menjadikan Bahasa Perancis sebagai bahasa ketiga adalah satu khayalan yang tidak berasas dan langsung tidak dapat diterima. Lebih-lebih lagi ia hanya mendedahkan satu taktik untuk mencari publisiti murah bagi mendapatkan populariti sahaja. Kepada pegawai tinggi di kementerian diharap jangan cuba mengelirukan rakyat dengan projek-projek yang belum pasti hasilnya.

Berdasarkan percakapan dan analisis diatas adalah jelas bahawa bahasa Perancis langsung tidak boleh menjadi bahasa ketiga dalam negara terutama kerana ia tidak mungkin popular dalam masyarakat yang kekal dengan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan juga sebagai bahasa paling popular yang digunakan di antara rakyat pelbagai kaum dengan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Bagaimanapun, fikiran pegawai tinggi kementerian itu telah memberikan satu idea yang kita percaya akan memanfaatkan negara dan masyarakat.

Kita mencadangkan kepada kerajaan agar memberi pertimbangan yang serius menjadikan Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil sebagai bahasa ketiga untuk negara. Jangan salah anggap ini sebagai satu cadangan yang berbau 'chauvinis' sebaliknya ini adalah satu pandangan yang rasional dan praktikal.

Cuba kita melihat senario negara kita, kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi tunggal sepertimana yang termaktub dalam perlumbagaan adalah amat luhur dan tinggi serta tidak boleh digugat oleh mana-mana pihak, sama ada sekarang atau masa hadapan. Di samping itu, Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua juga telah diterima oleh masyarakat umum dan tidak dipertikaikan. Kedua-dua faktor ini adalah hakikat yang tidak boleh diubah oleh sesiapapun. Tetapi satu realiti yang sebenarnya, Bahasa Mandarin dan

Bahasa Tamil secara tidak rasmi sudah sekian lama menjadi bahasa ketiga negara.

Ulasan ini berdasarkan realiti bahawa selain daripada Bahasa Malaysia dan Inggeris, Bahasa Mandarin dan Tamil adalah bahasa ketiga popular memandangkan kaum Tionghua dan India adalah kaum yang kedua dan ketiga terbesar.

Soal perpaduan adalah perkara yang masih disebut. Sebagai rakyat yang cintakan tanahair kita harus mengerah tenaga untuk menyatu padukan rakyat. Jadi kita harus bersikap terbuka dan mencari perkara lain sebagai alat pembantu kepada Bahasa Malaysia dalam usaha tersebut. Dalam hubungan ini bahasa Mandarin dan Tamil boleh diberi tanggungjawab untuk memainkan peranan itu.

Setiap rakyat tanpa mengira keturunan pasti tahu bahasa Malaysia. Ini adalah satu hakikat yang diketahui umum. Dengan lain perkataan boleh dikatakan rakyat bukan Melayu mengetahui dan memahami kebudayaan orang Melayu. Tetapi orang-orang Melayu tidak semestinya mengetahui Bahasa Mandarin dan Tamil kerana bukan ramai yang boleh bertutur dalam bahasa tersebut.

Tak kenal maka tak cinta. Jika bukan kaum Tionghua / India juga tahu bertutur bahasa Mandarin atau Tamil ini tentunya boleh meningkatkan persefahaman dan perhubungan antara kaum. Oleh sebab itu, Bahasa Mandarin dan Tamil sebagai bahasa untuk dua kaum bukan Melayu yang kedua terbesar boleh memainkan peranan sebagai bahasa pembantu kepada Bahasa Malaysia dalam usaha memupuk persefahaman dan perpaduan antara kaum.

Kita yakin kerajaan dengan menggalakkan rakyat negara ini saling mempelajari bahasa kaum lain seperti bahasa Mandarin dan Tamil sedikit pun tidak akan menggugat kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan Inggeris sebagai bahasa kedua.

Kita berharap kerajaan tidak teragak-agak menggalakkan Bahasa Mandarin dan Tamil untuk digunakan sebagai alat pembantu kepada Bahasa Malaysia dan ia perlu disegerakan.

# KISAH SUAMI-ISTERI DI KEMENTERIAN KESIHATAN

BERBANDING dengan sesetengah negara seperti China yang mana rasuah amat berleluasa di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, keadaan dalam negara kita boleh dikatakan "jauh ketinggalan". Ini adalah kerana kerajaan kita mengamalkan sistem pentadbiran terbuka dan juga menekankan saling kawal-mengawal (check and balance) di antara unit-unit kerajaan.

Bagaimanapun, amalan saling kawal-mengawal itu telah dipecahkan oleh perkembangan dalam Kementerian Kesihatan baru-baru ini yang menjadi gamat seluruh industri perubatan.

Cerita bermula dengan tindakan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Farmasi Malaysia, Encik R. Kumarasingham telah membuat beberapa pertukaran melibatkan pegawai-pegawai bawahannya.

Dalam pada ini, Dr Hadida Hashim, seorang pegawai kawalan mutu (Qualiti Control), dari Makmal Store Ubat Malaysia telah dinaikkan pangkat untuk memegang jawatan Ketua Bahagian Berlesen (Good Manufacturing Practice-GMP) dan seterusnya menimbulkan percanggahan kepentingan di antara beliau dengan suaminya, Dr. Ahmad Mahmud, selaku Timbalan Pengarah di Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan (MPCL) merangkap setiausaha kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, unit di bawah MPCL.

Difahamkan bahawa, setiap lesen untuk keluaran ubat semestinya mendapat kelulusan kedua-dua bahagian iaitu,

GMP dan MPCL. Ini bermakna fungsi GMP dan MPCL, selain daripada menjaga mutu ubat-ubat yang akan dijual dalam pasaran Malaysia, tidak kurang pentingnya mereka juga berfungsi mengawal di antara mereka sendiri. Fungsi saling mengawal di antaradua bahagian itu adalah penting sekali untuk menjaga mutu ubat-ubat dalam pasaran kita demi keselamatan konsumen.

Tetapi sekarang ini, kedua-dua bahagian penting ini sudah jatuh ke dalam genggaman sepasang suami isteri. Kita tidak boleh mengesyaki intergriti Dr. Hadida Hashim dan Dr. Ahmad Mahmud dalam menjalankan tugas mereka. Bagaimanapun kaedah paling penting ialah mengenai pentadbiran terbuka serta "Check and Balance" ialah pencegahan. Ini seperti Badan Pencegah Rasuah (BPR), fungsi utama mereka bukan setakat untuk mengesan dan mendakwa orang yang makan suap sahaja, sebaliknya kewujudan BPR adalah untuk memainkan peranan mencegah perbuatan rasuah atau sekurang-kurangnya mengawal supaya perbuatan rasuah tidak berleluasa.

Justeru itu, fungsi saling mengawal di antara GMP dan MPCL amatlah penting untuk menghasilkan mutu ubat-ubatan terpelihara. Dan, kedudukan sekarang yang mana dua orang ketua bahagian tersebut yang patutnya berjaga-jaga di antara satu sama lain terdiri daripada dua orang yang betul-betul tidur sebantal maka 'macam-macam boleh terjadi'!

Mungkin kita boleh kedengaran penjelasan bahawa dakwaan serta perbincangan tersebut di atas tidak boleh menjadi kenyataan kerana Dr. Ahmad Mahmud bukan ketua MPCL; beliau hanya orang nombor dua dalam bahagian tersebut. Alasan seperti ini tidak boleh diterima kerana, kedudukan sekarang ada perbezaannya di masa lampau. Bekas Pengarah MPCL, Dr. Anis juga memegang jawatan setiausaha kepada unit Pihak Berkuasa Kawalan Dadah yang benar-benar memberikan beliau kuasa penuh untuk menjalankan tugasnya. Sekarang, entah mengapa ketua MPCL baru Puan Normah yang mengambil alih dari Dr. Anis, sudah di potong 'sayap' (Setiausaha kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah) mengakibatkan beliau 'separuh lumpuh'. Oleh yang demikian, Dr. Ahmad Mahmud orang yang benar-benar memegang kuasa adan boleh 'by-pass' Puan Normah pada bila-bila masa untuk terus "Bertugas untuk Negara" secara rasmi dengan si

isteri yang merupakan ketua GMP.

Kita tidak boleh menyalahkan Dr. Hadida dan suaminya. Yang harus memberi jawapan ialah Pengarah Bahagian Perkhidmatan Farmasi Malaysia, R. Kumarasingham yang telah menempatkan Dr. Hadida dalam keadaan yang "embarrassing" ini.

Dua soalan turut timbul dari perkara tersebut. Pertama, apakah rasionalnya R. Kumarasingham menukar bekas ketua GMP Encik Mohd. Zain Che Awang, pegawai yang mula-mula menubuhkan unit ini dan penuh dengan pengalaman serta memahami tentang sebarang masalah kilang-kilang perubatan itu ke Stor Ubat di Bukit Mertajam sebagai Pegawai Farmasi dan, sebaliknya mengambil Dr. Hadida yang tidak berpengalaman tentang GMP untuk menjaga bahagian yang amat penting itu? Kedua yang lebih serius, mengapa beliau dengan sengajanya mewujudkan kedudukan suami-isteri masing-masing memegang jawatan yang harus memerlukan 'check and balance' dan terus bercanggah dengan prinsip yang dimaksudkan itu?

Berhubung dengan perkara ini, kita tahu lima tahun dahulu, apabila R. Kumarasingham sendiri selaku Pemangku Pengarah kepada jawatannya sekarang menempatkan Encik Mohd. Zain sebagai ketua GMP. Beliau terus menukar isteri Encik Mohd. Zain yang ketika itu sedang bertugas di MCPL keluar dari bahagian tersebut? Apakah dahulu lain, sekarang lain?

Tindakan yang paling tidak rasional dan menjaskan kepentingan negara juga dilakukan oleh Encik R. Kumarasingham. Dr. Thoo San Keow yang berkelayakan PHD dalam bidang kimia farmaceutis telah ditukarkan ke Hospital Besar Kota Bharu sebagai Ketua Farmasi sahaja.

Ini telah membazirkan 'harta' negara. Dr. Thoo sudah dibazirkan begitu sahaja. Beliau tidak boleh menggunakan kepakarannya di Hospital Besar Kota Bharu dan tiada pegawai-pegawai perubatan yang mungkin mempelajari sesuatu daripadanya.

Nasib yang serupa telah tertimpa ke atas pembantu Dr. Thoo - Dr. Lian Lu Ming yang memegang PHD dalam phytokimia telah ditukar ke Johor Bharu. Satu lagi pembaziran kepakaran?

Dalam semua tindakan yang telah dilakukan oleh Encik

R. Kumarasingham yang kita bincangkan di atas, adalah terang-terang bercanggah dengan prinsip ‘check and balance’ (beliau sendiri telah menuruti prinsip ini lima tahun dahulu apabila menukar isteri Encik Mohd. Zain keluar dari MP-CL) yang menjasakan kepentingan kerajaan dan rakyat.

## DAKWAAN TSE YUEN TAK BENAR

MERUJUK artikel ‘Kisah suami-isteri di Kementerian Kesihatan’ oleh Chan Tse Yuen dalam Watan 26 Mac. Izinkan saya memberi ulasan dalam beberapa isu yang telah dibangkitkan.

Pengarah Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan (MKKUK) di bantu oleh 4 orang pegawai-pegawai kanan yang masing-masing mengetuai bahagian berlainan. Bahagian Pendaftaran diketuai oleh Dr. Ahmad Mahmud dan Bahagian Pelesenan & Good Manufacturing Practice (GMP) diketuai oleh Dr. Hadida Hashim.

Bahagian Makmal dan Bahagian Maklumat Ubat pula diketuai oleh pegawai-pegawai lain. Keempat-empat Ketua Bahagian ini bertanggungjawab terus kepada pengarah iaitu Pu-an Normah Haji Naim.

Pengarah MKKUK sendiri mengadakan mesyuarat yang kerap dengan kesemua ketua-ketua bahagian. Tiap-tiap keputusan yang dibuat adalah tanggungjawab bersama dan bukanlah “genggaman sepasang suami-isteri”.

Dari itu “check & balance” adalah diamalkan. Ini bermakna tiada “percanggahan kepentingan” di antara Dr. Hadida dengan suaminya.

Encik Mohd Zin Che Awang telah ditukarkan ke stor perubatan kawasan Bukit Mertajam kerana kenaikan pangkat ke tingkatan tertinggi ‘G’.

Tempatnya di Bahagian Pelesenan & GMP dipegang oleh Dr. Hadida setelah ditukarkan dari Makmal Ubat dan Stor,

Petaling Jaya tanpa kenaikan pangkat dan bukan 'dinaikan pangkat' seperti yang disebutkan dalam artikel berkenaan.

Dr. Hadida telah dipilih untuk memegang jawatan ini sebab GMP merangkumi pengetahuan aspek-aspek kawalan mutu dan perkilangan di antara lain. Dr. Hadida mempunyai kesemua pengalaman itu.

Dr. Anis Ahmad, bekas Setiausaha Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) semasa diminta menjadi pemangku pengarah MKKUK telah diarah terus menjadi setiausaha PBKD. Ini adalah disebabkan pengurusan kenaikan pangkat yang sedang diuruskan semasa itu.

Setelah Dr. Anis ditukarkan ke ibu pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kedua-dua jawatan yang dipegang olehnya di MKKUK telah diberi kepada dua pegawai berlainan.

Puan Normah Haji Naim dan Dr. Ahmad Mahmud masing-masing telah dinaikkan pangkat sebagai pengarah dan ketua bahagian pendaftaran.

Dr. Ahmad Mahmud dilantik sebagai setiausaha PBKD oleh Menteri Kesihatan di atas nasihat PBKD. Mengikut peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Komestik 1984, pengarah MKKUK menjadi anggota PBKD manakala seorang pegawai farmasi lain dalam perkhidmatan awam menjadi setiausaha PBKD.

Dari itu, adalah jelas bahawa salah di sisi undang-undang pengarah MKKUK menjadi anggota PBKD dan pada masa yang sama setiausaha kepada PBKD. Tuduhan tuan bahawa "Puan Normah sudah dipotong sayap" (setiausaha PBKD) mengakibatkan beliau "separuh lumpuh" adalah tidak benar.

Berkaitan apa yang telah berlaku 5 tahun dahulu, memadailah difahamkan bahawa jawatan pegawai farmasi tingkatan kanan yang diambil alih oleh Encik Mohd Zin terpaksa dikosongkan oleh isterinya kerana kesemua jawatan-jawatan tingkatan kanan di MKKUK pada masa itu telah pun diisikan.

Dengan itu, isteri Encik Mohd Zin telah diberi pendedahan dalam bidang farmasi hospital di Hospital Besar Kuala Lumpur (HBKL).

Kemajuan ini telah mendapatkan beliau kenaikan pangkat ke tingkatan tertinggi 'G' dan pengalamannya di HBKL telah memberi manfaat kepada beliau dalam tugasnya sekarang sebagai ketua farmasi di Hospital Besar Pulau Pinang.

Dr. Thoo Sam Keow dan Dr. Lian Lu Ming telah berkhidmat di MKKUK semenjak 1978 tanpa pendedahan kepada bidang-bidang farmasi lain.

Adalah untuk kepentingan mereka sendiri, mereka ditukarkan dengan kenaikan pangkat ke tingkatan tertinggi 'G' ke hospital-hospital besar untuk memperluaskan pengalaman mereka.

Dengan ditukarkan itu juga, pegawai-pegawai lain berpeluang ditukarkan ke MKKUK untuk mendapatkan pengalaman berkaitan tugas-tugas yang dijalankan di MKKUK.

Adalah wajar dijelaskan bahawa kesemua penempatan, pertukaran dan kenaikan pangkat pegawai-pegawai farmasi di KKM dilakukan di atas keputusan yang dicapai bersama oleh jawatankuasa-jawatankuasa tertentu.

R Kumara Singham  
Pengarah,  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

# KISAH ‘HARU’ DI KEMENTERIAN KESIHATAN

SETELAH membaca penjelasan Pemangku Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia, Encik R. Kumara Singham, maklum balas yang saya terima menunjukkan ramai pihak yang bersepakat dengan saya.

Beliau masih belum menjawab misteri yang ditimbulkan dalam rencana bertajuk ‘Kisah Suami Isteri di Kementerian Kesihatan’ yang tersiar dalam ruangan ini pada 26 Mac 1991 lalu. Penjelasan yang diberikan dipetik sebagai berkata, ‘Pengarah Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan (MKKUK) sendiri mengadakan mesyuarat yang kerap dengan kesemua ketua-ketua bahagian. Tiap-tiap keputusan yang dibuat adalah tanggungjawab bersama dan bukanlah di bawah genggaman sepasang suami isteri. ‘Check & Balance’ adalah diamalkan dan tiada percanggahan kepentingan di antara suami isteri berkenaan’ tidak memadai untuk melindungi sesuatu dari pengetahuan orang ramai.

Semua orang tahu bahawa keputusan ‘tanggung jawab bersama’ itu tidak bebas dari pengaruh keempat-empat ‘bahagian’ di bawahnya yang mana dua darinya berada di dalam kuasa kedua suami isteri itu.

Saya berharap Menteri Kesihatan ataupun pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dapat campur tangan untuk membentulkan keadaan yang berkemungkinan besar bertentangan dengan prinsip ‘Check & Balance’ yang sangat-sangat dititik

beratkan oleh kerajaan kita.

Untuk kepentingan ramai saya ingin mendedahkan satu lagi tindakan pegawai kerajaan yang 'seolah-olah' cuba menyimpang dari jalan lurus yang mungkin boleh mendatangkan masalah. Kebetulan, kisah ini juga melibatkan Encik Singham. Dalam satu lawatan ke negara China pada Oktober 1990 lalu, Encik Singham telah menandatangani satu perjanjian 'tidak terikat' dengan pihak berkuasa farmasi di sana yang mana sekiranya ia menjadi kenyataan akan menempatkan kerajaan kita dalam situasi serba salah.

Saya juga menulis kembali dokumen kandungan surat-perjanjian permulaan untuk tatapan umum yang mana surat asal tidak begitu jelas di akhir rencana ini.

Perjanjian itu akan menyebabkan segala ubat-ubatan yang masuk ke negara ini hanya akan dimonopoli oleh sebuah farmasi sahaja iaitu 'Tianjin Traditional Chinese Medicines Corporation China'. Keadaan ini akan merugikan negara terutamanya kepada para konsumen.

Isu yang hangat juga menjadi gamitan kalangan tabib dan peniaga ubat dalam negara ini ialah Perserikatan-Persatuan Tabib dan Pedagang Ubat Tionghua Malaysia telah diminta oleh pihak Kementerian Kesihatan supaya memberi persetujuan kepada surat perjanjian permulaan tersebut tetapi ia ditolak oleh Persatuan yang terbabit.

Kandungan 'Surat Perjanjian Tidak Terikat' itu pun membualkan pelbagai soalan. Pertama, adakah Encik Singham berkuasa menandatangani surat tersebut? Dan apakah Kementerian Kesihatan telah memberi lampu hijau kepada dirinya untuk berbuat demikian?

Benarkah Encik Singham melaporkan perkara itu kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia? Mengapa beliau mahu mengikat 'tangannya sendiri' (Malaysia) dengan menghadkan ruangan pergerakan dalam pemilihan sumber pengimpor ubat-ubatan Cina kepada satu badan sahaja iaitu Tianjin Traditional Chinese Medicines Corporation China? Mengapa dalam perjanjian itu Encik Singham memasukkan ayat 'The price will be negotiated and made in hard currency'. Bukanakah soal tentang harga adalah perkara pengimpor sahaja? Apakah wujud unsur-unsur di Kementerian Kesihatan mahu menjadi agen utama pengimpor ubat-ubatan Cina.

Pihak Kementerian Kesihatan ataupun pihak yang ber-

tanggungjawab diminta menyiasat kes ini dan mengambil tindakan tegas sekiranya ia benar-benar terdapat sebarang 'penyelewengan'.

### Surat Perjanjian

Preliminary (non-binding) agreement between

Pharmaceutical Services,  
Ministry of Health,  
Malaysia.  
(the project sponsor)

Tianjin Traditional Chinese  
and Medicines Corporation  
China.  
(the project contributor).

Trade in Traditional Medicines and Raw  
Materials for plant Based Drugs.

by means of:

Tianjin Traditional Chinese Medicines Corporation on behalf of State Pharmaceutical Administration of China provides the Chinese medicines and processed raw materials as required by Malaysia to Malaysia and guarantees the quality according to the Chinese Pharmacopoeia or accepted standard. The price will be negotiated and made in hard currency.

Follow-up by project sponsor:

Mr. R. Kumara Singham will report to the Ministry of Health Malaysia and forward the list of Products and samples of Chinese Medicines to the Chinese Medicine Practitioners Association of Malaysia.

Follow-up by project contributor:

Tianjin Traditional Chinese Medicines Corp. Will send the certificates of free sale and G.M.P. as required by the Drug Control Authority of Malaysia.

Signed

.....  
Mr.R. Kumara Singham  
Director  
Pharmaceutical Services  
Ministry of Health Malaysia

.....  
Jin Yunhua  
Executive Vice Chairman  
Committee on Technology  
State Pharmaceutical  
Administration of China

.....  
Vice Manager  
Tianjin Traditional Chinese  
Medicines Corporation  
China.

Date: October, 20 1990.

## **'GEMPA BUMI' PARTI GERAKAN AKAN BERTERUSAN?**

**BERITA** mengenai (perlompatan) ke parti MCA oleh Adun Tanjung Bungah, Khoo Boo Yeang yang telah diumumkan pada Selasa lalu (1 November 88) benar-benar menggemparkan parti Gerakan. Ini dapat dilihat daripada reaksi yang beremosi. Presiden Gerakan, Datuk Dr. Lim Keng Yik yang dilepaskan sebagai berikrar akan membala dendam ke atas MCA (yang telah menarik kaki Gerakan dengan merampas ADUN tersebut).

Implikasi dari tindakan berpaling tadih itu ke atas parti Gerakan tidak diketahui buat masa ini. Tetapi yang pasti ialah peristiwa ini seperti (membuka pekong di dada) tentu akan memburukkan lagi hubungan antara kedua-dua parti yang sentiasa bertelagah itu.

Dalam persidangan akhbar yang juga dihadiri oleh Pemangku Presiden MCA, Lee Kim Sai (kini Datuk) sebagai tanda mengalu-alukan Khoo Boo Yeang ke dalam MCA menegaskan keputusan tersebut adalah berdasarkan desakan serta inspirasi para penyokong dan juga masyarakat Tionghua yang mahu perwakilan bersatu dalam kerajaan Barisan Nasional.

Selain daripada reaksi Datuk Dr. Lim yang sememangnya mempunyai stail yang dikenali ramai, tindakan Khoo itu telah dikecam oleh ramai bekas rakannya di Gerakan. Bagaimanapun reaksi 'taikoh' Gerakan itu ialah Penasihat Gerakan sendiri merangkap Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr. Lim Chong Eu membayangkan kematangan belia sebagai to-

koh politik vateran yang berpengalaman. Dengan nada tenang, Datuk Dr. Lim memberitahu para pemberita (4 November 88), Khoo Boo Yeang telah diasuh oleh gerakan untuk memberi perkhidmatan di kawasannya (Tanjung Bungah).

Dr. Lim menambah: "Saya memahami dilema yang dihadapi oleh Khoo dan bersimpati kepada beliau". Gaya Datuk Dr. Lim itu telah memenangi penghormatan pihak kawan dan lawan.

Para pemerhati politik cuba mengupas tindakan Khoo Boo Yeang itu. Sesetengahnya percaya Khoo jujur dan benar-benar mahu melihat perwakilan kuasa politik kaum Tionghua dalam negara ini dipertingkatkan di mana pemikiran ini telah mendorong beliau mengambil keputusan berani.

Datuk Khor Gak Kim telah cuba mencabar kepimpinan Presiden Parti, Datuk Dr. Lim Keng Yik melalui proxy Datuk Dr. Lim iaitu Pengurus Perhubungan Gerakan Pulau Pinang, Datuk Tan Gim Hua. Dalam pada ini, Datuk Khor telah mendukung cara terbuka bahawa kononnya Datuk Tan Gim Hua telah memperolehi taraf bermaustatin di Australia.

Ertinya kesetiaan Datuk Tan terhadap Malaysia boleh menjadi tanda tanya. Tetapi tuduhan itu telah disangkal oleh Datuk Tan yang berjaya menunjuk bukti yang konkret iaitu surat dari Pesuruhjaya Australia di Kuala Lumpur mengesahkan beliau tidak memperolehi PR negara tersebut.

Beliau juga tidak pernah membuat sebarang permohonan untuk mendapatkan PR itu. Akibat daripada insiden itu, percubaan Datuk Khor yang ingin menjatuhkan Datuk Tan gagal sama sekali malahan telah mendatangkan kesan yang menjelaskan kedudukannya dalam Gerakan.

Sekarang khabar angin (sedang bertiup kencang) di Pulau Pinang bahawa ada beberapa tokoh Gerakan lain akan turut memasuki MCA. Antaranya termasuklah Ahli Parlimen Nibung Tebal, Dr. Goh Cheng Tik dan ADUN Sungai Bakap, Dr. Lim Boon Sho. Bagaimanapun kedua-duanya berdiam diri apabila ditanya.

Dengan ini, nyatahalah kita boleh meramalkan bahawa 'gempa bumi Parti Gerakan akan berterusan' yang mana kita mungkin akan menyaksikan ada tokoh daripada Gerakan yang lain akan turut menyertai MCA.

Difahamkan Pengurus Perhubungan Negeri MCA di

Pulau Pinang, Dr. Sak Cheng Lum adalah tokoh yang diberi kepercayaan penuh oleh MCA Pusat untuk mengendalikan penyertaan tokoh Gerakan ke MCA.

Bagaimanapun, dari analisis sendiri, diramalkan bahawa tidak lama lagi ada tokoh lain daripada Gerakan akan menyertai MCA. Bagi Datuk Khor Gak Kim, beliau telah menemui kebuntuan dan tidak ada jalan lain selain daripada keluar daripada Gerakan dan menyertai MCA.

Satu situasi yang paling aneh ialah MCA dan Gerakan adalah anggota Barisan Nasional. Dulunya tokoh MCA yang kecewa menyertai Gerakan. Datuk Dr. Lim Chong Eu, Datuk Dr. Lim Keng Yik, Datuk Alex Lee, Datuk Paul Leong dan beberapa tokoh lain adalah dari MCA. Kini mereka pula akan memasuki MCA.

Kesimpulan ramalan ialah tokoh-tokoh Gerakan yang kecewa dalam parti seperti Datuk Khor Gak Kim dan Dr. Goh Cheng Tik dan juga beberapa ADUN yang merupakan pengikut mereka akan menyertai MCA tidak lama lagi. Yang menarik ialah apakah ia akan mengugat kehadiran Gerakan di Pulau Pinang dan kesannya kepada pengikut Gerakan.

Kekuatan Gerakan akan berakhir dengan kemerosotan yang sukar untuk dipulihkan kembali. Dan yang pasti juga pertelagahan antara MCA dan Gerakan akan tetap berterusan.

## **Perbincangan DEB : PEMIMPIN NASIONAL PERLU RASIONAL**

**PENGUMUMAN** Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba di Batu Pahat pada 24 September 1988 bahawa UMNO (Baru) akan menganjurkan satu seminar ekonomi Bumiputera pada Disember atau Januari tahun depan sekaligus menimbulkan persoalan mengenai dasar ekonomi negara selepas 1990.

Beliau memberitahu para pemberita, seminar tersebut bertujuan mengesan kelemahan Bumiputera dalam bidang ekonomi dan mengkaji bagaimana matlamat DEB boleh dicapai.

Walaupun DEB adalah suatu dasar yang telah dipersetujui dan disokong oleh semua pihak namun tidak dapat dinafikan bahawa sedikit sebanyak menjelaskan 'kamceng' bukan setakat antara kerabat Barisan Nasional, terutamanya UMNO (kini UMNO Baru) dengan MCA kadangkala hingga menimbulkan prasangka dalam masyarakat majmuk. Dalam hubungan ini, ketika masyarakat bukan Bumiputera merungut dengan dakwaan perlaksanaan DEB menjelaskan kepentingan mereka, kita juga mendengar dakwaan dari pemimpin UMNO kononnya setakat ini matlamat DEB belum tercapai yang mana Bumiputera hanya menguasai 18 peratus 'kek ekonomi' negara sahaja.

Dengan yang demikian sama ada pelaksanaan DEB atau Dasar Ekonomi Negara selepas 1990 adalah perkara yang agak 'touchy' yang mana sebarang perbincangan secara terbuka harus dikemukakan dengan berhati-hati dan rasional.

Daripada perhatian, kebanyakkan kita termasuk pemimpin kanan negara, masing-masing telah melakukan satu 'kesilapan' yang tidak disedari iaitu kita tidak menghadapi perkara tersebut dari sudut nasional, kita tidak dapat mengketepikan perasaan perkauman yang terlalu tebal yang mana kita berkecenderungan mengambil berat perasaan orang lain. Dengan lain perkataan, pendekatan kita pada awalnya agak kurang 'lurus', jadi bagaimana kita boleh mencapai 'hasil' yang boleh memuaskan perbagai pihak?

Semua orang menyokong DEB yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira keturunan tetapi memberi keutamaan untuk membantu kaum Bumiputera meningkatkan taraf ekonomi mereka. Satu senario yang aneh dan jauh berlainan muncul sebelum dan selepas DEB dilaksanakan. Dahulu kaum Bumiputera tidak puas hati kerana mereka tidak diberi peluang untuk menikmati hasil pembangunan ekonomi negara dan kini setelah DEB dilaksanakan lebih daripada 17 tahun, kita masih mendengar masyarakat bukan Bumiputera mengeluh 'kekurangan peluang' dalam berbagai-bagi bidang.

Dan apabila masyarakat bukan Bumiputera mendengar dakwaan kononnya Bumiputera cuma berjaya (setakat ini) menguasai 18 peratus sahaja 'kek ekonomi' negara, mereka kurang senang hati, begitu juga masyarakat Bumiputera berasa agak tersinggung dan terbayang seolah-olah kepentingan mereka akan terancam apabila mendengar masyarakat bukan Bumiputera melaungkan 'penyelewengan' dalam pelaksanaan DEB.

Berdepan dengan masalah sedemikian, terlebih dahulu kita harus menginsaf diri sendiri bahawa kita patut menyediakan pandangan nasional. Pemimpin peringkat nasional harus menyedari bahawa sebagai pemimpin negara adalah mewakili semua kaum dan bertanggungjawab untuk berjuang bagi semua lapisan rakyat agar membawa kebahagiaan kepada mereka tanpa mengira warna kulit atau keturunan. Dalam pada itu, mereka tidak harus keliru dan mencampur-adukkan tanggungjawabnya sebagai pemimpin negara dengan perjuangan parti-parti mereka. Pendekata, mereka patut mengemukakan pandangan atau cadangan parti melalui saluran Barisan Nasional sepetimana yang dilafazkan oleh Perdana Menteri sendiri dan timbalannya dalam beberapa ucapan tidak lama da-

hulu.

Dengan berbuat demikian, seseorang pemimpin negara tidak akan melakukan tanggungjawab yang bertentangan dengan perjuangannya sebagai pemimpin sesebuah parti (Barisan Nasional). Sekiranya cadangan Perdana Menteri tersebut boleh dilaksanakan dengan sempurna, ia tentunya dapat mengelak atau mengurangkan sebarang prasangka dengan tidak menimbulkannya di khalayak ramai.

Dan pada hemat penulis, kita harus cuba seberapa daya untuk membasmi atau setidak-tidaknya mengurangkan perasaan perkauman dalam buah fikiran dan juga tindakan kita dengan memegang teguh pada pandangan rasional serta bersifat nasional. Hanya dengan berbuat demikian kita boleh berjaya mengerah tenaga untuk mencapai sebuah masyarakat dan negara yang menjadikan 'syurga' kepada semua.

Jangan lupa, pelabur asing akan menjadi faktor penentu perkembangan ekonomi negara yang menentukan keputusan mereka sama ada untuk terus melabur di negara ini di atas 'suasana' kita memang bersatu dan berkerjasama.

Oleh sebab itu, dicadangkan supaya satu Jawatankuasa Ekonomi Khas terdiri daripada pakar-pakar ekonomi yang merangkumi semua kaum ditubuhkan seberapa segera. Di samping boleh menjadi pengesan, ia akan mengkaji kedudukan ekonomi sebenarnya dan turut memberi cadangan kepada kerajaan untuk membentuk dasar ekonomi negara kita selepas 1990.

# TULISAN CHAN TSE YUEN DIKESALI

Saudara Pengarang,

DI SINI saya ingin mengutarakan sedikit pandangan tentang tulisan Saudara Chan Tse Yuen di dalam Mingguan Perdana keluaran Jumaat 29hb Ogos lalu. Komennya amat menyedihkan saya dan saya sangat tidak bersetuju apabila beliau menyatakan banyak penyelewengan berlaku dalam pelaksanaan DEB sehingga scolah-olah DEB itu menindas kaum bukan bumiputera khasnya kaum China sendiri.

Sedarkah Saudara Chan yang pemimpin kerajaan khasnya orang Melayu sangat-sangat bertolak-ansur dalam mengendalikan hal-hal mengenai apa yang bersangkut-paut dengan masalah kaum.

Sedariyah Saudara Chan selama ini orang Melayu banyak sangat berlembut dan bertolak-ansur. Jangan kata cakap saudara sahaja yang bernas dan penuh bertanggungjawab, kebenaran dan membina, tapi adalah satu jarum yang berbau perkauman dan menyinggung perasaan orang lain.

Jangan mengaku saudara sebagai orang Malaysia, kalau perlaksanaan DEB ini pun saudara rasa satu penindasan atau kezaliman ke atas orang bukan bumiputera.

IBA, Pej. Kesihatan Raub  
27600 Raub

## **Isu Pembekuan 24 Koperasi : ADA UDANG DI SEBALIK BATU?**

TAHUN 1986 tiba ke penghujungnya. Sekiranya kita menyingkap kembali malapetaka yang menimpa ke atas 24 buah Koperasi Penerima Deposit (KPD) yang telah dibekukan oleh kerajaan pada 8 Ogos tahun tersebut ia sebagai berita yang hangat dan mengemparkan.

Menurut kertas putih yang dibentangkan di Parlimen pada November lalu, tindakan pembekuan itu diambil setelah menerima permintaan daripada beberapa buah koperasi yang dikatakan telah menghadapi pengeluaran wang yang mencurah-curah.

Hampir empat bulan setengah dari tarikh pembekuan itu kerajaan masih mencari jalan penyelesaian yang sesuai dan memuaskan serta diterima oleh pihak-pihak tertentu, terutamanya para penyimpan, tetapi malangnya hingga ke hari ini ia masih di awang-awangan.

Orangramai masih tertanya-tanya bagaimana perkara yang sebegini teruk boleh berlaku dan apakah Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) yang diberi peranan ataupun cuai hingga berlakunya nasib buruk yang menimpa ke atas 24 buah KPD itu?

Jikalau kita meninjau kembali, kita akan dapati sejak terbongkarnya kes penipuan melibatkan pengarah di Syarikat Kredit Setia Timor pada tahun lalu, orangramai telah mula mengesyaki pergerakan KPD yang mana secara beransur-ansur penyimpan mengeluarkan wang simpanan mereka meng

akibatkan perniagaan KPD kurang stabil.

Dan pada 8 Jun 1986, kerajaan mengumumkan penubuhan Koperasi Kawalan Kredit (KKK) bertujuan untuk menstabilkan KPD. Pada awal pengisytiharan KKK itu orangramai menaruh penuh keyakinan ke atasnya. Segala kesangsian yang timbul dari kes penipuan Setia Timor telah lenyap.

Tetapi oleh kerana pegawai JPK scolah-olah dengan se-ngeja melengah-lengahkan untuk memproses atau menerima KPD sebagai anggota KKK, orangramai telah kembali sangsi terhadap KPD dan jangkitan pengeluaran wang berterusan.

Walaupun akhirnya, kabinet mengambil keputusan mukta-mad untuk menerima kesemua KPD sebagai anggota KKK, namun pada ketika itu orangramai sudah hilang kepercayaan. Pengeluaran wang secara besar-besaran bertambah buruk.

Pada 8 Ogos 1986 di atas permintaan KPD yang tidak tertahan lagi dengan pengeluaran wang secara besar-besaran itu, kerajaan membekukan 24 buah KPD. Selepas itu, kerajaan telah melantik 17 buah syarikat audit yang dipengerusikan oleh Bank Negara menjalankan penyiasatan ke atas KPD untuk menentukan kedudukan kewangan masing-masing agar dapat mencari jalan bagi menyelesaikan perkara ini.

Setakat ini lima orang pengarah KPD, kebanyakannya dari KOSATU dan FORTISS didakwa di mahkamah atas tuduhan pecah amanah.

Dalam menyokong usaha pihak Bank Negara yang bertungkus lumus mengesan dan membawa ketengah pegawai-pegawai KPD yang menyeleweng, orangramai tetap menyalahkan pihak kerajaan kerana turut menyeleweng dan bersikap tidak bertanggungjawab.

Suara ramai berpendapat kerajaan harus mengambil contoh pentadbiran yang lampau dalam mengawasi dan menyusun semula sesetengah bank dan institusi kewangan tempatan yang pada suatu ketika bukan di bawah pengawasan Bank Negara.

Pada ketika itu kerajaan mengambil langkah yang begitu tenang dan rasional yang mana undang-undang digubal dan peraturan dirangka dengan tidak mengheboh-hebohkan dan ia langsung tidak menimbulkan rasa sangsi dan keraguan orangramai ataupun menjelaskan keyakinan penyimpan-penyimpan terhadap institusi kewangan tersebut.

Tetapi cara JPK menghadapi KPD adalah pelik sekali.

Jikalau jabatan tersebut benar-benar ingin menstabilkan KPD, mengapa ia melengah-lengahkan penerimaan KPD sebagai anggota KKK sehingga orangramai hilang kepercayaan terhadap KPD sama sekali.

Timbul tandatanya ibarat ‘ada udang di se balik batu’ dalam pemilihan lapan buah koperasi-koperasi sebagai anggota pengasas KKK. Koperasi Serbaguna FORTISS adalah sebuah koperasi yang kurang sihat dan disenaraihitamkan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi Wilayah Persekutuan.

Malangnya, ia bukan sahaja dipilih sebagai salah satu anggota pengasas KKK, malah dilantik sebagai juruaudit KKK. Perkembangan peristiwa membuktikan kedua-dua pemimpin FORTISS telahpun didakwa di mahkamah atas tuduhan pecah amanah. Oleh sebab itu orangramai mengesyaki mungkin ada antara pegawai JPK terlibat dalam kegiatan korupsi.

Untuk kepentingan umum dan supaya membersihkan imej kerajaan pada keseluruhannya dan pihak JPK khususnya disyorkan supaya pihak polis menjalankan penyiasatan yang mendalam ke atas JPK yang mana beberapa penjelasan harus diberi secara percuma iaitu bagaimana dan apakah kriteria untuk memilih FORTISS sebagai anggota pengasas dan juru-audit KKK?

Orangramai harus juga diberitahu mengapa pegawai-pegawai JPK yang berkenaan berniat jahat hendak menggagalkan tujuan kerajaan bagi menstabilkan KPD. Jika diteliti dengan mendalam kerajaan juga melakukan kesilapan kerana tergesa-gesa mengambil keputusan untuk membekukan 24 buah KPD itu. Dakwaan ini berasaskan dari laporan kertas putih tersebut. Polis ketika itu sedang menyiasat enam kes jenayah membabitkan lembaga pengarah dan pengurusan beberapa buah KPD. Sementara itu, Bank Negara sedang menyiasat 13 kes lain yang disyaki membabitkan percanggahan kepentingan.

Ini terbukti mungkin hanya segelintir pengarah-pengarah daripada 24 buah KPD itu menyeleweng. Mengapa kerajaan membekukan 24 buah KPD dengan tergesa-gesa? Apakah KPD yang sihat dan tiada penyelewengan turut menerima hukuman (pembekuan) tanpa penyiasatan tidak menyeleweng?

Kerajaan harus mencari jalan untuk menyelesaikan krisis KPD itu dengan segera. Sekiranya tidak ekonomi negara akan menerima tamparan yang lebih teruk.

Badan pertubuhan penyimpan-penyimpan atau koperasi-koperasi masing-masing mengeluarkan ugutan hendak menya-man kerajaan ke mahkamah. Sembilan buah KPD dalam satu sidang akhbar, secara terbuka memberi ultimatum kepada kerajaan untuk mencari satu cara penyelesaian yang memuaskan yang mana jika permintaan tersebut tidak dipenuhi mereka akan menyaman kerajaan ataupun pengarah-pengarah KPD tersebut akan meletakkan jawatan. Berhubung dengan badan-badan pertubuhan penyimpan pula, mereka mengeluarkan hasrat untuk mengambil 'Queen Council' bagi menyaman kerajaan. Di samping itu mereka juga mengancam hendak mengadakan demonstrasi beramai-ramai di hadapan Bank Negara.

Andainya ini berlaku, maka ia akan menjadi ancaman dan menjejaskan imej negara di mata dunia kerana berita menge-nainya akan tersiar di luar negara pada ketika Queen Council berbuat permohonan ke mahkamah tempatan untuk mendapatkan kebenaran menjalankan tugas di Mahkamah Malaya ataupun sepanjang masa kes berkenaan berjalan di mahkamah kelak. Pelabur-pelabur asing mungkin mendapat satu gambaran bahawa kedudukan kewangan negara kita kurang stabil dan ini akan menakutkan mereka hingga membatalkan niat untuk melabur di Malaysia.

Umum mengetahui 24 buah KPD itu telah menerima lebih \$1.5 billion dari penyimpan masing-masing. Cadangan kerajaan ialah bagi menukar 50 peratus wang simpanan itu menjadi saham koperasi berkenaan. Selebihnya dipulangkan kepada penyimpan dengan dua peringkat dalam jangka masa dua tahun. Hampir 600,000 orang penyimpan terlibat dalam krisis ini.

Ini telah tidak diterima oleh penyimpan. Disyorkan agar 50 peratus wang simpanan itu ditukar sebagai Bon Kerajaan dan bunganya ditetapkan dengan serendah yang mungkin. Kita yakin dengan cadangan dasar ini penyimpan KPD akan bersetuju. Penyelesaian secara terperinci boleh dibincang dan dipertimbangkan kemudian.

Banyak tanda-tanda menunjukkan penyimpan-penyimpan tidak sabar lagi. Antaranya melibatkan dua kes membunuh diri dan beberapa orang pengurus KPD diancam dan dipukul, juga berlaku peristiwa penawanan pengarah-pengarah dan pejabat KPD.

Yang penting sekarang, kerajaan tidak boleh lagi teragak-agak mencari satu penyelesaian yang memuaskan agar ketenteraman awam dan kepentingan para penyimpan tetap terpelihara dengan baik.

Marilah kita sama-sama berdoa agar sesuatu yang tidak diingini tidak akan berlaku dan berusaha menghindari segala malapetaka buruk dari menimpa negara yang amat kita cintai ini!

Banyak contoh yang dapat membuktikan tuduhan ini. Pada awal Julai lalu apabila KOSATU, KPD yang pertama mengalami pengeluaran wang secara besar-besaran kerap kali mereka mendesak JPK memberi izin hak pinjaman (*borrowing power*) agar membolehkan KPD tersebut mendapatkan pinjaman wang dari bank-bank tertentu, tetapi ditolak.

Penjelasan: Menurut undang-undang mengawal kegiatan KPD, sesebuah KPD mesti mendapat kelulusan "borrowing power" dari JPK sebelum membuat permohonan pinjaman wang dari bank-bank tertentu.

Jika KOSATU mendapat kelulusan, pasti krisis ini akan dapat diselesaikan sendiri oleh KOSATU dan pengeluaran wang secara mencurah-curah tidak akan merebak ke lain-lain KPD.

## TUDUHAN SERIUS YANG PERLU BUKTI

ANTARA menteri kabinet, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Abu Hassan Omar bukan seorang yang kontroversial tetapi kenyataan beliau kepada pemberita selepas melawat Persekutuan Bulan Sabit Merah Cawangan Wilayah Persekutuan Ahad lalu, yang diketengahkan telah menjadi sasaran kritikan.

Datuk Abu Hassan mendakwa ada beberapa pertubuhan sukarela sentiasa cuba memecah-belahkan perpaduan dan rasa cinta rakyat dengan harapan dapat memerintah negara ini pada suatu hari nanti.

Di antara pertubuhan yang dikenalpasti itu termasuk Alian, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Persatuan Perlindung Alam Manusia (DPSM), Majlis Peguam Malaysia dan Persatuan Siswazah Selangor. Turut dituduh adalah dua buah parti pembangkang iaitu DAP dan PAS.

Datuk Abu Hassan berkata, pertubuhan sukarela tersebut menggunakan politik untuk tujuan tertentu di antaranya mencari publisiti bagi ketua mereka yang mempunyai tujuan tersendiri.

Katanya lagi, kumpulan kecil itu tidak menghormati sistem demokrasi kerana menganggap mereka lebih layak memerintah negara ini daripada kerajaan yang dipilih oleh majoriti rakyat. Ini dapat dikesan dari kegiatan kumpulan kecil itu yang sering menimbulkan isu-isu yang tidak kena mengena langsung dengan tujuan penubuhan mereka.

Tuduhan Menteri Wilayah Persekutuan itu telah menerima bantahan dan kecaman yang keras daripada pertubuhan-

pertubuhan yang dinamakan. Presiden Majlis Peguam Malaysia, Encik Param Cumaraswamy berkata, dakwaan Datuk Abu Hassan itu bukan sahaja tidak benar malah berniat buruk dan salah anggap. Ia menunjukkan satu gambaran yang sedih terhadap menteri itu tentang konsepsi nilai demokrasi dan peranan Majlis Peguam Malaysia dalam masyarakat kita.

Pada keseluruhananya reaksi dari pertubuhan yang dinamakan itu sama-sama meminta Menteri Wilayah Persekutuan membuktikan tuduhannya.

Pada hemat penulis tuduhan Datuk Abu Hassan terhadap badan sukarela tersebut di atas sebagai agak serius kerana jika dakwaannya benar, maka orang yang terlibat di dalam badan berkenaan mungkin telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dikategorikan kegiatan ‘anti-kerajaan’ ataupun ‘pemberontakan’.

Mungkin Datuk Abu Hassan telah mengumpul maklumat dan bukti kukuh sebelum mengeluarkan kenyataan yang paling kontroversial. Dalam hal ini, langkah yang munasabah dilakukan oleh Menteri Wilayah Persekutuan ialah memberi maklumat dan bukti kepada pihak berkuasa berkenaan supaya sesiapa yang melakukan kegiatan yang salah di sisi undang-undang dapat diberkas dan diberi hukuman.

Tetapi pelik sekali Menteri Wilayah Persekutuan itu memilih untuk membuat dakwaan malah tuduhan secara terbuka terhadap pertubuhan-pertubuhan yang dinamakan itu dengan tidak memberi sebarang misalan ataupun contoh sebagai bukti bagi menyokong kenyataan beliau.

Kita sebagai rakyat Malaysia yang sama-sama menikmati dan menghargai sistem demokrasi yang kian lama diperlaksanakan oleh negara kita tentu tidak ingin melihat sesiapa menyalahgunakan sistem tersebut ataupun membunuh semangat demokrasi dengan perbuatan sewenang-wenangnya!

Dalam hal ini, tuduhan Menteri Wilayah Persekutuan terhadap kegiatan badan-badan berkenaan itu yang berbunyi cuba memecah-belahkan perpaduan rakyat adalah satu kegiatan yang patut dihina oleh semua rakyat. Datuk Abu Hassan harus meminta kerjasama dan pertolongan pihak polis membawa mereka yang terlibat dalam kegiatan jahat ini ke tengah dan bukan membidas mereka menerusi media massa sahaja.

Dengan berbuat demikian, menteri itu sendiri sudah ber-

sikap tidak bertanggungjawab kerana yang bersalah harus diberi hukuman dan bukan sebaliknya tetapi cara Datuk Abu Hassan itu seolah-olah melepaskan mereka yang telah membuat sesuatu kesalahan yang agak serius seperti yang didakwa.

Jikalau Datuk Abu Hassan tidak dapat menunjukkan bukti-bukti tertentu, beliau boleh dianggap sebagai telah membuat tuduhan yang tidak berasas terhadap pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan.

Umum mengetahui kebanyakan badan sukarela yang dituduh oleh Datuk Abu Hassan itu bercorak pertubuhan-pertubuhan sukarela yang sentiasa memberi kritikan yang lantang dan agak membina terhadap pentadbiran kerajaan dan juga perkara-perkara lain yang melibatkan kepentingan rakyat. Sebagai sebuah kerajaan yang benar-benar mengamalkan sistem demokrasi dan bersemangat demikian, mestilah mengalukan sebarang kritikan membina dari mana-mana pihak.

Pada dasarnya kita harus memahami bahawa mengkritik kerajaan bukan bererti menentang kerajaan. Apabila seorang rakyat atau pertubuhan tertentu mengkritik kerajaan, mereka ini cuma menjalankan tugas dalam batas undang-undang moral dan sosial.

Akan tetapi tuduhan Menteri Wilayah Persekutuan itu jika tidak berasas maka perbuatan beliau sebenarnya telah mencemar dan mencabul hak rakyat untuk bersuara.

Apakah tuduhan Datuk Abu Hassan itu benar dan berasas ataupun sebaliknya? Segala persoalan dan jawapan yang dapat mengikis kan kesangsian dan kemusykilan kita semua hanyalah terletak di tangan Datuk Abu Hassan sendiri!

Isu-isu sensitif :

## **NAJIB UMPAMA 'PENCURI PEKIK PENCURI'**

**PEMANGKU** Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak memberi amaran kepada parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dan pembangkang bahawa tindakan undang-undang akan diambil jika parti-parti itu terus mengeluarkan kenyataan berunsur hasutan yang boleh menimbulkan kemarahan orang-orang Melayu.

Beliau mengeluarkan kata dua itu dalam satu sidang akbar selepas mesyuarat Exco Pemuda UMNO.

Beliau mendakwa UMNO sudah hilang sabar kerana tindak-tanduk dan gelagat pemimpin-pemimpin BN dan parti pembangkang yang semakin berani mencabar hak-hak ketuanan, maruah dan kedaulatan orang-orang Melayu.

Datuk Seri Najib berkata, antara perkara yang dimaksud itu ialah soal peribumi, perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), mempertikaikan Akta Pelajaran Kebangsaan, ugutan MCA untuk keluar BN jika kerajaan tidak dapat menyelesaikan isu Koperasi Pengambil Deposit (KPD), tindakan parti-parti komponen mempertikaikan keputusan Senat Universiti Malaya mengenai Akta Pelajaran pilihan dan penggunaan Bahasa Malaysia di Pesta Makanan Laut di Johor.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga mengarahkan para pemimpin parti komponen Barisan Nasional supaya tidak membuat kenyataan

secara terbuka mengenai soal bahasa, pelajaran dan Dasar Ekonomi Baru yang boleh menimbulkan kekeliruan dan sukar untuk diselesaikan.

Memang benar, senario politik negara pada masa kini menampakkan pemimpin-pemimpin politik dan juga parti-parti politik berkenaan sering melemparkan tuduhan atau pun menjawab balik tuduhan antara satu sama lain yang mana suasana tegang telah wujud dalam masyarakat yang berbilang kaum ini. "Trend" seperti ini memang kurang sihat kerana ia boleh mencetuskan peristiwa yang tidak diingini sekiranya tidak dikawal dan Bapa Malaysia Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj juga telah melahirkan kebimbangannya sambil mengingatkan tentang bahaya yang akan berlaku jika isu-isu sensitif terus dimainkan oleh kalangan-kalangan tertentu.

Apakah dakwaan Datuk Seri Najib itu benar?

Pada umumnya, kebanyakkan tindakan yang dikeluarkan oleh beliau itu bagaikan 'pencuri memekik pencuri' yang mana jika kita meninjau dengan lebih maklum kenyataan beliau itu merupakan satu kelucuan dan tidak meyakinkan orangramai.

Kebanyakkan daripada dakwaan-dakwaan Datuk Seri Najib itu adalah hasil putar belit. Dalam pada ini, kontroversi Pesta Makanan Laut sebenarnya adalah bantahan daripada masyarakat Tionghua tentang tindakan Menteri Besar Johor Tuanku Haji Muhyiddin Yassin kini Tan Sri yang melarang penggunaan tulisan bahasa Cina dipaparkan di papan-papan tanda restoran berkenaan. Malangnya dengan niat tertentu orang ini telah memutar-belitkannya ini sehingga ia memberi satu gambaran yang berlainan yang menjadikan penggunaan bahasa Malaysia dipertikaikan.

Mengenai Akta Pelajaran Kebangsaan, masyarakat bukan Melayu cuba menyuarakan hasrat supaya hak asasi kaum-kaum bukan Melayu untuk mendapat pendidikan ibunda yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan itu terus dikekalikan dan ini langsung tidak bercanggah ataupun menggugat kedudukan Bahasa Malaysia. Bagaimanapun hasrat masyarakat Melayu yang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan ini sekali lagi 'diserongkan' dan terus menjadi satu isu hangat!

Tentang keputusan Senat Universiti Malaya mengenai matapelajaran pilihan, masyarakat bukan Melayu melaungkan bantahan mereka dan melahirkan kebimbangan terhadap ke-

putusan itu yang menyekat kebebasan dan hak pelajar-pelajar bukan Melayu.

Datuk Seri Najib menyifatkan ugutan MCA (yang tidak disahkan setakat ini) untuk keluar Barisan Nasional jika kerajaan tidak dapat menyelesaikan isu Koperasi Pengambilan Deposit sebagai salah satu isu yang sensitif dan menjadikan beliau sebagai bahan jenaka orangramai.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO itu juga menyenaraikan soalan terhadap perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru sebagai perkara sensitif juga tidak munasabah dan bertentangan dengan sistem demokrasi. Perlu diingat adalah hak masyarakat umum memberi teguran kepada kerajaan itu sendiri jika terdapat kelemahan dalam dasar berkenaan. Sebarang tindakan mengharamkan masyarakat dari memberi teguran atau kritikan adalah bertentangan dengan semangat sebagai kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi.

Marilah kita sama-sama merenung kembali siapa atau apa yang menjadikan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Akta Pelajaran Kebangsaan, mata pelajaran pilihan Universiti Malaya, Pesta Makanan Laut di Johor sebagai perkara sensitif? Jawapannya agak senang dicari. Pegawai-pegawai kerajaan yang menyeleweng dalam perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru: orang-orang yang berniat jahat memutarbelitkan hasrat masyarakat bukan Melayu membela hak mereka dalam mendapatkan didikan bahasa ibunda yang selaras dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan, anggota Senat Universiti Malaya yang membuat keputusan menghapuskan kebebasan pemilihan mata pelajaran dalam bahasa Tamil dan Cina serta kalangan yang memutarbelitkan kedudukan yang sebenarnya dalam peristiwa di Pesta Makanan Laut adalah 'pencipta dan perek' isu sensitif.

Mereka harus dipersalahkan dan tidak boleh dibebaskan tanpa hukuman yang sewajarnya. Dalam hubungan ini disyorkan supaya satu rang undang-undang digubal bagi memberi hukuman terhadap pegawai-pegawai kerajaan dan orang-orang yang membuat ataupun yang mengeluarkan perkara yang sensitif. Dengan ini tentunya isu sensitif dapat dibendung daripada berleluasa.

Daripada analisis yang dibentangkan di atas sudah cukup untuk mendedahkan akar umbi tentang masalah isu sensitif yang melanda masyarakat majmuk kita sekarang.

Bagi manfaat semua, kita harus mencari langkah-langkah yang 'mujarab' untuk mengatasi penyakit yang menyakitkan fikiran sejak hampir tiga dekad selepas kemerdekaan.

# MENGAPA SEKARANG MELAYU MELENTING?

SEJAK akhir-akhir ini tercetus di kalangan masyarakat Melayu hujah 'Dominasi Melayu' yang mana timbul kesangsian dan ketegangan antara kaum yang amat membimbangkan.

Ini berterusan dan memuncak dalam Perhimpunan Agung UMNO dan juga badan induk sendiri di dalam perhimpunan yang lepas yang mana masyarakat Cina amnya dan Datuk Lee Kim Sai selaku Timbalan Presiden MCA menjadi sasaran.

Perhimpunan tersebut memberi satu gambaran bahawa masyarakat bukan Bumiputera telah mengungkit-ungkitkan beberapa isu yang dianggap sensitif oleh masyarakat Melayu iaitu kononnya masyarakat Cina dan juga sesetengah pemimpin Cina pernah mencabar kedudukan istimewa Bumiputera, kedudukan Bahasa Malaysia dan Dasar Ekonomi Baru.

Wakil kedua-dua perhimpunan berasa tersinggung dan marah atas dakwaan tersebut sehingga masing-masing berikrar dengan tegas dan keras bahawa mereka tidak akan membiarkan kedudukan masyarakat Melayu tergugat apa lagi maruah bangsa Melayu.

Seorang wakil dari Selangor telah mengeluarkan ucapan yang berbau perkauman yang sempit dan 'chauvinis'. Beliau mendesak kerajaan supaya mewujudkan satu sistem perskolahan sahaja bagi memupuk semangat Malaysia yang tulin. Beliau mempersalahkan kewujudan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan sebagai unsur-unsur yang mengakibatkan semangat Malaysia yang tulin gagal dipupuk di negara ini.

Beliau mendakwa perasaan membenci Bahasa Kebangsaan telah bertambah berikutan wujudnya Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan ini.

Nampaknya beliau begitu jelas mendesak kerajaan memansuhkan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan apabila beliau berkata antara lain demikian, "takut apa ubah dasar, kalau kita tidak setuju dengannya, ubahlah mengikut kehendak kita ibarat menggenggam bara api biarlah sampai menjadi arang".

Wakil itu melanjutkan ucapan yang ekstrim mencadangkan supaya mata pelajaran Agama Islam diwajibkan kepada pelajar semua kaum. Beliau menyoal kalau pelajar Melayu sebelum merdeka mempelajari kitab Injil, mengapa bangsa asing tidak boleh diminta mempelajari mata pelajaran Agama Islam?

Kita berpendapat wakil ini dengan sengaja melupakan satu hakikat iaitu negara kita mengandungi masyarakat majmuk dan berlainan agama yang mana Perlembagaan Negara telah tercatat dengan jelas menjamin kebebasan beragama.

Soalan yang timbul iaitu apabila beliau mengingatkan bagaimana pelajar-pelajar Melayu sebelum merdeka secara paksa 'diminta' mempelajari kitab Injil, apakah dia setuju dengan cara paksaan itu?

Kita yakin wakil itu tentu berasa benci terhadap dasar paksaan tersebut, mahukah kini beliau memaksa rakyat bukan Islam mempelajari Agama Islam?

Dalam hubungan ini wajar merujuk kata-kata falsafah yang universal dan rasional oleh Kung Fu Tze yang berbunyi 'apa yang kita tidak ingini, jangan dipaksakan ke atas orang lain'. Apakah wakil itu yang tentunya membenci cara-cara pemaksaan penjajah British dalam soal pembelajaran dahulu kini berazam menjadi penindas dengan memaksa rakyat bukan Islam mempelajari Agama Islam?

Segala dakwaan kononnya kedudukan orang Melayu terugat itu membayangkan satu 'false alarm' sahaja, tidak lain tidak bukan seperti kelakuan Don Quixote yang asyik melawan musuh khayalan yang tidak wujud.

Sebenarnya sejak 1969 masyarakat Tionghua pernah mempersoalkan kedudukan istimewa Bumiputera, kedudukan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi tunggal dan juga Dasar Ekonomi Baru. Cuma yang ada dakwaan wujudnya penyelewengan dalam pelaksanaan DEB.

Bagaimana dengan tiba-tiba masyarakat Melayu begitu hangat dengan soal kedudukan bangsa Melayu yang tergugat dan mengapa perasaan tidak senang dan selamat bagi pihak masyarakat Melayu timbul?

Ini semua adalah ‘hasil’ dari sesetengah golongan pemimpin UMNO dan juga pemimpin Pemuda UMNO yang tidak bertanggungjawab dan asyik mencari jalan untuk memperolehi kedudukan sehingga sanggup dan tergamak bukan sahaja memutar-belitkan sesuatu bahkan mereka yang bukan-bukan bagi mengapi-apikan emosi masyarakat Melayu yang mana mereka menjadi wira.

Di sini kita ingin menarik perhatian masyarakat Melayu kepada satu perkara yang begitu mengelirukan diri ini, iaitu Ketua Pemuda UMNO, Encik Anwar Ibrahim nampaknya seolah-olah bermain kayu tiga, apa yang beliau ucapkan di hadapan masyarakat Melayu dan masyarakat Cina pada waktu dan ketika yang berlainan adalah jauh berbeza.

Kita seringkali memerhatikan kenyataan yang beliau keluarkan kepada masyarakat Cina langsung tidak kedengaran dalam ucapannya kepada masyarakat Melayu.

Kita cuma mengambil satu misalan, pada 23hb Jun lalu, apabila Encik Anwar selaku Menteri Pelajaran memberi satu ucapan di Kroh, Bukit Mertajam memberitahu para hadirin yang terdiri daripada masyarakat Cina bahawa beliau sendiri akan membentangkan usul meminda bab 21 (2), Akta Pelajaran 1961. Tetapi kepada masyarakat Melayu ucapannya berlainan pula.

Percakapan seperti ‘politik ketuanan Melayu dan Dominasi Melayu’ yang begitu banyak diperkatakan adalah satu tanda yang tidak sihat bahkan merbahaya kerana ia membayangkan orang Melayu seolah-olah berniat menjajah ke atas golongan bukan Melayu.

Kenyataan seperti ini jika dibiarkan berpanjangan boleh memecahbelahkan masyarakat majmuk negara kita.

Malah masyarakat bukan Melayu mengakui dan juga menerima satu hakikat iaitu orang Melayu lebih maju dalam kepimpinan politik dan tidak berniat mengubah keadaan ini bahkan merasa senang kalau ia dikekalkan.

Tetapi mereka merasa bimbang dan begitu sensitif dengan kata-kata dominasi dan ketuanan Melayu yang berbau penjajahan.

Semua rakyat yang pernah hidup dalam era penjajahan British tentu masih ingat pahit-maung di bawah penjajahan.

Tandatanya yang timbul di kalangan masyarakat bukan Melayu sekarang ialah apakah sejarah akan berulang kembali-dulu British sekarang Melayu!

Seperti orang Melayu yang begitu menghargai dan mempertahankan hak serta maruah bangsa, begitu juga perasaan masyarakat bukan Melayu yang tiada tuntutan yang keterlaluan hanya inginkan persamaan hak ibarat 'berdiri sama tinggi, duduk sama rendah'.

Pada saat negara kita yang sedang mengalami satu era yang paling teruk lantaran kemerosotan ekonomi yang berpanjangan kita perlulah berfikiran rasional demi untuk kepentingan negara dan bukan mengalihkan perhatian rakyat dengan mereka yang bukan-bukan dalam saat yang genting ini.

## Isu Bahasa di Pesta Makanan Laut Johor : **MB JADI KOBOI?**

PADA 1 Ogos 1987 yang lalu, kerajaan Negeri Johor telah menganjurkan satu Pesta Makanan Laut yang bertujuan menarik lebih ramai orang asing ke Negeri Johor demi mempertingkatkan pelancongan.

Bagaimanapun, dengan tidak disangka-sangka, kontroversi tercetus pada hari perasmian pesta tersebut yang mengakibatkan pesta itu gagal sama sekali!

Peristiwa yang tidak diingini ini berlaku apabila beberapa orang pegawai Penguatkuasa dari Majlis Perbandaran Johor Bahru mengambil tindakan menghalang penggunaan tulisan Cina pada papan-papan tanda di restoran berkenaan. Tindakan itu sebagai suatu ‘bom’ yang meledakkan emosi masyarakat Tionghua.

Tetapi apa yang lebih memeranjatkan ialah ‘kenyataan’ Menteri Besar Johor, Haji Muhyiddin Yassin yang dilaporkan sebagai berkata; “Saya tidak suka melihat tulisan Cina” dan menegaskan bahawa tindakan (menghalang kegunaan tulisan Cina pada papan-papan tanda restoran) itu adalah selaras dengan dasar kerajaan yang mendaulatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara.

Berbagai-bagi reaksi dari kalangan tertentu kedengaran. Ada yang membantah tindakan tersebut dengan sekeras-kerasnya dan ada pula mengambil pendirian yang berlainan.

Ketua Parti Pembangkang, Encik Lim Kit Siang menyifatkan bahawa tindakan tersebut telah mencabuli masyarakat Tionghua.

Naib Ketua Pemuda MCA, Senator Tan Chai Ho pula mendakwa tindakan itu adalah bercanggah dengan Fasal 152 (1)(b) Perlombagaan Persekutuan.

Beliau menambah, kerajaan Negeri Johor yang diketuai oleh Haji Muhyiddin telah menghina masyarakat Tionghua. Beliau menyeru agar Menteri Besar itu sedar akan kesilapannya dan terus meminta maaf kepada masyarakat Tionghua. Pemuda MCA Pusat pula telah mengirimkan satu nota bantahan yang keras kepada Menteri Besar itu.

Sebaliknya ada beberapa tokoh Pemuda UMNO di peringkat cawangan membela tindakan tersebut.

Tetapi perkara yang paling "dayus" pihak pengajur Pesta ialah restoran-restoran berkenaan telah memulaukan pesta itu. Mereka cuma membatalkannya selepas dipujuk oleh pihak-pihak tertentu.

Akhirnya, satu 'kompromi' tercapai yang mana tulisan Cina dibenarkan sekadar nama restoran sahaja dan 'tulisan yang lebih masih dilarang. Umpamanya; 'Ah Chong Sea Food Restaurant' dalam bahasa Cina adalah dianggap sebagai perkataan yang 'lebih' yang mana ia terus dilarang.

Dalam kontroversi tersebut, kedua-dua pihak yang terbabit berpegang teguh dengan pendirian masing-masing.

Di manakah kesilapan yang mengakibatkan perkara itu menjadi heboh.

Dari analisis yang dibuat (tanpa sebarang emosi) berpendapat bahawa isu itu timbul akibat dari 'keghairahan' pegawai-pegawai yang berkenaan di samping melibatkan seorang pemimpin negeri.

Menyatakan Menteri Besar Johor, Haji Muhyiddin menerangkan oleh kerana Pesta Makanan Laut itu dianjurkan oleh pihak kerajaan, maka menurut Perlombagaan cuma Bahasa Malaysia sahaja yang boleh digunakan.

Tetapi hujah Menteri Besar itu telah menyilaukan orang ramai dengan menekankan bahawa 'beliau tidak suka melihat tulisan Cina.'

Kenyataan yang penuh emosi yang keluar dari mulut seorang tokoh negeri adalah amat memerlukan. Dengan berbuat demikian, beliau telah mencabuli imejnya sendiri. Rakyat Johor, khasnya masyarakat bukan Melayu kurang faham mengapa Menteri Besar mereka begitu cetek pandangannya dan bergaya koboi? Apakah tulisan Cina janggal se-

hingga Menteri Besar tidak suka melihatnya?

Ada kalangan tertentu yang memutarbelitkan bantahan masyarakat Tionghua terhadap larangan kegunaan tulisan Cina itu sebagai menentang perlaksanaan dasar kerajaan mendaulatkan Bahasa Malaysia. Ini adalah dakwaan sesetengah ahli politik yang berniat jahat dan ingin menangguk di air keruh.

Sebenarnya, baikpun pihak penguatkuasa restoran yang terbabit dalam Pesta Makanan Laut, ataupun masyarakat Tionghua yang membantah tindakan tersebut, sama-sama bersetuju menjaga keluhuruan Bahasa Malaysia. Mereka cuma membantah kerana kegunaan tulisan Cina yang dilarang itu bertentangan dengan Fasal 152 (1)(b) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi tulisan lain (selain daripada Bahasa Malaysia) turut boleh digunakan dalam bidang bukan rasmi.

Dalam pada ini, papan-papan tanda restoran di Pesta Makanan Laut itu yang diwajibkan untuk memenuhi peraturan Majlis Perbandaran Johor Bahru (MPJB) tidak harus dikategorikan sebagai kegunaan rasmi yang mana ia direka, digunakan dan dipaparkan oleh rakyat biasa, lebih-lebih lagi papan-papan tanda tersebut telah diluluskan oleh MPJB dan bayaran papan-papan tanda berkenaan pula ditanggung oleh tuanpunya restoran sendiri.

Oleh yang demikian, Haji Muhyiddin dengan gaya koboi telah mencerobohi kebebasan rakyat dalam kegunaan tulisan Cina yang direstui oleh Perlembagaan Persekutuan. Apakah Menteri Besar itu tidak begitu tahu keadaan Perlembagaan Persekutuan ataupun beliau sengaja mencabulinya?

Kalau kita mengketepikan hujah dari segi Perlembagaan, kenyataan tidak suka melihat tulisan Cina yang dikatakan oleh MB adalah tidak munasabah dan 'Uncalled For'. Ia boleh dianggap beliau cuba memperseterukan bahasa Cina.

Ini bukan tuduhan semata-mata. Cuba kita melihat papan-papan tanda yang mana tulisan Cina yang dianggap lebih dilarang. Satu soalan timbul pula mengapa tulisan bahasa Inggeris dibenarkan pula? Sebagai bukti, perkataan seperti 'Sea Food Restaurant' pula dibenarkan. Apakah ini suatu tanda 'double standard' dan polisi diskriminasi yang diamalkan oleh MB Johor?

Peristiwa tersebut bukan satu perkara yang tunggal. Sebenarnya terdapat banyak lagi bukti-bukti dan tanda-tanda yang

menunjukkan kerajaan seolah-olah mengamalkan polisi diskriminasi dan menghina kegunaan bahasa Cina sedangkan Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan penggunaan bahasa lain (selain daripada Bahasa Malaysia) dalam bidang bukan rasmi.

Di samping itu kerajaan tempatan pula menggubal undang-undang yang menyekatkan kebebasan tersebut. Pada masa yang sama, peraturan yang digubal oleh kerajaan tempatan adalah bercanggah pula dengan semangat Perlembagaan Persekutuan. Dari segi undang-undang, sebarang undang-undang dan peraturan sekiranya bercanggah dengan Perlembagaan, undang-undang tersebut boleh dianggap tidak sah.

Jadi apakah undang-undang atau peraturan-peraturan yang telah digubal oleh sesetengah kerajaan tempatan yang menyekat kebebasan penggunaan bahasa Cina dan Tamil dalam iklan papan-papan tanda itu adakah sah?

Kalau kita melihat dari satu sudut yang lain pula, peraturan-peraturan atau undang-undang iklan papan-papan tanda yang mana kebanyakkan peraturan iklan papan-papan tanda juga kental dengan bau diskriminasi terhadap bahasa Cina. Cuba kita mengambil misalan, iklan papan-papan tanda seperti 'Kentucky Fried Chicken', 'Guiness Stout', 'Malaysian Airlines System', ini semua adalah perkataan bahasa Inggeris. Sebaliknya ia boleh digunakan dengan 'prominen' yang mana berbanding dengan bahasa Cina adalah 'diperas'.

Kesemua ini bukan sahaja dianggap sebagai diskriminasi bahkan tanda-tanda penindasan.

Peristiwa di Pesta Makanan Laut itu jelas membayangkan ciri-ciri diskriminasi dan penindasan yang kurang sihat dan merbahaya kerana jika ia tidak dibendung, ia akan mengheret masyarakat kita yang berbilang kaum itu ke kancang perpecahan.

## **DEWAN RAKYAT SEBAGAI ‘HIASAN’?**

**SUASANA** Dewan Rakyat Jumaat (27-20-88) menjadi hangat buat seketika semasa persidangan dewan sedang berjalan. Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamad Zahir Ismail tiba-tiba memberhentikan Anggota Parlimen Kawasan Bakri (Johor) Encik Chua Jui Meng dari meneruskan ucapan perbahasan Belanjawan 1989. Menurut penjelasan YDP Dewan itu, keputusan tersebut adalah selaras dengan Peraturan Mesyuarat Seksyen 36 (10)(C) kerana Encik Chua Jui Meng dianggap sering menyentuh isu sensitif dalam ucapannya. Encik Chua dilaporkan banyak menyentuh soal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan kuota dipelbagai bidang, termasuk pendidikan yang diperuntukan kepada Bumiputera.

Peristiwa tersebut mungkin merupakan suatu episod ‘kecil’ oleh sesetengah masyarakat yang tidak mengambil berat tentang kesan-kesannya. Bagaimanapun, ia sebenarnya telah mencelik mata kita di atas beberapa perkara yang turut timbul dari insiden tersebut.

Soal pertama ialah, apakah tindakan Yang Dipertua Dewan Rakyat itu munasabah dilakukan? Bercakap kepada para pemberita di luar Dewan, Encik Chua Jui Meng telah melahirkan perasaan tidak puas hati dengan keputusan Tan Sri Mohamad Zahir. Sambil menekankan pendirian beliau dan juga parti yang diwakilinya, iaitu MCA yang berpegang teguh dengan kesungguhan menyokong dasar DEB, beliau bagaimanapun menekankan rasa tidak puas hati dengan pencolewongan pelaksanaan dasar tersebut. Beliau hanya menjalankan tugas sebagai seorang wakil rakyat dengan men-

yuarkan pendapat sebahagian rakyat di forum yang dianggap paling sesuai untuk berbuat demikian. Bagi beliau berhujah persoalan ini bukan sesuatu yang sensitif.

Kita memang bersetuju dengan pandangan dan juga alasan Encik Chua itu. Yang menjadi tandatanya ialah apakah dalam ucapannya Encik Chua telah melepas batasan yang dibenarkan dalam demokrasi negara ini, dan yang penting juga ialah, sama ada apa yang diperkatakan dalam dewan itu benar-benar sensitif?. Setelah meneliti episod tersebut, kita berpendapat bahawa Encik Chua telah mengambil suatu 'approach' yang berhati-hati dalam mengeluarkan ucapan 'kontroversial' itu yang mana secara keseluruhannya ucapan itu tidak mempunyai unsur-unsur yang menyenggung perasaan kaum lain terutama kaum bumiputera.

Encik Chua hanya menimbulkan soalan tentang dilema kaum bukan Bumiputera dalam keadaan sekarang yang mana beliau memberitahu dewan bahawa kononnya telah berlaku penyelewengan dalam pelaksanaan DEB yang mengakibatkan kaum Tionghua mungkin terabai. Encik Chua tidak pernah mempersoalkan Dasar Ekonomi Baru ataupun segala apapun keistimewaan yang mungkin dinikmati atau diperolehi oleh kaum Bumiputera. Sekiranya beliau berbuat demikian, itu perbuatan yang melampaui batas dan juga suatu perkara yang sensitif dan menyayat perasaan. Tetapi apa salahnya jika sebagai seorang Anggota Parlimen memberitahu Dewan Rakyat tentang penyelewengan dalam pelaksanaan sesuatu Dasar Kerajaan?

Dalam pelaksanaan mana-mana satu dasar kerajaan sekiranya berlakunya penyelewengan bukan suatu perkara yang mustahil, dan sesiapa yang berkesempatan melihat sebarang penyelewengan berterus terang memaklumkan perkara demikian kepada pihak kerajaan (dalam kejadian ini, seorang Anggota Parlimen telah menggunakan Dewan Rakyat sebagai forum untuk berbuat demikian) adalah seorang rakyat yang bertanggungjawab kerana hanya dengan memberitahu kelemahan-kelemahan yang wujud ia akan memudahkan kerajaan mengambil tindakan yang awal untuk memperbetulkannya.

Ada suatu pepatah tamadun Barat yang berbunyi, 'ke-seksaan bukan sahaja hendak dilakukan, bahkan ia harus diperlihat benar-benar telah dilakukan'. Tindakan Yang Diper-tua Dewan Rakyat tempoh hari itu sebenarnya telah

mewujudkan suatu contoh yang buruk kepada dewan yang mulia itu. Insiden tersebut bukan sahaja telah menjadikan Dewan Rakyat kita sebagai sebuah tempat cemuh ramai, baikpun dalam negeri maupun di mata dunia, malah ia mungkin telah memberikan suatu gambaran yang tidak begitu membanggakan tentang 'standard' rakyat negara ini. Ia telah menimbulkan tandatanya ke atas diri kita sama ada orang Malaysia berpandangan sempit dan tidak matang sehingga tidak boleh bertengang dan rasional menghadapi dan membincangkan tentang soal penyelewengan dalam pelaksanaan sesuatu dasar kerajaan.

Mahukah kita menjadikan Dewan Rakyat cuma sebagai 'hiasan' sahaja kerana anggota yang berhormat 'diharamkan' dari menyentuh penyelewengan dalam pelaksanaan sesuatu dasar kerajaan yang tidak boleh dianggap sebagai sensitif oleh orang yang rasional kerana dengan berbuat demikian bukan menentang mana-mana satu dasar kerajaan atau boleh menjelaskan kepentingan mana-mana satu kaum, golongan ataupun seseorang individu?

Kita berpendapat, keputusan Tan Sri Mohamad Zahir tersebut bukan sahaja telah mencemarkan keutuhan Dewan, malah ia adalah suatu tindakan yang bertentangan dengan pandangan dan sasar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Umum mengetahui, Perdana Menteri baru-baru ini telah bekerja 'over-time' dan bertungkus-lumus bekerja dan terbang ke luar negara antaranya adalah untuk membetulkan publisiti negatif yang dilancarkan ke atas tanahair kita oleh media massa luar negara (Barat) yang telah melukiskan suatu gambaran kononnya Malaysia adalah sebuah negara yang tidak demokratik.

Usaha Datuk Seri Dr. Mahathir telahpun mendatangkan kesan yang menggalakkan yang terbukti dari pertambahan pelabur asing ke negara ini. Tapi bayangkanlah bagaimana orang asing akan berfikir dan memandang kita dengan menyaksikan Dewan Rakyat kita tidak membenarkan anggota parlimentnya berucap tentang penyelewengan pelaksanaan dasar kerajaan?. Satu gambaran yang mungkin timbul ialah apakah kerajaan negara ini bertujuan untuk menutup pekung sehingga bersedia 'membunuhkan' demokrasi di dalam Dewan Rakyat? Ini sedikit sebanyak tidak akan menyenangkan pihak pelabur asing dan mungkin juga menakutkan mereka

schingga tidak berani meneruskan perniagaannya disini.

Tidak dapat dinafikan, tindakan Yang Dipertua Dewan Rakyat itu sedikit sebanyak telah pun membatalkan usaha Perdana Menteri kita untuk mewujudkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang benar-benar mengamalkan demokrasi. Hanya dengan itu kita boleh berjaya menarik pelabur asing turut melabur dalam negara ini dan hanya dengan kejayaan mendapatkan pelaburan asing kita boleh mewujudkan sebuah negara yang makmur dan maju yang mana semua lapisan rakyat dapat menikmati manfaatnya.

Kita benar-benar berharap, Tan Sri Mohamad Zahir dapat memberi pertimbangan yang sedalam-dalamnya tentang keputusan kontroversial itu dan memanggil semula Encik Chua Jiu Meng untuk meneruskan ucapannya yang tidak bertentangan dengan dasar kerajaan dan juga tidak menentang kepentingan mana-mana kaum atau golongan atau individu agar ia memulihkan kepercayaan semua pihak bahawa kita betul-betul mengamalkan sistem demokrasi tulin.

Dalam pada ini, kita ingin mengingatkan Tan Sri dengan menggunakan kenyataan Confucius yang berbunyi: "Adalah perkara biasa seseorang melakukan kesalahan ataupun membuat keputusan yang salah yang pentingnya dan yang dihargai oleh semua ialah mempunyai keberanian untuk mengakui apa yang tersilap dan terus membetulkan kesilapan. Apakah Tan Sri tidak keberatan menjaga keutuhan Dewan (Rakyat) dari terus tercemar?. Semua mata tertumpu ke arah Tan Sri Mohamad Zahir sekarang.

## Dewan Negara : **BAGAIMANA MAHUNYA**

SIDANG Dewan Negara sessi pertengahan tahun (1988) sudahpun berakhir baru-baru ini. Seperti biasa, ia gagal menarik perhatian ramai.

Tetapi suatu gejala yang sudah menjadi kebiasaan tetap berulang kali ini, kita masih mendengar keluhan daripada orangramai, termasuk media massa, tentang kelemahan Dewan yang mulia itu dan "performance" anggotanya. Dalam pada itu persoalan sama ada Dewan Negara dan juga Senator-senator merupakan 'Rubber Stamp' lumrah dipertikaikan. Banyak desakan mahukan kerajaan membentuk semula Dewan Negara dan mempertingkatkan mutu anggotanya. Ada juga sesetengah pengkritik radikal berpendapat Dewan Negara patut dibubarkan sama sekali.

Apakah kritikan-kritikan sumpama itu tepat ataupun tidak berasas? Sebelum kita dapat mencari sesuatu jawapan yang munasabah dan memuaskan, kita harus 'meneropong' secara ringkas komposisi dan fungsi 'The House of Lords' dari Britain yang bersamaan dengan Dewan Negara kita. Kita meminjam Sistem Pentadbiran dari bekas negara penjajah itu.

Sebenarnya 'The House of Lords' juga mengalami banyak kritikan dari pelbagai lapisan masyarakat negara itu. Pada November 1867 kerajaan Britain (ketika itu diterajui oleh Parti Buruh) pernah memulakan perbincangan formal dengan dua parti pembangkang utama negara itu bertujuan untuk mencari suatu formula yang boleh diterima oleh semua pihak bagi membentuk semula Dewan tersebut.

Persetujuan bersejarah yang diharap-harapkan itu tidak

tercapai berpunca daripada faktor-faktor politik tertentu di luar dugaan. Bagaimanapun sejak permulaan abad ini, kerajaan Britain dari masa ke semasa telah berjaya menjalankan pembentukan semula sebanyak empat kali ke atas "The House of Lords". Namun Dewan itu masih menjadi cemuhan masyarakat Britain! Antara kritikan yang dilaungkan ialah jawatan di Dewan itu merupakan pengujudan dari perbuatan tendang ke atas (kicking upstairs).

Sekiranya kita mengkaji fungsi "The House of Lords" dengan teliti dan serius, kita akan mendapati bahawa ia boleh menjalankan beraneka peranan. Selain daripada sebelas orang hakim tertinggi dalam Sistem Kehakiman Britain (Lords of Appeal in Ordinary) ia merupakan Dewan Kedua (Second Chambers) yang paling berkesan dalam bidang legislatif. Kerapkali ia berjaya memaksa Parlimen (the Commons) memikir kembali Rang Undang-undang 'The Foreign Compensation Act 1969' yang bertentangan dengan hasrat The Commons dan akhirnya berjaya juga dalam gerakan tersebut. Dalam tahun 1972 Dewan Senat itu pernah mencadangkan 610 pindaan ke atas suatu rang undang-undang. Selain daripada itu "The House of Lords" juga sentiasa mengambil inisiatif untuk menyusuli rang undang-undang (selain daripada perkara yang membabitkan kewangan) yang bukan merupakan perkara yang paling mustahak dari segi nasional. Semua ini membuktikan "The House of Lords" benar-benar aktif dalam usaha menjalankan tugas sebagai Dewan Kedua dengan berkesan.

Kalau dibandingkan dengan "The House of Lords", prestasi Dewan negara kita agak mengecewakan, kerana fungsi dan kecekapannya jauh daripada memuaskan. Boleh dikatakan semua sessi persidangannya berjalan dengan licin dan cepat. Mengapa tidak? Anggota-anggota Yang Berhormat kita kebanyakannya mengambil bahagian dalam sessi persidangan Dewan Negara bersikap sambil lewa.

Pada keseluruhannya mereka seperti kanak-kanak tadika, bangun untuk membentang soalan (itupun cuma menyebut nombor soalan saja); jika menteri berkenaan yang bangun dan menjawab soalan 'mood' kurang baik dan main 'tai-chi' dengan berdolak-dalih mereka pun "kelu lidahnya" dan tidak boleh ataupun tidak berani berbuat apa-apa. Jarang ada soalan tambahan, jarang ada senator yang terserlah. Sebarang

rang undang-undang yang telah diluluskan oleh parlimen pasti akan diluluskan juga oleh Dewan Negara tanpa banyak perbahasan atau kritikan dan juga tanpa sebarang pindaan. Dewan Negara langsung tidak berpeluang dan lebih tepat lagi tidak dibenarkan untuk memainkan peranan sebagai 'watch-dog' kepada Dewan Rakyat. Dalam keadaan sedemikian adalah ketara Dewan Negara kita terpaksa menjadi "Rubber Stamps" sahaja. Sebenarnya baikpun soalan bertulis mahupun soalan tambahan, kebanyakannya perkara remeh-temeh. Jarang ada sesuatu idea yang boleh dicedok oleh kerajaan ataupun biasanya mengulangi soalan yang ditimbulkan di Dewan Rakyat. Mungkin sebab itu ada sesetengah pengkritik pernah menyifatkan Senator kita seperti pelawak tetapi oleh kerana persembahannya bercorak 'cahang', rakyat (pembayar cukai) tidak terhibur.

Dalam keadaan begini tidak hairanlah ada juga pengkritik mendakwa Senator kita cuma makan gaji buta kerana mereka bertanggungjawab kepada mana-mana kawasan tertentu. Jadi apalah Dewan Negara kita dan para anggotanya merupakan 'yang lebih punya?' Buang masa dan membazirkan wang rakyat?

Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan berbuat sesuatu untuk memberi nafas baru kepada Dewan Negara kita dan menghapuskan imejnya sebagai 'Old Folks Home'. Jangan membiarkan Dewan Negara berkekalan sebagai tempat perlindungan politik (political asylum) berpunca daripada politik "balas budi". Berikanlah lebih 'kuasa' dan ruang kepada anggota Dewan Negara supaya berani, liberal untuk mengkritik. Para Senator sendiri juga perlu menerobos, hanya dengan "performance" yang bersemangat lagi bermutu bagi menangkis pelbagai sindiran kononnya Dewan Negara dan anggotanya adalah 'Rubber Stamps' belaka.

## Tol : **BILA AKAN SELESAI?**

SEJAK akhir-akhir ini kita sering mendengar perbualan di kalangan rakyat yang meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap penubuhan pintu tol (tol gate) yang tumbuh bagi cendawan di seluruh negara. Boleh dikatakan di mana ada jalanraya, di situ lah wujudnya tol gate. Ini menjadikan se-setengah pemerhati membuat kesimpulan, Menteri Kerjaraya Datuk Samy Vellu (kini Datuk Seri) adalah menteri yang paling tidak popular di Malaysia.

Mengapa tidak? Sampaikan motorsikal pun Datuk Samy hendak kenakan bayaran! Malah rakyat yang berpendapatan rendah yang tidak terdaya untuk memiliki kereta sentiasa berdoa agar menteri itu mengketepikan idea tersebut.

Orangramai sangat merasai kesan buruk dari kelembapan ekonomi yang kian berpanjangan. Akibat sikap Datuk Samy yang begitu ghairah menubuhkan kutipan tol di sana sini, rakyat terutama dari lapisan berpendapatan rendah menganggap tindakan Menteri Kerjaraya itu bagai memeras dan membebankan kocek rakyat!

Di sini kita ingin menarik perhatian rakyat Malaysia tentang satu lagi perkara yang benar-benar tidak disenangi oleh orangramai.

Sudah lama kita mengetahui bahawa kerajaan berhasrat membina lebuhraya Utara Selatan bermula dari pekan kecil di sempadan negeri Thai, iaitu Bukit Kayu Hitam dan berakhir di Johor Bahru. Jarak kedua-dua tempat ini adalah lebih kurang 1,000 kilometer ataupun 600 batu.

Pada peringkat ini, dua daripada bahagian lebuhraya itu

sudahpun siap dibina. Antaranya ialah jalan dari Bukit Kayu Hitam ke Changloon dan juga dari Kuala Lumpur ke Seremban.

Tiga bahagian lagi yang dijangka akan siap dalam tempoh satu tahun dari sekarang. Bahagian-bahagian ini adalah dari Changloon ke Gurun, dari Changkat Jering (Taiping) ke Ipoh dan dari Seremban ke Paloh.

Bagaimanapun, bahagian-bahagian jalanraya dari Gurun ke Changkat Jering lebih kurang 150 km (90 batu), dari Ipoh ke Kuala Lumpur lebih kurang 200 km (120 batu) dan dari Paloh ke Johor Bahru lebih kurang 120 km (70 batu) sedang dalam proses tender.

Pembinaan ketiga-tiga bahagian lebuhraya ini serta kedua-dua projek lain iaitu melebarkan jalan Kelang/Subang (Petaling Jaya) dan Jalan Kelang Valley Express way (dari Kelang ke Jalan Ipoh, Kuala Lumpur) juga dalam proses tender dan akan dilaksanakan berdasarkan konsepsi pengswastaan. Ini bermakna segala kos perbelanjaan pembinaan akan ditanggung oleh kontraktor yang berjaya mendapat tender berkenaan.

Oleh sebab itu kerajaan terpaksa memberi kuasa kepada kontraktor berkenaan untuk mengenakan bayaran kepada pengguna lebuhraya itu kelak.

Dari perkiraan, sebaik sahaja semua laluan lebuhraya Utara/Selatan itu dibuka untuk kegunaan orangramai, pihak kontraktor akan mengenakan bayaran berdasarkan jarak jauh yang dilalui yang mana lebih kurang 7 1/2 sen akan dikenakan bagi setiap satu kilometer.

Jadi, satu perjalanan dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru yang jauhnya lebih kurang 1,000 km itu akan dikenakan bayaran sebanyak \$75 ringgit. Di samping itu, dari purata kasar penggunaan petrol untuk perjalanan tersebut adalah lebih kurang \$67 ringgit.

Ini bermakna sekiranya sesetengah pemandu membawa sebuah kereta melalui sepanjang lebuhraya Utara \ Selatan perbelanjaan perjalannya (satu hala sahaja) adalah lebih kurang \$142 ringgit. Ini amat memeranjatkan sekali. Lantaran itu, apakah orangramai, khususnya golongan berpendapatan rendah tidak keberatan membayar kadar penggunaan lebuhraya tersebut yang begitu tinggi?

Sedangkan kini orangramai sentiasa bersungut terhadap

kutipan tol yang tidak putus-putus. Dengan introduksi kutipan mengikut jarak jauh yang dilalui di lebuhraya tersebut nanti, mungkin kerajaan akan dihujani kritikan dan kecaman yang tidak putus-putus yang dilemparkan oleh rakyat jelata!

Sesetengah pihak berpendapat sekiranya kerajaan tidak terdaya dari segi kewangan bagi membina lebuhraya, adalah lebih baik mengukur baju mengikut badan sendiri dan jangan menjalankan projek-projek mewah di luar keupayaan yang akhirnya membebangkan rakyat.

Malah, sekiranya kita mengkaji dengan lebih mendalam, sebenarnya kerajaan sudahpun menyiapkan dua bahagian lebuhraya itu. Dengan menyerahkan bahagian-bahagian yang lain kepada pihak swasta menggambarkan kerajaan tidak merancang secara terperinci. Ini amat mendukacitakan sekali!

Bagaimanapun, kita berharap kerajaan akan mengutamakan kepentingan rakyat dalam pengendalian lebuhraya. Kerajaan harus berjaga-jaga supaya kadar bayaran mengikut jarak jauh ke atas pengguna-pengguna dikurangkan ke suatu tahap yang berpatutan dan tempoh masa diberikan kepada kontraktor berkenaan terlalu panjang sehingga menguntungkan sebelah pihak akibat dari 'pemerasan' ke atas rakyat jelata.

Buat masa ini, disyorkan agar Menteri Kerjaraya membantalkan idea hendak mengenakan bayaran tol ke atas penunggang motosikal kerana kebanyakan mereka itu terdiri dari golongan miskin.

Begitu juga, bersesuaian dengan Tradisi Membela Rakyat", Datuk Samy perlu mengecualikan bayaran ke atas teksi dan bas. Kenderaan pengangkutan barang keperluan seperti daging dan sayuran dikurangkan bayaran tolnya. Janganlah sebab nila setitik rosak susu scbelanga.

Tol:

## JANGAN BEBANKAN RAKYAT

**KEADAAN** tegang yang timbul akibat bantahan orang ramai terhadap kutipan tol di Cheras 'reda' buat sementara kerana penangguhan kutipan bayarannya. Bagaimanapun ramai yang mengetahui isunya yang sebenar belum selesai.

Perkembangan terbaru yang mana Teratai, syarikat asal yang mendapat tender untuk membina lebuhraya berkenaan dan juga dibenarkan untuk mengutip bayaran tol di Cheras telah diambil alih oleh sebuah 'holdings', sekali lagi meletakkan penduduk-penduduk Cheras dalam keadaan berjaga-jaga.

Walaupun kita tidak bersetuju dengan menggunakan cara kekerasan untuk menyelesaikan pertikaian, namun perasaan anti tol di Cheras yang jelas terbayang dari tunjuk perasaan secara spontan dan besar-besaran pada tahun lalu perlu diambil kira.

Kerajaan perlu menimbang semula sama ada tol tersebut dilakukan secara kajian yang bijaksana atau sebaliknya.

Apa yang di ketahui umum ialah Teratai dibenarkan mengutip tol di Cheras kerana telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membina, memperluas atau memperbaiki lebuhraya di Bandaraya Kuala Lumpur.

Tetapi yang menjadi tandatanya ialah dua perkara yang sukar dijawab dan tidak mungkin mendapat jawapan yang munasabah atau memuaskan daripada pihak kerajaan.

Pertama, di seluruh dunia hampir semua kerajaan negara-negara berkenaan menanggung kos pembinaan lebuhraya di kawasan bandaraya.

Pengguna lebuhraya hanya dikenakan bayaran terhadap kos pembinaan lebuhraya di luar bandaraya.

Negara tunggal yang kita ketahui mengutip bayaran untuk menampung kos pembinaan (itupun untuk jabatan sahaja) ialah bandaraya Seoul, Korea Selatan.

Namun begitu, pihak berkuasa tidak mahu menyusahkan orangramai dengan memperkenalkan sistem membayar dengan memasukkan siling ke dalam mesin automatik untuk mengelakkan wujudnya kesesakan jalan.

Buat masa sekarang, tanpa tol, 'lebuhraya' Cheras sudah sesak setiap hari. Cuba bayangkan bagaimana teruk keadaannya sekiranya tol dipulihkan nanti.

Kedua, sekiranya Teratai tidak boleh bertahan lagi dan terpaksa melepas tangan dari 'ranjau Cheras', mengapa ia harus dijual kepada sebuah holdings yang memerlukan pinjaman wang untuk berbuat demikian dan bukannya diambilalih oleh kerajaan sendiri?

Demi kepentingan rakyat jelata, kerajaan harus mengambilalih Teratai dan batalkan sebarang kutipan tol di Cheras supaya dapat mengelakkan ketidakadilan yang dipaksa ke atas pengguna lebuhraya tersebut dan tidak kurang penting kepada mereka, mengelakkan wujudnya kesesakan jalan.

Untuk membayar kos pembinaan lebuhraya tersebut, kerajaan boleh menggunakan cukai dengan mengenakan hanya satu atau dua sen setiap liter penjualan petrol di semua stesen petrol Kuala Lumpur.

Dengan cara ini, pengguna lebuhraya di Kuala Lumpur tidak merasa apa-apa kesulitan.

Justeru itu, kita tertanya-tanya, mengapa kerajaan tidak mahu menggunakan jalan yang lebih mudah dan yang 'menyuntungkan' rakyat tetapi sebaliknya memanjangkan ketakutan mereka dengan membenarkan 'holdings' tersebut mengutip tol?

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan benar-benar mengamalkan sikap pentadbiran terbuka, orangramai harus diberi penjelasan apa rasionalnya Teratai dijual kepada 'holdings' yang membelinya dengan pinjaman wang

dan kerajaan sendiri tidak mengambil alih?

Apakah pihak kerajaan mahu melahirkan lebih ramai jutawan dengan cara tersebut?

Jikalau begitu, ia adalah bercanggah dengan Dasar Ekonomi Baru yang mahu membasmikan kemiskinan dengan memperbaiki taraf hidup rakyat jelata.

Dalam pada itu, kerajaan sudah terlepas peluang keemasan. Mengapa tidak meminjam wang dari Kumpulan Simpanan Pekerja yang cukup kaya itu demi memberi peluang kepada semua rakyat biasa (ahli-ahli KWSP) menikmati sedikit keuntungan, jika ada dari 'projek' tersebut?

Dari perkembangan yang lain, kita percaya pengguna lebuhraya di seluruh negara akan menerima kejutan dari pihak berkuasa tidak lama lagi.

Ramalan ini ialah daripada analisis yang berasaskan kos pembinaan lebuhraya yang sudah berlipat ganda baru-baru ini.

Dalam hubungan ini, lebuhraya Kelang — Damansara Utama sepanjang 26 kilometer memakan belanja \$123 juta bersamaan \$5 juta satu kilometer.

Bagaimanapun, lebuhraya dekat Sekudai, Johor yang hanya sepanjang 30 kilometer 'menelan' perbelanjaan \$310 juta atau lebih kurang \$10 juta sekilometer. Ini bermakna kos pembinaan seolah-olah sudah naik 100 peratus!.

Apakah kadar bayaran lebuhraya yang dikenakan sekarang ini — 5 sen akan dinaikkan sekurang-kurangnya 50 peratus menjadi 7.5 sen kilometer tidak lama lagi atas alasan kenaikan kos pembinaan?

Anda jangan meloncat sekiranya perkara ini tetap berlaku!

Sebagai rumusan, tanpa mengira apa akan berlaku, dalam perkara yang kita bincangkan di atas, yang menjadi 'mangsa' dan yang sentiasa diperbodoh-bodohkan adalah rakyat jelata!

## BAHAYA RADIOAKTIF

“TUJUH ORANG DISYAKI BAWA KESAN RADI-OAKTIF!” Tajuk berita seperti di atas yang tercatat di akh-bar-akhbar tempatan pada Khamis lalu sungguh mendebarkan.

Baru-baru ini, ‘radioaktif’ telah menjadi buah mulut orangramai di seluruh dunia; masyarakat kita juga tidak ketinggalan memperkatakan tentangnya.

Sebenarnya berita mengenai satu tragedi loji nuklear di Chernobyl, Russia yang mana sebuah reaktor nuklear rosak dan terbakar mengakibatkan banyak radiasi terlepas dari alat utama reaktor itu ke udara telah menggemparkan seluruh dunia.

Tragedi itu di anggap sebagai nahas yang paling buruk pernah berlaku di dunia. Saintis Jerman Barat meramalkan sehingga 100,000 orang yang berada di sekitar kawasan nahas itu akan mati kerana barah paru-paru dalam beberapa tahun akan datang dan selain itu kerosakan dalam makanan pula tidak terhingga.

Beberapa buah negara di Eropah melarang sebarang import makanan dari negara Eropah Timur, terutamanya negara-negara yang mengesan sisa radioaktif di udara mereka masing-masing untuk mencegah rakyat mereka dari pengesanan yang lebih buruk.

Malaysia juga telah mengambil langkah sedemikian bagi menjamin keselamatan rakyatnya.

Dalam suasana yang agak mencemaskan inilah masyarakat kita memerhati kesan dari peristiwa nahas itu. Dan tidak hairanlah orangramai terkejut membaca akhbar bahawa tujuh

orang yang baru tiba dari Russia dan Rumania didapati membawa 'sejumlah kecil' kesan radioaktif yang terletak di kasut mereka.

Nasib baik pula, menurut pengawai-pengawai Unit Tenaga Nuklear (UTN) di Jabatan Perdana Menteri yang memeriksa tujuh orang yang disyaki itu tidak menemui sisa radioaktif di badan mereka, kasut ketujuh-tujuh orang itu sudah dibersihkan dengan kaedah pembersihan sisa radioaktif.

Menurut Ketua Bahagian Kesihatan dan Kawalan Pancaran UTN, Cik Fatimah Mohd Amin, mereka mungkin mengijak sisa radioaktif di tanah negara terbabit iaitu Rusia dan Rumania ketika dalam perjalanan ke lapangan terbang di sana.

Mujurlah kesan radioaktif itu cuma terletak di kasut dan bukan di dalam badan mereka, dan dapat pula dibersihkan.

Mungkin untuk keselamatan masing-masing, orangramai harus menangguh dahulu kunjungan ke Rusia ataupun negara-negara yang menerima kesan radioaktif. Dalam hubungan ini, Pasukan Bola Keranjang negara telah membatalkan lawatan mereka ke Czechoslovakia baru-baru ini untuk membuat persiapan terakhir sebelum mengambil bahagian dalam Kejohanan Bola Keranjang Dunia yang akan berlangsung di Sepanyol.

Bagi mereka yang terpaksa meneruskan perjalanan ke negara-negara itu, berdoalah semoga tidak tersentuh sisa radioaktif. Dan untuk memastikan mereka tidak membawa pulang sebarang kesan radioaktif, mungkin perlu juga sebaik mereka menaiki kapalterbang dari negara-negara yang menerima kesan radioaktif itu, kasut dan pakaian mereka ditanggalkan dan badan mereka dibersihkan dengan kaedah pembersihan sisa radioaktif dan menukar kasut serta pakaian baru.

Dalam pada itu, kita harus pula memandang tragedi loji nuklear itu dengan lebih serius.

Apakah manusia yang mendakwa teknologi sains mereka yang kian maju itu dapat membuat sesuatu untuk mempastikan kejadian seperti itu di Chernobyl tidak berulang lagi?

Sedangkan sekadar mana keburukan kejadian di Chernobyl itu belum kita ketahui kerana ini cuma mungkin dapat dikesan beberapa tahun kemudian, kita tidak berdaya mengalami satu lagi kejadian seperti yang berlaku di Chernobyl, apatah lagi satu nahas yang lebih buruk dari itu!

Nampaknya manusia tetap tidak akan tidur lena di atas ancaman radioaktif!

Kini negara-negara Eropah mula merasa takut dengan nuklear. Banyak kerajaan di benua Barat mula memberhentikan atau membekukan semua rancangan pembinaan stesen atau loji nuklear. Bagaimanapun, Perancis adalah satu-satunya negara Eropah Barat yang ingin meneruskan semua rancangan penyelidikan nuklear.

Sama-sama kita menyeru saintis di seluruh dunia supaya mengambil langkah yang munasabah bagi menjaga keselamatan manusia supaya tidak menjadi mangsa nuklear suatu hari nanti sekiranya tragedi seperti di Chernobyl berulang lagi.

Dan saudara jangan lupa, kita bukanlah bebas dari ancaman radioaktif. Masih ingatkah lagi isu sisa radioaktif di Papan tidak lama dahulu? Ya, Pusat Pengajian Nuklear Tun Dr. Ismail, apakah itu loji nuklear ataupun Pusat Pengajian Nuklear..? Kita semua adalah 'orang biasa' tidak begitu pasti.

Tetapi satu hakikat yang kita tahu ialah, pusat ini juga mengeluarkan 'sisa' radioaktif yang merbahaya! Apakah pusat ini selamat dari sebarang kemalangan?

Apabila kita merenung situasi penggunaan nuklear di seluruh dunia, baik pun secara damai ataupun tenteram yang kian meningkat dan berleluasa, kita tetap tidak akan dapat tidur lena.

Marilah kita bersama-sama berdoa moga-moga pihak yang menguasai bahan atau loji nuklear agar sentiasa bersikap rasional!

# Rumah terbengkalai : **SIAPA HARUS DIPERSALAHKAN?**

DALAM seumur hidupnya, ramai orang mempunyai cita-cita mengharapkan rumah tempat berlindung menjadi kepunyaan sendiri; dan untuk mengejar impian ini, mereka sanggup bersusah payah, berdikit-dikit mengumpulkan wang untuk mencapai cita-citanya itu.

Tetapi malang sekali, dalam pada itu ramai juga pembeli rumah terpaksa melalui pengalaman yang menyayat hati akibat projek-projek perumahan terbengkalai di atas sebab-sebab yang tertentu.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kita sering mendengar atau membaca laporan akhbar-akhbar tempatan mengenai projek-projek perumahan yang terbengkalai dan juga jeritan mangsa-mangsa berkenaan serta desakan dari pertubuhan-pertubuhan masyarakat ataupun ahli politik agar kerajaan menggubal undang-undang yang efektif bagi menyekat keadaan yang tidak menyenangkan itu daripada terus berlalutan.

Sehingga akhir tahun lalu (1987) sebanyak 184 buah projek perumahan telah terbengkalai di Semenanjung Malaysia; ini melibatkan lebih kurang 32,000 unit rumah.

Menurut Timbalan Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Hajjah Napsiah Omar (kini Datuk) ketika memberi jawapan di parlimen pada Mac 1987 lalu, antara sebab-sebab projek perumahan terbengkalai ialah pemaju menghadapi masalah kewangan ataupun tidak mem-

punyai keupayaan dan pengalaman bagi mengurus dan menteradibir projek-projek berkenaan.

Beliau juga berkata ada sesetengah pemaju menghentikan projek sebaik sahaja mereka mendapat keuntungan dari kutipan bayaran "progresif" dan kemudian terus lenyap dan tidak dapat dikesan. Tetapi Hajjah Napsiah tidak cukup jelas; beliau harus menekankan golongan inilah yang melakukan penyelewangan yang tidak diingini malah tidak bertanggungjawab.

Kita cuma mengambil dua kes projek perumahan yang terbengkalai dan cuba menyelami kepahitan pembeli-pembeli yang terbabit.

i) Projek Perumahan Fasa 1D, Taman Kota Jaya, Johor mengandungi 101 unit rumah teres. Pembinaan rumah bermula pada tahun 1983 dan kini projek itu telah terbengkalai. Lebih kurang 70 peratus pembinaan telah pun dijalankan dan sejakar dengan itu para pembeli juga telah membayar lebih kurang 70 peratus dari jumlah harga rumah. Sebuah jawatankuasa bertindak telahpun ditubuhkan bagi mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini tetapi tidak berkesan.

ii) Di Kajang, Selangor Darul Ehsan, projek perumahan Taman Sri Kenari juga dilanda nasib yang sama. Projek itu telah bermula pada 1984 dan terpaksa berhenti pada Julai 1985 kerana kononnya pihak pemaju mengalami masalah kewangan. Pada bulan November, projek itu diteruskan semula tetapi nasib tidak berpihak pada semua yang terlibat. Sekali lagi projek ini terbengkalai pada Mac 1986 hingga kini. Projek Taman Sri Kenari melibatkan jumlah 168 unit bangunan yang mana 105 adalah rumah teres dua tingkat.

Kebanyakkan pembeli terdiri daripada kakitangan kerajaan dan pada masa sekarang mereka berada dalam keadaan serba salah. Kerumitan mereka dapat dibayangkan kerana mereka tidak dapat menduduki rumah yang dibeli.

Sebaliknya mereka terpaksa memulakan balik pinjaman kepada institusi kewangan yang berkadar beberapa ratus ringgit sebulan, di samping itu juga terpaksa terus menyewa rumah orang lain.

Menurut kajian yang tidak rasmi yang mana orangramai

turut berpandangan serupa, kebanyakan kes projek perumahan terbengkalai berpunca dari kelemahan urusan kewangan yang mana wang yang diterima dari pembeli-pembeli rumah telah disalurkan untuk tujuan lain daripada aktiviti-aktiviti pembinaan rumah berkenaan. Pendek kata ada masalah penyelewengan dan kadang-kala penipuan!

Sudah lama kedengaran rintihan dari pembeli-pembeli rumah yang 'menderita' kerana projek perumahan yang terbengkalai dan tekanan dari orangramai pada amnya dan terutamanya ahli politik meningkat dari semasa ke semasa. Masing-masing mendesak supaya kerajaan mengambil tindakan yang tegas bagi mencegah kegiatan penyelewengan yang melibatkan pihak pemaju agar kepentingan pembeli-pembeli rumah dapat dibela. Akhirnya tekanan yang kuat dan bersepdu ini mendatangkan hasil. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Encik Ng Cheng Kiat telah mencadangkan pindaan kepada Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, kini akta pindaan itu sedang menunggu diwartakan.

Ng Cheng Kiat memberitahu Dewan Rakyat, di bawah pindaan yang dicadangkan itu, setiap pemaju perumahan yang berlesen akan diwajibkan mengadakan akaun khas yang dipanggil "Akaun Pemaju Perumahan" (APP) di sebuah Bank atau pun syarikat kewangan. Kewajipan ini juga memastikan APP dilaksanakan di tiap-tiap satu pemaju perumahan. Lantaran itu, segala bayaran kemajuan yang diterima dari pembeli-pembeli rumah hendaklah dimasukkan ke dalam akaun tersebut. Di samping itu, kawalan yang agak ketat juga akan dikenakan bagi pengeluaran wang dari akaun tersebut bagi mempastikan segala wang yang dikeluarkan itu adalah untuk tujuan berkaitan dengan perumahan berkenaan.

Pindaan itu telah disambut baik oleh pembeli-pembeli rumah, terutama sekali mereka yang pernah atau pun masih menjadi mangsa akibat dari kebuntuan projek perumahan yang melibatkan diri mereka dan juga bakal pembeli rumah. Mereka yakin dengan pindaan itu, penipuan atau penyelewengan pihak pemaju dapat dicegah, setidak-tidaknya dapat dikurangkan.

Pindaan itu juga meningkatkan hukuman denda ke atas orang yang terbukti salah di bawah akta itu. Denda wang adalah tidak kurang daripada \$10,000.00 dan tidak lebih

daripada \$100,000.00 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Dengan adanya pindaan tersebut, penyelewengan dalam bidang perumahan akan dapat dicegah atau pun dikurangkan.

Apa yang berkesan dari pindaan itu adalah keyakinan orang ramai terhadap pemaju yang sudah luput itu akan dikembalikan. Ini tentunya menjadi faktor yang penting bagi memastikan pertumbuhan industri perumahan pada masa akan datang.

Tetapi, makna yang terbesar dari pindaan akta itu adalah ia telah menandakan 'kemenangan' orangramai yang kian lama mendesak kerajaan memperketatkan undang-undang bagi mencegah segala penyelewengan yang sering dilakukan oleh pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab.

Yang tinggal sekarang ialah orangramai yang sedang merhati dan berharap kerajaan akan bersikap tegas terhadap sesiapa yang menyeleweng.

## Disiplin murid : NAKAL KERANA GURU?

BERITA mengenai sebuah sekolah menengah di Ibu Kota yang diberi tempoh dua minggu oleh Menteri Pendidikan untuk "mengatasi" masalah disiplin dan kebersihan ataupun menghadapi nasib ditutup amat memerlukan dan kini sudah menjadi buah mulut orangramai.

Menurut laporan "head-line" beberapa buah akhbar tempatan, Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur (SMTKL) di Cheras telah "ditakrifkan" oleh Kementerian Pendidikan sebagai sekolah yang paling teruk daripada segi disiplin dan kebersiahannya. Ini berpunca dari pelbagai kegiatan liar yang sudah lama diamalkan oleh segenap pelajar dan memuncak dengan peristiwa maut pada Mac lalu apabila seorang pelajar tingkatan lima, Hishamuddin bin Abdul Majid meninggal dunia setelah menjadi mangsa 'upacara menerima masuk ahli' (ragging) yang liar yang dilakukan oleh beberapa pelajar terbabit dalam kumpulan ala-samseng di sekolah itu.

Nampaknya Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim (kini Datuk Seri) sudah tidak tahan lagi kemarahannya apabila beliau memberi amaran keras kepada 38 guru dan 627 pelajar SMTKL dalam kunjungannya ke sekolah itu pada 29 haribulan lalu.

Encik Anwar mengarahkan semua pihak yang terbabit supaya memperbaiki disiplin pelajar dan kebersihan sekolah itu termasuk bilik darjah, tandas, setor dan longkang.

Ketika memberi arahan itu beliau dilaporkan berkata, jika tiada perubahan dalam masa dua minggu beliau akan menu tutup SMTKL dan terus menghantar pelajar-pelajar pulang.

Apakah "ugutan" hendak menutup SMTKL yang dikeluarkan oleh Menteri Pendidikan itu akan mendatangkan kesan yang diharap-harapkan iaitu, segala gejala yang buruk akan diperbaiki nanti?

Pada pendapat saya, amaran beliau adalah tidak tepat sama sekali dan, jika dikaji dengan lebih teliti, maka kita akan terdapat kata-kata Encik Anwar itu kurang munasabah dan tidak saksama, malah ia juga mungkin membayangkan ketidakmatangan Menteri Pendidikan.

Umum mengetahui, tidak kira bagaimana buruk disiplin sesebuah sekolah biasanya cuma segelintir pelajarnya yang turut terlibat dalam kegiatan-kegiatan tidak diingini yang boleh mencemarkan imej sekolah pendek kata, kerana nilai setitik rosak susu sebelanga. Ini adalah satu-satunya kesan yang tidak dapat dikawal dan hakikat ini kita harus menerimanya.

Tetapi scandainya Kementerian Pendidikan menutup SMTKL itu, ini bererti kebanyakan mereka yang tidak bersalah turut didenda.

Apakah ini adil kepada golongan yang tidak bersalah yang menjadi golongan majoriti di SMTKL itu?

Bila kita hendak mengatasi sesuatu masalah, terlebih dahulu kita mesti mencari puncanya sebelum kita dapat "mengubatinya".

Dalam pada ini memang benar, ada segolongan pelajar-pelajar SMTKL telah bertindak liar. Sebarang tindakan disiplin dikenakan ke atas mereka tidak akan dipertikaikan.

Tetapi jika pelajar-pelajar lain yang tidak bersalah turut didenda itu akan menjadi satu isu besar!

Mari kita merenung kembali, matlamat pelajar di peringkat sekolah adalah, selain daripada melengkapkan pelajar-pelajar dengan pengetahuan ilmiah, tujuan utamanya adalah membentuk watak dan peribadi ke atas golongan muda yang bakal menjadi "pemimpin" negara.

Kita scring mendengar soal disiplin sudah lama menjadi masalah di sesetengah sekolah. Tetapi bukan rahsia lagi kebanyakan pihak berkuasa di sekolah-sekolah berkenaan tidak mengaku perkara ini dan bukan setakat tidak melaporkan kegiatan liar di sekolah kepada pihak "atas", malah membiar sahaja perkara itu danipada terus berleluasa. Sikap pihak berkuasa sekolah yang tidak bertanggungjawab dan acuh tak acuh inilah menjadi punca utama mengapa masalah disiplin

semakin buruk dan berkekalan!

Justeru itu, kalau sebarang tindakan denda diingini oleh Kementerian Pendidikan ke atas SMTKL, saya rasa pihak pentadbirannya harus diambil tindakan disiplin terlebih dahulu kerana tidak menjalankan tugasnya dengan baik malah bersikap tidak bertanggungjawab ibarat pepatah "melepaskan batuk di tangga".

Sikap tidak bertanggungjawab itu terbukti apabila tidak memberi penjelasan bagaimana disiplin sekolah itu begitu buruk dan tidak berasa malu bagi menafikan disiplin SMTKL itu buruk beliau mendakwa peristiwa tersebut cuma satu-satunya peristiwa tunggal sahaja, seperti menegakkan benang basah.

Berdasarkan sebab-sebab yang dibentangkan di atas, sikap Menteri Pendidikan yang "mengugut" hendak menutup SMTKL adalah suatu perkara amat memerlukan malah, ia adalah suatu sikap tidak bertanggungjawab dan kurang rasional; dengan berbuat demikian beliau telah memberi suatu teladan yang kurang sihat kepada kakitangan-kakitangan di Kementerian Pendidikan, termasuk Guru Besar SMTKL!

Kita harap Encik Anwar sebagai seorang Menteri Pendidikan supaya jangan bersikap negatif lagi apabila cuba menyelesaikan masalah disiplin sekolah.

Penutupan SMTKL ataupun mana-mana sekolah bukan ubat mujarab yang boleh menyembuhkan penyakit disiplin sekolah, malah ia akan terus menimbulkan lebih banyak masalah. Ke mana pelajar-pelajar yang beratus-ratus itu akan pergi jika sekolah mereka SMTKL ditutup, lebih-lebih lagi mereka yang tidak membuat apa-apa yang salah turut menjadi mangsa kegiatan liar segolongan kecil pelajar-pelajar yang tidak terkawal itu?

Disyorkan Encik Anwar terlebih dahulu terus mengambil tindakan disiplin keras ke atas Guru Besar SMTKL jika benar-benar ingin melihat keadaan disiplin di SMTKL itu diperbaiki dengan berkesan. Ini akan menjadi satu amaran kepada semua pihak berkuasa di sekolah-sekolah lain supaya turut bersikap lebih bertanggungjawab.

Pendek kata, jika kita benar-benar hendak memilih dan mengekalkan disiplin di sekolah-sekolah supaya tidak dijadikan gelanggang samseng, Guru-guru Besar dan pihak pentadbir sekolah harus menjadi tumpuan pihak Kementerian, jika ter-

bukti Guru-guru Besar cuba "menutup" kegiatan liar di sekolah-sekolah mereka kerana rasa segan, tindakan tegas harus diambil terhadap mereka.

Di samping itu mungkin adalah lebih baik jika pihak Kementerian Pendidikan mengkaji kemungkinan menggubal satu rang undang-undang khas untuk mengawal disiplin di sekolah kita.

# NEGARA KITA SUKA BERPESTA

PERKEMBANGAN semasa dalam negeri telah menunjukkan bahawa negara kita suka berpesta. Bermula dengan Pulau Pinang yang memang sudah terkenal dengan perayaan tahunannya, iaitu Pesta Pulau Pinang yang sudah lama menjadi tradisi negeri itu, diikuti dengan beberapa negeri-negeri lain seperti Negeri Sembilan (di Port Dickson), Melaka (diadakan di Air Keroh) dan Selangor (di Shah Alam), kini nampaknya kerajaan pusat juga tidak boleh menahan kemajuan aliran zaman yang mana ia mengikut jejak setelah dilancarkan satu pesta peringkat nasional di bawah naungan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang berlangsung dari 24.9.1988 hingga 8-10-1988.

Pesta itu yang diberi nama 'Malaysian Fest 88' telah mengadakan berbagai-bagai acara, terutamanya acara seni kebudayaan seperti kraftangan, masakan negeri-negeri di Malaysia dan tarian tradisional. Pendek kata, pihak penganjur telah mengambil kesempatan sepenuhnya untuk mengetengahkan inti kebudayaan berbagai-bagai kaum di negara ini.

Menteri berkenaan, Datuk Sabbaruddin Chik sendiri pernah berkata, kepelbagaiannya kebudayaan negara ini ialah satu faktor yang menarik bakal pelancong asing menjelak kaki ke tanahair kita. Kesan sebenarnya daripada "Malaysian Fest 88" tidak dapat diketahui dalam masa yang singkat tetapi mungkin bak kata peribahasa, rusa yang ditembak, kijang yang kena. Setidak-tidaknya, kementerian tersebut telah mencapai kejayaan meningkatkan keharmonian kaum di negara ini dengan memberi peluang kepada semua kaum

mengambil bahagian mempersembahkan seni kebudayaan mereka di hadapan masyarakat asing di samping mendalamkan lagi semangat 'cintai negara'.

Tindakan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang berpandangan jauh dan pemikiran yang matang itu harus diberi pujian. Kita berharap kementerian tersebut dan Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) yang merupakan penggerak kepada kementerian itu dapat meneruskan kerja-kerja yang bermakna dan berfaedah kepada negara, bukan se-takat menarik lebih pelancong ke negara ini, tetapi mera-patkan perhubungan dan persefahaman penduduk tempatan.

Ada tanda-tanda menunjukkan bahawa pihak penganjur sendiri keliru dan menyimpang dari haluan yang ditetapkan yang mana acara-acara yang 'tidak kena-mengena' seperti pameran fotografi, Rally Malaysia '88, pameran jam klinik fotografi dan sebagainya turut diselitkan dalam program pesta tersebut.

Ini telah menimbulkan persoalan kepada orangramai sama ada pihak penganjur menghadapi ketandusan acara seni kebudayaan apabila menyenaraikan program berkenaan. Dan jika begitu, pengetahuan orang yang bertanggungjawab tentang kebudayaan tempatan pasti menjadi tandatanya. Memang benar, acara seperti pameran fotografi itu tidak harus dimasukkan dalam program "Malaysian Fest 88" itu kerana pameran-pameran sedemikian tidak mungkin mendatangkan keberkesanannya untuk menarik pelancong asing.

Dari pemerhatian ini, kita dapat membuat kesimpulan yang agak mengecewakan tentang diri sendiri dalam 'attitude' dan 'approach' kita terhadap kebudayaan. Dalam pada itu, kita cenderung menyogok slogan menaikkan semangat agar kita tetap berbuat itu dan ini, semuanya untuk memaju dan menyuburkan kebudayaan kita.

Malangnya pada hakikat ini selain daripada melaungkan slogan-slogan manis dalam pentas perasmian, pesta dan seminar, dalam kehidupan seharian, jarang sekali kita benar-benar melakukan kegiatan dan berusaha untuk mempraktik dan memperkayakan kebudayaan.

Cuba kita mengambil contoh media massa seperti TV yang tidak banyak menayangkan program kebudayaan jika dibandingkan dengan TV negara jiran kita di Utara, iaitu ne-gara Thai. Dari kaca TV Thai, penontonnya dapat menyak-

sikan kebudayaan negara itu setiap hari.

Ini dilaksanakan dengan menayangkan 'cebisan' pertunjukan kebudayaan setiap kali sebelum berita ke udara. Dengan cara ini, kebudayaan negara Thai bukan sahaja ditanam dalam semangat dan fikiran bangsa mereka bahkan secara realiti menjadi kebudayaan yang hidup segar.

Bagaimana keadaan kebudayaan negara kita pula? Pada hemat kita, adalah lebih tepat jika ia diibaratkan sebagai benda pameran di dalam muzium, tidak dipraktikkan pada kehidupan seharian tetapi sekali-sekala ia akan 'keluar dari muzium' dan dipamerkan kepada orangramai seperti sepanjang "Malaysian Fest 88". Selain dari itu siapakah yang memberi perhatian kepada kebudayaan, siapa yang berusaha mempraktik, menyubur dan memperkayakannya? Sedangkan kebudayaan barat lebih terserap di dalam saluran darah kita.

Seperkara lagi, ramai yang mempunyai pandangan yang agak serong terhadap kebudayaan. Maknanya, kita tersilap anggap bahawa kebudayaan adalah sesuatu benda atau pertunjukkan yang dapat disentuh atau dilihat oleh mata kasar sahaja. Berpunca dari salah anggap inilah kita memberi tumpuan sepenuhnya ke atas kerja-kerja mempertingkatkan mutu kebudayaan dari segi persembahan atau kreativiti.

Kita lupa sebenarnya kebudayaan itu merangkumi jasmani dan rohani. Dalam hubungan ini, ia tidak terhad kepada persembahan tarian untuk tontonan orangramai atau kraftangan yang dihasilkan untuk dinikmati sebagai hasil seni sedangkan kebudayaan lebih dari itu. Ia termasuk cara hidup dan fikiran sesuatu bangsa dan masyarakat. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan harus juga memikirkan bagaimana kita dapat mengetengahkan kebudayaan dari aspek ini kepada mata dunia.

Dalam hubungan ini, kita juga mempunyai kebudayaan rohani yang boleh kita banggakan bersama. Ini tidak lain daripada semangat toleransi dan saling menghormati yang dikongsi oleh semua kaum negara ini. Inilah dia satu aspek kebudayaan 'kepunyaaan' bangsa Malaysia yang begitu menonjol di mata dunia. Bukan mudah di muka bumi ini, pelbagai kaum boleh hidup dalam keadaan damai dan harmoni. Kebudayaan bangsa Malaysia iaitu semangat toleransi dan saling menghormati bukan sahaja boleh menjadi kebanggaan rakyat negara, malah nilai ini menjadi teladan kepada seluruh

dunia.

Banyak negara yang berada di dalam kacau bilau kerana rakyatnya tidak tahu akan nilai dan semangat toleransi dan saling menghormati sama ada dalam aspek agama maupun adat.

Adalah menjadi harapan, suatu hari nanti pertubuhan dunia seperti Bangsa-Bangsa Bersatu akan memperkenankan kebenaran ini dan akan mengisyiharkan negara ini sebagai teladan kepada negara-negara lain yang ingin mencapai keharmonian di kalangan rakyatnya.

Oleh sebab itu, diharap Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tidak akan berpuas hati setakat berusaha menunjukkan kebudayaan jasmani tetapi harus juga memperkenalkan kepada seluruh dunia kebudayaan rohani yang dimaksudkan itu.

Untuk memperkuatkan pandangan dunia tentang perpaduan dan keharmonian bangsa Malaysia, disyorkan kepada kerajaan supaya mengkaji bagaimana mengwujudkan tarian (atau sebagainya) yang mengandungi unsur-unsur tarian kaum dalam negara ini dan memberikan satu nama ala-Kemalaysiaan. Ini tentu akan menarik bakal pelancong dan dapat mempertingkatkan imej negara kita di pentas antarabangsa.

## Amaran kepada Pelancong : **PENGAJARAN PADA MALAYSIA**

AKIBAT perlaksanaan hukuman gantung ke atas dua orang rakyat Australia Isnin lalu, Malaysia telah menjadi tumpuan hampir semua agensi berita di seluruh dunia.

Kedua-dua orang rakyat Australia itu, Kevin John Barlow dan Brian Geoffrey Chambers telah dijatuhkan hukuman mati kerana kesalahan mengedar dadah di negara kita.

Sebelum digantung, mereka telah mengalami suatu proses undang-undang yang panjang yang mana setelah gagal dalam perbicaraan, mahkamah pula membuat permohonan untuk menangguhkan hukuman ke atas diri mereka.

Ada juga negara-negara asing yang sudi tampil ke depan dan merayu kepada kerajaan Malaysia untuk meringankan hukuman ke atas dua orang banduan itu. Di antaranya ialah Perdana Menteri Australia, Bob Hawke. Pada saat terakhir, beliau telah menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membuat rayuan agar hukuman gantung ke atas dua rakyat Australia itu ditangguhkan.

Sementara itu, Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher juga membuat rayuan yang sama; tetapi selepas hukuman tersebut dilaksanakan, beliau menunjukkan semangat kenegaraan dengan mengeluarkan suatu kenyataan mengakui Britain tetap menyokong hak Malaysia melaksanakan undang-undang sendiri, sambil menambah, "kita berharap rakyat Britain yang melancong ke luar negeri mengambil perhatian akan betapa beratnya hukuman ke atas kesalahan pengedaran dadah".

Pendirian Puan Thatcher ini harus diberi pujian kerana

menghormati kedaulatan negara kita sebagai sebuah negara yang merdeka. Sebaliknya reaksi kerajaan Australia pula sungguh dikesali.

Perdana Menterinya, Bob Hawke apabila mendapat tahu hukuman gantung telah dilaksanakan, menyifatkan penggantungan dua orang rakyatnya itu sebagai 'tindakan biadap'.

Di samping itu, Menteri Luar Australia, Bill Hayden menyatakan rasa kesal terhadap hukuman ke atas dua orang rakyat negaranya.

Beliau mengulangi pendirian kerajaan Australia yang tegas dan mengutuk hukuman mati ke atas apa jua keadaan dan yakin tidaklah adil kerana ianya melibatkan nyawa seseorang.

Reaksi kedua-dua pemimpin Australia itu sebagai suatu 'bukti' bahawa negara tersebut tidak menghormati kedaulatan Malaysia, malah reaksi yang tidak menyenangkan itu seolah-olah mencabar kemerdekaan negara kita.

Kita mencadangkan supaya kerajaan menyaman Duta Besar Australia ke negara kita dan mengemukakan satu nota bantahan terhadap sikap kedua-dua pemimpin Australia itu yang boleh disifatkan sebagai kurang menghormati malah mencabar kewibawaan perundangan kerajaan Malaysia.

Sebagaimana yang kita maklum, dadah adalah 'musuh pertama' dunia. Penyalahgunaan dadah berlaku secara berleluasa sehingga merosakkan generasi muda di semua negara di dunia.

Malaysia adalah salah sebuah negara yang paling banyak menerima kesan buruk dari kegiatan penyalahgunaan dadah. Masalah yang kita alami itu mungkin tidak diketahui oleh negara-negara lain.

Malah Malaysia sentiasa mengingatkan masyarakat antarabangsa mengenai bahayanya dadah dan hukuman mandatori yang dijatuhkan ke atas kesalahan penyalahgunaan dan pengedaran dadah oleh Malaysia semata-mata bertujuan untuk membanteras kegiatan tersebut di samping menyelamatkan generasi muda dari terus terlibat.

Jadi, dakwaan bahawa undang-undang Malaysia ke atas penyalahgunaan dadah sebagai terlalu ketat dan tidak berperikemanusiaan adalah tidak benar.

Perlaksanaan hukuman gantung ke atas dua orang rakyat Australia Isnin lalu sudah membuktikan kepada dunia bahawa kerajaan Malaysia tetap mengambil tindakan tegas dan berani

ke arah menguatkuasakan undang-undang tanpa memihak pada mana-mana golongan meskipun menerima beberapa kecaman dari negara luar.

Ini juga akan menjadi suatu 'ingatan' bagi negara-negara asing dan pelancong-pelancong luar bahawa mereka adalah tertakluk kepada undang-undang dan keputusan mahkamah sekiranya didapati terbabit melakukan sebarang kesalahan ketika di sini dan kerajaan tidak akan berganjak dari keputusan dan undang-undang negara.

Kita percaya rakyat Malaysia pada keseluruhannya menyokong keputusan kerajaan melaksanakan hukuman gantung ke atas kedua-dua banduan itu. Tetapi apa yang ingin diperkatakan di sini ialah sikap kerajaan Malaysia yang kurang berhati-hati dalam melaksanakan sesuatu perkara.

Peguambela kepada kedua-dua tertuduh telah menge-mukakan rayuan penangguhan hukuman kepada Lembaga Pengampunan Pulau Pinang tetapi telah ditolak.

Disebabkan ketidakpuasan dengan keputusan lembaga tersebut, peguambela berkenaan pula mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Tinggi bagi mempersoalkan kesahihan keputusan lembaga itu menolak rayuan pengampunan. Peguambela itu berhujah bahawa keputusan itu adalah tidak sah kerana Chambers dan Barlow tidak diberi kesempatan untuk diwakili sewaktu lembaga bermesyuarat.

Sama ada sahih atau tidak keputusan lembaga tersebut bukan menjadi persoalan pokok, yang pastinya kedua-dua tertuduh tidak diberi kesempatan untuk membela diri melalui saluran undang-undang yang bersesuaian bagi menyelamatkan diri dari 'takdir' yang mereka hadapi.

Kerajaan, rakyat dan negara kita tidak akan kerugian apa-apa seandainya menangguhkan perlaksanaan hukuman gantung itu sehingga Mahkamah Tinggi membuat keputusan muktamad terhadap permohonan mengenai kesahihan isu tersebut.

Dengan berbuat demikian, bukan saja kita dapat membuktikan kepada dunia bahawa kerajaan negara kita tertakluk kepada undang-undang malah memberi mereka peluang merayu melalui semua saluran undang-undang.

Biarlah ini semua menjadi 'pengajaran' kepada kerajaan bagi menghadapi sesuatu perkara pada masa akan datang.

## PATUNG TUNKU DIPERTIKAI

TAJUK berita yang berbunyi "patung Tunku depan Parlimen mula dipertikaikan" yang tersiar dalam muka depan Utusan Malaysia, keluaran 25 hb Ogos lalu telah menyebabkan perkara itu kini menjadi suatu kontroversi.

Menurut laporan akhbar tersebut, orang ramai mulai mempertikaikan patung bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman yang terletak di depan bangunan Parlimen atas alasan kononnya ia tidak sesuai dengan cara memperingati seseorang tokoh.

Akhbar itu memetik kenyataan Timbalan Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Abdul Raof Dalip sebagai berkata, cara masyarakat Malaysia, khususnya orang-orang Melayu memperingati dan menghargai seorang tokoh bukannya dengan membina patung; sebaliknya orang Melayu dan Islam mengingati seseorang tokoh dengan berdoa.

Bagaimanapun, bercanggah dengan penekanan ini beliau menambah bahawa negara akan hanya membina patung tokoh sebagai penghargaan selepas seseorang negarawan itu meninggal dunia.

Laporan Utusan Malaysia itu telah mencetuskan berbagai reaksi dari kalangan rakyat. Dari maklum balas yang diterima oleh penulis, pada keseluruhannya rakyat negara ini mempertikaikan niat Abdul Raof yang menimbulkan perkara itu (scolah-olah menjadi suatu isu) secara mendadak.

Ini adalah kerana, walaupun laporan akhbar itu mendak-

wa "orangramai" mempertikaikan patung tersebut, namun cuma nama Abdul Raof sahaja yang disiarkan sebagai orang yang merasa tidak senang hati dengan patung Tunku di depan Parlimen. Jadi apakah ia membayangkan ada udang di sebalik batu?

Jika kita mengupas perkara ini dengan rasional, maka seperti yang dijelaskan oleh Bapa Malaysia sendiri, patung tersebut telah dibina tanpa pengetahuannya kerana ketika itu beliau berada di Arab Saudi.

Ini bermakna Kerajaan Malaysia ketika itu yang diterajui oleh bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak telah mengambil keputusan untuk membina patung Tunku. Sejak dari itu hampir 17 tahun telah lenyap dan negara pun sudah bertukar Perdana Menteri (selain dari Tun Razak) dua kali iaitu Datuk (Tun) Hussein Onn dan sekarang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad; sepanjang masa ini tiada sebarang suara baik pun dari pemimpin ataupun dari rakyat biasa yang menentang kewujudan patung Tunku di depan bangunan Parlimen.

Tetapi sekarang ini seorang terpelajar dari UKM tiba-tiba menyoal kesesuaian patung tersebut dengan mendapat "kerjasama" dari sebuah akhbar tempatan (Utusan Malaysia) yang berpengaruh telah menimbulkan banyak lagi pertanyaan dari orangramai.

Jika dakwaan Dekan Fakulti Pendidikan UKM itu dianggap sebagai benar dan diambil berat, apakah Allahyarham Tun Razak sudah bersalah dengan keputusannya untuk membina patung kontroversi itu?

Dan apakah Perdana Menteri berikutnya, Datuk (Tun) Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir yang turut berdiam diri itu juga kurang "cekap" kerana tidak menyedari ketidaksesuaian patung Tunku yang berdiri di depan bangunan Parlimen sepanjang masa mereka menerajui pentadbiran negara?

Dan apakah rakyat jelata negara ini (kecuali Dekan tersebut) sama-sama tidak begitu "sharp" untuk mengesan "kesilapan" tersebut sehingga Dekan Fakulti kita yang pintar itu tersentak dengan memekik ketidaksesuaian (patung Tunku) melalui akhbar yang berpengaruh itu?

Seperkara lagi, ada di antara khayal ramai berpendapat "pendedahan" Dekan Fakulti UKM itu bukan kebetulan, sc-

baliknya mereka "put two and two together" berdasarkan akhbar Utusan Malaysia itu merupakan "suara" yang di-pengaruhi secara tidak langsung oleh UMNO (Baru) dan se-terusnya percaya bahawa ia mungkin adalah suatu batu lon-catan oleh pucuk pimpinan UMNO (Baru) yang ingin memberi "ajaran" kepada Tunku Abdul Rahman yang telah keluar dari persaraan beliau beberapa bulan kebelakangan ini dan terus memberi sokongan secara terbuka kepada bekas puak Team B dalam UMNO (Lama) yang tidak dapat "see eye to eye" dengan Datuk Seri Dr. Mahathir, terutamanya penglibatan "orang tua" itu dalam pilihanraya kecil Johor Bahru yang baru-baru ini berkesudahan dengan BN mengalami kekalahan yang agak teruk dan mengejutkan di dalam tangan proxi Team B tersebut iaitu Datuk Sharir Abdul Samad.

Dan dengan merobohkan patung Tunku mungkin adalah cara yang baik sekali untuk melepaskan geram ke atas "orang tua" itu. Ada sesetengah pemerhati politik percaya Datuk Seri Dr. Mahathir bukan seorang yang "narrow minded", sebaliknya mereka mengesyaki ia mungkin adalah perbuatan anak buahnya tanpa pengetahuan beliau. Golongan ini tetap menyoalkan apakah patung Tunku boleh dipertikai-kan secara mendadak jika bukan ada tujuan yang tertentu.

Pada hemat saya hujah Abdul Raof mempertikaikan pa-tung Tunku kurang meyakinkan, kerana sebetulnya Tunku Abdul Rahman bukan tokoh untuk sesuatu kaum sahaja te-tapi beliau adalah seorang negerawan yang dipunyai dan di-hormati oleh rakyat negara ini dari semua keturunan.

Tambahan pula, sepanjang masa Tunku menjadi Perdana Menteri, beliau telah mendapat imej sebagai seorang negara-wan bertaraf antarabangsa yang mendapat pengiktirafan manusia sejagat yang terdiri dari berbagai sudut di dunia ini.

Hakikat ini adalah kebanggaan rakyat negara ini. Justeru itu sama ada patung Tunku sesuai atau sebaliknya haruslah dipandang dengan lebar bukan setakat nasional sahaja bahkan dari segi antarabangsa.

Tidak boleh kita nafikan bahawa keputusan untuk mem-bina patung tokoh negara adalah suatu perkara yang serius. Dan jika sudah hampir 17 tahun patung itu wujud di depan Parlimen yang diketahui seluruh dunia, tiba-tiba ia diroboh-kan, perbuatan demikian tentunya akan menyebabkan negara

kita menjadi bahan cemuhuan antarabangsa!

Malah ia juga merupakan satu tampanan hebat ke atas Allahyarham Tun Razak yang membina patung Tunku, termasuk juga Datuk (Tun) Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir yang berdiam diri membenarkan (bersetuju selama ini) patung tersebut berdiri tegak di depan Parlimen.

Sebagai rumusan, saya rasa sebelum mengambil keputusan untuk membina patung Tunku itu, Allahyarham Tun Razak pasti berfikir dengan mendalamnya antara faktor terpenting yang diambil kira oleh beliau untuk berbuat demikian pasti adalah sesuatu untuk mengenang jasa Tunku kepada negara terutamanya perjuangan Tunku berjaya melepaskan tanahair kita dari belenggu bekas penjajah orang putih.

Apakah semasa Bapa Malaysia uzur, kita sampai hati tidak mengenang budinya dan terus menyayat hati "orang tua" itu dengan merobohkan patungnya depan mata beliau?



**Almarhum TURKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL - HAJ**  
**- tokoh Negarawan**

# Tidak hormat ‘NegaraKu’ HUKUMAN LEBIH BERAT

UMUM mengetahui, rakyat negara ini yang berbilang kaum telah sama-sama menunjukkan semangat patriotisma yang kental sepanjang pertandingan akhir Piala Thomas/Uber yang berlangsung di Stadium Negara pada 23 Mei - 4 Jun 1988.

Pertandingan itu berkesudahan dengan meninggalkan kenangan manis setiap rakyat negara ini kerana nama Malaysia sekali lagi ‘naik semula’ menjadi antara dua pasukan yang terunggul di dunia!

Pada malam pembukaan (23/5/88) yang dirasmikan oleh DYMM Seri Paduka Yang diPertuan Agung yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan beberapa orang kenamaan adalah paling membanggakan kerana ini adalah kali kedua dalam tahun 80an kita menjadi tuanrumah kepada pertandingan yang bertaraf antarabangsa.

Kebanggaan ini pasti terukir pada wajah setiap rakyat yang berada di Stadium Negara terutama sekali pada saat setiap orang (termasuk orang asing) berdiri tegak untuk memberi penghormatan kepada lagu Negaraku.

Tetapi pada keesokan harinya baru kita mengetahui dari pada laporan akhbar bahawa pada ‘saat yang membanggakan’ itu ada tiga orang rakyat negara ini telah melakukan sesuatu yang agak memalukan – mereka ini tidak berdiri untuk memberi penghormatan kepada lagu Negaraku sebaliknya duduk semasa lagu itu dimainkan oleh orkestra. Akhirnya mereka diberkas oleh polis dan dihukum oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur.

Kelakuan tiga orang ini sedikit sebanyak telah mencemarkan malam perasmian pembukaan yang dimaksudkan itu. Tindakan tersebut adalah 'luar biasa' dan sukar untuk kita memahaminya. Apakah mereka itu berani mengaku sebagai rakyat Malaysia tetapi langsung tidak mempunyai sedikit semangat kebangsaan sehingga dengan cara begitu 'simple' pun tidak mahu melakukannya bagi memberi penghormatan kepada lagu Negaraku?

Amat dikesali lagi, apabila mereka dihadapkan ke mahkamah, mereka didenda dengan beberapa ringgit sahaja. Kita harus menerangkan bahawa bukan hasrat kita ingin mencerca keluhuran mahkamah (*contempt of court*) dengan membuat ulasan di atas keputusan yang dilaksanakan oleh mahkamah tetapi oleh kerana perkara ini melibatkan satu isu berkaitan dengan kewibawaan dan maruah negara, maka kita terpaksa meluahkan pandangan ini.

Hukuman lebih berat seperti hukuman penjara harus dipertimbangkan untuk memelihara keluhuran negara.

Akta Lagu Kebangsaan 1968, Perkara lapan cuma menge-nakan hukuman denda \$100.00 atau setahun penjara kepada sesiapa yang tidak menghormati lagu kebangsaan. Kita berpendapat peruntukan pilihan denda wang merupakan kelemahan akta tersebut. Maruah dan keluhuran negara adalah suatu perkara yang serius dan tidak boleh dipandang ringan.

Justeru itu disyorkan supaya Perkara lapan dalam Akta tersebut harus dikaji semula dengan mewajibkan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara ke atas sesiapa yang melakukan kesalahan tidak menghormati lagu Negaraku.

## SINDROM GILA NOMBOR

DALAM masyarakat kita wujudnya suatu gejala yang paling aneh di mata orang asing. Tetapi oleh kerana ia sudah lama dan menjadi lumrah, maka ia sudah pun menjadi satu amalan kehidupan kita yang tidak menghairankan lagi.

Perkara yang dimaksudkan itu ialah 'sindrom kegilaan nombor'. Ia berpunca dari orang Hong Kong. Lama kelamaan masyarakat Tionghua dalam negara ini pun dijangkiti 'penyakit' ini pula!

Jika kita teliti tingkahlaku sesetengah masyarakat persekitaran, kita pasti dapat melihat dengan mata sendiri perangai pelik orang yang gilakan nombor.

Sebarang keputusan yang diambil oleh golongan ini tentunya akan merujuk kepada nombor terlebih dahulu. Umpamanya mahu membeli rumah, nombor lot atau alamat rumah berkenaan adalah lebih penting dari rekabentuknya. Mahu memasang telefon di rumah, bertanya dahulu dan cuba meminta jasa baik pihak telekom untuk mendapatkan nombor yang bersesuaian. Mahu beli kereta? Oh, jurujual pasti pening kepala kerana hari ini terlalu ramai pembeli kereta yang agak 'choosy' dengan nombor kereta. Kalau nombor tidak memuaskan, mereka akan meminta membatalkan pendaftaran kereta itu buat sementara dan sanggup menunggu beberapa hari hingga nombor yang dianggap sesuai timbul. Pada golongan yang betul-betul gilakan dengan nombor akan masuk tender dengan satu harga yang ditawar kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Bagi orang yang menawarkan harga tender yang tinggi sekali akan dapat merebut dan memiliki nombor berkenaan untuk keretanya. Dan jika kereta itu hendak dijual, hanya kereta yang dijual,

nombor pendaftarannya akan berpindah kepada kereta lain atau pada sebuah motosikal agar nombor tersebut kekal di milikinya.

Ada orang bukan ‘kaki gila nombor’ pernah menimbulkan pertanyaan mengapa orang itu (‘kaki gila nombor’) begitu bodoh, nombor tetap nombor, tidak ada perbezaan antara satu nombor dengan yang lain. Kenapa bersusah payah dengan membuang wang untuk merebut sesuatu nombor untuk keretanya?

‘Kaki gila nombor’ akan menyangkal dakwaan ini sebagai ‘layman’ yang dangkal dan tidak tahu menilai serta menghargai sesuatu, berlian dianggap batu! Dalam jawapan yang berlagak pakar, ‘kaki gila nombor’ dengan suara yang penuh keyakinan memberitahu dan menekankan nombor kereta itu suatu bidang penting. Bagi mereka ia ‘bukan main’ dan memerlukan perahan otak serta pengetahuan khas. Sebagai rumusan, ‘kaki gila nombor’ mendakwa nombor kereta itu, baik atau buruknya, akan menentukan ‘naik turun’ tuan punya kereta itu. Umpamanya, kaum Tionghua menggemari nombor-nombor seperti 3 (tiga); ‘3’ ertiinya hidup dan ‘8’ (lapan) mempunyai makna kemakmuran. Menurut dakwaan ‘kaki gila nombor’, orang yang ada sebuah kereta mempunyai nombor berganda 3 dan 8, misalnya 3388, tuan punya kereta itu pasti akan hidup (naik) makmur (bertuah). Itulah sebabnya orangramai berlumba-lumba untuk merebut nombor yang dianggap bertuah dan membawa nasib baik untuk kereta masing-masing.

Ada lagi sesetengah orang yang gila dengan nombor 1 hingga 10. Kononnya kereta yang mempunyai nombor 1 hingga 10 bermakna orang yang berpangkat; dan nombor sedemikian membayangkan status tuanpunya kereta berkenaan. Jika bukan orang yang berada (jutawan) pastinya orang berpangkat yang luhur. Pendek kata, tentunya VIP! Dan tuan punya kereta pun dihormati oleh masyarakat. Ada ‘Road-block’ pun kadangkala polis memberi tabik. Oh, betapa ‘syok’nya!

Hari ini bukan kaum Tionghua sahaja yang gilakan nombor, kaum-kaum lain juga turut kena penyakit ‘gila’ ini. Dalam hubungan ini saya difahamkan orang Melayu sukakan nombor empat (4), dan mungkin sebab itu kita melihat kebanyakan kereta yang mempunyai nombor 4444 dipunyai

oleh kaum Melayu. Kebetulan, nombor ini tidak digemari oleh kaum Tionghua. (Tanyalah kawan Tionghua dan apa sebabnya). Ini membuktikan pepatah mat salah ‘One man’s meat is another’s poison’.

Penyakit kegilaan nombor juga telah menembusi jiwa kaki nombor ekor. Ramai di antara mereka yang tetap menggilakan nombor membeli nombor ekor atas nombor yang digemari, bukan nombor yang dipercayai akan keluar untuk mendapat hadiah wang. Keadaan ini jelas terbukti dari pengumuman Empat Nombor Ekor (ENE) Khamis lalu yang telah memberi jaminan kepada pihak pembeli bahawa angka 8888 yang dijangka menjadi rebutan ramai bagi pertaruhan hujung minggu lalu tetap diadakan untuk pelanggannya.

Mengapa nombor 8888 jadi rebutan pembeli nombor ekor? Jawapannya senang sahaja, lapan haribulan, bulan lapan tahun lapan puluh lapan (8.8.88) akan tiba kepada kaki nombor ekor mengharapkan tarikh ini akan membawa tuah kepada mereka.

Bukan setakat itu, tarikh yang dianggap oleh masyarakat sebagai hari bertuah itu sudah pun dikesloitasikan sepenuhnya oleh para peniaga. Dalam pada itu kita lihat, Sport Toto juga akan menyediakan \$88,888 kepada rumah-rumah kebajikan dalam satu majlis yang dikatakan sebagai yang penuh bersejarah. Kesannya Sport Toto mendapat publisiti yang meluas.

Dan banyak lagi gimmik iklan dalam akhbar turut memperkatakan angka 8888. Beberapa buah syarikat besar dan gedung perniagaan telah mengambil kesempatan ini untuk mengadakan pelbagai tawaran istimewa. Suhu menggilakan angka 8888 sudah kian meningkat sehingga setiap jualan berkait dengan angka tersebut.

Akhirnya cuma peniaga-peniagalah yang boleh mengesahkan bahawa angka lapan benar-benar menandakan makna kemakmuran kerana mereka beruntung berlipat kali ganda dengan menggunakan angka tersebut. Sebaliknya, kepada pengguna umum, angka 8888 lebih membayangkan nombor yang ‘malang’ kerana pada 8.8.88 kocek mereka telah kosong belaka.

Bagaimanapun kita tidak dapat mengetahui sama ada angka lapan itu bertuah ataupun sebaliknya buat sekarang ini, cuma masa dapat memberitahu. Pada 8.8.88 ramai orang

menamatkan zaman bujangnya dan berkahwin pada tarikh tersebut. Khabarnya Pejabat Pendaftaran Perkahwinan penuh sesak oleh pengantin-pengantin pada tarikh 8.8.88.

Jika kita merenung keadaan ini, suatu soalan akan timbul. Apakah orang yang gila nombor akan membawa tuah kepada mereka itu terdiri dari golongan yang tidak yakin dengan kebolehan dirinya. Apakah pengantin baru itu bukan benar-benar dan tidak begitu yakin dengan kejujuran cinta dan jodoh mereka sehingga terpaksa mengharapkan tarikh yang mengandungi empat kali lapan (8888) untuk menjamin kemesraan mereka pada hari-hari akan datang?

Namun, kita tetap percaya, peniaga-peniaga yang pandai mengeksplotasikan angka lapan itu adalah orang yang bertuah sekali.

## Keracunan : KENAPA BERTANGGUH?

NEGERI Perak terutamanya pekan Kampar sejak akhir-akhir ini diselubungi oleh suasana sedih. Ini adalah kerana bermula dengan 14 Oktober 1988, berlakunya insiden misteri yang mana kanak-kanak sekolah dijangkiti penyakit muntah-muntah dan cirit-birit dikejarkan ke hospital dan sesetengahnya di antara mereka mati akibat dari penyakit tersebut yang masih tidak diketahui punca sebenarnya. Setakat ini ia hanya diberi nama 'keracunan' walaupun punca belum ditentukan, namun semasa rencana ini ditulis ia telah meragut nyawa 14 orang kanak-kanak.

Insiden keracunan tersebut scolah-olah telah memberi satu ujian keras kepada pakar-pakar perubatan negara ini, sejak mereka lulus ujian akademik dari universiti dahulu. Keadaan demikian dapat dibayangkan dari kenyataan seorang anggota Badan Petugas Khas (yang ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan bertujuan untuk mengesan punca kejadian tersebut), Datuk Dr. Jai Mohan. Beliau berkata, "mencari puncanya sama seperti mencari sebatang jarum dalam timbunan rumput kering....!".

Analisis di atas pelbagai contoh yang diambil dari badan si-mati belum dapat menghasilkan sebarang bukti yang nyata yang boleh memberi penjelasan ke atas kejadian keracunan tersebut. Pada mulanya ia dipercayai sebagai kes keracunan salicylate tetapi ujian-ujian kemudian telah menolak kemungkinan ini kerana tahap ubat salicylate dalam darah mangsa-mangsa tidak berlebihan sehingga boleh menyebabkan kematian. Para pegawai perubatan menjangka kejadian ter-

sebut berpunca daripada keracunan cendawan setelah disiasat 'preliminary' menunjukkan ada di antara mangsa-mangsa berkenaan telah memakan cendawan sebelum jatuh sakit. Kepercayaan itu tidak dapat dikekalkan apabila tujuh kanak-kanak dari kawasan sekitar Kinta juga jatuh sakit dengan dalam keadaan yang serupa tetapi mereka ini tidak memakan cendawan atau mempunyai tahap salicylate yang berlebihan.

Apa yang disyaki hanyalah, kalau bukan kesemua, setidak tidaknya kebanyakkan kanak-kanak berkenaan pernah memakan sejenis mee yang diberi nama 'mee tikus atau mee loh see fun'. Itulah sahaja yang kita ketahui.

Apa yang mengusutkan lagi misteri tersebut para pengeluar 'mee loh see fun' dipetik oleh pihak akhbar sebagai berkata, selama ini mereka sendiri telah memakan 'mee loh see fun' tetapi tidak ada apa-apa yang berlaku.

Bagaimanapun, 'khabar-khabar angin' kini bertiup kencang, masing-masing kononnya mengatakan keracunan tersebut adalah berpunca dari 'mee loh see fun'. Ini menyebabkan tujuh pembuat 'mee loh see fun' terpaksa (dengan sukarela) menghentikan pengeluaran selama seminggu untuk memudahkan siasatan pihak Pasukan Khas Kementerian Kesihatan. Di sekitar bandar Kampar dan lembah Kinta, sesetengah ibu bapa tidak membenarkan anak mereka pergi ke sekolah buat sementara untuk mengelakkan kejadian yang malang itu menimpa ke atas anak mereka. Tidak ada orang yang berani memakan 'mee loh see fun'. Akibat dari itu, penjualan mee, kue teow dan mee basah turut merosot. Bukan setakat di negeri Perak sahaja, Kuala Lumpur juga turut merasai kesannya.

Ada juga pihak mendakwa bahawa beberapa loji penapisan air kepunyaan Jabatan Air Perak telah dicurahkan dengan racun. Ini telah dinafikan oleh kerajaan negeri Perak.

Sebagai seorang penulis, kita tidak mahu menertai barisan orang yang berteka-teki mengesyaki ini dan itu. Kalaulah kita menimbulkan keraguan punca 'mee loh see fun' itu dan mengatakan tidak mungkin mee tersebut menjadi punca kerana jika benar, mengapa 'hanya segelintir' sahaja orang 'keracunan' dan jika kita juga menggunakan dasar analisis yang sama terhadap dakwaan pencurahan racun ke atas loji penapisan air (di Perak), semua ini tentunya akan disangkal oleh para pegawai perubatan sebagai tidak berasas dan cuma

'lay man talk'. Tetapi bersabar menunggu pakar perubatan kita meneruskan siasatan dan ujian mereka untuk mencari punca kejadian keracunan yang seolah-olah tidak nampak sinarnya itu cukup merisaukan hati kerana yang kelihatan ialah sebelum punca dapat dikesan, nyawa demi nyawa kanak-kanak terus terkorban.

Sudah sepuluh hari berlalu, para perubatan tempatan tidak boleh berbuat apa-apa, malah punca kejadian tersebut pun tidak dapat dikesan adalah suatu realiti yang harus kita terima. Kita harus mengaku 'kalah' yakni kita atau lebih tepat, para pakar perubatan tempatan negara ini, masih ada kekurangan yang tidak dapat di atasi, sama ada dari segi alat kelengkapan atau faktor lain. Isu sekarang yang penting sekali ialah nyawa. Nyawa demi nyawa hilang sementara pakar kita masih meneruskan siasatan dan ujian. Rasanya Kementerian Kesihatan terlalu egoistik dan terlalu ghairah mahu menjaga prestijnya sehingga tidak mahu mengambil keputusan untuk mempelawa pakar perubatan dari luar supaya datang memberi bantuan.

Dalam pada ini Kementerian Kesihatan sepatutnya menerima nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika beliau membuat lawatan mengejut ke Hospital Ipoh 24 Oktober 1988 lalu yang mana beliau telah memberi jaminan bahawa kerajaan akan menggunakan segala tenaga yang termampu termasuk mendapatkan bantuan pakar-pakar perubatan dari dalam dan luar negara untuk mengesan dan mencari punca peristiwa keracunan tersebut.

Sekiranya Kementerian Kesihatan masih berlengah-lengah dan tidak mengambil tindakkan yang muktamad dan bertegas untuk meminta bantuan dari pakar perubatan luar negara, yang mana lebih banyak nyawa akan hilang, kita berpendapat bahawa ia mahu tidak mahu akan bertanggungjawab di atas perkara itu. Sekiranya para pegawai perubatan kita tidak berdaya mengesan punca kejadian tersebut dalam masa yang singkat, lebih baik mengketepikan ego kita buat sementara dan terus menjemput pakar luar untuk datang ke sini membantu kita. Dalam hubungan ini, nyawa adalah jauh lebih penting dari ego Kementerian.

Walaupun kejadian keracunan tersebut telah mendedahkan kekurangan para pakar perubatan kita yang mungkin tidak setanding dengan negara luar yang lebih maju, ini bukan

suatu perkara yang buruk. Sebaliknya kerajaan harus mengambil 'ajaran' kali ini untuk berusaha mempertingkatkan lagi mutu perubatan dalam negeri yang mana para pegawai perubatan juga mempunyai satu tanggungjawab yang diharap-harapkan oleh semua lapisan rakyat agar turut bekerja keras dan berjuang bersama supaya suatu hari nanti rakyat negara ini dapat menikmati perkhidmatan perubatan yang setanding dengan negara-negara luar yang maju dalam bidang perubatan.

Bagaimanapun, berbalik kepada peristiwa kita bincangkan tadi, sekali lagi diseru Kementerian Kesihatan supaya tidak teragak-agak lagi, turutilah nasihat Perdana Menteri, meminta pertolongan dari luar, perbelanjaan bukan masalah nyawa yang hilang tidak dapat diganti semula.

## PERIHAL RETAK MENANTI BELAH

MASALAH disiplin di kalangan pelajar dan murid sekolah bukan lagi satu isu baru bahkan ia sentiasa ditimbulkan oleh para pendidik dan pihak berkuasa sekolah sejak dua dekad kebelakangan ini. Tetapi kini perkara tersebut semakin menjadi buruk sehingga merunsingkan semua pihak termasuk ibu-bapa, sekolah dan kerajaan. Perhatian orangramai sekali lagi tertumpu ke atas perkara tersebut kerana berlakunya beberapa insiden yang tidak diingini malah mengerikan baru-baru ini. Antaranya penagihan di kalangan para pelajar yang terdedah di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan. Berita mengenai perkara ini benar-benar mengejutkan. Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim dengan tidak teragak-agak mengumumkan bahawa kementeriannya telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah II, Haji Omar Hashim bagi mengatasi pelbagai masalah berkaitan dengan tindakan disiplin yang sesuai.

Sehubungan dengan ini, Encik Anwar juga memberitahu bahawa Kementerian Pendidikan akan memberi kuasa yang lebih kepada sekolah untuk mengambil tindakan disiplin terhadap pelajar-pelajarnya yang terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat.

Beliau juga menegaskan bahawa dia tidak akan berganjak, melayan rayuan, gesaan atau bantahan dari pihak-pihak tertentu seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) ataupun pihak lain termasuk ahli politik.

Pengumuman Encik Anwar itu pada keseluruhannya mendapat sambutan baik dari orangramai walaupun ada yang

menentangnya.

Kita mengalu-alukan pendirian Encik Anwar yang tegas itu dan mengambil kesempatan mengucapkan syabas kepada beliau kerana keputusan tersebut mungkin pahit bagi sesetengah golongan tetapi tidak dapat dinafikan tindakan yang tegas adalah ubat yang paling mujarab bagi mengawal disiplin sekolah dari menjadi bertambah buruk.

Apakah disiplin yang dimaksudkan?

Sebenarnya ini termasuk sebarang kegiatan yang tidak sihat yang dilakukan oleh para pelajar dan murid sekolah. Antaranya memeras ugut, berjudi, bergaduh, merosakkan peralatan sekolah ataupun harta-benda awam dan juga ponteng sekolah serta berperangai tidak senonoh di khalayak ramai.

Jabatan Pendidikan Selangor pada 10 tahun yang lalu pernah menjadikan masalah ponteng sekolah sebagai satu topik penting dalam seminar mengenai disiplin, malangnya ia tidak menarik perhatian dan sambutan dari pihak berkuasa, akibatnya masalah ponteng sekolah tetap tidak berubah.

Kita harus memandang serius masalah disiplin yang dimaksudkan itu kerana kita tidak mahu negara kita kelak dihujani dengan rakyat ataupun belia yang tidak sihat memandangkan dalam usaha membentuk peribadi ataupun kelakuan yang baik dan berdisiplin adalah bermula dari alam persekolahan.

Umum menyedari bahawa unsur-unsur tidak berdisiplin di atas semakin berleluasa. Apakah ini membuktikan terdapat kelemahan dalam sistem pendidikan negara kita ataupun pihak berkuasa yang bertanggungjawab seperti pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan selama ini cuai dalam menjalankan tugas mereka bagi mengambil langkah dan tindakan yang berkesan dalam usaha membanteras dan mencegah perkara tersebut?

Kita selalu mendengar berita berkaitan dengan berlakunya perkara atau kelakuan yang tidak berdisiplin para pelajar dan bagaimana pihak sekolah mengambil tindakan disiplin yang akhirnya mencetuskan insiden-insiden yang mengecewakan di antara guru-guru dan ibu-bapa pelajar berkenaan.

Dalam hal ini, kadangkala ibu-bapa melakukan sesuatu tindak balas di luar batasan undang-undang terhadap guru-guru yang terlibat. Ada juga kejadian mengenai guru yang 'mengamuk lalu memukul ataupun menampar muka pe-

lajarnya'. Insiden terbaru telah melibatkan seorang guru wanita di Pulau Pinang yang mana telah menampar muka pelajarannya akibat tidak sabar dengan kebisingan murid tersebut.

Ekoran perbuatan guru wanita itu, bapa pelajar berkenaan telah datang dan meluru ke bilik darjah lalu memukul guru tersebut dan insiden itu dapat diselesaikan secara aman pada Selasa lalu yang mana bapa berkenaan telah meminta maaf secara terbuka kepada guru wanita yang terlibat.

Kita tidak harus mengkaji dengan mendalam siapa yang patut dipersalahkan dalam hal tersebut. Apa yang perlu kita tegaskan ialah bagi kedua-dua pihak guru mahupun ibubapa mestilah mengawal perasaan mereka agar tidak bertindak sesuatu yang di luar batasan.

Perkara-perkara kecil ini adalah umpama retak yang akhirnya terbelah dengan insiden penagihan dadah di kalangan para pelajar pusat pengajian tinggi.

Untuk mengujudkan tindakan disiplin yang benar-benar berkesan bagi membanteras kegiatan yang tidak sihat, keputusan Kementerian Pendidikan hendak memberi lebih kuasa kepada pihak sekolah amat wajar dan bertepatan dengan masya'ya kerana kelemahan yang boleh dilihat sehingga ke hari ini ialah guru-guru dan pihak sekolah teragak-agak dan khuatir untuk mengambil sebarang tindakan disiplin yang tegas ke atas murid-murid yang bersalah kerana bimbang dengan campurtangan dari ibu-bapa yang mempunyai pengaruh.

Ini telah menjadikan pihak sekolah serba-salah dan nampak begitu lemah sekali yang mana kadangkala pihak berkuasa sekolah dipersendakan oleh kalangan pelajar. Ini adalah satu hakikat yang menyedihkan.

Kita berharap memberi kuasa yang cukup kepada pihak sekolah akan dapat mengurangkan masalah disiplin dengan cepat dan berkesan tetapi satu peraturan haruslah dibentuk agar dapat mengawal sebarang penyalahgunaan kuasa oleh pihak sekolah supaya tidak akan wujud satu kes penganiayaan.

Dalam hal ini juga disyorkan Kementerian Pendidikan menubuhkan satu jawatankuasa bebas yang mana anggota jawatankuasanya termasuk Persatuan Ibubapa dan Guru (PI-BG).

Dengan itu marilah kita bersama-sama berdoa dan berharap semoga masalah disiplin sekolah tidak berulang lagi.

## ANTARA TRAGEDI DAN PERPADUAN

TRAGEDI platform runtuh di Pangkalan Sultan Abdul Halim, Pulau Pinang pada 31 Julai 1988 lalu meragut 31 nyawa dan mencederakan lebih kurang 800 orang telah menggemparkan negara.

Ia menimbulkan berbagai-bagi reaksi dari segenap lapisan masyarakat. Kebanyakannya meluahkan perasaan sedih dan pilu. Ada juga pihak-pihak yang bermotif politik menangguk di air keruh dan turut cuba mempolitikkan insiden tersebut.

Dengan tertubuhnya sebuah Suruhanjaya DiRaja yang diketuai oleh seorang bekas Hakim, Tan Sri Chang Min Tat yang telah diberi tanggungjawab untuk menyiasat tragedi tersebut menyebabkan sebarang dakwaan atau dugaan oleh pihak umum tentang punca tragedi itu dan sebagainya kurang munasabah dan tidak matang buat ketika ini.

Sebelum Suruhanjaya DiRaja itu mengumumkan keputusan penyiasatannya, orang awam cuma boleh bertanya-tanya apa yang mengakibatkan insiden pahit tersebut.

Memang kita sama-sama merasa amat sedih tentang kejadian itu. Sama ada kita mengenali keluarga si mati atau tidak, kita tetap bersimpati dengan nasib malang mereka.

Tetapi seperti pepatah orang putih yang berbunyi, 'every cloud has a silver lining', kejadian yang menyedihkan itu telah mendedahkan suatu akhlak yang paling baik dalam hati sanubari manusia amnya dan rakyat negara ini khasnya.

Ini amat merangsangkan semangat kita pada saat-saat yang memilukan itu.

Banyak senario dan peristiwa-peristiwa yang menghiba te-

lah berlaku selepas kejadian tragedi tersebut. Ramai yang berpusu-pusu di perkarangan hospital untuk menderma darah bertujuan menyelamatkan nyawa. Ini jauh berbeza dengan hari kebiasaan yang mana kadang-kadang pihak Tabung Darah menghadapi krisis kekurangan darah akibat orangramai tidak begitu ghairah menderma darah.

Orang-orang yang mengerang kesakitan tentunya terharu di atas belas ihsan yang ditunjukkan oleh golongan ini yang tidak dapat dikenal wajahnya dan tidak dapat diketahui nama-nama mereka tetapi tampil ke hadapan atas perasaan perikemanusiaan dan bukannya sebarang motif untuk mengaut kepentingan diri sendiri.

Selain menderma darah, orangramai juga menderma wang ringgit untuk membantu mangsa-mangsa atau keluarga yang terbabit.

Selepas kejadian itu berlaku, suatu scenario yang mengharukan turut dipaparkan. Sesetengah orang yang lebih bertuah dan terlepas dari tragedi itu melupakan keselamatan diri mereka dan terus bertungkus lumus berusaha menyelamatkan mangsa-mangsa terlibat.

Dalam pada ini, wartawan juga melupakan tugas mereka buat sementara dan turut memberi pertolongan.

Semuanya ini menonjolkan satu hakikat bahawa masyarakat umum kita menghapuskan sebarang prejedis perkauman dalam memberi pertolongan. Dalam peristiwa ini mereka memberi pertolongan kepada orang yang menderita langsung tidak ada sebarang 'feeling' perkauman!

Tabung Kuil Kwan Yin memberi 'wang takziah' sebanyak \$1,000.00 kepada setiap keluarga yang kehilangan saudaramara atau orang yang disayangi tanpa mengira keturunan.

Ini adalah satu-satunya perkara yang harus diberi sanjungan kerana pertubuhan (kuil) tersebut benar-benar menunjukkan semangat kenegaraan dan menolak perasaan perkauman.

Ada satu pepatah Tionghua yang berbunyi, "Apabila kita berada dalam keadaan susah, maka semangat persaudaraan akan turut terujud". Kalau setiap kali kita menghadapi krisis, kita dapat sama-sama membenamkan perasaan perkauman dan memberi pertolongan antara satu sama lain, apakah kita tidak dapat mempereratkan hubungan persaudaraan yang jitu di antara kaum dan berganding bahu demi untuk membina sa-

tu masyarakat negara yang bersatu-padu dan berharmoni? Kita mempunyai azas untuk menjadikan harapan itu sebagai kenyataan. Tragedi tersebut dan banyak krisis lagi di masa lampau tentunya dapat membuktikan hujah ini.

## Cukai Pendapatan : SUATU TEKANAN?

DALAM masa beberapa bulan kebelakangan ini, masyarakat kita telah diganggu oleh suatu tekanan yang sering menghantui pemikiran orang-orang yang terlibat itu sehingga ramai di antara mereka tidak nyenyak tidur.

Tekanan ini ialah desakan kuat dari Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) ke atas orang-orang yang berhutang cukai pendapatan supaya menjelaskan tunggakan berkenaan dengan seberapa segera yang bolch.

JHDN memulakan tekanan dengan menghantar notis kepada orang-orang yang berhutang ini dan memberikan tempoh atau peluang terakhir kepada mereka untuk menjelaskan tunggakan cukai pendapatan dan jika mereka masih gagal berbuat demikian, pada tamat tempoh berkenaan, jabatan tidak akan bertolak ansur dan tidak akan teragak-agak menggunakan tindakan mahkamah.

Mengikut kaji selidik, JHDN telah melipatgandakan kes tindakan mahkamah dalam usaha untuk memungut hasil cukai pendapatan pada ketika ini berbanding dengan masa lama-pau.

Seshubungan dengan itu, kebetulan Timbalan Ketua JHDN Datuk Hassan Ibrahim telah berkata pada Rabu lalu (21.9.88) jabatan tersebut telah berjaya menghasilkan pungutan cukai pendapatan berjumlah \$75 juta dari orang-orang kenamaan di seluruh negara sepanjang tahun lalu.

Beliau memberitahu adanya satu kes yang mana seorang VIP diberi tempoh 38 bulan (dari 1987 - 1990) untuk membayar tunggakan cukai pendapatan sebanyak \$77 juta

dengan dikenakan bayaran sebanyak \$2 juta sebulan.

Menurut Timbalan Ketua JHDN, orang kenamaan adalah termasuk tokoh-tokoh politik, seperti Anggota Parlimen, AD-UN, Menteri Besar, anggota-anggota Exco Negeri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

"Pendedahan" tersebut sungguh mengejutkan rakyat negara ini. Bagaimanapun dari nada Datuk Hassan, beliau seolah-olah merasa begitu bangga dan berpuas hati dengan "kejayaan" jabatan itu.

Tetapi, perkara tersebut langsung tidak boleh dianggap sebagai suatu kejayaan. Sebaliknya ia telah mendedahkan kelemahan-kelemahan JHDN yang amat memalukan iaitu setidak-tidaknya pada masa dahulu jabatan itu adalah satu cabang dari pentadbiran kerajaan yang tidak cekap, tidak berkesan dan pada keseluruhannya pegawai-pegawai kanan JHDN telah cuai dalam memenuhi tanggungjawab mereka.

Pendekata jentera JHDN yang cenderung "mengelak" dari menjalankan tugas mereka "memungut cukai pendapatan" telah memberi peluang dan juga menggalakkan orangramai mengelak dari membayar cukai pendapatan. Inilah sebabnya hari ini ramai orang berhutang dengan JHDN dan inilah sebenarnya mengapa ada 4,000 "ikan besar" yang tidak mahu membayar cukai pendapatan mereka.

Kalau tidak bagaimana orang kenamaan yang tentunya berpendapatan lebih dari lumayan itu boleh dibiarkan berhutang kepada JHDN hingga angka beratus-ratus juta ringgit?

Rasanya perkataan "tidur" adalah tepat untuk menyifatkan sikap kecuaian pegawai-pegawai kanan JHDN. Pihak JHDN langsung tidak sedar siapakah yang tidak membayar cukai pendapatan dan tiba-tiba terjaga dari 'mimpi' beberapa tahun sudah lalu mendesak orang-orang yang berhutang cukai supaya menjelaskan tunggakan dengan segera.

Di samping itu, terdapat kerja-kerja memungut hasil pendapatan yang merupakan tugas yang wajib dilakukan oleh JHDN telah diperbesarkan seperti satu pencapaian yang paling besar yang kaya tetapi semua ini sebenarnya ialah untuk menutup kelemahan dan kesalahan yang telah dilakukan oleh JHDN dahulu.

Gejala sekarang ialah ramai yang tercungap-cungap akibat dihukum oleh JHDN dan ramai juga yang telah dibawa ke mahkamah dan dihukum sebagai muflis.

Kita bukan bertujuan membela golongan ini yang bersikap sambil lewa mengelakkan diri dari membayar cukai pendapatan. Apa yang tidak begitu adil ialah mengapa pegawai-pegawai kanan JHDN itu pada keseluruhannya yang cuai itu bebas dari sebarang tindakan disiplin.

Jangan kita lupa, JHDN diberi amanah untuk memikul satu tugas yang penting iaitu memungut cukai pendapatan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan negara dan sebagainya. Sekiranya kita dapat memungut pendapatan yang cukup hasilnya, negara akan menghadapi suasana yang seimbang.

Jadi, sekiranya JHDN cuai atau menyeleweng atau tidur, ia merupakan perbuatan serius dan kesalahan besar.

Oleh sebab itu, rakyat negara ini tertanya-tanya bagaimana JHDN membiarkan tunggakan cukai pendapatan dihutang sehingga beratus-ratus juta ringgit terutamanya dari orang-orang kenamaan yang tertentu?

Apakah pada masa dahulu JHDN ini mempraktikkan amalan "double standard" iaitu memberi beberapa keistimewaan kepada orang-orang kenamaan? Sekiranya beribu-ribu orang kenamaan berhutang beratus-ratus juta ringgit cukai pendapatan, justeru itu kerajaan harus menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menyiasat kegiatan dan membentuk semula JHDN supaya mencari jawapan sebenarnya apa yang berlaku, sama ada jabatan itu cuai ataupun mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang telah melakukan perbuatan yang serius dianggap perbuatan jenayah itu.

Kita mengesyorkan kepada kerajaan supaya mengambil sikap terbuka terhadap orang-orang kenamaan yang berhutang cukai pendapatan dan janganlah scolah-olah hendak menghukum mereka kerana tidak membayar cukai. Cuba kita bayangkan secara rasional apabila kucing tiada, pastinya tikus akan melompat tinggi.

Apabila JHDN tidur tentunya rakyat turut cuai dari membayar cukai. Oleh sebab itu, memandangkan keadaan sekarang yang kebanyakannya mereka telah menempuh masa susah akibat kemelesetan ekonomi yang berterusan, berilah sedikit simpati dan janganlah terlalu keras menekan sipenghutang cukai yang telah hampir muflis itu yang tidak mungkin mendatangkan apa-apa hasil dari tindakan itu.

Seperkara lagi, dicadangkan kepada kerajaan supaya mem-

beri pertimbangan untuk mengubah cara pungutan cukai. Dalam masa ini, kita harus menurunkan kadar cukai pendapatan sama ada individu ataupun koperasi dan digantikan dengan mempraktikkan cara cukai tidak langsung "indirect tax" dengan mengenakan cukai ke atas barang pengguna "value added tax".

Dengan cara ini, bukan setakat sukar untuk orang mengelak cukai, di samping itu ia akan dapat mengurangkan tekanan cukai ke atas individu ataupun koperasi. Harus kita menyedari cukai negara ini terutamanya cukai koperasi adalah antara kadar cukai yang paling tinggi dalam dunia ini dan sedikit sebanyak menghalang perkembangan dunia perniagaan. Bagaimanapun kerajaan harus mencari jalan untuk merangka satu sistem pungutan hasil yang berkesan dan cekap dengan tidak memberikan tekanan yang tidak berpatutan ke atas pembayar cukai.

## Akta Rahsia Rasmi : ADAKAH IA PERLU?

MENJELANG Disember 1986 satu era baru dalam sejarah akan tercipta bagi tanahair kita. Barangkali ia adalah sejarah hitam. Ini adalah berkaitan dengan Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Sebenarnya OSA di rangka begitu rupa pada 1972 telah di anggap sebagai satu rang undang-undang yang agak berat. Parlimen ketika itu diberitahu bahawa rang undang-undang itu hanya untuk memerangkap pengintip dan agen kerajaan asing. Dan cuma dua orang warganegara Malaysia sahaja yang di tuduh mempunyai tali perhubungan dengan misi asing telah diberkas di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Salah seorang daripada mereka itu menafikan semula pengakuan yang telah dilakukan dahulu dan mendakwa penangkapan beliau adalah berdasarkan motif politik.

Malangnya orang yang bertanggungjawab dalam penangkapan beliau iaitu Tan Sri Ghazali Shafie membisu. Ini menjadikan 'peristiwa' tersebut sebagai satu misteri yang tidak diketahui umum!

Namun OSA yang banyak mencetuskan kontroversi ini pernah dibentangkan dalam Parlimen pada Mac lalu tetapi tidak dibahaskan dan telah ditunda kerana kerajaan buat masa ini mengambil kira bantahan yang agak keras daripada pelbagai pihak yang tertentu termasuk wartawan dan pengarang.

Bagaimanapun kerajaan selepas itu telah meminta draft undang-undang tersebut supaya takrif rahsia dapat di rumus dengan lebih jelas. Beberapa pindaan seperti fasal baru telah

diperkenalkan. Antaranya menyekat sebarang dokumen, maklumat atau benda yang di anggap dokumen rahsia rasmi.

Dalam pada itu rakyat pada keseluruhannya merasa gentar dan khuatir terhadap takrif rahsia rasmi yang dimuatkan dalam OSA itu kerana ia terlalu luas dan menyeluruh. Ia adalah seperti berikut:

- a) Dokumen, rekod atau keputusan dan perbicaraan kabinet termasuk jawatankuasa kabinet;
- b) Dokumen, rekod atau keputusan dan perbincangan Majlis Kerja Negeri (Exco) termasuk jawatankuasa-jawatankuasa Exco;
- c) Dokumen mengenai perhubungan antara kerajaan pusat dan negeri;
- d) Dokumen mengenai keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa;
- e) Dokumen mengenai atau berkaitan nasihat, pendapat atau perakuan mengenai operasi dan fungsi kerajaan;
- f) Dokumen mengenai ekonomi negara, seperti yang berkaitan dengan mata wang, cadangan belanjawan dan pelaburan asing dan
- g) Dokumen mengenai tawaran tender yang berkaitan pembelian, pemberian kerja, bekalan, perkhidmatan dan projek kerajaan.

Apa yang lebih dahsyat sekali ialah OSA juga berhasrat memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri menambah, mengurang dan meminda peruntukan dalam jadual berkenaan.

Dalam pembacaan pertama OSA itu, pihak berkuasa telah mentakrifkan rahsia rasmi dalam empat jenis yang mana ia bermaksud sebagai dokumen, maklumat atau benda yang ditanda 'rahsia besar', 'sulit' dan 'terhad'.

Dalam hal ini sesiapa sahaja yang tidak berkuasa tetapi didapati menyimpan atau menggunakan maklumat seperti di atas boleh dikenakan hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya satu tahun. Ini bermakna, semua denda yang dikenakan menurut Akta Rahsia Rasmi 1972 iaitu akta asal telah dimansuhkan sama sekali. Kesalahan-kesalahan mengikut Akta 1972 itu cuma membawa hukuman penjara tidak lebih dari 14 tahun atau denda \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

Tetapi perbezaan yang ketara sekali ialah mengikut akta asal itu seseorang yang didapati bersalah dalam mahkamah ti-

dak akan dikenakan penjara mandatori bahkan hakim berkenaan yang di anggap sesuai dan berpatut tanpa berdasarkan latar belakang tiap-tiap kes tersebut.

Ramai berpendapat OSA yang dalam proses perangkaan itu adalah lebih teruk dan dahsyat daripada Akta 1972 yang juga sebagai satu rang undang-undang yang tidak adil.

Mengikut OSA itu selain daripada Undang-undang Kanun Keseksian seseorang tertuduh diwajibkan membuktikan bahawa beliau pernah menolak apabila sesuatu maklumat disampaikan kepada beliau. Para pendakwa cuma perlu membuktikan sesuatu 'item' mengandungi maklumat tertentu adalah di dalam simpanan tertuduh dan sekaligus menyifatkan sebagai 'rahsia' atau 'terhad'.

Kini surat layang masih berleluasa dan sesiapapun mungkin pada satu ketika akan dipersalahkan dan akibat daripada itu dikenakan penjara mandatori kerana menurut OSA sesuatu dokumen ataupun surat layang yang dalam simpanan atau kepunyaan seseorang itu pada bila-bila masa sahaja boleh ditakrifkan sebagai rahsia rasmi oleh menteri ataupun pegawai kerajaan berkenaan.

Dari tinjauan pihak yang arif berkenaan dengan undang-undang mendapati OSA telah bercanggah dengan artikel 10 Perlembagaan Negara yang menjamin kebebasan rakyat menyuarakan sesuatu.

Pada amnya rakyat dari semua lapisan berpendapat jika OSA diluluskan suatu hari nanti masyarakat dan negara kita akan menjadi sebuah "police state" yang mana rakyat jelata tidak mempunyai sebarang kebebasan untuk mengeluarkan pandangan dalam pentadbiran dan pembangunan negara sekali-gus juga memberi perlindungan kepada pegawai-pegawai yang "korup" dan suka menyelawet terus melakukan kesalahan ataupun penipuan.

Disyorkan kerajaan memberi pertimbangan yang wajar dan tinjauan yang mendalam terhadap semua penentangan dan bantahan yang dikemukakan oleh rakyat jelata.

Jikalau dijadikan rang undang-undang tanpa dirujuk kepada rakyat, kerajaan scolah-olah akan menjadi penindas rakyat dan kita percaya rakyat yang memilih kerajaan dalam pilihanraya yang lalu tidak akan memberikan kuasa kepada kerajaan lagi.

Malah rakyat merasa 'tertipu' apabila kerajaan menunda

pembentangan OSA pada Mac lalu dan menganggap ia adalah satu muslihat.

Secara tidak langsung kerajaan seolah-olah tidak mengambil kira dan menghormati perasaan rakyat dan jika OSA dieruskan, kerajaan menjadi penindas dan terus-terang bercanggah dengan slogan 'Tradisi Membela Rakyat'.

Walau bagaimanapun, kita menaruh penuh keyakinan kerajaan adalah matang dan bijaksana serta berpegang kepada slogan yang dilaungkan selama ini.

## Akta Rahsia Rasmi : APA JAMINANNYA?

PERNAH ditulis dalam ruangan ini mengenai Akta Rahsia Rasmi (OSA) tidak lama dahulu dengan memberi gambaran tentang baik buruknya pembentangan pemindaian akta tersebut.

Perkembangan terbaru menunjukkan semua wakil rakyat Barisan Nasional bersepakut dan akan menyokong kerajaan di Dewan Rakyat apabila Rang Undang-undang (pindaan) Akta Rahsia Rasmi (OSA) dibentangkan untuk pembacaan kali kedua Disember ini.

Keputusan ini adalah hasil daripada penjelasan yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dalam perjumpaannya dengan Wakil Rakyat Barisan Nasional.

Jurucakap Anggota Parlimen, Datuk Mohamed Rahmat berkata rakyat tidak perlu bimbang mengenai takrif akta itu kerana setiap dokumen yang di anggap sulit akan diberi tanda pangkah. Beliau juga memberitahu penjelasan Perdana Menteri telah berjaya menghapuskan setiap keraguan rakyat dan sekarang ini hanya mereka yang bersalah sahaja takut dengan OSA.

Pengumuman Datuk Mohamed Rahmat itu tidak meyakinkan sama sekali kerana anggota Yang Berhormat sahaja yang berpeluang mendengar penjelasan dari Perdana Menteri dan bukan semua rakyat.

Ketika ini segolongan rakyat mungkin merasa keliru di atas kontroversial yang timbul dari pindaan OSA yang dicadangkan itu. Pandangan tersebut tentu bercanggah. Pihak

kerajaan berkali-kali memberi jaminan tiada apa-apa yang perlu dikhuatir kerana ia bukan bertujuan menganiaya sesiapa. Perdana Menteri sendiri menarik perhatian bahawa hampir 30 tahun akta itu dikuatkuasakan hanya tiga orang sahaja didakwa di mahkamah. Beliau mendakwa golongan yang mentang OSA sengaja membuat tafsiran yang salah terhadap akta itu tanpa mengambil kira cara akta itu dikuatkuasakan sebelum ini.

Sebaliknya kita juga mendengar suara bantahan yang begitu lantang termasuk dari bekas pemimpin-pemimpin negara seperti 'Bapa Kemerdekaan' Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Hussein Onn, bekas Juruaudit Negara, Tan Sri Nordin Zakaria, Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) dan Persatuan Peguam (Bar Council).

Apakah mereka yang membangkang pindaan itu terlalu ghairah, sensitif atau takut kepada bayangan sendiri?

Pada hematnya, segala bantahan dan kekhuitaran mengenai pindaan akta tersebut adalah berdasar.

Perlu diingatkan juga bahawa jika seseorang didakwa di mahkamah, para hakim tidak akan mengambil kira jaminan-jaminan yang dikeluarkan oleh pemimpin negara apabila menjatuhkan hukuman. Mahkamah cuma memberi pertimbangan dan tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa dan juga contoh-contoh keputusan mahkamah dahulu (authorities).

Kerajaan sering memberi jaminan mengenai takrif OSA dan menjelaskan setiap dokumen yang di anggap sulit akan diberi tanda pangkah.

Di sini kita ingin merujuk kepada satu keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Datuk Haji Zulkifli Datuk Abdul Hamid lawan pendakwaraya (Kota Kinabalu-Federal Court Criminal Appeal No.3 1980- MLJ 1981 muka surat ll2) yang mana pihak perayu telah dipersalahkan atas tuduhan menerima maklumat Rahsia Rasmi dan sekeping dokumen Rahsia Rasmi dan menyampaikan kepada pihak lain.

Tuduhan yang didakwa adalah pihak perayu telah menerima satu salinan surat yang diutuskan oleh Ketua Menteri Sabah yang dialamatkan kepada Menteri Luar Negeri yang mana beliau memahami dokumen itu adalah dokumen rahsia dan disampaikan kepada pihak lain.

Beliau menyatakan ia menerima salinan itu melalui pos

biasa. Persoalannya adalah sama ada maklumat ataupun dokumen itu rahsia? Pihak perayu mendakwa kepada mahkamah bahawa dokumen berkenaan yang pada suatu ketika di anggap sebagai rahsia kehilangan takrif rahsia kerana kandungannya telah diketahui umum.

Mahkamah Persekutuan tetap mempersalahkan pihak perayu dan memutuskan antara lain: sesuatu dokumen tidak akan kehilangan takrifnya sebagai dokumen rahsia hanya kerana orang yang tidak berkuasa telah mencuri dan menyalinnya serta mengirimkan melalui pos kepada pihak perayu tanpa nama; dan ia juga tidak kehilangan rahsianya meskipun surat berkenaan mengandungi maklumat yang telah diketahui umum.

Kita percaya para pembaca tentu berasa terkejut dan takut apabila membaca keputusan Mahkamah Persekutuan itu. Dan dari contoh keputusan itu kita pasti segala jaminan oleh pemimpin-pemimpin negara tidak memberi apa-apa kesan untuk membela seseorang yang mungkin didakwa di bawah OSA kelak.

Oleh itu untuk melenyapkan segala keresahan rakyat perlulah kerajaan menunjukkan kejujurannya dengan mengambil langkah yang positif supaya memperkenalkan ke dalam pinداan OSA itu perenggan yang mengecualikan orang-orang yang teraniaya.

Rakyat Malaysia yang bersemangat demokrasi dan bersedia mematuhi undang-undang tidak berkeyakinan terhadap 'jaminan-jaminan' yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin negara. Apa yang diharapkan adalah lebih baik jika jaminan itu terus dicatat dalam Rang Undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang berkenaan.

## Haramkan Rock : KENAPA?

SEKITAR tahun 1982, rock mula dikenali di Malaysia tetapi tidak begitu menonjol sehingga lima kumpulan rock tanahair mengadakan konsert 'Battle of the Bands' bagi menentang cetak rompak baru-baru ini.

Ketika konsert rock ini diadakan di Pulau Pinang telah berlaku satu rusuhan yang mana telah menimbulkan kontroversial dan kerajaan kemudiannya mengambil langkah untuk mengharamkan konsert rock di tempat awam.

Ekoran pengharaman ini telah menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan peminat dan kumpulan rock. Menurut pendapat mereka, kejadian yang berlaku di Pulau Pinang itu umpama kerana setitik nila, habis susu sebelanga. Pada hematnya, kerajaan harus memandang perkara ini dengan lebih positif dan liberal.

Kerajaan mengatakan rock tidak mempunyai nilai-nilai ketimuran, bila hal ini dipertikaikan, kita terkeliru tentang apakah itu nilai kebudayaan timur.

Cuba kita meneliti lagu-lagu rock seperti 'Apo Nak Dikato', 'Saya Anak Malaysia' dan 'Balik Kampung', apakah lagu-lagu ini tidak membayangkan sedikit pun identiti Malaysia?

Muzik dan lirik lagu-lagu itu adalah ciptaan asli dan dari apa yang diketahui orang-orang Eropah meminati lagu 'Apo Nak Dikato'.

Kita seharusnya berbangga lagu-lagu kita diminati oleh orang-orang asing dan ini menggambarkan pencipta lagu/lirik kita juga berpontensi dan mempunyai bakat.

Kalau hendak dikaji dengan teliti sebenarnya Malaysia ti-

dak mempunyai satu kebudayaan tersendiri, dan jika kerajaan mahukan rakyatnya memupuk dan hanya boleh menikmati persembahan yang berbau Malaysia, kita tidak seharusnya menonton Keroncong yang berasal dari Portugis, Zapin dari Arab dan Mak Yong serta Menora dari Thailand.

Rumusannya, kita boleh menyatakan kebudayaan adalah satu tukaran atau campuran kebudayaan yang berlainan yang mewujudkan keharmonian dan persefahaman sesama kaum.

Adalah lebih baik mencegah kejadian tersebut dengan mengadakan kawalan yang lebih ketat seperti ketika perlawan-an bolasepak, tetapi kenapa menggantungkan persembahan rock cara tergesa-gesa dan tidak pula bolasepak yang juga berlaku rusuhan?

Kerajaan juga sepatutnya memberi peluang kepada pemuzik-pemuzik rock ini mengembangkan bakat mereka kerana setakat ini tidak ada satu lagu Malaysia pun yang dapat menembusi pasaran antarabangsa kecuali 'Apo Nak Dikato' yang mendapat sambutan baik dari orang asing dan merupakan penggalak lagu-lagu rock agar diminati dan secara tidak langsung akan mengharumkan nama Malaysia di dunia muzik antarabangsa.

Pengharaman kerajaan itu telah membunuh bakat pemuzik tempatan dan menjelaskan mata pencarian sesetengah artis rock yang bergantung hidup kepada konsert dan album yang tidak seberapa bagi mencari nafkah.

Sekiranya kerajaan memberi layanan kepada rakyat terutamanya golongan muda seperti anak-anak dan robot, "ini tak boleh, itu pun tak boleh" mereka akan lebih bosan dan besar kemungkinan mengambil sesuatu tindakan yang di luar dugaan.

# **ENCIK CHAN TIDAK TAHU BUDAYA MELAYU**

Saudara Pengarang,

**BERIKUTAN** dengan tindakan kerajaan yang mengharamkan konsert rock di tempat awam telah menimbulkan berbagai-bagi reaksi dari orangramai.

Golongan tua dan yang menganggap rock adalah satu kebudayaan barat yang tidak baik dicontohi telah menyatakan tindakan kerajaan itu adalah wajar dan kena pada masanya.

Sebaliknya bagi golongan muda yang meminati rock, menyuarakan rasa tidak puas hati dan telah memberi berbagai alasan rasa tidak setuju atas tindakan kerajaan itu. Dan mendakwa rock adalah satu cara untuk muda-mudi menghibur hati.

Sekubungan dengan perkara ini, saya ingin menyatakan rasa kurang senang dengan apa yang ditulis oleh Encik Chan Tse Yuen dalam Lembaran Minggu, Mingguan Perdana 26 September, 1986.

Perkara utama yang ingin saya nyatakan di sini dan untuk pengetahuan Encik Chan, ialah tentang kebudayaan Melayu. Bangsa Melayu mewarisi adat resam dan kebudayaan yang halus, bersopan-santun, dan berbudi bahasa. Apa yang Encik Chan tahu tentang Kebudayaan Melayu?

Saya setuju dengan pendapat Encik Chan yang menyatakan Malaysia tidak mempunyai kebudayaan tersendiri. Tetapi sedarkah Encik Chan Bangsa Melayu yang menjadi tunggak pemerintah di negara ini mempunyai kebudayaan Melayu yang tersendiri yang telah diwarasi turun-temurun.

Saya menyokong tindakan kerajaan itu kerana tidak mahu melihat anak-anak muda Melayu memuja kebudayaan barat dan mengketepikan atau melupakan langsung kebudayaan Melayu dan adat resam Bangsa Melayu.

Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil tindakan mengharamkan konsert rock di tempat awam bukanlah tindakan yang terburu-buru seperti anggapan Encik Chan. Perkara ini dalam perhatian kementerian dan bolehlah diibaratkan 'retak yang menanti belah'.

Saya sebagai orang Melayu yang menyokong tindakan kerajaan itu tidaklah memandang dari satu sudut sahaja. Bukan rusuhan itu yang menjadi puncanya walaupun pengharaman konsert rock ekoran dari kekecohan yang terjadi di Pulau Pinang baru-baru ini.

Menyentuh tentang nilai-nilai ketimuran kalau Encik Chan melihat dari sudut lagu-lagunya memang Encik Chan tidak nampak atau saja buat-buat tidak nampak. Saya nak bawa Encik Chan melihat dan menilai dari segi persebahannya, pakaianya dan tindak-balas penonton atau pemuja rock yang saya anggap tidak ubah bagaikan orang yang hilang akal, tak siuman atau 'gila'.

Mengapa pula Encik Chan kaitkan perkara ini dengan bolasepak? Apakah penonton bolasepak sama apa yang telah dilakukan oleh penonton rock? Setahu saya penonton bolasepak tidak pula terlari-lari mengikut pemain-pemain bolasepak di padang seperti penonton-penonton rock yang gila.

Seperti apa yang telah saya katakan tadi, pengharaman itu dilakukan oleh kerajaan bukanlah semata-mata berdasarkan rusuhan yang terjadi di Pulau Pinang seperti yang didakwa oleh orang-orang yang kurang senang dengan tindakan kerajaan itu dan anggapan Encik Chan sendiri "tetapi retak menanti belah".

Seruanku, wahai muda-mudi Bangsa Melayu, jagalah maruah bangsa kita. Pesan Laksamana Hang Tuah, 'tidak akan hilang Melayu di dunia'.

## Rokok : SIAPA BERSALAH?

SEJAK beberapa tahun kebelakangan ini, rakyat Malaysia mula diperkenalkan satu kempen yang dinamakan sebagai 'kempen anti merokok'. Tahun ini, Kempen 'Minggu Tanpa Merokok' dipergiatkan dari 1 hingga 8 haribulan November di bawah kelolaan Jawatankuasa Tindakan Ke Atas Merokok atau Kesihatan (ASH) di bawah naungan badan induknya, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).

Kepada mereka yang menyedari bahaya merokok itu, pastinya "angkat topi" kepada badan sukarela yang telah mengambil inisiatif sejak tahun 1986 memerangi 'rokok' di negara ini. Dari tinjauan ini, apa yang telah dijalankan oleh ASH harus diberi sanjungan oleh semua rakyat Malaysia. Bagaimanapun, ia juga mendedahkan suatu keadaan yang sungguh mengecewakan terhadap kerajaan kita yang kurang tegas membanteras gejala merokok.

Sebelum diulas sikap kerajaan yang dimaksudkan itu, ada baiknya kita meninjau beberapa perkara yang berkaitan dengan rokok, tembakau, tabiat merokok dan kesan buruknya.

Perokok tentunya mengetahui bahaya yang akan timbul. Tetapi mengapa mereka tidak dapat menghindarkan tabiat buruk itu? Dari anggaran ASH, dalam tahun 1987 Malaysia mempunyai dua juta perokok dengan pertambahan 'member baru' sebanyak tiga hingga empat peratus setiap tahun. Ada beberapa faktor yang menyebabkan Malaysia mempunyai ramai perokok dan angkanya kian bertambah.

Pertama, iklan rokok yang berleluasa di media massa, termasuk di kaca TV, adalah 'culprit' yang besar sekali. Bukan sahaja mana-mana surat khabar atau majalah, pastinya ada ik-

lan rokok.

Yang teruk sekali ialah iklan ‘rokok’ di kaca TV. Dalam hubungan ini, Kementerian Penerangan Malaysia tentunya cuba membela dengan mengatakan itu bukan rokok, tetapi cuma barang menggunakan jenama rokok sahaja.

Secara terus-terang dan tidak perlu berdolak-dalik, kita terpaksa menekankan dakwaan demikian (jika ada) adalah bohong sama sekali.

Benar, melalui surat perkeliling yang bertarikh 27 Jun, 1985, Bahagian Pengiklanan Kementerian tersebut telah mengeluarkan garis panduan ‘pengiklanan barang menggunakan jenama rokok’ yang mana rokok tidak boleh diiklankan di kaca TV, semua barang jenama rokok mesti benar-benar mempunyai barang tertentu, sama ada barang yang boleh disentuh atau perkhidmatan sahaja seperti perkhidmatan pelancongan.

Tetapi apa yang sudah berlaku semenjak permulaan penguatkuasaan surat perkeliling tersebut?

## 2. TIDAK MENGENAKAN CUKAI YANG TINGGI

Beberapa negara Barat seperti United Kingdom, Kanada dan U.S. cuba mengenakan cukai yang tinggi ke atas rokok sebagai langkah mencegah rakyat dari terus merokok. Cara ini amat berkesan. Sebenarnya pada tahun 1982 apabila belanjawan tahunan tersebut menaikkan cukai ke atas rokok, lantas bilangan orang merokok merosot dengan pesatnya.

Tetapi sejak itu, kerajaan telah mengecualikan golongan dari membayar lebih. Apakah kerajaan bersimpati dalam hal ini?

## 3. TIADA KEMPEN ANTI MEROKOK

Umum mengetahui, kerajaan pernah melancarkan kempen yang agak agresif dalam usaha mencegah pengaruh dadah, menyedari rakyat mengenai bahaya Denggi dan AIDS. Semua kempen tersebut telah menunjukkan keberkesanan yang agak menguntungkan rakyat jelata.

Tetapi apa yang menghairankan, sejak itu kerajaan masih belum mengambil apa-apa tindakan dalam usaha mengelolakan kempen yang “majoriti” terhadap tabiat merokok.

Sekarang marilah kita melihat kesan buruk merokok.

### a. Membakar Wang

Menurut angka yang diketahui ramai, pada tahun 1985, rakyat negara ini telah menghisap rokok bernilai 1.4 billion

ringgit! Ini sudah melebihi jumlah peruntukan pembangunan kesihatan dalam tempoh lima tahun yang hanya memakan (purata) dua ratus million ringgit sahaja setahun (\$200 juta) ertiannya untuk lima tahun menggunakan lebih kurang satu billion ringgit sahaja.

#### b. Mengancam Kesihatan Rakyat

Seperti yang dikatakan dalam amaran kerajaan yang dicetak ke atas setiap kotak rokok yang dijual, merokok membahayakan kesihatan. Semua orang menyedari hakikat itu. Menurut laporan dari US dalam tahun 1980, terdapat 15 billion rakyat negara ini yang menghidap penyakit yang ada hubungkaitnya dengan gejala merokok ini, yang mana 34 billion orang lagi yang jatuh sakit (sesetengahnya membawa maut).

Ertinya dalam tahun tersebut 49 billion orang turut terlibat. Dan bagaimana kos untuk mengubati penyakit berkenaan. Di United Kingdom sahaja dalam tahun 1984, kos perbelanjaan untuk mengubatinya (akibat merokok) ialah 179 pound setahun (lebih kurang satu billion ringgit Malaysia).

Bagaimana pula di negara kita? Maklumat Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan dalam tahun 1960, hanya 217 kes kanser paru-paru, angka ini meningkat kepada 535 kes dalam tahun 1970 dan 1,025 kes pada 1980. Kes kematian akibat kanser paru-paru dalam tahun 1960 ialah hanya 85 orang yang mana angkanya pada tahun 1980 ialah 220 orang, peningkatan sebanyak 160 peratus.

Menurut pakar perubatan, merokok juga boleh menyebabkan penyakit jantung. Mengikut maklumat yang dilaporkan, tahun 1960 hanya 4,931 kes penyakit jantung di Semenanjung tahun 1970 telah meningkat kepada 12,289 kes dalam tahun 1980 sudah meningkat kepada 18,157 kes.

Jadi, baikpun dari segi kos untuk memulihkan kesihatan pesakit berkenaan ataupun angka pesakit yang berpunca dari tabiat merokok, nampaknya tabiat ini cuma merugikan dan sedikitpun tidak mendatangkan faedah.

#### c. Rokok Menyebabkan Kebakaran

Dalam tahun 1985, berlakunya 9,117 kes kebakaran yang mana 25 peratus berpunca dari rokok. Ertinya satu dari empat kes kebakaran adalah kerana tabiat merokok.

#### d. 'Environment' atau Keadaan Semulajadi

Sebelum tembakau diproses untuk memperbaiki mutunya,

ia pasti diperlukan untuk melalui pemerosesan 'Curing'. Pada tahun 1984, negara kita ini mempunyai 83 buah Curing Station. Banyak kayu digunakan untuk dibakar dalam proses tersebut. Menurut laporan yang didapati, dalam dunia ini satu dari 25 batang rokok hutan terpaksa digunakan untuk proses tersebut. Bayangkanlah berapa hektar hutan telah dibazirkan atas perbuatan yang mengancam kesihatan rakyat.

#### e. Kerugian Individu

Menurut tinjauan The New Straits Times pada tahun 1975, rakyat Malaysia ketika itu membazirkan 10 hingga 20 peratus pendapatannya ke atas rokok (lebih kurang \$25/hingga 50 ringgit sebulan). Ini tentunya mendatangkan kesan yang tidak baik ke atas keluarga berkenaan, terutama sekali dari segi "opportunity costs", wang tersebut jika digunakan ke atas pembelian makanan yang mempunyai zat yang lebih tinggi, ia pasti boleh membentuk keluarga yang lebih sihat dan terdidik.

Dari analisis di atas, kita mestilah bangga dan bersyukur terhadap ASH yang secara sukarela melancarkan kempen anti merokok. Ucapan tahniah bagi pihak rakyat Malaysia yang menghargai kesihatan kepada pengurus ASH Dr. Teoh Soon Kee dan berharap mereka akan meneruskan kerja yang penuh makna itu.

Bagaimanapun kita agak kecewa kerana sepanjang kempen tersebut diadakan kerajaan tidak menunjukkan penglibatan yang benar-benar serius. Malah berani dikatakan Kementerian Penerangan adalah satu-satunya 'Culprit' yang sentiasa menggalakkan rakyat merokok dengan tayangan iklan-iklan rokok di kaca TV setiap hari.

Mungkin pendapatan dari iklan-iklan berkenaan menjadikan Kementerian tersebut melupakan tanggungjawab kerajaan kepada rakyat jelata yang mana ia sudi menjualkan prinsip dan 'peraturan' nya sendiri kerana tunduk kepada kuasa wang ringgit.

Yang aneh sekali, mengapa kerajaan pada keseluruhannya tidak menunjukkan keghairahan seperti yang ditunjukkan ke atas kempen anti-dadah, mencegah Denggi dan AIDS.

Semua jawapan atau penjelasan, atau penafsiran perlunya datang dari pihak kerajaan yang diketahui sahaja. Mungkin para pembaca juga boleh mengakui kebenaran dalam perkara ini.

## Di sebalik main Golf : **GERAKAN MALU SENDIRI**

KETIKA perhubungan di antara dua komponen parti Barisan Nasional, MCA dan Gerakan semakin bertambah buruk, secara mendadak, Timbalan Setiausaha Gerakan Datuk Alex Lee memberitahu para wartawan bahawa pemimpin dari kedua-dua parti tersebut telahpun mengadakan suatu perbincangan peribadi bertujuan untuk memperbaiki atau memulihkan 'kamceng' mereka. Satu pertandingan Golf 'highpower' yang melibatkan tokoh dari kedua-dua parti akan dianjurkan oleh parti Gerakan sebagai langkah pertama menuju ke matlamat tersebut. Pengumuman Datuk Alex Lee itu telah diberi liputan meluas oleh hampir kesemua akhbar tempatan berbahasa Tionghua.

Tetapi keesokannya, Timbalan Presiden MCA Lee Kim Sai (kini Datuk) bagaikan menampar muka Datuk Alex Lee dengan menafikan sebulat-bulatnya kenyataan beliau itu. Lee Kim Sai menolak dakwaan kononnya MCA pernah mengadakan perbincangan 'peribadi' dengan Gerakan.

Beliau menyifatkan Datuk Alex Lee telah mengeksplorasi 'pertemuan' secara kebetulan semasa menunggu kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas lawatan tiga minggu ke luar negara baru-baru ini di bilik VIP Lapangan Terbang Subang.

"Kita ada menyentuh tentang pertelingkahan itu tetapi tidak ada sebarang rancangan lain", kata Lee Kim Sai. Lantas, Datuk Alex Lee juga 'memperbetulkan' kenyataannya dan

mengaku perbincangan yang dimaksudkan itu hanya perbualan biasa sahaja.

Bagaimanapun, ‘diplomasi golf’ yang dicadangkan oleh Gerakan kini sudahpun menjadi tajuk perbualan masyarakat Tionghua. Ramai di antara mereka menimbulkan keraguan tentang kesungguhan cadangan itu dan tertanya-tanya apakah maksud sebenarnya.

Sebenarnya tidak perlu ada keraguan kerana bukan rahsia lagi sejak kemasukan Gerakan sebagai salah satu anggota Barisan Nasional, MCA dan Gerakan tidak begitu ‘ngam’ malah sentiasa berbalah.

Hubungan MCA/Gerakan menjadi tegang dan panas ke suatu tahap yang boleh ‘meletup pada bila-bila masa’ tidak lama dahulu di atas isu penyelesaian guru-guru yang tidak berkelayakan dalam bahasa Mandarin di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) yang mana MCA menuduh Gerakan ‘menarik kaki MCA dari belakang’ dengan tidak berpegang teguh menyokong cadangan formula penyelesaian yang dikemukakan oleh MCA yang selaras dengan hasrat dan kemauan masyarakat Tionghua.

Gerakan menjelaskan MCA telah bersetuju dengan ‘formula 4-1’ dalam mesyuarat kabinet. Sedangkan MCA menganggap formula tersebut tidak memenuhi dan mengecewakan masyarakat Tionghua.

Pemimpin Gerakan juga telah menyifatkan MCA sebagai ‘Tikus di dalam Harimau di luar’.

Ulasan Presiden Gerakan Datuk Dr. Lim King Yik (kini Datuk Seri) tentang tindakan Presiden MCA Datuk Dr. Ling Liang Sik (kini Datuk Seri) mengambil cuti selama enam minggu tanpa gaji minggu lepas sekali lagi telah memburukkan lagi hubungan MCA/Gerakan. Datuk Dr. Lim King Yik menyifatkan perbuatan Datuk Dr. Ling Liang Sik sebagai pengecut dan tidak bertanggungjawab. Beliau tidak sepatutnya meninggalkan masyarakat Tionghua yang sedang menghadapi cabaran yang agak genting.

Kenyataan Presiden Gerakan itu dengan serta merta telah menerima kecaman paling hebat dari masyarakat Tionghua. Pelbagai pertubuhan Tionghua yang tidak memihak manapun parti politik tampil ke depan dan mengeluarkan ke nyataan dalam akhbar mengutuk tindakan Datuk Dr. Lim King Yik.

Ada sesetengah pemimpin masyarakat Tionghua yang lebih terus terang menyifatkan Datuk Dr. Lim King Yik ‘macam mulut anjing tidak boleh menumbuhkan taring’ dan mengeluarkan kata-kata ‘tidak siuman’ serta dikeji oleh masyarakat Tionghua. Pendek kata, kecaman demi kecaman dari masyarakat Tionghua telah menjadi Gerakan seperti anjing buruk kepala.

Kita berpendapat, adalah berdasarkan kedudukan yang membimbangkan itu menyebabkan Gerakan terpaksa ‘mengketepikan’ maruah buat sementara dan mengubah strateginya yang mana kita dapat menyaksikan acara pembukaan temasya diplomasi golf dari “pelakon utama” parti itu, Datuk Alex Lee pada Isnin lalu.

Dan perbuatan Gerakan tersebut berbau hendak rujuk semula kepada MCA kerana apa yang diingini itu tidak mencapai matlamat dan dianggap bertepuk sebelah tangan sahaja. Masyarakat Tionghua juga melihat Gerakan sebagai ‘perantau pulang ke pangkal jalan’. Apakah ia akan diterima dengan tangan terbuka?

Walaupun nakhoda MCA sekarang ini, Encik Lee Kim Sai (semasa ‘ketiadaan’ Presidennya buat sementara waktu) tidak menolak kemungkinan mengadakan perbincangan atau dialog dengan Gerakan, namun dari nada beliau memberi ulasan tentang cadangan Gerakan tersebut, kita boleh merasakan parti itu memberi sambutan yang agak dingin terhadap ‘main mata’ Gerakan tersebut.

Pada hemat penulis, diplomasi golf itu hanya adalah tabir asap yang disengajakan oleh Gerakan untuk mengalihkan pandangan masyarakat Tionghua yang tidak putus-putus mengacam kenyataan Datuk Dr. Lim King Yik tersebut.

Soalnya, adakah MCA rela diperalatkan oleh Gerakan untuk mencapai tujuan tersebut. Kesimpulan, apabila penganjur tidak bersikap jujur dan bertujuan serong, bagaimana ‘percubaan’ yang diadakan mungkin boleh mendatangkan hasil? Kalau muh mahu melihat pertandingan golf ‘friendly’ MCA / Gerakan, tunggulah sampai ketua!

## NASIB SI PONDAN

UMUM mengetahui bahawa Perlembagaan Persekutuan kita (perkara 8) memberi perlindungan kepada rakyat jelata atas hak-hak asasi mereka tanpa sebarang diskriminasi yang berdasarkan agama, kaum, keturunan atau tempat lahirnya. Ini bermakna hak kaum minoriti adalah terjamin dan bukan mudah dicabuli oleh sesiapapun.

Bagaimanapun, terdapat satu kaum minoriti di Malaysia yang benar-benar kurang bernasib baik dan mereka tidak berhak untuk menikmati perlindungan hak samarata seperti rakyat biasa. Kumpulan yang dimaksudkan ialah kaum pondan ataupun dalam istilah perubatan 'Hermaaphrodite', erti-nya orang yang mempunyai kedua-dua organ kemaluan lelaki dan perempuan, perbezaannya cuma adalah satu antara organ itu lebih berkembang daripada yang lain.

Kewujudan kaum pondan ini tidak dapat diterima dengan baik oleh negara ini bukan setakat umum, malah pihak kerajaan pun turut bersikap demikian. Pendirian pihak Pejabat Pendaftaran Negara yang enggan mendaftar seseorang itu selain daripada jantina lelaki ataupun perempuan jelas membayangkan dilema kaum pondan, dan kehidupan kaum pondan adalah tidak bermaruah, bagaikan rumput di tengah jalan dipandang hina, dikeji dan juga dipandang jijik oleh para anggota masyarakat kita.

Keadaan ini telah melemahkan semangat mereka dan kesan paling negatif yang boleh dilihat daripada hakikat bahawa ramai di antara pondan-pondan itu menggadaikan maruah dan mencari nafkah dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti maksiat. Itupun mereka mengalami dilema, kerana mahu menjadi pelacur pun mereka tidak layak kerana mereka

'tidak mempunyai senjata yang sempurna'!. Namun, mereka terpaksa memberi 'perkhidmatan istimewa' kepada lelaki yang mempunyai kegemaran yang luar biasa juga.

Ada sesetengah pondan menjaga maruah mereka dengan mencari kerja yang jauh daripada aktiviti yang tidak bermoral itu. Tetapi malangnya ini tidak bermakna mereka telah dapat melarikan diri daripada nasib celaka. Teman-teman di sekeliling mereka mempunyai pandangan yang ganjal dan pelik di samping memerli mereka. Kalau dikiaskan dengan orang gila, orang gila mungkin lebih bertuah kerana mereka tidak sedar akan diri mereka dan tidak gelisah. Tetapi bagi para pondan yang siuman, jiwa mereka tersebut seumur hidup. Lantaran itu, jika tiada kelonggaran dan membebaskan diri mereka daripada keseksaan ini, lambat laun mereka boleh menjadi mental!.

Tetapi siapa di antara anggota masyarakat yang sihat dan normal pernah benar-benar cuba memahami kesengsaraan kaum pondan? Baru-baru ini kita melihat adanya sedikit percu-baan daripada pihak berkuasa untuk memberi perlindungan sementara kepada kaum pondan. Dalam pada ini borang Pemaklum Kelahiran (Birth Notice Form) yang dikeluarkan oleh pihak Pejabat Pendaftaran Negara telah menyediakan ruangan jantina dengan tiga ketogori, iaitu "lelaki", "perempuan" dan "lain-lain" (others).

Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Datuk Syed Rosley Syed Abu Bakar telah menerangkan (*The Malay Mail*) bahawa sekiranya seseorang bayi mempunyai kedua-dua jenis organ kemaluan lelaki dan perempuan, beliau akan diketogorikan dalam ruangan "lain-lain". Tetapi penjelasan lanjut yang telah diumumkan oleh Datuk Syed Rosley itu masih tidak menyenangkan kerana beliau mengatakan pihaknya menyangka apabila seseorang anak itu mencapai umur dua belas tahun jantinanya pasti boleh ditentukan oleh pakar perubatan. Jadi ruangan "lain-lain" tidak akan wujud lagi dalam borang permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan. Ini bermakna kaum pondan masih menghadapi kerumitan seperti dahulu. Bagaimanapun panggilan "lain-lain" ke atas kaum pondan pun tidak begitu sesuai kerana ia juga merupakan panggilan yang tidak bermaruah.

Apakah kita terus membiarkan kaum pondan sengsara berpanjangan dan langsung tidak diberikan sebarang per-

tolongan atau belas kasihan kemanusiaan?. Kita harus mengaku bahawa bukan pilihan mereka untuk menjadi pondan, itu semua adalah kehendak Tuhan!. Kerajaan harus mengiktiraf secara rasmi kewujudan kaum pondan dengan memberi martabat kepada mereka dalam masyarakat. Dalam hubungan ini, disyorkan supaya pihak kerajaan mengambil langkah yang positif dengan memberikan satu panggilan yang sesuai kepada kaum pondan sebagai satu jantina untuk menggantikan perkataan "lain-lain" yang menjatuhkan maruah itu. Justeru itu, semua borang-borang rasmi mesti menyediakan ruangan jantina untuk kaum pondan selain daripada ruangan untuk lelaki dan perempuan. Kerajaan harus juga mengambil inisiatif untuk membuat sesuatu bagi menghapuskan prejUDIS masyarakat umum terhadap kaum pondan.

Jangan kita lupa, tiap-tiap orang berhak untuk hidup dalam negara ini dengan menikmati hak-hak samarata. Selagi kita memberi perlindungan kepada kaum pondan agar mereka setaraf dengan kaum lelaki dan perempuan mereka tetap didiskriminasikan dan tidak mempunyai martabat serta maruah dalam masyarakat kita, maka perlembagaan negara mempunyai kelemahan yang menjadikannya kurang sempurna.

## **Insiden Leftenan (U) Wahi Anwar : SEMANGAT DAN PENGORBANAN**

**INSIDEN** juruterbang Leftenan (U) Wahi Anwar hilang ketika menerbangkan pesawat jet pejuang A4 Skyhawk yang merentasi Laut China Selatan pada 23 haribulan lalu (23.6.88) telah menarik perhatian ramai dan masih tertanya-tanya apakah yang telah berlaku kepada mangsanya.

Tetapi saya lebih tertarik kepada reaksi bapa Leftenan udara itu Encik Mohd Amin Mahmud dan agak terharu membaca kenyataan akhbar yang berbunyi, "sekiranya anak saya mati, kematian itu adalah satu pengorbanan kepada negara dan kami tidak kesal dengan kejadian itu."

Dalam keadaan takdir anaknya belum diketahui, tentunya Encik Mohd Amin berhati pilu, namun demikian, beliau boleh menahan kesedihan dan mengketepikan perasaan peribadi sambil terus melafazkan kenyataan yang kental dan penuh semangat patriotisme. Sikap itu membayangkan beliau adalah seorang yang tidak mementingkan diri sendiri bahkan apabila ada percanggahan kepentingan di antara diri sendiri dengan negara, beliau lebih menitikberatkan kemahuan negara.

Berdasarkan teori, nampaknya ini mudah dilakukan oleh sesiapapun. Tetapi, jika kita benar-benar merenung, persoalan ini secara jujur dan serius, kita dapat menyakinkan diri bahawa perkara yang dimaksudkan itu adalah lebih senang diperkatakan tetapi sukar dilakukan.

Semangat tidak mementingkan diri sendiri sebaliknya

mengutamakan negara yang ditonjolkan oleh Encik Mohd Amin itu harus diberi sanjungan. Saya rasa itulah satu-satunya semangat kebangsaan yang seharusnya kita hormati!

Dalam hubungan ini, umum mengetahui menurut adat resam orang Tionghua, apabila sesuatu keluarga berkabung disebabkan kehilangan seseorang sanak saudara, orang yang datang memberi penghormatan terakhir kepada orang yang telah meninggal itu lazimnya menghulurkan sedikit wang kepada keluarga tersebut sebagai belas ehsan. Dan memang sudah menjadi suatu perkara lumrah berlaku bagi keluarga berkabung yang berada ataupun yang berkemampuan menderma ‘wang takziah’ kepada badan-badan awam seperti sekolah, hospital, persatuan-persatuan kebajikan dan sebagainya dengan tujuan memberi pertolongan kepada orang-orang lain yang kurang berasib baik.

Perbuatan menderma kepada badan-badan kebajikan juga dilakukan oleh orang-orang Tionghua yang meraikan sesuatu peristiwa seperti perkahwinan ataupun harijadi.

Semua ini berdasarkan perasaan perikemanusiaan yang menggalakkan mereka berkenaan supaya bertindak tidak mementingkan diri sendiri sebaliknya lebih menitikberatkan kepentingan masyarakat umum.

Sekiranya kita membandingkan semangat patriotisme yang ditonjolkan oleh Encik Mohd Amin dan semangat perikemanusiaan orang-orang Tionghua itu, kita akan mendapat adanya persamaan di antara mereka, iaitu semangat tidak mementingkan diri sendiri.

Ini adalah satu nilai yang harus dipupuk dan dijadikan teladan kepada kita semua untuk kepentingan masyarakat dan negara.

## New Zealand MPs' Petition : THE PM REPLIES...

---

*In Volume 8.4 of the Aliran Monthly we carried a letter to Dr. Mahathir from 34 New Zealand MP's petitioning for the release of the ISA detainees. In this issue we carry Dr. Mahathir's reply to this petition.*

---

Honourable Members,

I have never ceased being surprised that the citizens of New Zealand, and Australia should presume that Malaysia should obey their laws. You are not burdened by the kind of problems that we shoulder in Malaysia. In New Zealand you have ensured that the white population is so overwhelmingly superior to the Maoris that racial strife of the kind that you see in Sri Lanka, the Punjab, Fiji, Lebanon, Northern Ireland, New Caledonia and elsewhere will not plague you. We are not that lucky. The British imported Indians and Chinese in vast numbers in order to exploit Malaysian wealth and now we are left with the very real potential for riots and killings posed by this explosive racial mix.

Under British rule there was no democracy. Law and order was maintained by a strong police force with one of the most efficient Special Branch whose methods were never questioned by the controlled press. There was no such thing as the international press then. Nor were New Zealand Parliamentarians very interested. Indeed they actively backed

British authoritarian rule, including detention without trial then.

The British colonial Government used preventive detention not only to combat Communist terrorism but also to incarcerate Malaysian Nationalists. Of course all were labelled Communists. Now the British explain their behaviour by saying that preventive detention laws were intended for Communists terrorists alone. The records belie this claim.

Immediately after that authoritarian Government we are supposed to set up a fully sophisticated democratic Government when we became independent 31 years ago. Not only were Malaysian politicians unused to democratic practices but the multi-racial population is also unfamiliar with democracy.

In most countries where democracy is introduced riots, civil unrest and killings take place. Look at South Korea and Taiwan. Look at Sri Lanka, and India (Assam, Punjab, etc.) It would seem that New Zealanders and others are quite happy to see the murder and the killings, the bombings and the massacres because these people are exercising their democratic rights. Indeed western media gleefully report these "media events" and openly encourage the violence. Any attempts to prevent riots and killings are labelled as undemocratic and are loudly condemned by self-righteous Parliamentarians from such countries as New Zealand.

We don't think violence is necessary for the spread of democracy in Malaysia or in any other developing country. Rights must involve responsibility. If you are irresponsible you forfeit the same measure of your rights.

With a multi-racial, multi-religious population Malaysia is prone to the kind of racial violence that you see in Sri Lanka, Punjab, etc. In 1969 an insensitive Malaysian Government allowed racial tension to explode into riots and killings before declaring emergency and suspending Parliament.

We are not going to allow this to happen again. We would rather detain a few people than let hundreds be killed because New Zealand objects to detention without trial. Because we acted promptly Malaysia is experiencing political stability and rapid economic growth now. Our Parliament has not been suspended. The opposition are just as active but avoid instigating racial unrest. They of course

give interviews to the foreign media condemning the Government. That's okay because the locals know they are lying. They will not be detained for running down their own country and telling lies. We do not expect the foreign media to be fair. Apparently they consider that censoring us and distorting reports is democratic. Who are we to disagree with the Almighty international media.

Your concern about Malaysia is appreciated but don't presume you know more about how to run Malaysia than we do. Please concentrate on running New Zealand and help the Maoris to have their share of the wealth of your country. Also please admit those Malaysians wishing to emigrate to New Zealand. There are also a few million Chinese and Indians who would like to settle in New Zealand. Let us see how you manage New Zealand when the whites become a minority. Remember apartheid was invented by a white minority.

(Dr. Mahathir Bin Mohamad)

10 hb Oktober 1988

YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad  
PM Malaysia,  
Pejabat Perdana Menteri,  
Jalan Dato' Onn,  
Kuala Lumpur.

YAB Datuk Seri,

PER: KENYATAAN YANG MENYINGGUNG  
PERASAAN

DENGAN dukacitanya saya merujuk kepada surat jawapan YAB Datuk Seri kepada 34 ahli parlimen New Zealand melalui majalah Aliran Volume 8:6 1988 m.s. 39 bertajuk "New Zealand MPs' Petition: The PM's Replies....." dan seterusnya mempelawa perhatian YAB Datuk Seri kepada kenyataan yang berbunyi "Also please admit those Malaysians wishing to emigrate to New Zealand. There are also a few million Chinese and Indians who would like to settle in New Zealand."

Untuk makluman YAB Datuk Seri, kenyataan tersebut telah menyinggung perasaan masyarakat Tionghua dan India. Ia merupakan tuduhan yang amat serius kerana ia telah menimbulkan tanda-tanya ketaat-setiaan rakyat berketurunan Tionghua dan India terhadap tanahair mereka. Dan ini adalah tamparan yang hebat kepada maruah dan kredibiliti kaum Tionghua dan kaum India yang sudah lama menganggap Malaysia adalah tanahair tunggal mereka, di mana


bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Kenyataan tersebut amatlah dikesali.

Sebagai seorang anak Malaysia semangat kesetiaan terhadap tanahair tidak kurang kental jika berbanding dengan YAB Datuk Seri, dengan ini saya menyampaikan bantahan saya kepada YAB atas kenyataan tersebut.

Oleh kerana kenyataan tersebut mungkin boleh menimbulkan berbagai prasangka yang tidak perlu di khalayak ramai, saya meminta penjelasan dari YAB Datuk Seri agaranya ia dapat menjernihkan keadaan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang ikhlas,



(CHAN TSE YUEN)



PERDANA MENTERI  
MALAYSIA

27hb Oktober, 1988

Encik Chan Tse Yuen,  
102-1, Jalan Mega Mandung,  
Bandar Kompleks, Batu 5,  
Jalan Klang Lama,  
58000 Kuala Lumpur.

*Tuan,*

Surat Tuan selamat diterima. Yang pertamanya Tuan tidak mempunyai mandat untuk bercakap bagi pihak semua orang Cina dan India. Saya tidak dapat apa-apa bantahan dari orang Cina atau India yang lain, bahkan dari MCA, Gerakan, MIC.

Yang keduanya, sementara majoriti orang Cina dan India, termasuk Tuan sendiri atas pengakuan Tuan, adalah setia kepada Malaysia, hakikat yang tidak boleh dinafi oleh sesiapa laialah berpuluhan ribu rakyat Malaysia keturunan Cina dan India telah migrate ke Australia, New Zealand, Canada dan U.K. Semasa ini pun ramal yang memohon untuk emigrate dari Malaysia. Mereka pula setelah menjadi warganegara Australia, New Zealand, Canada dan lain-lain sering memfitnah Malaysia.

Sementara saya tidak berhak menyilinggung perasaan mereka yang setia, apakah saya tidak boleh mengecam mereka yang tidak setia. Apakah hak Tuan melarang saya dari mengecam mereka yang tidak setia. Apakah ukuran kesetiaan seseorang warganegara Malaysia ialah lanya tidak mengecam mereka yang tidak setia. Apakah Tuan lebih sanggup mempertahankan orang yang tidak setia yang terdiri dari kaum Tuan daripada mempertahankan hak warganegara yang setia mengkritik emigrant yang tidak setia.



Apakah benar atau tidak benar ramai orang Cina dan India dari RRC, Taiwan, Hong Kong, India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka ingin migrate ke Australia, New Zealand, U.K., USA dan lain-lain negara. Sebab apa yang Tuan berasa tersinggung kerana orang-orang yang tidak pun warganegara Malaysia. Apakah perasaan kesetiaan Tuan ditumpu juga kepada orang India dan orang yang bukan warganegara Malaysia sahingga sanggup mempertahankan mereka.

Soalan saya kepada orang New Zealand ialah kenapakah mereka tidak mahu terima warganegara India dan Cina sedangkan mereka sanggup menerima orang kulit putih. Yang jelas ialah mereka takut penduduk negara mereka akan terdiri lebih dari orang Asian berbanding dengan kulit putih. Mereka menjaga kulit mereka dengan pandang hina kepada orang Cina dan India. Dan Tuanku orang New Zealand pandang hina kepada orang Cina dan India dan kecam saya kerana mengkritik orang New Zealand.



(DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)

## Aparteid : **MAHATHIR DIMINTA PENGARUHI ASEAN**

PADA tiga dekad kebelakangan ini isu pentadbiran dasar aparteid dan penindasan ke atas kaum kulit hitam yang diamalkan oleh kerajaan Afrika Selatan sering menjadi topik hangat di kalangan negara-negara bebas di seluruh dunia, terutamanya di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu malah negara-negara komunis turut mengecam kekejaman negara itu.

Kini, masalah tersebut semakin memuncak seperti mana yang digambarkan dengan pengisytiharan darurat pada Khamis lalu.

Selepas pengisytiharan darurat, Presiden Afrika Selatan, P.W. Botha telah melancarkan gerakan secara besar-besaran menangkap penentang-penentang dasar aparteid. Namun begitu, pemerhati di seluruh dunia beranggapan bahawa besar kemungkinan negara itu akan terus bermandikan darah.

16 Jun adalah hari yang tidak dapat dilupakan bagi rakyat kulit hitam Afrika Selatan.

Pada hari itu, tahun 1976, satu peristiwa yang menyayat hati tercetus yang mana 700 nyawa terkorban dalam rusuhan yang memakan masa lima belas bulan ekoran dari satu permuluan dan pembantahan oleh lebih daripada 15,000 orang kanak-kanak sekolah kulit hitam terhadap diskriminasi dalam pelajaran yang dilemparkan ke atas mereka.

Sekiranya kita mengimbas kembali kepada sejarah, dasar aparteid di Afrika Selatan diasaskan oleh mendiang Hendrik Verwoerd selaku Perdana Menteri negara itu dalam tahun li-

ma puluhan. Beliau telah merangka Dasar Pelajaran Baru dalam tahun 1953 yang berbentuk diskriminasi berdasarkan perbeaan warna kulit.

Dasar akta tersebut sebenarnya bertujuan mengekalkan kelemahan masyarakat kulit hitam. Peruntukan kewangan yang diberi kepada sekolah-sekolah kulit hitam yang telah diasingkan dari kanak-kanak kulit putih begitu kurang (nisbahnya cuma 15 peratus dari apa yang diterima oleh sekolah-sekolah kulit putih) mengakibatkan pengetahuan pelajaran dan prestasi mereka terbantut.

Rakyat kulit hitam sebenarnya adalah anak negeri Afrika Selatan dan merupakan majoriti penduduk negara itu. Malangnya, mereka menerima penindasan dan layanan diskriminasi yang kejam dari kaum pendatang- kulit putih sejak sekitan lama.

Ini telah menimbulkan kebencian dan menaikkan semangat kebangsaan mereka bagi menentang pemerintahan kulit putih sepetimana terbukti dengan banyaknya kejadian merusuhan yang semakin memuncak dalam tahun lapan puluhan. Bagi membanteras dan mengongkong kegiatan pejuang-pejuang kulit hitam itu, maka kerajaan Pretoria terpaksa mengisyiharkan pemerintahan darurat.

Sebenarnya kerajaan Pretoria pernah mengadakan perintah darurat sebanyak dua kali dan berjaya meredakan keadaan.

Tetapi kali ini keadaannya berlainan.

Reaksi kulit hitam jauh berbeza dari dahulu. Mereka seolah-olah tidak menghiraukan apa jua tindakan keras yang diambil oleh rejim kulit putih. Semakin banyak kejadian rusuhan, keganasan dan tunjuk perasaan dilakukan oleh kaum kulit hitam.

Tokoh-tokoh dunia turut mengecam kekejaman kerajaan Afrika Selatan. Amerika Syarikat dan Britain yang seolah-olah menjadi pelindung kepada rejim Pretoria tidak ketinggalan di kutuk oleh mereka.

Encik Malcolm Fraser, bekas Perdana Menteri Australia selaku Tokoh Utama Komanwel (EPG) yang mengetuai pasukan pengaman mencari penyelesaian damai di Afrika Selatan yang menemui kegagalan telah memberi amaran bahawa negara itu akan terus bermandikan darah jika aparteid tidak dihentikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sel-

in dari mengutuk rejim Pretoria juga memberi pandangan bahawa sekatan ekonomi adalah cara yang lebih berkesan bagi mencapai penyelesaian damai di Afrika Selatan.

Perdana Menteri Zimbabwe, Robert Mugabe pula menca-  
dangkan supaya dibentuk satu pasukan pertahanan Afrika un-  
tuk menggulingkan kerajaan Pretoria.

Perdana Menteri British, Margaret Thatcher walaupun ter-  
tekan tetapi enggan mengenakan sekatan ekonomi besar-be-  
saran ke atas Afrika Selatan. Pendirian beliau bukan sahaja di  
kutuk oleh semua anggota Komanwel, bahkan Ratu Eliza-  
beth turut mengeluarkan perasaan hampa.

Nampaknya telah tiba masanya bagi negara-negara yang  
menyintai kedamaian dan keamanan bersama-sama mengambil  
tindakan yang positif, agar penindasan dan kekejaman dapat  
dihapuskan di negara Afrika Selatan demi kebebasan kaum  
kulit hitam.

Kita menyeru Datuk Seri Dr. Mahathir yang telah  
mendapat gelaran sebagai seorang tokoh negara yang berani  
menyuarkan pendapat dan teguran yang berasas membuat  
sesuatu yang berdasarkan perikemanusiaan dengan mengambil  
inisiatif dengan mempengaruhi tokoh-tokoh negara di rantau ini,  
khasnya ASEAN bagi mengambil tindakan yang lebih  
berkesan terhadap Britain bagi memaksanya mengenakan se-  
katan ekonomi keseluruhan terhadap Afrika Selatan.

Tindakan yang 'mujarab' sekali ialah merenggangkan tali  
hubungan diplomatik dengan Britain dari taraf Duta ke su-  
atu peringkat yang lebih rendah. Sekiranya Britain masih ber-  
degil, satu langkah memecatkan negara itu dari menjadi ang-  
gota Komanwel perlu diambil.

Mengenai Amerika Syarikat yang bukan anggota Koman-  
wel pula, kerajaan harus "menyaman" Duta Besar negara itu  
di Malaysia dengan memberi nota bantahan yang keras sekali  
kerana sikapnya yang memberi perlindungan kepada Preto-  
ria.

Kita berharap dan berdoa semoga Datuk Seri Dr. Ma-  
hathir dapat menunjukkan keberaniannya dengan mengambil  
tindakan tegas sepertimana yang disyorkan di atas demi ke-  
bebasan kaum kulit hitam Afrika Selatan.

# DI MANA BUMI DIPIJAK, DI SITU LANGIT DIJUNJUNG

TIMBALAN Menteri Luar Negara China dalam kunjungannya ke Malaysia baru-baru ini menegaskan bahawa negara tersebut tidak berniat campur tangan dalam hal ehwal negara ini. Di samping itu beliau menasihatkan warganegara Malaysia berketurunan Cina menumpukan taat setia terhadap negara ini dan memberi sumbangan sepenuhnya dalam menjayakan segala matlamat pembangunan negara.

Kenyataan tersebut dikeluarkan kepada para wartawan selepas rundingan hampir dua jam antara Timbalan Menteri Luar Negara China itu dan rakan sejawatnya dari negara kita.

Saranan pemimpin negara China itu telah menimbulkan kemarahan dan telah mencetuskan kontroversi di kalangan masyarakat Tionghua. Ekoran dari itu beberapa akhbar berbahasa Mandarin telah menyiaran rencana dan lidah pengarang membidas kenyataan Timbalan Menteri Luar negara tersebut.

Jikalau kita meneliti dengan mendalam kenyataan beliau, maka kita akan dapat bahawa ia bercanggah.

Dalam hubungan ini, ketidaksetujuan ramai terhadap kenyataan tersebut adalah menunjukkan hasrat campur tangan negara itu dan mereka tidak berhak memberi sebarang saranan atau nasihat kepada rakyat Malaysia apatah lagi yang menyentuh tentang kesetiaan terhadap negara; satu perkara yang berbentuk dasar dan prinsip ataupun mentaliti kewar-

ganegaraan yang tidak patut ditimbulkan oleh pemimpin asing yang hanya bertaraf tetamu negara. Dan dengan mengeluarkan kenyataan itu secara tidak langsung negara China telah cuba campur tangan dalam hal-hal negara ini.

Sikap beliau tersebut dianggap telah keluar dari batasan sebagai seorang tetamu dan jelas membayangkan pemimpin tersebut tidak menghormati langsung kedaulatan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka.

Rakyat berasa hairan dan terkejut mengapa Timbalan Menteri Luar China itu begitu berani dan secara terbuka memberi nasihat kepada warganegara Malaysia.

Apa yang lebih mengejutkan pula adalah sikap kerajaan yang membiarkan sahaja pemimpin China itu beraksi luar batasan yang mana kedaulatan dan maruah negara kita diketepikan. Malah kewibawaan negara kita juga dicabar secara terbuka tanpa mendapat bantahan.

Apakah kita menggalakkan ataupun mengalu-alukan orang asing memberi pengajaran kepada warganegara kita bagaimana harus mengelakkan ketaksetiaan negara? Apakah seolah-olah kita sendiri menggalakkan negara asing campur tangan dalam hal-hal negara kita?

Rencana dan lidah pengarang di dalam akhbar Mandarin yang menyuarakan ketidakpuasan dan kemarahan mereka jelas membayangkan bahawa rakyat keturunan Cina negara ini pada keseluruhannya benar-benar taat dan setia terhadap negara lagi berjiwa Malaysia.

Demi mempertahankan maruah serta kewibawaan negara, mereka tidak teragak-agak membantah kenyataan Timbalan Menteri Luar China itu yang dianggap telah mencerobohi kedaulatan negara.

Rakyat Malaysia berketurunan Cina telah sekian lama menanam semangat cintakan Malaysia dan kesetiaan mereka memang tidak dapat dinafikan lagi.

Dalam hal ini, 'rakyat Malaysia berketurunan Cina lahir di sini, membesar di sini dan hidup matinya akan tetap di sini' ibarat kata pepatah Melayu, 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung' sering kedengaran dan telah sebatи di dalam jiwa masyarakat Tionghua.

Sebarang kesangsian tentang kesetiaan rakyat keturunan Cina terhadap negara ini adalah tidak adil dan tidak tepat. Pada hakikatnya selain dari persamaan keturunan, budaya dan

adat yang sama di negara China, rakyat Tionghua dalam negara ini langsung tidak ada sebarang pertalian dengan apa yang berada di sana.

Generasi muda Tionghua negara kita tidak ada sebarang perasaan terhadap negara China dan apa yang berlaku di negeri tersebut tidak ada kaitan dengan orang Tionghua di sini. Sebaliknya apa yang berlaku di Malaysia mempunyai hubungan dengan hidup mati ataupun maruah rakyat Tionghua di sini. Ini adalah hakikat atau senario yang sebenar.

Ekoran kenyataan kontroversi yang dimaksudkan, rakyat Malaysia berasa hairan mengapa kerajaan hingga hari ini tidak ada sebarang reaksi dan berharap suatu tindakan tegas membantah kenyataan Timbalan Menteri Luar Negara China patut diadakan.

Kita mengesyorkan supaya kerajaan bertindak tegas dengan menyaman Duta Besar Negara China ke Malaysia dan memberi beliau nota bantahan yang agak keras tentang kelakuan Timbalan Menteri Luar China yang mencampuri hal-hal negara kita. Ini adalah perlu untuk menjaga dan mempertahankan maruah serta kedaulatan negara kita.

Apakah ini akan mendatangkan hasil yang tidak sihat iaitu pemimpin-pemimpin dan juga tetamu pada masa akan datang tidak akan teragak-agak mengeluarkan kenyataan sepertimana yang dikeluarkan oleh pemimpin negeri China yang memperkecilkan kewibawaan negara kita sebagai sebuah negara yang merdeka.

Bagaimanapun, rakyat keturunan Cina sentiasa dan akan terus mengekalkan ketaatsetiaanya terhadap negara dan mereka akan tersinggung malah kecil hati jika ketaatsetiaan mereka dicurigai.

Sesungguhnya orang-orang Tionghua berasa sensitif dengan sikap sesetengah pihak yang mengungkit dan merasa sangsi akan kesetiaan mereka terhadap tanahair serta menganggap mereka yang bersikap demikian seolah-olah mencemarkan nama baik dan maruah rakyat keturunan Cina.

Kita juga ingin menyarankan pihak kerajaan agar undang-undang dapat digubal bagi menyekat sebarang ungkutan mengenai ketaatsetiaan rakyat keturunan Cina. Bagi rakyat keturunan lain pula, mereka haruslah memahami akan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bagi oleh keturunan Cina

terhadap tanahair dan ungkitan-ungkitan mengenainya haruslah dihentikan demi menjaga hubungan sesama kaum, mengelakkan permusuhan dan kesejahteraan negara yang tidak ingin diganggu-gugat.

# KENYATAAN TIMBALAN MENTERI LUAR CHINA WAJAR

Saudara Pengarang,

SAYA telah membaca tulisan Encik Chan Tse Yuen di Mingguan Perdana 31 Oktober 1986, yang telah mempertikaikan kenyataan Timbalan Menteri Luar China yang telah membuat kenyataan 'Bahawa Negera China tidak berniat campur tangan dalam hal-hal negara ini (Malaysia), sambil menasihatkan warganegara Malaysia keturunan Cina menumpukan taat-setia terhadap negara ini dan memberikan sokongan sepenuhnya dalam menjayakan segala matlamat pembangunan negara...!'

Pada pendapat saya kenyataan tersebut sangatlah munasabah dan wajar dan tidak patutlah dipertikaikan lagi, kerana beliau sebagai seorang Menteri Luar memang sesuailah dengan ketika dan tempatnya untuk berkata demikian sebagai pandangan dan nasihat kepada kaum sebangsanya.

Apatah lagi sebelum melawat Malaysia tentulah beliau telah diberikan taklimat, pencerangan serta arahan yang tertentu oleh kerajaannya.

Dengan sebab Encik Chan telah menyatakan 'Di Mana Bumi Dipijak, Di Situ Langit Dijunjung' maka dengan sendirinya kenyataan Timbalan Menteri China itu tidak patut dipertikaikan lagi dan sifatkanlah seperti 'Sudah Terang Lagi

Bersuluh', jika sebenarnya memang taat-setia kepada Malaysia.

Itu samalah lebih kurang dengan tindakan Datuk Haji Abu Hassan Omar, Menteri Wilayah Persekutuan yang telah melarang menjual masakan daging babi di Pasar Seni Kuala Lumpur kerana beliau cuba membetulkan kesilapan yang telah lalu demi mempertahankan agama Islam, agama rasmi negara, yang tidak boleh disentuh dan dipertikaikan oleh se- siapa pun.

Ini adalah supaya beliau tidak bersubahat dan tidak menerima dosanya di akhirat kelak, tapi ramai kata itu sentimen politik hingga ada yang menyatakan tindakan Datuk Haji Abu Hassan itu akan membawa 'implikasi buruk terhadap se- mangat perkauman...'

TUN BUSU SETIA,  
Muar,Johor.

## Perang Teluk: DI MANA KEADILAN?

SEJAK tercetusnya Perang Teluk pada 17 Januari lepas (di antara Iraq dengan bala tentera bersekutu di bawah pimpinan Amerika Syarikat), pelbagai pandangan yang bercanggah telah ditimbulkan.

Kedua-dua pihak yang berperang masing-masing mendakwa mereka lahir pihak yang benar di samping itu menyalahkan pihak lawan. Mereka sebenarnya terhimpit dalam kekusutan itu. Soal pokok 'kebenaran' masih samar-samar. Dunia ini terdedah kepada terlalu ramai manusia yang suka berbohong sehingga tiada tempat untuk kebenaran bertapak, kalau adapun disalahtempatkan, hitam putih, khususnya kebenaran telah diputarbelit dan tersongsang semata-mata untuk menyesuaikan kepentingan pihak-pihak berkenaan.

Hakikat yang tidak dapat dinafikan, Iraq telah menakluki Kuwait pada 2 Ogos 1990, satu pencerobohan dan pencabulan terhadap Kuwait yang begitu nyata. Pada ketika itu Presiden Iraq Saddam Hussein memberitahu dunia tindakan militari Iraq itu adalah perkara yang wajar dan tidak harus dipersalahkan. Tindakan ini adalah pengajaran pada Kuwait kerana telah melakukan kesalahan yang merugikan Iraq, dengan menyedut minyak Iraq.

Tidak lama kemudian, alasan 'curi minyak' sudah berubah kepada 'bukti' sejarah yang menunjukkan semasa hayatnya Empayar Turki Othmaniah, Kuwait diisytiharkan sebagai wilayah kesembilan belas (19) bagi Iraq yang mana 'haknya tidak boleh dicabuli'.

Apabila bahang desakan meningkat, Presiden Saddam pula

mendakwa tindakan militari (penaklukan) terhadap Kuwait adalah untuk membebaskan Palestin. Sebarang penyelesaian damai mestinya sekaligus menyelesaikan isu Palestin.

Akhirnya Presiden Saddam mendakwa perang tersebut ialah ‘Perang Jihad’. Beliau meminta dunia Islam bangun ber-ganding bahu dengan Iraq menentang zionis.

Persis Ibarat yang berbunyi, ‘sekali berbohong terpaksalah berbohong lagi untuk menutup helah pertama’. Sikap ber-ubah-ubah Presiden Saddam gagal mencapai matlamatnya, kebanyakannya negara Islam yang rasional termasuk Malaysia tetap berpegang teguh dengan hakikat yang nyata, iaitu Perang Teluk sekarang ini bukan ‘Perang Jihad’ ia satu perang yang tercetus akibat pencerobohan Iraq ke atas Kuwait.

Kepada manusia sejagat yang menghargai keamanan, Iraq terang-terang telah bersalah melanggar Kuwait. Dakwaan penyedutan minyak tidak wajar.

Menimbulkan sejarah Empayar Turki Othmaniah juga tidak wajar sama sekali. Pada teori kedua-dua tanah Iraq dan Kuwait adalah di bawah pemerintahan empayar tersebut. Ini ada perbezaan dengan dakwaan ‘Kuwait termasuk dalam negara Iraq’. Apakah kedudukannya jika kekuatan militari Iraq-Kuwait adalah sebaliknya, Kuwait juga berhak menakluki Iraq atas alasan seperti didakwa Presiden Saddam.

Pada sudut yang lain jika kita menerima dakwaan Presiden Saddam bahawa Kuwait pernah menjadi sebahagian tanah Iraq tetapi sudah menjadi kenyataan yang mana Iraq sendiri telah menerima hakikat bahawa Kuwait adalah sebuah negara yang merdeka.

Jika mahu berbalik ke masa lampau dan mencari fasil dari segi sejarah Pakistan boleh melanggar Bangladesh dan India pula boleh ‘menelan’ kedua-dua iaitu Pakistan dan Bangladesh kerana mengikut sejarah kedua-dua wilayah tersebut pernah termasuk dalam negara India.

Dalam hubungan yang sama, Malaysia mungkin berhak ‘mengambil balik’ Singapura. Kalau begitu dunia akan menjadi medan pertempuran.

Helah Presiden Saddam hendak membebaskan Palestin dan perang jihad adalah semata-mata taktik untuk mengabui mata dunia. Tidak ramai yang terpedaya.

Bagaimana Amerika pula? Negara ini suka memainkan peranan sebagai polis antarabangsa; kononnya hendak mene-

gakkan keadilan antarabangsa.

Tetapi banyak peristiwa membuktikan Amerika adalah hipokrit. Sekiranya AS (bersama sekutunya) benar-benar mahu melaksanakan dan menegakkan keadilan antarabangsa, mengapa tindakan segera dan keras seperti dilakukan terhadap Iraq tidak dibuat terhadap askar-askar Russia di Afghanistan dan lebih tepat dengan masalah Timur Tengah, mengapa mereka membiarkan askar-askar Israel menduduki Tebing Barat dan Semenanjung Gaza yang ditawannya dalam perang dengan Arab pada 1967?

Pada hematnya, setakat ini semua alasan yang diberi oleh kedua-dua belah pihak yang terlibat dalam Perang Teluk ketika ini adalah bohong sama sekali!

Isu pokok pergolakan Timur Tengah berpunca dari isu Palestin yang telah kusut dengan muslihat kuasa-kuasa besar yang masing-masing mahu cabang pengaruh mereka disampaikan dan dikekalkan di atas bumi yang bukan sahaja sangat strategik malah amat kaya dengan minyak yang merupakan 'life-line' kepada dunia moden ini.

Berbalik kepada isu Palestin, orang-orang Palestin pernah hidup berdamai dengan orang-orang Yahudi di atas tanah Baitulmuqqadis. Dari segi sejarah kedua-dua bangsa ini yang berpunca dari 'satu rumpun' yang masing-masing mempunyai nasib yang malang; kedua-dua bangsa ini pernah mengalami pahit pilunya kehilangan asal-usul mereka. Yahudi dihalau keluar dari tanah mereka dan berselerak di sekitar dunia yang mana mereka sering menjadi sasaran kekejaman pihak tertentu seperti Jerman semasa Perang Dunia Kedua.

Akhirnya selepas Perang Dunia Kedua Amerika Syarikat dan Britain sebagai kuasa-kuasa besar menjalankan tugas polis antarabangsa dan memberi keadilan kepada orang Yahudi. Secara terpaksa negara Israel ditubuhkan pada tahun 1948 dan orang-orang Yahudi dapat pulang ke tanah watan mereka. Tetapi pemberian keadilan ini cuma dilaksanakan berat sebelah dan tidak secara total. Pada ketika layanan adil di-berikan kepada Yahudi, sebaliknya orang Palestin yang juga berasal dari tanah yang berkongsi dengan orang Yahudi pula dihalau keluar dari tanah asal mereka. Dengan lain perkataan, Amerika Syarikat dan Britain dalam usaha menegakkan keadilan kepada Yahudi telah melakukan ketidakadilan kepada orang-orang Palestin. Sebagai rumusan, kesilapan kuasa-kuasa

besar tersebut merupakan punca utama pergolakan di Timur Tengah.

Jika kuasa-kuasa besar yang ingin memainkan peranan polis antarabangsa benar-benar mahu memelihara dan menegakkan keadilan, mengapa mereka tidak memberi layanan yang sama kepada orang Palestin? Pada ketika yang sama mengapa tidak menu buhkan negara Palestin? Atau sebaliknya berdasarkan sejarah ‘memaksakan’ orang-orang Yahudi dan Palestin berkongsi satu negara dan diperintahkan mereka hidup berdamai? Apa tujuan di sebalik keputusan yang amat tidak adil yang dimaksudkan itu? Pada dasarnya kita semua mengutuk sebarang keganasan tetapi sekiranya mengambil kira latar belakang orang Palestin dan sejarah, maka keganasan yang dilakukan oleh PLO harus dipandang dengan simpati. Fikirkanlah kuasa-kuasa besar dengan ‘kuasa besar’ yang ada pada genggaman mereka telah memaksa ketidakadilan tertimpa kepada orang-orang Palestin sehingga mengakibatkan mereka kehilangan kampung halaman dan terpaksa hidup ‘terapung-apung’ di tempat orang lain. Bukan setakat itu sahaja orang Yahudi yang menjadi anak buah Amerika Syarikat tidak berhenti-henti melakukan kezaliman ke atas mereka.

Sementara itu sebarang rayuan orang Palestin untuk mendapat keadilan langsung tidak dipeka atau sengaja tidak dipedulikan oleh dunia – yang kuat tidak mahu layan dan yang lemah tidak berupaya membuat apa-apa. Dalam keadaan yang ditimpa ketidakadilan dan keseksaan yang berpanjangan kita harus bersimpati dengan cara perjuangan orang-orang Palestin selepas (Perang Enam Hari pada tahun 1967) yang terpaksa melakukan keganasan mogamoga dengan harapan ia akan menarik perhatian kuasa-kuasa besar supaya mengambil langkah untuk menyelesaikan isu Palestin. Tetapi malangnya selagi ‘keganasan’ PLO tidak sampai ke tahap yang boleh menjelaskan kepentingan dan keselamatan kuasa-kuasa besar mereka terus berbuat tidak tahu akan isu Palestin. Dan, berterusanlah ketidakadilan yang dialami oleh orang-orang Palestin.

Apabila Presiden Saddam mengatakan Iraq hendak membebaskan Palestin, seluruh dunia tahu beliau berbohong. Bagaimanapun, senario yang tidak disengajakan atau lebih tepat lagi, secara kebetulan wujud di Timur Tengah sekarang ini sudah memberi satu harapan bagi menyelesaikan isu

Palestin. Dunia yang menyintai kedamaian dan benar-benar mahu keadilan ditegakkan harus mengambil kesempatan pada ketika Amerika Syarikat dan sekutunya berada dalam kemelut perperangan ini (jika perang berlarutan dan kesan buruk yang melantun terhadap mereka) untuk menyelesaikan isu Palestin. Penyelesaian yang paling adil pada orang Palestin ialah dengan penubuhan negara Palestin di tanah asal mereka. Dalam pada ini kuasa-kuasa besar harus bersikap adil dan tegas untuk memaksa Israel agar berkompromi.

Dunia harus sedar lagi isu Palestin tidak selesai maka ia bermakna ketidakadilan terhadap orang Palestin berterusan dan Timur Tengah tidak mungkin mencapai kedamaian yang berkekalan.

Berbalik kepada tanahair kita sendiri kita telah menyaksikan bahawa pihak parti-parti pembangkang seperti PAS, Se-mangat 46, DAP dan sebagainya telah menyahut panggilan Presiden Saddam dan cuba menghasut umat Islam. Perbuatan mereka ini jelas mendedahkan kecetekan mereka yang tidak dapat membezakan hitam dan putih; untuk kepentingan politik mereka sanggup mengketepikan kebenaran.

# Perang Teluk : **SIAPA BENAR SIAPA SALAH**

**SETELAH** berperang (di antara Iraq dengan tentera bersekutu yang terdiri daripada 30 buah negara yang dikepalai oleh Amerika Syarikat) selama 42 hari 5 jam (dari pukul 8 pagi waktu Malaysia 17 Januari 1991 hingga pukul 1 petang waktu Malaysia 28 Februari 1991), Perang Teluk berakhiri berikutan pengisytiharan gencatan senjata oleh Presiden Amerika, George Bush.

Perang tersebut meninggalkan igauan yang paling getir kepada semua pihak yang terlibat, terutamanya rakyat Kuwait dan Iraq yang masing-masing mengalami penderitaan.

Seluruh dunia mengalu-alukan berita tersebut, walaupun dengan perasaan yang berlainan. Tapi, yang hampa sekali mungkin adalah orang-orang Palestin. Mereka menaruh harapan ke atas Presiden Saddam Hussein dan menganggap beliau sebagai wira kerana apabila menerima tekanan supaya berundur dari bumi Kuwait (yang telah ditakluki oleh tentera Iraq pada 2.8.1990), Presiden Saddam menunjukkan betapa tegas dan berpegang teguh dengan syarat bahawa masalah Palestin mesti diselesaikan bersama. Tetapi cuma tiga hari tentera bersekutu melancarkan ketenteraan tentera darat, Presiden Saddam menerima kesemua 12 ketetapan yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Isu Palestin tidak ditimbulkan.

Merenung kembali kisah lampau manusia sejagat harus mempelajari sesuatu daripada perang tersebut. Apakah rasio-

nalnya manusia perlu berperang untuk menyelesaikan pertikaian antara satu sama lain? Apakah sebagai seorang pemimpin negara yang bertanggungjawab harus menghargai nyawa dan harta benda rakyat dan juga masa depan negara?

Kini, setelah berpuluhan-puluhan ribu nyawa terkorban dan beribu-ribu juta harta musnah dan nasib negara malap, Presiden Saddam akhirnya mengalah juga.

Apakah Presiden Saddam terpaksa mengebumikan segala kebenaran dan hak Iraq (termasuk "harapan" orang-orang Palestin) kerana tunduk kepada kekuatan bala tentera bersekutu atau apa yang didakwa oleh beliau adalah serong sama sekali dan "cerita ibarat air dipancar matahari".

Sejarah akan memberi kehakiman yang adil. Bagaimanapun, Perang Teluk yang baru berkesudahan itu telah membocorkan perwatakan sesetengah manusia dalam negara kita. Tokoh yang saya tujukan ialah Presiden Aliran, Dr. Chandra Muzaffar – orang yang sentiasa melakonkan pembela keadilan dan kebenaran.

Tetapi imejnya sebagai pembela dan penegak keadilan 'musnah' kerana mulutnya sendiri. Dalam satu kenyataan kepada Watan (terbitan 28.2.1991), semasa membidas pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam isu Perang Teluk tersebut, akhlak hipokritikal beliau sendiri telah terdedah di mata rakyat negara ini.

Dr. Chandra membidas sikap Datuk Seri Dr Mahathir masih membangkitkan pencerobohan Iraq ke atas Kuwait, walaupun keganasan Amerika Syarikat telah terbukti di Timur Tengah, katanya tidak sepatutnya ditonjolkan lagi isu pencabulan Iraq ke atas Kuwait, kerana yang nyata sekarang ialah kuasa-kuasa besar sedang berusaha menghancurkan bumi Iraq. Tambah beliau, masalah Teluk boleh diatasi melalui rundingan dan bukannya keganasan ketenteraan hingga menyebabkan banyak nyawa terkorban.

Kita amat terkejut tentang pemikiran Dr. Chandra yang tidak dapat memisahkan di antara hitam putih dan berat sebelah dalam penganalisisan perang tersebut.

Memang kita boleh meragui niat Amerika Syarikat dan sekutunya dalam keghairahan mereka mengambil tindakan ketenteraan terhadap Iraq. Tetapi siapa yang memberi peluang dan membuka jalan kepada tentera bersekutu berbuat demikian? Jika bukannya pencabulan terhadap hak dan

keluhuran Kuwait oleh Iraq, bagaimana AS dan kumpulannya mendapat alasan untuk membedil Iraq?

Apabila Iraq menjadi 'bully' dengan menakluki Kuwait pada Ogos 1990 lalu, kita tidak lihat Dr.Chandra atau Ali-ran bersuara begitu lantang 'membela' Kuwait. Kini munculnya satu 'bully gergasi' (Amerika Syarikat dan lain-lain), memberi ajaran kepada 'bully' yang asal (Iraq), Dr. Chandra secara terang-terang berat sebelah memihak kepada Iraq ke atas Kuwait yang menjadi punca kemelut Timur Tengah sekarang.

Pendirian Dr. Chandra yang kabur di antara hitam dan putih boleh diibaratkan seorang perompak apabila di kepung oleh polis, beliau pula mengutuk layanan yang kasar dari pihak polis sambil mendakwa, tidak sepatutnya ditonjolkan lagi isu perbuatan perompak yang melanggar undang-undang, kerana yang nyata sekarang pihak polis telah mencabuli hak manusia dengan layanan kasar yang diberi kepada perompak tersebut.

Itulah 'power of reasoning' yang telah ditonjolkan oleh Dr. Chandra yang amat mengejutkan sebagai tokoh cendekiawan negara kita.

Bagaimanapun, kita tetap hendak memuji kerajaan kita, terutama Perdana Menteri yang telah memegang teguh dengan pendirian yang tegas dan tidak berganjak kepada ketetapan PBB mahu Iraq berundur dari bumi Kuwait tanpa sebarang syarat. Dalam mengulas gencatan senjata, Dr. Mahathir pula menegur Presiden Saddam tidak mengambil tindakan untuk keluar dari Kuwait dahulu sebelum banyak nyawa terkorban.

Sekiranya kita mengambil kira "sensitiviti" dan sentimen sebahagian besar rakyat negara ini yang marah kepada Amerika Syarikat dan sekutunya kerana telah melanggar sebuah negara Islam (Iraq), maka bukan mudah untuk kerajaan kita berpegang teguh kepada pendirian ketetapan PBB tersebut. Ia perlukan keberanian; dan keberanian dalam pada itu boleh ditimbulkan atas semangat mahu menegakkan kebenaran dan keadilan.

Dalam peristiwa tersebut Datuk Seri Dr. Mahathir telah 'untung' kerana penghormatan dari dunia yang masing-masing berazam untuk melihat kebenaran dan keadilan tetap terpelihara.

Sebaliknya, "intergriti" Dr. Chandra (dan ke tahap yang tertentu, Aliran) pula terjejas, kerana tidak tegas menegakkan kebenaran dan keadilan.

Itu mungkin membezakan di antara "munafik" dan pemimpin yang berintegriti.

## JAWAPAN KEPADA TULISAN TSE YUEN

ULASAN Chan Tse Yuen terhadap pendirian saya mengenai Teluk dalam Watan 5 Mac, amat dikesalkan. Encik Chan telah lupa Aliran merupakan pertubuhan bukan kerajaan yang pertama di negara ini mengutuk pencerobohan Iraq ke atas Kuwait.

Kenyataan akhbar kami disiarkan dalam Aliran Monthly (vol. 10 no.8, 1990). Tetapi reaksi Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya iaitu cara AS mengembung tentera 28 negara dan bersedia berperang telah meyakinkan saya ada 'udang di sebalik batu' dalam tindakan AS itu.

Ini bukan kali pertama dalam sejarah moden pencerobohan wilayah berlaku. AS sendiri memiliki rekod pencerobohan nombor wahid di Dominican Republic, Panama, Nicaragua, Cuba, Grenada, Lebanon, Iran dan lain-lain tempat.

Soviet Union menceroboh Hungary, Czechoslovakia dan Afghanistan. China menceroboh Tibet; India menceroboh Goa, Indonesia menceroboh Timur dan Vietnam menceroboh Kampuchea.

Sementara Israel yang didalangi AS pula menceroboh Palestin dan Lebanon; Syria juga menceroboh Lebanon, Maghribi menceroboh Sahara Barat dan Afrika Selatan menceroboh Namibia.

Kenapa tidak ada reaksi global yang begitu hebat, seperti mana dalam kes Kuwait? Jelaslah AS dan kuncu-kuncunya mempertahankan kepentingan mereka dalam soal Kuwait dengan melibatkan 28 negara lain.

AS memperalatkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB), undang-undang antarabangsa serta beberapa negara Arab dan Islam untuk kepentingan sendiri.

Apakah kepentingan ini? Penguasaan AS terhadap pengeluaran minyak Teluk. Sepertimana yang dihujahkan oleh bekas Setiausaha Tenaga Kabinet Presiden Carter, James Schlesinger, "Sesiapa yang menguasai minyak Teluk akan menguasai dunia".

Jangan lupa, AS bergantung kepada minyak Teluk hingga meningkat 15 peratus dalam tempoh 4 tahun, daripada 1985 ke 1989. Untuk mempastikan penguasaannya terhadap minyak Teluk kuat dan kukuh, AS mengambil beberapa langkah:

i) Menjamin bahawa sahabat akrabnya di Asia Barat, Israel, terus mendahului negara-negara Arab dari segi kekuatan militeri. Dasar AS dalam hal ini jelas dari dulu: negara-negara Arab yang boleh menandingi Israel mesti dihancurkan. Itulah sebabnya AS berusaha menghancurkan ketenteraan Iraq.

ii) Mempastikan bahawa negara-negara Arab yang Pro-AS dan Pro-Barat selamat supaya mereka boleh terus melindungi kepentingan AS dan kuasa-kuasa Barat. Atas premis inilah, AS memberi segala sokongan material dan ketenteraan kepada Kuwait - negara yang selama 40 tahun menyesuaikan dasar-dasar kewangan dan ekonominya demi kesejahteraan Britain dan AS.

iii) Mewujudkan satu pakatan keselamatan baru di Asia Barat yang dikuasai oleh AS dan dianggotai oleh beberapa negara Arab menjadi 'alat' kepada hasrat AS. Ini sedang diusahakan oleh AS dengan bantuan Mesir, Syria dan negara-negara Teluk yang masih kekal di bawah sistem pemrintahan raja.

Sebenarnya rancangan ini disusun sejak 1979 iaitu sejak revolusi Islam menggulingkan Shah Iran boneka, AS. Bekas Penasihat Keselamatan Presiden Carter dulu, Z. Brezinski pernah membincangkan perkara ini dalam satu wawancara radio.

Bagi AS kemerosotan pengaruh Soviet Union sebagai kuasa utama dunia khususnya di Asia Barat sejak 1988, telah membuka peluang keemasan mewujudkan pakatan keselama-

tan baru yang diidamkannya itu di Asia Barat.

Oleh kerana saya sedar tujuan dan matlamat sebenar AS di Teluk, saya telah mengecam politik dominasi dan penguan- saan AS terhadap Asia Barat. Secara tegas saya menegakkan kebenaran dan keadilan; membongkar tipu muslihat AS dan sekutunya.

Di sini saya bertanya, kenapa Encik Chan membisu se- ribu bahasa atas persoalan penting ini – motif Amerika dan manipulasinya di Asia Barat – yang dibincangkan oleh ra- tusan cendekiawan di seluruh dunia, termasuk di Amerika sendiri?

Kerana motif ini – apa yang disifatkan sebagai ‘agenda tersembuni’ – AS sanggup berperang. Apakah Encik Chan jahil tentang perkara ini? Apakah pengetahuan beliau tentang politik Asia Barat dan politik antarabangsa masih cetek atau dangkal?

Apakah Encik Chan begitu terpesona dengan AS sehingga terus buta kepada segala kecacatan dan kelemahan sebuah kuasa gergasi yang telah membawa maut kepada berjuta-juta manusia sejak 1945 dalam usaha mengkekalkan dominasinya?

**Dr. Chandra Muzaffar  
Presiden ALIRAN**

Mac 1991

# BALASAN CHAN TSE YUEN KEPADA 'JAWAPAN' SAUDARA DR. CHANDRA MUZAFFAR

SAYA begitu ghairah untuk membaca 'jawapan' saudara Dr. Chandra Muzaffar (Watan 19.3.91) yang saya harapkan dapat mengemukakan kritikan yang bijak, rasional dan padat di mana saya boleh mempelajari sesuatu.

Malangnya adalah hampa sekali kerana tidak ada manfaat saya membaca tulisan itu. Sebaliknya, 'jawapan' hambar malah sikap saudara Chandra yang berdolak-dalik mengelakkan dari isu sebenar telah mencelikkan mata orangramai bahawa beliau scorang yang tidak berani berdepan dengan kebenaran. Beliau cuma mengajar saya tentang sejarah Timur Tengah yang telah saya sedia maklum.

'Jawapan' saudara Chandra itu ialah merujuk kepada tulisan saya dalam ruangan Dari Hati Ke Hati bertajuk "Perang Teluk: "Siapa Benar Siapa Salah" yang disiarkan dalam akhbar Watan pada Mac. 5, 1991 yang mana saya telah menuduh beliau sebagai berakhlak hipokritikal. Tuduhan tersebut adalah berdasarkan kenyataan beliau kepada Watan (terbitan 28.2.1981) yang membidas sikap Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana masih membangkitkan pencerobohan Iraq ke atas Kuwait dan terus menekankan bahawa tidak sepatutnya membangkitkan lagi isu pencabulan Iraq ke atas Kuwait kerana yang nyata (pada ketika itu)

kuasa-kuasa besar sedang berusaha menghancurkan bumi Iraq.

Sebab saya menyatakan saudara Chandra hipokritikal jelas sekali. Ini adalah kerana beliau seolah-olah berpegang kepada suatu prinsip yang terang-terangan ‘double standard’ dimana, menurut saudara Chandra, Iraq boleh dibebaskan dari sebarang tuduhan pencerobohan ke atas Kuwait sebaik saja ada kuasa yang lebih besar memberi pengajaran kepada Iraq.

‘Jawapan’ saudara Chandra tersebut bukan sahaja sebarang jawapan malah, dakwaan beliau yang mengatakan “Encik Chan telah lupa Aliran merupakan pertubuhan bukan kerajaan yang pertama di negara ini mengutuk pencerobohan Iraq ke atas Kuwait” membuktikan betapa kelirunya saudara Chandra. Ia bukan setakat menunjukkan beliau tidak berupaya membezakan di antara hitam dan putih, yang lebih dahsyat ialah saudara Chandra tidak berkemampuan menidentifikasi pokok isu yang dipertikaikan.

Sekiranya saudara Chandra berkeras hati dengan pendirian sebegini, beliau tidaklah kurang ‘hebat’ dari Saddam Hussein yang sanggup mengketepikan dan berpijak ke atas sebarang kebenaran.

Dengan lain perkataan, menurut ‘kaedah’ saudara Chandra, seseorang yang telah melakukan suatu jenayah harus dibebaskan dari sebarang tuduhan hanya oleh kerana selepas itu pihak yang lain pula melakukan perbuatan jenayah yang lebih serius terhadap penjenayah pertama!

Rasanya kita terpaksa ‘slow down’ sedikit dan mengingatkan saudara Chandra, ‘jawapan’ beliau yang dipetik di atas langsung tidak ada kena mengena dengan tuduhan hipokritikal ataupun membebaskan beliau daripada tuduhan tersebut! Fahamkah saudara Chandra bahawa soal pokok dan apa yang dinanti-nantikan oleh kita semua ialah jawapan atau penjelasan tentang apa rasional beliau dalam menekankan “Tidak harus mempersoalkan lagi Iraq langgar Kuwait kerana sudah berkembang sampai peringkat yang mana tentera bersekutu nak hancurkan Iraq”?

Dalam rencananya yang dianggap jawapan bagi saudara Chandra, beliau langsung tidak memberi sebarang jawapan tentang tuduhan tidak boleh membezakan ‘hitam dan putih’ dan terus mengelakkan dari isu tersebut. Saya percaya, ramai pembaca tentunya macam saya juga amat terkejut dan me-

nyesali bahawa saudara Chandra yang telah lama menonjolkan dirinya sebagai seorang tokoh yang lantang bersuara dan tegas untuk menegakkan kebenaran kali ini mendedahkan 'kepincangan'nya iaitu sebaliknya beliau tidak berani berdepan dengan kebenaran, malah dalam pada itu tidak boleh membezakan hitam dan putih!

Apa yang lebih mengecewakan dan menyedihkan kita semua ialah saudara Chandra yang telah lama 'menikmati' imej dan martabat yang tinggi sebagai seorang cendekiawan yang berwibawa berkelakuan 'seperti mulut perempuan' dan tidak menghargai kedudukan beliau itu dan tanpa sebarang asas yang munasabah begitu mudah dan murah telah melemparkan perkataan-perkataan seperti jahil, cetek dan dangkal untuk cuba 'menjatuhkan' saya (ada motif?). Sayangnya perangai beliau yang di luar dugaan ramai itu telah mencerminkan kejahilan, kecetekan beliau sendiri! Pembaca yang arif tentunya dapat menilai siapakah Dr. Chandra hari ini. Saya telah cuba mencari perkataan yang lebih tepat untuk menyifatkan kelakuan saudara Chandra tersebut. Tetapi, setelah memeras otak sekian lama tidak dapat perkataan lain selain menganggap beliau sebagai telah melakukan suatu kebiadapan terhadap saya!

Akhirnya, dengan rasa rendah diri saya ingin memberitahu saudara Chandra, seorang yang lebih tua dari saya dan bijaksana sepatutnya menunjukkan sikap yang mulia serta berpegang teguh kepada kebenaran dan jangan mengelak diri, sekiranya mahu dihormati.

# DR. CHANDRA TIDAK BERPIJAK DI BUMI NYATA

SAYA tertarik kepada tulisan Chan Tse Yuen dalam Akhbar Watan keluaran 5.3.91 berkenaan perang Teluk, siapa yang salah, khususnya ulasan beliau mengenai pendirian Dr. Chandra Muzaffar, Presiden Aliran dalam isu perang Teluk.

Sebenarnya, saya juga telah mengamati lain-lain kenyataan yang telah dibuat oleh Dr. Chandra mengenai perang Teluk sama ada dalam Akhbar Watan atau lain-lain akhbar tempatan. Sejauh ini, saya dapat bertemu dengan Dr. Chandra hanya sekali sahaja iaitu pada dua tahun lepas di Pulau Pinang semasa beliau mengambil bahagian dalam satu ceramah. Itupun, saya hanya sebagai seorang pendengar yang duduk di bahagian belakang dewan.

Kesimpulan yang dapat saya buat mengenai cendekiawan Dr. Chandra ialah beliau merupakan seorang yang idealis yang tidak berpijak di bumi nyata dalam ertikata bahawa kuperasan-kupasan beliau mengenai sesuatu isu - termasuklah isu perang Teluk - lebih sesuai untuk memanfaatkan kepada para siswazah di institusi-institusi pengajian tinggi tetapi tidak sekali-sekali dipakai untuk menyelesaikan masalah praktikal kehidupan di luar kampus pengajian tinggi.

Kepada Dr. Chandra, saya sukalah memberitahu beliau bahawa ada beberapa pengajaran yang boleh diambil daripada perperangan Teluk itu. Pengajaran pertama ialah perihal kegilaan manusia. Manusia boleh jadi gila kerana kuasa, kekayaan dan harta-benda. Dia boleh menjadi buas seperti seekor binatang apabila kegilaannya bersangkut-paut dengan

pegangan idealogi politiknya. Apabila kegilaannya sampai ke peringkat dia menjadi seperti binatang, manusia itu langsung tidak menghormati nyawa dan harta-benda orang. Bayangkan kalau manusia seperti ini memiliki alat-alat kelengkapan perang yang besar dan punya kuasa mutlak mengisyiharkan perang.

Akan hal manusia dengan mudah boleh bertukar menjadi binatang, tidakkah agama kita telah mengajar bahawa manusia dibandingkan dengan makhluk-makhluk lain ciptaanNya sebab manusia diberi akal dan fikiran, tetapi jikalau manusia menyalahgunakan akal fikiran, dia boleh dengan sekilip mata jatuh kepada martabat lebih rendah dari binatang ?

Dalam sejarah tamadun manusia banyak kita lihat contoh-contoh orang-orang yang telah dilaknat oleh Tuhan dengan menurunkan darjatnya lebih rendah dari haiwan dari segi kekejaman dan kezaliman yang dilakukannya seperti Hitler di Jerman dan Pol Pot di Kambodia. Soviet Union dengan Stalinnya. Saddam ialah manusia terbaru yang termasuk dalam senarai orang-orang yang telah dilaknat oleh Allah.

Kenapa tidak ? Dia diangkat menjadi Presiden Iraq tahun 1979. Tidak sampai setahun selepas itu, dia mengisyiharkan perperangan terhadap Iran, negara jiran sesama Islam yang akhirnya telah mengorban hampir satu juta umat Islam di kedua-dua buah negara selain kemasuhan harta-benda. Belumpun reda suasana selepas lapan tahun berperang, dia telah melancarkan pula perperangan terhadap sebuah lagi negara jiran seagama yang kesan-kesannya kita telah sedia maklum. Pendek kata, selama 11 tahun dia memerintah Iraq, hanya kekejaman, pembunuhan, kemasuhan dan kesengsaraan yang diciptakannya. Tidakkah ini tindak-tanduk kebinatangan namanya ?

Pengajaran kedua ialah Allah melaknat barangsiapa yang memperguna agama untuk tujuan politik. Tidakkah ada sepotong Hadis Rasulullah S.A.W. yang bermaksud bahawa orang yang berpura-pura bersembahyang sekadar untuk menunjukkan kononnya dia kuat berpegang kepada agama adalah sebenarnya melakukan dosa lebih besar daripada seorang Muslim lain yang cuai mengerjakan sembahyang ?

Seluruh dunia Islam tahu fahaman sekular Parti Sosialis Baath Iraq (Arab Baath Socialist Party) meletakkan agama Islam jauh di bahagian belakang senarai keutamaan-keutamaan

politiknya. Sejak memerintah Iraq beberapa tahun lamanya, kedudukan agama Islam dari segi dasar-dasar kerajaan Iraq adalah ibarat melepas batuk di tangga sahaja. Sebagai contoh, dalam masalah perperangan Mujahiddin di Afghanistan terdapat rejim komunis Kabul, kerajaan Iraq dan Parti Baath langsung tidak menyokong pihak Mujahiddin. Pendek kata, satu sen pun tidak dilanting kepada para pejuang Mujahiddin, apa lagi memberi bantuan persenjataan walau sebutir peluru sekalipun. Ini ialah kerana Rejim Kabul pro-Moscow seperti juga dengan Rejim Saddam. Surau dan masjid tidak banyak dibina. Yang banyak dibina ialah patung-patung dan tugu-tugu peringatan khasnya di Bandar Baghdad bertujuan mengagung-agungkan kerajaan pimpinan Parti Baath dan peribadi Saddam.

Melihat gambar Saddam di akhbar dan Kaca T.V. berta-fakur bersembahyang telah segera menyentak saya kepada Hadis yang disebut tadi. Begitu juga, bila tersiar gambar bendera Iraq tertulis dengan kalimah 'Allah Hu Akhbar' di saat-saat meletus Perang Teluk. Saya terfikir, kenapakah Sad-dam tidak memasukkan kalimah 'Allah Hu Akhbar' dalam bendera negaranya sebaik sahaja dia menjadi Presiden Iraq pada 1979 kalauolah dia benar-benar mahu kembali kepada Islam? Nampak benar persendaannya terhadap Islam.

Pengajaran yang ketiga ialah perperangan Teluk jelas menunjukkan tabiat-tabiat kotor orang Arab yang terdapat pada zaman sebelum kedatangan Islam. Kita semua tahu pada za-man Jahiliyah orang Arab berperangai bengis, ganas, gelojoh, suka berperang sesama sendiri, merompak dan lain-lain per-buatan yang dikutuk Allah.

Tidakkah Nabi Muhammad SAW diutus untuk menyempurnakan keadaan-keadaan ini? Dalam perperangan Teluk, perangai Saddam menakluki Kuwait tak tumpah perangai orang Arab yang wujud pada zaman Jahiliyah. Kita mendapat banyak berita tentang perbuatan membunuh, mencuri dan merampas harta-benda kerajaan dan orang Kuwait yang dilakukan oleh kerajaan Iraq dan tentera Saddam sebelum mereka berundur dari Kuwait. Tidakkah ini contoh sebaik-baiknya akibat buruk ajaran sekular Saddam dan Parti Baathnya yang sungguh bertentangan dengan ajaran agama suci Islam? Sebagai seorang Muslim, saya amat malu dengan perbuatan Saddam dan tenteranya, tetapi saya berhujah sendiri bahawa

ini bukan sifat-sifat Arab yang Muslimin.

Pengajaran keempat ialah, bila dalam keadaan tersepit, manusia akan meminta pertolongan dari siapa sekalipun, walaupun pihak yang dipinta pertolongan ialah musuhnya pada suatu ketika. Saddam sendiri menunjukkan hakikat ini. Dia telah meminta pertolongan Iran 'menyimpan' beberapa buah pesawat pejuangnya untuk mengelak kemusnahan oleh tentera Bersekutu. Sedangkan Iran telah diperanginya selama lapan tahun sebelum itu. Kerana tersebutlah juga maka Saddam telah meminta pertolongan Soviet Union untuk mengusahakan supaya Amerika Syarikat bersetuju mengisyiharkan gencatan senjata. Bagi sesetengah pihak di negara kita yang menganggap campur tangan Amerika Syarikat sebagai mengancam umat Islam, termasuklah Dr. Chandra, saya sukalah hendak bertanya, tidakkah Kuwait juga berada dalam keadaan tersebut? Tidakkah, justru, mereka berhak meminta pertolongan dari siapa sekalipun? Kenapa Amerika Syarikat dan tidak negara-negara lain? Mudah sahaja boleh kita menjawab soalan ini kerana dalam dunia pada masa ini hanya Amerika Syarikat sahajalah satu-satunya negara yang mempunyai kekuatan untuk memulihkan semula kemerdekaan negara Kuwait dari cengkaman Iraq. Dalam hal ini, soal Amerika Syarikat mengancam umat Islam juga tidak timbul sebab siapakah yang membekalkan alat-alat kelengkapan Iraq seperti pesawat pejuang, kapalselam, roket scud, peluru berpandu dan sebagainya kalau tidak oleh negara-negara Barat yang dianggap musuh Islam itu juga? Ini belum lagi di ambil kira bekalan ketenteraan yang selama ini diterima oleh Iraq daripada Soviet Union, sebuah negara yang falsafah dan etika kenegaraannya tidak mempercayai keujudan Tuhan. Jadi, dimanakah perbezaannya?

Pengajaran kelima ialah perang Teluk ialah satu lagi contoh sejati bahawa pada tiap-tiap satu ketika dalam sejarah tamadun manusia mesti ujud satu-ataupun dua - kuasa terbesar yang menjadi semacam 'polis dunia'. Kuasa ini tidak semestinya dilihat dari sudut negatif semata-mata kerana kesan dan akibat negatif memang banyak. Tetapi, jangan kita lupa menilainya dari segi kesan-kesan positif. Dua yang dapat saya sebut ialah kuasa itu akan mengimbang kuasa-kuasa lebih kecil di sesuatu rantau yang cenderung untuk menakluki jiran tetangganya. Tidakkah, saya boleh berhujah, tidak termungkin

bahawa seluruh Semenanjung Tanah Melayu akan kini menjadi sebahagian daripada negara Thailand kalau tidak kerana kedatangan (advent) kuasa-kuasa Barat di rantau ini pada abad yang berkenaan? Demikian juga, sebahagian besar rumpun Melayu tidak akan bersatupadu di bawah naungan sebuah negara besar bernama Indonesia kalaularah tidak juga kerana kedatangan kuasa-kuasa Barat di rantau Asia Tenggara di abad berkenaan. Tidakkah kita mendengar orang berkata bahawa kalau tidak kerana kedatangan Inggeris di Benua Hindi, maka tidak akan ujud sebuah kesatuan negara India dan sebuah negara Paskitan yang ada sekarang? Demikian juga halnya dengan negeri-negeri (nation states) di kawasan Teluk. Cendekiawan-cendekiawan seperti Dr. Chandra, pada pandangan saya, patutlah sentiasa berlaku adil kepada sejarah.

Dan, mengenai hal berlaku adil kepada sejarah ini, cendekiawan-cendekiawan seperti Dr. Chandra hendaklah berupaya menilai peristiwa perang Teluk ini dari segi kemusnahan kepada manusia yang telah dilakukan akibat dasar-dasar kebinatangan oleh Saddam dan Parti Baathnya. Beratus-ratus ribu nyawa telah terkorban sejak Saddam memerintah Iraq. Oleh kerana Dr. Chandra sangat terkenal dengan institusi Aliran-nya dan terkenal juga di serata dunia kerana tulisan-tulisan-nya, saya menyeru kepada beliau supaya membuat kajian yang terperinci terhadap kemusnahan manusia yang telah berlaku di Iran, Kuwait dan Iraq sejak Saddam berkuasa. Tanyalah mereka yang telah mengalami azab dan kesengsaraan akibat daripada perbuatan Saddam di ketiga-tiga buah negara tersebut untuk mengetahui erti hidup dan kebebasan yang dicita-citakan oleh mereka. Lebih elok lagi, hantarlah juga petugas-petugas Aliran untuk menemubual rakyat Palestin yang bertaburan di bumi Arab sekarang untuk mengetahui apakah perasaan mereka sekarang akibat daripada perbuatan ganas Saddam melancarkan penaklukan ke atas Kuwait. Selepas membuat kajian tersebut, mungkin cendekiawan-cendekiawan seperti Dr. Chandra dapat memberikan ulasan-ulasan yang lebih tepat dan adil terhadap isu perang Teluk ini.

**SALAMUDDIN B ABAS**  
**Petaling Jaya.**

# POLITIK LEE KUAN YEW

BERBANDING dengan barisan lama, barisan anggota kabinet baru Singapura yang diumumkan pada Sabtu lalu (10-9-88) tidak banyak perubahan. Yang menarik ialah pengumuman tersebut dibuat oleh Timbalan Pertama Perdana Menteri, Goh Chok Tong dan bukan seperti biasa, oleh Perdana Menteri, Lee Kuan Yew. Ini adalah suatu perubahan dan penyimpangan dari tradisi lama yang dianggap oleh pemerhati politik sebagai tanda yang paling konkrit dan ketara bahawa Lee Kuan Yew kini benar-benar bersedia untuk melepaskan genggaman tunggak kuasa Singapura yang telah dipegang oleh beliau selama 30 tahun itu kepada Goh Chok Tong.

Kenyataan secara terbuka oleh Goh Chok Tong sendiri buat pertama kali dalam sidang akhbar pengumuman barisan kabinet baru tersebut mengukuhkan lagi pengunduran Lee Kuan Yew dan kemunculan Goh Chok Tong sebagai Bakal Perdana Menteri Singapura.

Goh Chok Tong berkata beliau sudahpun bersedia untuk mengambil alih jawatan Perdana Menteri dalam masa setahun-dua. Apakah pengambil alihan pucuk pimpinan oleh Goh Chok Tong dari Lee Kuan Yew akan berjalan dengan licin? Berdasarkan stil politik Parti Tindakan Rakyat (PAP) di bawah pimpinan Lee Kuan Yew yang sentiasa menekankan perlaksanaan sesuatu dengan cara teratur dan mengikut program yang telah dirancangkan, kita harus percaya pengambil alihan kerusi Perdana Menteri oleh Goh Chok Tong pastinya satu-satu perkara yang diatur rapi oleh Lee Kuan Yew.

Oleh itu, selain dari sebarang peristiwa di luar dugaan timbul dalam masa setahun dua ini, Goh Chok Tong akan

menjadi Perdana Menteri Singapura.

Tetapi, sekiranya kita betul-betul memahami keperibadian Lee Kuan Yew dan juga meneliti beberapa titik peristiwa kecil yang telah dikajinya dengan secara mendalam, kita mungkin boleh mendapat rumusan bahawa masa hadapan Goh Chok Tong bukan semudah yang dilihat.

Umum mengetahui, orang yang mula-mula disebut sebagai bakal pengganti Lee Kuan Yew tiga tahun dahulu ialah anak sulungnya, Brigadier General Lee Hsien Loong. Beliau telah diambil masuk sebagai seorang menteri di dalam kabinet Lee Kuan Yew selepas pilihanraya umum ke 7, empat tahun lalu.

Apabila berita tentang kemungkinan Brigadier Lee bakal menggantikan ayahnya menjadi hangat, Lee Kuan Yew telah dituduh sebagai hendak menubuhkan 'Dinasti Lee' di pulau itu. Oleh kerana tunduk kepada tekanan ini, Lee Kuan Yew mula mengubah strateginya lalu mengemukakan Goh Chok Tong sebagai bakal penggantinya.

Taktik ini amat berkesan kerana ia telah mengarah perhatian orangramai kepada Goh Chok Tong. Satu faktor lagi yang mungkin menyebabkan Lee Kuan Yew memikir semula dan mengubah rancangannya ialah beliau ingin memberi sedikit masa kepada Brigadier Lee untuk menimba lebih pengalaman sebelum diamanahkan menjadi Perdana Menteri.

Oleh sebab itu Goh Chok Tong bertuah dapat memanaskan kerusi tersebut untuk tempoh "sementara" sebelum Lee Hsien Loong bersedia. Selain daripada itu, ada lagi beberapa tanda menunjukkan Lee Kuan Yew benar-benar ingin menubuhkan 'Disnasti Lee' di Singapura.

Tidak lama dahulu, Lee Kuan Yew dalam suatu ucapan telah mengejutkan rakyat Singapura dengan membidas Goh Chok Tong sebagai seorang pemimpin yang terlalu lembut. Kenyataan beliau ini memberi gambaran kepada orangramai bahawa Goh Chok Tong lemah dan tidak layak memegang jawatan Perdana Menteri. Ini sudah jauh bertentangan dengan tujuan Lee Kuan Yew yang sedang berusaha menyediakan Goh Chok Tong mengambil alih jawatannya.

Pada tempoh yang sama, Lee Kuan Yew dengan begitu lantang telah memberi amaran kepada pemimpin-pemimpin muda Singapura, sekiranya mereka membuat apa-apa yang tidak betul, beliau akan 'keluar dari kuburnya' untuk terus

membetulkan kesalahan berkenaan.

Niat Lee Kuan Yew sebenarnya sudah begitu jelas dari kedua-dua kenyataan ini. Beliau sedang menggerakkan Brigadier Lee Hsien Loong bersiap sedia secara bersenyap-senyap dan apabila sudah 'cukup matang', Lee Kuan Yew akan mengatur serangan ke atas Goh Chok Tong, mencari kelemahan dan mendedahkan untuk memaksa Goh Chok Tong supaya berundur. Itulah sebabnya beliau seolah-olah 'bercakap mabuk' menyifatkan Goh Chok Tong lembut dan bertempik hendak keluar dari kubur. Sesiapa yang menganggap Lee Kuan Yew itu uzur dan nyanyuk akan menyedari anggapan mereka itu salah kelak.

Mungkin ada di antara pembaca mengesyaki analisis dan ramalan yang begitu berani; untuk mencari jawapan kita boleh meninjau rekod lama Lee Kuan Yew yang menunjukkan beliau itu sebagai seorang yang tidak 'berkamceng' dan tidak bertolak ansur sepertimana yang terbukti dari tindakan beliau memenjarakan beberapa rakan seperjuangan lamanya yang banyak mengorbankan diri untuk menolong Lee Kuan Yew meningkat sehingga dipuncak politiknya menjadi Perdana Menteri Singapura.

Dalam pengumuman barisan kabinet baru itu, Goh Chok Tong juga memberitahu para pemberita bahawa selepas Lee Kuan Yew berundur setahun-dua lagi, beliau akan kekal sebagai seorang Menteri Kanan dalam kabinet pimpinannya.

Ini jelas menunjukkan Lee Kuan Yew tidak senang untuk benar-benar melepaskan jawatannya kepada Goh Chok Tong. Dengan lain perkataan, beliau tetap hendak mentadbir di sebalik tabir sehingga anaknya mengambil alih dari Goh Chok Tong yang mana pada masa itu beliau mungkin memanjam ke mercu politik lagi, iaitu menjadi Presiden Singapura.

Bukan setakat itu, kerana keegoannya, Lee Kuan Yew telah merancang agar beliau menjadi Presiden Singapura pertama yang terpilih di negara pulau itu yang mempunyai kuasa yang kental. Dalam pada ini, sudah kian lama dikhaskan bahawa perlombagaan negara itu akan dipinda untuk memberikan kuasa muktamad kepada Presiden terhadap wang simpanan dan khazanah negara.

Lee Kuan Yew sendiri tidak menyangkal kemungkinan ini; bahkan beliau telah dilaporkan sebagai berkata baru-baru ini bahawa 'beliau tidak ghairah bertanding untuk menjadi

Presiden terpilih; beliau tidak pernah berkata hendak bertanding; tetapi pada masa yang matang, beliau akan memberi pertimbangan sewajarnya.' Dengan kenyataan ini, hasratnya amatlah ketara.

Idaman Lee Kuan Yew mahu menubuhkan 'Dinasti Lee' telah diatur dan dirancang dengan rapi. Hanya dua langkah lagi beliau akan dapat mencapai cita-citanya. Langkah pertama, Lee Kuan Yew sendiri menjadi Presiden terpilih Singapura terlebih dahulu; diikuti dengan menggunakan pengaruhnya untuk mencari kelemahan Goh Chok Tong agar memaksanya meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan membuka jalan kepada Brigadier Lee bagi mengambil-alih jawatan tersebut yang mana ketika itu, 'Dinasti Lee' pun menjadi kenyataan; bapa (Lee Kuan Yew) menjadi Presiden Singapura manakala anak (Brigadier Lee Hsien Loong) memegang jawatan Perdana Menteri. Ini satu sejarah yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapapun dalam dunia ini.

Justeru itu, Goh Chok Tong harus berhati-hati. Tersilap langkah beliau akan menghadapi padah politiknya pada bila-bila masa juga (sebaik saja Brigadier Lee sudah 'ready').

Sama ada Goh Chok Tong akan jatuh ke jerat Lee Kuan Yew terpulanglah kepada beberapa faktor tertentu; selain daripada kebolehan Goh Chok Tong sendiri dan juga faktor-faktor di luar kawalan manusia (termasuk Goh Chok Tong dan Lee Kuan Yew), terpulanglah kepada bintang Goh Chok Tong sama ada akan terus menyerlah atau sebaliknya.

## Perbalahan Lee-Nair : **SATU GIMMIK POLITIK?**

MEDIA massa di rantau Asia Tenggara menyifatkan negara jiran di selatan kita – Singapura, sebagai sebuah negara yang ‘ketandusan’ berita. Ini adalah kerana jarang sekali kepulauan itu menimbulkan peristiwa yang menarik dari segi pemberitaan. Menurut pemerhati politik, ada dua kemungkinan yang menyebabkan keadaan ini. Pertama ialah kehidupan masyarakat Singapura begitu teratur sehingga tidak ada perkara yang boleh diheboh-hebohkan berlaku.

Tetapi sesetengah pemerhati politik berpendapat pemrintahan ala kuku besi di bawah rejim Lee Kuan Yew (walaupun negara itu mengamalkan sistem demokrasi) adalah sebab sebenarnya mengakibatkan gejala tersebut.

Bagaimanapun, krisis diplomatik di antara Singapura dan Amerika Syarikat mengenai tuduhan kerajaan Singapura tentang kononnya kerajaan Amerika Syarikat telah campurtangan dalam hal ehwal negara Singapura. Perkembangan selanjutnya krisis itu ialah melibatkan bekas Presiden Devan Nair yang terseret ke dalam sengketa yang menjadikan Singapura sebagai tumpuan media massa di seluruh dunia baru-baru ini.

Oleh sebab persengketaan itu berjalan dalam tempoh yang cepat dan dipenuhi dengan peristiwa-peristiwa luar dari jangkaan, orangramai merasa keliru dan tertanya-tanya apa sudah berlaku di negara jiran kita itu?

Pada hematnya, apa yang berlaku di Singapura itu tidak lain tidak bukan tercetus dari egoisme dan nafsu politik Perdana Menteri Lee Kuan Yew yang mana dengan tidak sengaja juga telah mendedahkan sekali lagi perasaan ‘love-hate’

di antara Lee dan Devan Nair.

Tirai persengketaan bermula dengan Kerajaan Singapura menahan bekas peguamcara negara Francis Seow tanpa bicara pada 6 Mei atas tuduhan menggalakkan campurtangan asing dalam hal ehwal negara Singapura kerana menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Singapura, Seow telah menjalankan hubungan rapat dengan Setiausaha Meson Hendrickson yang telah diperintah meninggalkan negara itu pada 7 Mei 1988.

Tetapi apa yang agak melucukan ialah tuduhan Singapura bahawa Francis Seow telah menerima nasihat politik dan bantuan dari Devan Nair yang ketika itu berada di Amerika Syarikat. Ia telah dianggap satu-satunya perbuatan campurtangan.

Beliau mengaku pernah memberi banyak 'tunjuk ajar' dan nasihat kepada Francis Seow sama ada bertanding dalam pilihanraya Parlimen tetapi sekemas-kerasnya menafikan perbuatan itu boleh menjadi ancaman kepada keselamatan Singapura seperti yang didakwa oleh Kerajaan Singapura. Devan Nair membalias baik dengan mengatakan sekiranya perbuatan beliau memberi nasihat politik dan bantuan kepada seorang sahabat (Francis Seow) menjadikannya jurucakap beliau (Nair) maka Lee Kuan Yew juga wajar mendapat penghargaan tersebut. Bukan setakat itu, Devan Nair juga menuduh Lee Kuan Yew telah mengkucar-kacirkan segala-galanya dan menggesa Lee Kuan Yew meletakkan jawatan. Ini mengakibatkan sengketa di antara Singapura-Amerika Syarikat diubah menjadikan sengketa di antara Lee Kuan Yew dengan Devan Nair dan persengketaan itu semakin berlarutan apabila Lee Kuan Yew menuntut Devan Nair meminta maaf.

Apabila Devan Nair enggan berbuat demikian, Lee Kuan Yew tidak teragak-agak menyamannya di mahkamah.

Apakah perselisihan di antara Devan Nair dengan Lee Kuan Yew setakat pertelingkahan melibatkan prestij dan muka sahaja ataupun ada udang di sebalik batu?

Kita harus mengimbas kembali beberapa titik peristiwa penting dalam sejarah Singapura untuk mendapat tahu jawapannya.

Dari kajian penulis, Lee Kuan Yew adalah seorang ahli politik yang pandai memainkan isu yang mana kadangkala mencari kesempatan ataupun mencapai sesuatu matlamat, tan-

pa menghiraukan apa cara yang digunakan.

Sebenarnya, pada Februari 1959, Lee Kuan Yew telah mendedahkan bahawa Menteri Pendidikan Singapura ketika itu di terajui oleh Perdana Menteri Lim Yew Hock telah menerima 'political fund' sebanyak \$700 ribu dari Amerika Syarikat dan siasatan lanjut mengesahkan tuduhan itu benar. Peristiwa tersebut mengakibatkan kerajaan Lim Yew Hock kalah teruk dalam pilihanraya umum yang diadakan tidak lama selepas kejadian itu dan sejak itulah (1959) Lee Kuan Yew memegang kuasa di Singapura.

Persoalan yang timbul sekarang ialah apakah Lee Kuan Yew ingin mencetuskan satu isu yang disengajakan dengan membuat tuduhan bahawa Francis Seow menerima nasihat politik dan bantuan dari Amerika Syarikat? Jika demikian, apa tujuan sebenarnya dalam fikiran Lee Kuan Yew? Sesetengah pemerhati politik berpendapat Lee Kuan Yew tidak senang hati malah rasa tergugat dengan pengaruh pihak pembangkang di Singapura yang semakin hari semakin berkembang yang mana beliau mesti membuat sesuatu untuk menyekat perkembangan yang dianggap kurang sihat ini.

Kerana itu drama 'Francis Seow menerima nasihat politik dan bantuan dari Amerika Syarikat' ditunjukkan kepada rakyat Singapura!

Tetapi apakah kali ini Lee Kuan Yew mencapai matlamatnya supaya rakyat Singapura percaya tuduhan tersebut dan terus mengecap perbuatan Francis Seow sebagai 'musuh' Parti Tindakan Rakyat (PAP) yang menerajui Kerajaan Singapura? Apakah PAP akan dapat mengaut kejayaan dalam pilihanraya yang dijangka boleh diadakan tahun ini?

Nampaknya Lee Kuan Yew berada dalam dilema kerana setakat ini kerajaan Singapura cuma dapat membuktikan Francis Seow ada hubungan dengan pegawai-pegawai Amerika Syarikat tetapi tidak ada sebarang bukti bahawa Francis Seow telah menerima 'political fund' dari negara itu. Keadaan ini amat mengecewakan Lee Kuan Yew. Sebaliknya, 'drama' yang dimaksudkan itu bukan sahaja tidak berjaya, bahkan menjadi 'back-fired' kerana bekas Presiden negara itu, Devan Nair sudah tidak boleh berdiam diri lagi dan terus membela Francis Seow, di samping 'membedil' Lee Kuan Yew.

Beliau berkata, berbanding dengan apa yang telah di-

lakukan oleh Francis Seow yang hanya menemui pegawai-pe-gawai bertaraf 'ikan bilis' Amerika Syarikat, Lee Kuan Yew pernah berdamping dengan tokoh-tokoh yang lebih berpengaruh dari negara-negara asing apabila Singapura menjadi sebahagian dari tanah Malaysia.

Lee Kuan Yew nampaknya merasa tertekan dan beliau tidak berani menjawab 'tuduhan' Devan Nair. Cuma Timbalan Perdana Menteri, Goh Chok Tong mahu Devan Nair meminta maaf kerana menyamakan kelakuan Francis Seow dengan Lee Kuan Yew sekaligus memalukan dirinya.

Satu perkara yang pasti ialah Lee Kuan Yew sudah menemui seteru yang scimbang dengan kebijaksanaannya, jika bukan lebih handal dari beliau sendiri.

Soalnya sekarang ialah, apakah Devan Nair mengambil kesempatan peristiwa Francis Seow ini untuk membala dam ke atas Lee Kuan Yew?

Perlu diingatkan di sini Devan Nair dan Lee Kuan Yew adalah rakan seperjuangan dalam arena politik selama 30 tahun yang mana Devan Nair pernah memberi sumbangan yang besar kepada Perdana Menteri Singapura itu. Bagaimanapun pada bulan Mac 1985, Lee Kuan Yew berkelakuan buruk siku dan langsung tidak 'memberi muka' kepada Devan Nair dan terus 'mendedahkan' di Parlimen bahawa Devan Nair adalah seorang 'kaki mabuk' dan memaksa Devan Nair dipecat sebagai Presiden Singapura.

Seperti kata pepatah Tionghua, 'air dari gunung suatu hari nanti pasti jumpa lagi'. Dan pasti peristiwa Francis Seow memberi peluang yang baik untuk Devan Nair memberi 'ajaran' kepada Lee Kuan Yew.

Bagaimanapun, pertarungan di antara dua gergasi Singapura ini bekas Presiden dengan Perdana Menteri akan dapat membuktikan siapa di antara mereka yang benar. Sama-sama kita nanti.

## **SELAMAT BERJAYA, BENAZIR**

**SEMENJAK tamadun moden bermula dan terus berkembang di atas bumi ini, pada keseluruhannya golongan lelaki menerajui pentadbiran manusia, hampir di semua peringkat. Dalam sejarah, hanya beberapa buah negara seperti India, Israel, Sri Lanka, Filipina, Britain yang pernah atau masih ditadbirkan oleh seorang pemimpin wanita.**

Bulan Disember 1988 ini, kita telah menyaksikan kelahiran seorang lagi pemimpin wanita yang berjaya mengukirkan namanya dalam buku sejarah sebagai pemimpin negara. Beliau ialah Perdana Menteri baru Pakistan, Puan Benazir Bhutto.

Walaupun peningkatan Puan Benazir ke mercu politik Pakistan telah dianggap sebagai pengaruh Allahyarham bapanya iaitu bekas Perdana Menteri, Zulfikar Ali Bhutto, namun hakikat yang beliau berjaya memegang jawatan nombor satu negara itu memang membawa berbagai-bagai makna bukan kepada diri Puan Benazir atau Pakistan, sebenarnya ia juga mempunyai erti istimewa kepada perjuangan wanita dan juga dunia Islam.

Tidak dapat dinafikan, kemunculan Puan Benazir sebagai Perdana Menteri pertama dari negara Islam lantas dapat menghapuskan salah tafsiran sesetengah pihak terhadap agama Islam. Perkembangan ini membuktikan umat Islam menghormati hak kaum wanitanya.

Satu persoalan yang menarik ialah apakah Puan Benazir telah mewujudkan teladan yang mungkin boleh memberi pe-

rangsang kepada wanita dalam negara kita. Apakah wanita kita tidak berangan-angan suatu hari nanti Malaysia juga akan mempunyai seorang Perdana Menteri dari kalangan mereka?

Untuk mencari jawapan, mungkin kita boleh cuba bertanya Datin Paduka Rafidah Aziz, Datuk Napsiah Omar atau Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman sama ada mereka pernah bersua dengan Puan Benazir dalam mimpi mereka tiga empat hari kebelakangan ini?

Dari berbagai-bagi laporan akhbar, tempatan atau luar negara, terutamanya berdasarkan temuramah tv pertama Puan Benazir sejak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri yang telah diberi liputan secara langsung oleh tv Britain, kita telah mendapat kesimpulan bahawa Puan Benazir mempunyai cita-cita yang besar dan berpandangan luas. Beliau juga mempunyai personaliti yang tersendiri. Sama ada beliau akan mengekalkan imej sedemikian hanya masa akan membuktikannya.

Bagaimanapun kita percaya Puan Benazir berjaya mendapat penghormatan dari orangramai apabila beliau mengumumkan tidak akan membala dendam ke atas keluarga Al-lahyarham General Zia-ul-Haq, bekas Perdana Menteri Mili-tari yang menggantung mati bapa Puan Benazir. Puan Benazir menambah lagi, kematian kedua-dua bekas pemimpin itu telah menamatkan satu babak sejarah dan beliau tidak berasa sebarang perasaan pahit terhadap keluarga Zia. Sekiranya Puan Benazir benar-benar berpegang teguh dengan fi-kiran demikian, sudah tentu mempunyai suatu kualiti pemimpin yang boleh memenangi sokongan baik dari kawan ataupun lawan.

Sekiranya beliau berjaya menunjukkan kebolehannya dalam menjalankan tugas negara untuk mentadbirkan negara dalam bidang lain, besar kemungkinan beliau akan menjadi Margaret Thatcher Benua Asia.

Sebagai sebuah negara yang juga dari Benua Asia, kita harus mengucapkan selamat mentadbir kepada Puan Benazir.

## Pelajar burukkan nama negara : **KERAJAAN TIDAK TEGAS**

SEJAK akhir-akhir ini, kita selalu mendengar berita ada se-setengah pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara ter-babit dalam kegiatan memburuk-burukkan nama baik tanah-air. Adakah dakwaan itu benar, tidak dapat dipastikan sehingga kini. Bagaimanapun, perkara ini telah disahkan benar oleh dua pemimpin negara secara terbuka dua minggu yang lalu.

Mula-mula Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub memberitahu, kerajaan sedang mengawasi kegiatan pelajar kita yang berada di luar negara cuba memburukkan nama baik negara. Dan sebagai mengulas kenyataan Datuk Megat Junid, Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim (kini Datuk Seri) pula menjelaskan hanya se-gelintir sahaja pelajar tajaan kerajaan Malaysia terbabit dalam kegiatan tersebut.

Kenyataan kedua-dua orang pemimpin negara itu adalah jelas cuma berbeza sedikit iaitu; pengesahan Timbalan Menteri Dalam Negeri itu memang dalam dugaan, tetapi kenyataan Encik Anwar, sedikit sebanyak memeranjatkan masyarakat umum.

Menurut Encik Anwar, pelajar yang ditaja oleh kerajaan bagi tujuan memperdalamkan pengetahuan mereka di luar negara turut terbabit dalam kegiatan memburukkan imej negara!. Peristiwa ini amat sukar diterima oleh masyarakat umum. Kita menyedari bahawa seseorang pelajar yang ber-pendidikan tinggi tahu berfikir, persoalannya adakah pelajar

ini bersikap seperti pepatah Melayu, 'diberi susu dibalas dengan tuba'.

Malangnya, kedua-dua tokoh UMNO ini setakat 'mendedah dan mengesahkan' kelakuan pelajar yang dimaksudkan itu tetapi tidak memberi sebarang penjelasan lanjut. Tidak kelihatan ada sebarang tindakan diambil ke atas pelajar-pelajar yang terbabit. Ini telah menimbulkan keraguan di kalangan ramai dan perkara itu kini diselubungi misteri.

Antara hujah orangramai ialah kelakuan pelajar itu, jika benar, ia merupakan sesuatu perbuatan mengkhianati negara sendiri. Apakah kerajaan boleh membiarkan pelajar kita berbuat demikian tanpa mengambil sebarang tindakan?

Seperkara lagi, sama ada Datuk Megat Junid atau pun Encik Anwar, tidak menerangkan apa yang dimaksudkan sebagai 'memburukkan imej negara', apa yang sebenarnya dikatakan atau dilakukan oleh pelajar-pelajar berkenaan yang dianggap boleh memburukkan imej negara dan mengapa mereka berbuat demikian? Semua soalan ini tidak mendapat sebarang jawapan dari pihak kerajaan yang sengaja menimbulkan 'kontroversi' tersebut.

Soalnya sekarang, mengapa pihak kerajaan (melalui dua pemimpin tersebut) mendedahkan peristiwa itu dan terus berhenti, tidak memberi sebarang jawapan terhadap keraguan yang berpunca darinya? Kedudukan seperti ini tentunya tidak memuaskan rakyat jelata pada amnya dan para ibubapa yang mana anak-anak mereka sedang menuntut di luar negara. Golongan ibubapa berasa risau dan tentunya tidak tidur lena, bimbang sama ada anak-anak mereka turut terbabit dalam kegiatan yang memalukan itu.

Kita berpendapat kenyataan Datuk Megat Junid dan Encik Anwar yang cuma menerangkan separuh cerita itu adalah kurang munasabah dan agak tidak cukup matang kerana mereka hanya 'kick up the dust', menimbulkan keraguan dan mencetuskan kebimbangan orangramai, kemudian isu tersebut terbiar tanpa sebarang langkah penyelesaian.

Orangramai tidak gemar meneka cakap-cakap pemimpin negara yang tidak berterusterang. Mereka mahu dan berhak untuk mengetahui keadaan sebenar mengenai sesuatu perkara yang melibatkan mereka atau kepentingan negara, melainkan perkara itu masih dalam peringkat yang harus dirahsiakan atas sebab-sebab keselamatan negara. Bagaimanapun, tuduhan

tentang adanya segelintir pelajar-pelajar kita di luar negara memburuk-burukkan imej negara merupakan perkara yang patut diketahui oleh rakyat jelata.

Tindakan yang wajar patut diambil, setidak-tidaknya menarik balik tajaan atau biasiswa pelajar-pelajar berkenaan. Mengapa kerajaan teragak-agak dalam perkara ini?. Apakah kita mahu membiarkan segelintir pelajar itu berterusan dengan perbuatan yang terkutuk itu.

Kita tidak mahu, ‘kerana nila setitik, rosak susu sebelanga’. Apakah ini adil kepada mereka yang kebanyakannya tidak membuat apa-apa yang bertentangan dengan kepentingan negara itu?.

Hanya Datuk Megat Junid dan Encik Anwar yang dapat memadam kesangsian orangramai dan menebus integriti para pelajar yang ‘bersih’ itu. Kita menanti penjelasan rasmi.

## Sikap Masyarakat Malaysia : **SUSAH ABANG PAYAH ADIK**

JIKA diukur dari segi amalan dan kerja kebaikan masyarakat Malaysia tidak ketinggalan sekiranya dibandingkan dengan masyarakat lain di dunia ini. Entah berapa peristiwa yang mengharukan pernah dilakukan oleh rakyat negara ini pada masa yang lampau. Misalnya kepada orang-orang Palestin yang menderita akibat perperangan yang berlanjutan mahupun orang Afrika yang kebuluran, semua ini pernah dilakukan oleh masyarakat Malaysia dengan memberi derma. Semua ini di tunjukkan di peringkat antarabangsa.

Masyarakat Malaysia juga sentiasa menunjukkan simpati kepada orang-orang yang kurang bermasib baik dalam tanah air sendiri. Peristiwa budak leukimia, Mohd. Hafizi Harun adalah bukti yang terbaru. Tahniah kepada adik Mohd. Hafizi dan ibu bapanya dan tahniah juga harus disampaikan kepada penderma-penderma termasuk akhbar Utusan Malaysia di atas sumbangan dan pertolongan mereka yang membolehkan budak yang kurang bermasib baik itu mendapat peluang untuk menjalani pemindahan sum-sum tulang di Hospital Kanak-kanak Prince of Wales di Sydney, Australia.

Kita percaya sepanjang hidupnya adik Mohd. Hafizi tidak akan melupai bahkan beliau akan membala kasih bangsa Malaysia yang menghulurkan sesuatu kepadanya pada saat-saat genting dan pada masa dia amat memerlukan bantuan.

Sedangkan, peristiwa adik Mohd. Hafizi bukan perkara

yang pertama kali. Rakyat negara ini sentiasa menunjukkan sifat perikemanusiaan dan semangat saling bantu membantu dalam hidup sehari-hari mereka. Dari peristiwa adik Mohd. Hafizi yang telah diberikan publisiti yang meluas, itu telah memberikan kita satu idea yang positif.

Benar, selama ini Malaysia negara ini tidak mengira keturunan sama-sama telah menunjukkan satu 'nilai' yang sak-sama iaitu ada perasaan kasihan, sedia tampil ke depan untuk memberi bantuan kepada orang yang kurang bernasib baik, atau yang menderita. Tetapi satu hakikat yang kita tidak dapat nafikan ialah setakat ini kita masih belum mengambil kesempatan untuk memupuk dan menjalin semangat persaudaraan antara kaum menerusi peristiwa yang dimaksudkan itu.

Dari tinjauan setiap hari berlakunya peristiwa 'sedih' melibatkan individu seperti apa yang dialami oleh adik Mohd. Hafizi. Selalunya akhbar-akhbar tempatan memainkan peranan yang agak menggalakkan dalam usaha mendapatkan derma dari orangramai untuk memberi bantuan. Bagaimanapun usaha-usaha ini biasanya 'terhad' kepada sesuatu kaum tertentu. Ini bermakna orang yang memerlukan bantuan itu terdiri dari sesuatu kaum, cuma akhbar berbahasa ibunda kaum berkenaan yang terlibat dalam usaha mengutip derma dari orangramai. Walaupun kadangkala ada kes kecualian tetapi semua ini tidak sampai ke tahap yang memuaskan.

Apa yang dimaksudkan ialah, sebenarnya semangat persaudaraan dan perpaduan sudah berakar umbi dalam fikiran rakyat Malaysia dari semua keturunan. Ini dapat dibuktikan dalam peristiwa yang membabitkan isu kebangsaan seperti dalam awal enam puluhan, rakyat negara ini berganding bahu menentang pencerobohan Indonesia yang bermusuhan dengan kita. Dalam peristiwa terbaru yang berlaku di Stadium Negara, rakyat (peminat) berbilang kaum telah menunjukkan semangat patriotisme yang tinggi apabila sama-sama memberi sokongan kuat kepada pasukan badminton negara menentang Indonesia (di peringkat separuh akhir) dan kemudiannya negara China (di peringkat akhir).

Dalam kehidupan sehari-hari, peristiwa yang mana rakyat berbilang kaum saling membantu antara satu sama lain sering berlaku.

Tetapi apakah kita hanya merasa puas hati dan selesa terhadap situasi yang agak menggalakkan itu?

Tidak! Untuk membina sebuah negara yang benar-benar bersepada terutama sekali negara seperti Malaysia yang terdiri dari berbagai-bagai kaum, kita harus meningkatkan lagi semangat persaudaraan dan perpaduan ini. Dalam pada itu media massa harus mengambil kesempatan peristiwa yang menyentuh belas kasihan manusia seperti yang dimaksudkan itu untuk memupuk dan meningkatkan semangat tersebut.

Justeru itu akhbar-akhbar tempatan diseru menerbitkan kes-kes orang-orang yang kurang bermasib baik bukan setakat dalam akhbar bahasa ibunda orang-orang berkenaan tetapi diterbitkan juga dalam akhbar-akhbar berbahasa lain.

Dengan berbuat demikian, kita akan dapat menyemai semangat persaudaraan yang tulin di antara kaum, mereka akan benar-benar berpegang teguh dengan fikiran "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing", seperti juga yang dikatakan oleh orang Tionghua "susah abang-payah adik"!.

Seandainya kita dapat mencapai ketahap yang diharapkan itu, apa-apa yang akan dilakukan oleh rakyat negara ini tidak akan terbatas kepada kaum-kaum tertentu. Dalam keadaan seperti ini nescaya perpaduan tidak akan menjadikan perkara yang "memeningkan kepala" pemimpin negara.

Kerana kita sama-sama adalah "susah abang-payah adik", tiada batas perkauman lagi!.

# PENGARANG AKHBAR SEPERTI BUDAK SEKOLAH

**MEMANG** tidak boleh dinafikan selepas peristiwa penahanan besar-besaran oleh kerajaan di bawah Akta Keselamatan Dalam negeri (ISA) pada hujung Oktober 1987 yang membabitkan seramai 106 orang (termasuk saya) tokoh-tokoh politik dan pemimpin masyarakat ditahan (kebanyakannya telah-pun dibebaskan kemudian). Kalangan ramai berpendapat bahawa sistem demokrasi negara ini telah mengalami kebuntuan; dengan lain perkataan, rakyat negara ini tidak bebas lagi untuk bercakap dan mengeluarkan pandangan mereka. Ada juga kalangan yang lebih radikal mendakwa demokrasi sudah-pun berkubur.

Bagaimanapun, ucapan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba pada Ahad lalu (7-8-1988) sedikit sebanyak dapat melegakan kebimbangan orangramai.

Ketika berucap merasmikan Projek Penempatan Seri Budiman di Ibu Kota, Encik Ghafar menegaskan, rakyat negara ini masih bebas memberikan pandangan dan mengkritik pemimpin. Beliau menambah rakyat tidak dibenarkan mengeluarkan kata yang menyenggung perasaan kaum lain kerana ini boleh mencetuskan pergaduhan atau pertumpahan darah dan kerajaan tidak mahu melihat kejadian itu berulang seperti peristiwa 13 Mei 1969 yang menyebabkan rakyat menderita.

Kenyataan Timbalan Perdana Menteri itu adalah tepat pada masanya kerana ia telah 'menghidupkan' semula semangat demokrasi yang kian luntur dan lemah dalam fikiran kalangan ramai.

Berdasarkan kepada 'nasihat' Encik Ghafar maka dalam rencana ini kita memberi sedikit pandangan tentang sistem demokrasi tanahair kita.

Kita bersetuju dengan hujah Encik Ghafar yang menyangkal dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan demokrasi sudah berkubur di Malaysia. Bagaimanapun, pada hemat penulis mungkin dakwaan tersebut merupakan keterlaluan; namun pada hakikatnya ada tanda-tanda menunjukkan sistem demokrasi yang telah kian lama diamalkan oleh kita telahpun 'tersekat' sejak Oktober lalu. Dalam pada ini, tidak payahlah kita mengupas secara mendalam. Kita cuma mengaku suatu peristiwa yang lumrah berlaku iaitu para pengarang akhbar sering dipanggil untuk mendengar 'taklimat' sudah cukup membayangkan dilema demokrasi kita.

Memang kita masih mempunyai ruang untuk menyuarakan pandangan kita. Tetapi dengan tersekatnya kebebasan akhbar maka timbulah dakwaan dari kalangan rakyat yang mengatakan demokrasi kita tersekat.

Soalan sekarang ialah, apakah para pengarang akhbar tempatan tidak cukup matang untuk membezakan sama ada sesuatu perkara itu mungkin akan memudaratkan rakyat dan negara ataupun sebaliknya. Perlukah mereka ditunjuk ajar seperti budak sekolah? Janganlah kita hanya menutup pekung; hakikat yang dimaksudkan itu sedikit sebanyak akan menodai semangat demokrasi negara kita. Cuma dengan melepaskan beberapa akhbar seperti Watan, Sin Chew Jit Poh dan The Star dari pembekuan tidak memadai untuk membuktikan bahawa pihak pemerintah tidak lagi membelenggu media massa. Jangan kita melupakan rakyat jelata sedang memperhatikan sama ada kerajaan cakap scrupa bikin. Dalam hubungan ini, kerajaan hanya mencapai separuh yang diharap-harapkan.

Menyentuh kenyataan (dari rakyat) yang menyinggung perasaan kaum lain yang boleh mencetuskan peristiwa yang tidak diingini di antara kaum, memang patut kita menghalang kata-kata yang kurang rasional itu disuarakan. Tetapi, nampaknya Encik Ghafar (dan kerajaan juga) telah melupakan suatu perkara yang lebih penting; kebanyakkannya kenyataan yang menyinggung perasaan selalunya timbul dari reaksi terhadap tindakan sesetengah kakitangan kerajaan yang berbau perkauman yang menyayat perasaan sesuatu kaum.

## SEJARAH BARU OLIMPIK

AKHIRNYA tirai dibuka bagi Sukan Olimpik moden yang ke 24 di Stadium Olimpik Chamsil di Kota Seoul, Korea Selatan pagi 17-9-88.

Sebelum athlit-athlit sukan dari negara-negara peserta mula bersaing dalam gelanggang nanti, sebenarnya Sukan Olimpik kali ini telahpun 'memecahkan banyak rekod'. Di antaranya ia telah mencatatkan rekod sebagai Sukan Olimpik yang pernah menarik negara peserta terbanyak iaitu 161 buah negara dari 167 buah yang dijemput untuk mengambil bahagian dengan ahli sukan berjumlah 9,572 orang. Kos perbelanjaan untuk menganjurkannya memakan \$8 billion dan wartawan yang berpusu-pusu ke Kota Seoul pula melebihi 15 ribu orang.

Satu lagi dalam 'rekod baru' ialah seramai 110 ribu anggota pasukan keselamatan telah pun dikerahkan untuk menjaga keselamatan sepanjang sukan itu dijalankan. Semua ini, termasuk beberapa rekod yang tidak sempat disenaraikan dalam ruangan ini membolehkan Korea Selatan mencatatkan 'sejarah dunia' yang membanggakan setiap rakyat negara itu.

Bagaimanapun, di sebalik titik-titik kebanggaan ini ada juga perkara yang memalukan telah berlaku. Beribu-ribu pelajar radikal Korea Selatan telah meningkatkan lagi tunjuk perasaan di sekitar Kota Olimpik itu (dengan memprotes Sukan Olimpik diadakan di negara mereka, di samping itu menuntut supaya mereka dibenarkan menemui pelajar-pelajar dari Korea Utara) dan peristiwa keganasan di samping dengan tindakan tersebut telah menimbulkan tandatanya apakah golongan pelajar yang terpelajar itu tidak mempunyai perasaan patriotisme dan langsung tidak menyintai tanahair mereka?

Umum mengetahui, menjadi tuanrumah bagi acara antarabangsa yang teragung di dunia moden ini seperti Sukan Olimpik adalah satu penghormatan yang tidak termilai kepada rakyat negara tersebut.

Tetapi malangnya, kumpulan pelajar-pelajar radikal di Korea Selatan mengambil kesempatan sempena Sukan Olimpik untuk menjalankan tindakan bukan setakat memalukan tanahair mereka, bahkan bolch dianggap sebagai perbuatan khianat.

Ini mungkin menunjukkan kelemahan sistem pendidikan Korea Selatan yang tidak berjaya menanamkan semangat patriotisme di hati sanubari dan jiwa rakyatnya yang mana seluruh dunia terkejut dan hampir tidak percaya dengan apa yang mereka saksikan dengan mata sendiri iaitu pelajar-pelajar radikal Korea Selatan bersedia mempolitikkan Sukan Olimpik sehingga menjaskan imej negara mereka di mata dunia!

Inilah antara sebabnya pihak Jawatankuasa Olimpik Seoul memerlukan kawalan keselamatan yang paling ketat sepanjang sukan itu diadakan.

Bagaimanapun dari titik peristiwa yang berlaku di Sukan Asia yang juga berlangsung di Seoul pada tahun 1986 yang mana dalam keghairahan untuk mencapai kemenangan, sesetengah pengadil dan ahli sukan Korea Selatan sanggup bermain taktik kotor.

Perkara tersebut telah menjadi sejarah hitam Sukan Asia 1986 kerana perbuatan pihak Korea Selatan itu menjaskan imejnya sendiri. Ini adalah jauh bercanggah dengan semangat kesukuan yang dipandang tinggi oleh manusia sejagat.

Dari kedua-dua perkara di atas, kita mengarah kepada tanahair kita dan merenung sejenak sama ada kita pernah melakukan perbuatan sedemikian rupa. Kita rasa rakyat negara ini boleh merasa bangga kerana di negara ini tidak pernah muncul golongan yang mempolitikkan sukan sehingga mengketepikan perasaan patriotisme.

Kita juga tidak sanggup melakukan taktik-taktik kotor dalam keghairahan untuk memenangi satu-satu acara sukan. Bagaimanapun kita harus menegur sikap sesetengah golongan yang tidak bersemangat kesukuan yang boleh menjaskan imej negara ini di mata dunia.

Sikap yang dimaksudkan ialah golongan ini suka mengejek-ejek para peserta atau pasukan dari negara asing dalam

usaha memberi sokongan kepada peserta atau pasukan negara.

Perbuatan seperti ini jika dipandang ringan mungkin kita boleh 'mengetawakan' dan menganggapnya tidak lebih dari hanya menunjukkan keghairahan peminat sukan tempatan; tetapi sekiranya kita mengkajinya dengan serius ia boleh menjatuhkan maruah dan imej negara malah perbuatan demikian tidak jauh dari perbuatan pengkhianatan.

Berbalik ke Olimpik Seoul, kita berdoa agar tidak ada sebarang peristiwa keganasan seperti yang berlaku di Sukan Olimpik Munich 1972 berikutan dengan peristiwa pengganas telah menceroboh ke dalam Kampung Sukan Munich dengan menembak mati beberapa ahli sukan.

Walaupun negara kita cuma menghantar satu kontijen yang kecil (sembilan orang sahaja) ke Sukan Olimpik kali ini dan mungkin tidak mempunyai harapan untuk memenangi sebarang pingat, kita tetap berharap ahli-ahli sukan negara boleh mencapai 'kemenangan' dengan memenangi hati dunia melalui pertunjukan semangat kesukaran yang tinggi seperti yang pernah dilafazkan oleh Bapa Olimpik Modern Pierre de Coubertin yang berbunyi, 'yang terpenting dalam Sukan Olimpik bukanlah kemenangan tetapi mengambil bahagian'.

## **'Saudara' : MEMBAWA PENGERTIAN 'HALUS'**

SATU cerita bohong yang sering diulangi dan diperkatakan orang, mungkin dianggap sebagai satu kebenaran. Ini adalah satu kata-kata orang yang mempercayai kesan pembohongan.

Dalam keadaan demikianlah, entah sejak bila masyarakat Tionghua telah disalahfahamkan oleh masyarakat bukan Tionghua tentang beberapa perkara yang melibatkan pendirian dan pemikiran mereka, yang mana akhbar Cina tidak ketinggalan juga teraniaya.

Apa yang perlu ialah membetulkan apa yang telah diputarbelitkan dan menyangkal dakwaan karut, maka kali ini, saya cuba mengupas tentang rencana bertajuk 'Bahasa dan Kebudayaan' terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Julai 1988.

Sebagai rumusan, rencana tersebut menyifatkan masyarakat Tionghua sebagai kaum yang sering menimbulkan perkara 'remeh' tetapi sensitif dan menjadi punca untuk membuatkan kucar-kacir dalam negara ini.

Tuduhan yang paling 'bisa' oleh penulis rencana itu ialah kononnya golongan umum kaum Tionghua masih enggan menerima Bahasa Kebangsaan kerana mereka keliru dan amat terpengaruh oleh suara 'Pak Peniaga Kaya' dan 'Pak Politik' mereka. Oh, peniaga dan anggota-anggota politik yang menjadi sasaran penulis itu, merekalah yang menghasut masyarakat Tionghua supaya bersikap negatif terhadap Bahasa Kebangsaan.

Bukan setakat itu, penulis tersebut menambah 'mereka'

(kaum Tionghua) duduk di rumah mereka sendiri sambil memikirkan masalah-masalah khayalan yang sebenarnya tidak wujud. Mungkin roh mereka berada di China, Singapura dan Hong Kong tetapi badan mereka berada di Malaysia.

Tuduhan ini sungguh mengecewakan masyarakat Tionghua kerana ia tidak benar dan tidak berasas. Apa yang lebih menyedihkan mereka ialah orang yang melemparkan tuduhan dan memalukan masyarakat Tionghua itu adalah seorang yang berketurunan Tionghua. Orang tersebut langsung tidak memahami ataupun enggan memahami fikiran dan masalah masyarakat Tionghua sebaliknya membuat tuduhan ke atas kaumnya sendiri. Ini adalah antara reaksi yang saya ketahui melalui sesetengah golongan orang Tionghua yang fasih dalam Bahasa Malaysia dan berpeluang untuk membaca rencana tersebut.

Kebetulan penulis kenal dengan penulis rencana tersebut sejak tahun 1985 apabila saya berpeluang menulis dalam ruangan Lembaran Minggu di Mingguan Perdana yang mana beliau juga sering menyumbang beberapa rencana bertemakan hiburan dan sosial kepada akhbar tersebut dan ketika itu beliau masih menuntut di Universiti Malaya.

Dari tinjauan rambang, penulis tersebut pintar tetapi amat kurang pengalaman dalam kancang kehidupan masyarakat umum. Penulis tersebut terpaksa menggunakan sedikit khayalan dan menulis dari 'menara gading', sehingga menyebabkan beliau menghasilkan rencana yang mengandungi tuduhan terhadap masyarakat Tionghua yang tidak berasas dan tidak benar.

Mengenai Bahasa Malaysia menimbulkan keraguan sepanjang zaman, ada masyarakat Tionghua menerima sebagai bahasa rasmi negara ini dan tidak lari dari menyoal kejujuran dan juga kesetiaan hati nurani mereka terhadap tanahair mereka; sama-sama menimbulkan perkara-perkara tersebut yang mungkin sedikit sebanyak boleh menimbulkan jalur-jalur perkauman.

Menyentuh dakwaan penulis tersebut kononnya roh mereka (orang Tionghua) berada di China, Singapura dan Hong Kong, tentulah membuatkan kaum Tionghua naik radang, tetapi saya masih berpendapat ini adalah kerana kedaifan dan ketidakmatangan beliau.

Apa yang meyakinkan ialah bahawa penulis tersebut ber-

perangai cakap sejengkal dibawa schasta apabila beliau mendalihkan akhbar-akhbar Cina yang dikatakan sering meniup khabar-khabar angin yang berunsur sensitif (dan) mesti dikawal dengan ketatnya supaya rakyat nanti tidak akan kucar-kacir. Rasanya penulis tersebut bermiat "jahat" sebagai seorang yang memahami bahasa Cina dan juga memahami hampir kesemua akhbar-akhbar harian berbahasa Cina, dan pasti dakwaan itu tidak benar dan tidak berasas sama sekali. Sebaliknya dari pengalaman penulis yang pernah menjadi "koresponden" sebuah akhbar Cina, kita mendapat tahu akhbar-akhbar Cina dalam negara ini berpegang teguh kepada prinsip yang sama-sama didukung oleh mereka, iaitu membuat laporan dengan sikap bertanggungjawab dan mematuhi kebenaran peristiwa berkenaan.

Pendekata, akhbar-akhbar Cina langsung tidak mempraktikkan dasar meniup khabar-khabar angin yang sensitif yang didakwa dan jauh dari itu akhbar-akhbar Cina sering memainkan peranan yang praktikal dan positif dalam usaha memupuk semangat muhibah pelbagai kaum dalam negara kita.

Ini dapat dibuktikan dari laporan kesemua akhbar-akhbar Cina yang pasti menggunakan istilah 'saudara;.....' untuk memanggil kaum bukan Tionghua. Misalnya, dalam laporan akhbar Cina, kita sering dapat membaca laporan sebegini: kaum saudara Melayu meraikan Hari Raya dengan suasana riang gembira 'ataupun' kaum saudara India bimbang dengan ancaman samsu haram yang kian meningkat dan berleluasa.

Sebenarnya dalam bidang persuratkhabaran, setakat ini cuma akhbar-akhbar Cina yang sering (sebenarnya sudah menjadi suatu perkara biasa yang berkekalan) memanggil kaum kaum bukan Cina dengan panggilan 'saudara'. Dalam usaha untuk melahir dan memupuk semangat perpaduan di antara kaum dalam negara, kita rasa apa yang paling penting dan berkesan ialah bermula dengan memanggil semua rakan senegara kita, tidak mengira kaum atau keturunan dengan panggilan 'saudara' (....) yang 'affectionate' tentu dapat mengeratkan lagi hubungan senegara antara satu sama lain.

Justeru itu, kita menyeru semua pihak di negara ini, baik kerajaan mahupun swasta, terutamanya dalam bidang persuratkhabaran mengambil teladan dari akhbar-akhbar Cina dan terus menggunakan perkataan 'saudara' ke atas semua rakan senegara kita demi untuk memupuk semangat persaudaraan

yang kekal antara kaum yang akhirnya membuaikan satu perpaduan yang lebih kukuh.

Sebelum mengakhiri rencana ini perlu dinasihatkan penulis rencana yang dimaksudkan di atas supaya ‘cepat-cepat melepaskan dirinya dari menara gading agar mengetahui realiti masyarakat yang sebenar!’

## Media tidak hormati Raja : **TIDAK GUNA 'DATUK' PADA KUAN YEW**

PADA 27 haribulan lalu Perdana Menteri Singapura 'Encik' Lee Kuan Yew telah mengunjungi negara kita dan mengadakan beberapa perbincangan rasmi dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Beliau telah mendapat liputan meluas oleh semua media massa dalam negara.

Kini pemimpin dari negara jiran itu sudah menamatkan lawatan dan telah pulang ke tanahairnya. Tetapi satu persoalan timbul dan terpaksa 'didedahkan' perkara tersebut dalam rencana ini.

Tinjauan menunjukkan hampir semua media massa dalam negara ini memanggil Lee Kuan Yew sebagai 'Encik' mungkin hanya Berita Harian sahaja yang menggunakan 'Datuk' ke atas dirinya.

Encik Lee Kuan Yew telah dikurniakan gelaran 'Datuk' oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sebelum Baginda ditabalkan menjadi Yang diPertuan Agung lebih kurang empat tahun yang lalu.

Boleh dikatakan, sejak itu kita harus memanggil Lee Kuan Yew dengan gelaran 'Datuk'. Ini merupakan perkara yang amat biasa sebagai tanda menghormati Baginda Sultan dan juga orang yang dapat gelaran tertentu.

Bagaimanapun, media massa Malaysia tidak mengubahkan panggilan Lee Kuan Yew, beliau tetap dipanggil 'Encik' sahaja.

Bagi Lee Kuan Yew, 'Datuk' adalah satu gelaran luar negara dan beliau tidak semesti menggunakan gelaran tersebut

dalam negaranya sendiri. Tetapi bagi Malaysia, adalah wajar bagi kita menggunakan gelaran itu sebagai tanda menghormati Raja kita. Ini tidak dilakukan oleh media massa negara sejak empat tahun kebelakangan ini. Tetapi, perkara ini sudah menjadi janggal sekali dalam tempoh sepanjang lawatan Datuk Lee Kuan Yew.

Kita kira media massa dari kalangan tidak rasmi seperti akhbar harian tidak boleh dipersalahkan kerana mereka mengikuti sumber rasmi yang tidak pernah berbuat demikian (tidak menggunakan gelaran 'Datuk'). Tambahan pula banyak peristiwa berlaku setiap hari, boleh jadi media massa swasta tidak teringat Lee Kuan Yew, seorang pemimpin asing, pernah dikurniakan 'Datuk'.

Tetapi agensi rasmi negara, iaitu BERNAMA, mungkin tidak boleh dimaafkan.

Dan dalam hubungan ini, WISMA PUTRA juga turut tidak boleh dimaafkan bahkan harus dikenakan sesuatu 'hukuman' ataupun sekurang-kurangnya diberi kata dua oleh pihak kerajaan.

Apakah BERNAMA, sebagai sebuah agensi Berita Rasmi kerajaan, dan WISMA PUTRA 'tidak menghormati Raja-Raja kita?' Sebagai Menteri Luar Negeri, saya rasa Datuk Abu Hassan Omar harus membuat penjelasan. Dan bagi Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sebagai orang yang menerajui kerajaan, harus juga berbuat sesuatu.

Kita terpaksa membuat teguran secara terus terang, kesilapan ataupun kelalaian BERNAMA dan WISMA PUTRA bukan sahaja kelakuan yang kurang hormat kepada DYMM Agung, apa yang lebih serius ialah ia merupakan suatu perbuatan yang mencerca maruah dan kewibawaan negara sendiri.

Kita percaya rakyat negara ini sedang menunggu reaksi dari DYMM Yang di Pertuan Agung dan pihak kerajaan terhadap 'kesilapan' tersebut.

Bagaimanapun, kesungguhan Berita Harian ini harus diberi sanjungan.

## Pulau Sukan Komanwel : **BIKIN SERUPA CAKAP**

**NEGARA-NEGARA** Komanwel yang merdeka dari penjajahan British terdiri daripada 49 buah negara dari rakyat pelbagai bangsa, kebudayaan dan sistem sosial.

Selama ini negara-negara anggota Komanwel menganggap Britain di bawah pemerintahan Ratu Elizabeth sebagai ketua Komanwel, malah 18 daripada negara itu masih mengakui beliau sebagai 'ratu' mereka.

Tetapi perbalahan mengenai penentangan dasar apartheid yang diamalkan oleh kerajaan Afrika Selatan menyebabkan Komanwel kini di dalam keadaan tegang. Ini berikutan dengan Britain yang scolah-olah menjadi pelindung kepada rejim Pretoria. Malah sesetengah pemerhati politik percaya perhubungan erat dalam Komanwel pasti akan menjadi lemah dan akhirnya lenyap.

Negara-negara Komanwel yang menentang dasar apartheid telah memulaukan Sukan Komanwel berikutan keengganan Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher berganjak dari pendirian mengenai isu pemulauan ekonomi seratus-peratus ke atas Afrika Selatan.

Sebagai rakyat Malaysia kita haruslah berbangga dengan sikap kerajaan memulaukan sukan tersebut. Langkah kerajaan itu disifatkan sebagai tegas dan berani bagi menunjukkan kepada dunia bahawa negara ini serius terhadap pencabulan hak-hak asasi manusia. Ini juga membuktikan Malaysia bukan hanya berani bercakap tetapi mempraktikkan setiap yang dikatakan.

Dunia kini mula menyedari bahawa Malaysia tegas de-

sukan tersebut tidak akan mudah dipujuk supaya menimbang semula kemasukan mereka.

Pada hematnya, pemulauan Sukan Komanwel oleh Malaysia belum lagi kuat bagi menunjukkan pada dunia luar akan pendirian kita terhadap dasar aparteid.

Kita percaya kerajaan tidak akan membiarkan sebarang tindakan berbentuk pencabulan hak asasi manusia oleh manama pihak di dunia dilakukan sewenang-wenangnya.

Jadi di dalam hal ini sukalah disarankan sepertimana yang telah dinyatakan di dalam ruangan ini keluaran 233 lalu agar kerajaan merenggangkan hubungan diplomatik dengan Britain dari taraf duta ke suatu peringkat yang lebih rendah.

Ataupun satu langkah yang lebih berkesan lagi, negara-negara yang menyintai kedamaian dan keamanan bersama-sama mengambil tindakan memecatkannya dari menjadi anggota Komanwel.

Dengan tindakan ini secara tidak langsung akan mencerminkan konsep yang diamalkan oleh Malaysia yang mengandungi penduduk berbilang bangsa malah menegakkan apa yang dilauung-laungkan.

ngan pendiriannya dalam menegakkan nilai-nilai moral.

Pemulauan ini juga diambil sebagai langkah menunjukkan yang negara ini tidak merestui sikap Britain yang enggan mengenakan sekatan ekonomi ke atas kerajaan Pretoria Afrika Selatan.

Malaysia adalah merupakan negara Komanwel ke enam dan pertama di luar Afrika yang bertindak demikian. Sebelum ini empat negara Afrika iaitu Nigeria, Tanzania, Uganda dan Ghana telahpun menarik diri dari kejohanan itu.

Rakyat Malaysia keseluruhannya mengatakan kerajaan telah membuat keputusan yang bijak walaupun terpaksa memilih antara kepentingan sukan dan pengharaman dasar aparteid.

Bagi para athlit negara keputusan oleh kerajaan memulaukan penyertaan mereka ke kejohanan tersebut sedikit pun tidak mengganggu persiapan mereka ke Sukan Asia di Seoul. Mereka tetap menjalani latihan seperti biasa kerana matlamat sebenarnya ialah ke Sukan Asia dan sama ada menyertai atau tidak Sukan Komanwel tidak menimbulkan apa-apa kesan.

Malahan Setiausaha Persatuan Athlit Amatur Malaysia (MAAU), N.A Balakrishnan menegaskan mereka turut menyokong tindakan kerajaan yang memulaukan sukan tersebut yang bertujuan untuk menyedarkan Britain betapa buruknya dasar perkauman yang diamalkan oleh Afrika Selatan yang disokong olehnya.

Sehingga ini sebanyak 30 buah negara telah memberi keputusan menarik diri dari menyertai sukan tersebut menyebabkan timbul rasa kebimbangan pada sesetengah pemimpin negara Komanwel yang lain sepertimana terbukti apabila Perdana Menteri Australia, Bob Hawke menyeru Perdana Menteri Margaret Thatcher menimbang semula pendiriannya mengenang pemulauan ekonomi ke atas Afrika Selatan.

Malah kata beliau, memandangkan kesemua negara anggota kecuali Britain mempunyai pendirian yang sama mengenai isu Afrika Selatan beliau tidak fikir masalah ini boleh menyebabkan lumpuhnya Komanwel.

Begitu juga dengan pengurus pasukan daripada beberapa negara di sukan ini merayu semua negara Komanwel supaya menyokong dan menyertai sukan yang ke 13 di Edinburgh demi kepentingan Komanwel.

Walau apa pun yang mereka katakan, rakyat Malaysia percaya kerajaan dan negara-negara lain yang turut memulau

## Merebut Piala Thomas : ERATKAN PERPADUAN KAUM

BIARPUN perlawanannya akhir kejohanan pertandingan Piala Thomas/Uber 1988 yang berlangsung di Stadium Negara berkesudahan dengan negara kita gagal merebut Piala Thomas daripada gergasi badminton China, kedudukan naib johan melambangkan Malaysia sebagai negara yang terunggul selepas China dalam arena badminton dunia. Pencapaian ini adalah satu prestasi yang dapat kita banggakan.

Merentung kembali, selain daripada prestasi yang dicapai oleh pasukan badminton negara, terdapat satu perkara yang agak menarik perhatian iaitu pertandingan Piala Thomas bukan sahaja menarik minat malah dapat menyatupadukan rakyat berbilang kaum negara ini.

Pada malam pasukan negara kita menentang gergasi badminton dunia yang pernah merampas Piala Thomas sebanyak lapan kali – Indonesia, rakyat Malaysia daripada semua keturunan baik pun mereka yang berada di stadium atau di depan kaca televisyen telah menunjukkan semangat patriotisme dengan memberikan sokongan padu kepada ‘putera-putera’ kita yang ketika itu berjuang bermati-matian untuk menebus maruah negara.

Dalam kejohanan kali ini kita berjaya menumpaskan Indonesia dengan angka 3-2 dan terus mula ke perlawanannya akhir.

Pada saat pukulan bulu tangkis dari Lim Swie King (Indonesia) jatuh di luar gelanggang dan membolahkan pasa-

ngan kita Ong Beng Teong dan Cheah Soon Kit menang set penentuan dan seterusnya ke perlawanan akhir, bukan sahaja Stadium Negara sudah 'gempar' bahkan rakyat seluruh negara turut berasa amat gembira dan bangga. Kita rasa antara orang yang gembira sekali, tidak lain tidak bukan ialah Duli Yang Maha Mulia Yang diPertuan Agung yang akan menyambut Hari Keputeraan pada kesokannya. Kemenangan pasukan negara ke atas Indonesia dan ke perlawanan akhir merupakan hadiah hari keputeraan yang amat bermakna bagi Baginda.

Pada malam 4 Jun 1988, rakyat semua kaum di seluruh negara sekali lagi bersepadu memberi sokongan kuat kepada pasukan badminton negara dalam perlawanan akhir menentang China. Malangnya negara itu masih gagah untuk ditumpaskan.

Putera-putera kita gagal merebut Piala Thomas yang menjadi impian setiap rakyat sejak sekian lama. Perjuangan yang ditunjukkan oleh pemain-pemain negara seperti Rashid Sidek dan dua orang abangnya Razif dan Jailani Sidek serta tidak ketinggalan Foo Kok Keong harus diberi sanjungan.

Meskipun pertandingan akhir Piala Thomas telah berlalu, namun rakyat Malaysia masih merenung kembali detik-detik manis sepanjang perlawanan itu terutamanya ketangkasan putera-putera negara pada malam separuh akhir menumpaskan Indonesia.

Bagaimanapun kita ingin mengingatkan rakyat dan pemain-pemain badminton negara supaya jangan menjadi 'swollen head' dan terus melupakan realiti. Kita perlu menerima kebenaran bahawa sejak merebut Piala Thomas 1967, sudah 21 tahun Malaysia gagal merebut kembali piala itu ke tanahair, bagaimanapun kali ini kita hampir-hampir berjaya.

Kita gembira dan bangga di atas kejayaan sukan negara ini dan kita rasa perasaan kebanggaan itu tidak boleh berpanjangan kerana bukan satu sikap yang baik untuk se sebuah negara berbangga kerana menjadi negara 'kedua' terunggul dalam dunia. Kita mesti bergerak dari sini dan terus berjuang sehingga nama Malaysia terukir di atas Piala Thomas dan menduduki 'mahkota' dunia badminton pada masa yang akan datang! Itulah saat yang benar-benar kita nantikan.

Selain daripada itu, diharapkan BAM meneruskan usaha mereka dan menumpukan perhatian untuk merebut pingat

emas sukan Olimpik pada tahun 1992 dan seandainya gagal pada tahun itu, setidak-tidaknya pada 1996. Ini bukan satu impian mustahil kerana kita menaruh kepercayaan kepada pemain muda seperti Rashid Sidek dan pasangan Cheah Soon Kit dan Soo Beng Kiang untuk mencatatkan sejarah yang amat membanggakan dari sukan Olimpik pada awal 1990-an itu apabila sukan badminton menjadi acara rasmi. Persembahan Rashid dan Cheah Soon Kit tidak payahlah kita ulangi di sini (tetapi maaf Beng Teong kerana pada 1992 anda telah berusia 30 tahun).

Gandingan Cheah Soon Kit dengan Soo Beng Kiang mempunyai harapan baik sekali. Kita pernah menyaksikan permainan mereka ketika menentang pasangan China, walaupun kalah setelah mengheret pasangan itu ke tiga set, namun pasangan negara tetap menunjukkan permainan yang sungguh menakjubkan. BAM harus memberi tumpuan ke atas Rashid dan gandingan Cheah untuk penggal hadapan.

“Malaysia dapat merebut dua pingat-emas dalam sukan Olimpik, Rashid dan Cheah Soon Kit/Soo Beng Kiang berjaya mencatat sejarah negara ini bukan impian tetapi adalah kenyataan satu hari nanti”.

## Sukan : **KITA TIDAK SERIUS?**

PADA tahun 1988 yang akan tamat pada hujung bulan Disember ini, negara kita telah menganjurkan tiga pertandingan sukan bertaraf antarabangsa, iaitu Pertandingan Badminton Piala Thomas/Uber (17.5.88–4.6.88), Kejohanan Sepaktakraw Sedunia MAS – Utusan Malaysia (5-9 Disember, 1988) dan Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia (14-19 Disember 1988). Kesemuanya berlangsung di Stadium Negara, Kuala Lumpur.

Umum mengetahui, pertandingan itu bukan sahaja menarik perhatian peminat tanahair kita sendiri malah menarik perhatian seluruh dunia.

Dengan menganjur dan turut menyertai pertandingan sukan-sukan badminton dan sepaktakraw ini, ia telah menaikkan imej Malaysia meningkat di peringkat antarabangsa.

Pendek kata, sesebuah negara boleh 'menjual' atau mempopularkan namanya di arena antarabangsa dengan membabitkan dirinya dalam arena sukan, sama ada dengan menganjurkan atau terus unggul dalam satu-satu pertandingan sukan tersebut.

Sebenarnya, apabila sesebuah negara berusaha kuat memajukan sukannya ia bukan sahaja bertujuan untuk menubuhkan sebuah pasukan atau athlit yang handal malah bertujuan untuk membentuk rakyatnya menjadi manusia yang sihat dan mempunyai semangat yang tinggi.

Bayangkanlah sekiranya sesebuah negara yang mana rakyatnya sihat dan mempunyai semangat perjuangan yang tinggi, negara pasti akan maju dan berjaya dalam apa jua bidang

yang diusahakan.

Seperkara lagi, melalui sukan kita juga boleh membentuk dan menanam semangat patriotisme dalam jiwa rakyat, sama ada mereka itu athlit yang terus melibatkan diri dalam arena sukan tertentu ataupun peminat sukan.

Sebab itu motif dan tujuan yang penting bermakna dalam usaha seseorang athlit mengejar kejayaan, bahkan untuk mempertingkatkan imej dan maruah negara serta bangsa di mata dunia. Inilah matlamat yang terapung dalam usaha kesukanan.

Berbalik ke arena sukan tanahair kita, ramai yang masih mengenangkan era keemasan pada tahun-tahun lima puluhan hingga pertengahan tahun tujuh puluhan yang mana negara kita sering memanaskan mahkota badminton sedunia.

Pada masa itu, penghormatan yang diberikan kepada Malaysia dan rakyatnya boleh dibuktikan atau dirasakan dari anggapan ramai jika seseorang pemain badminton berjaya menjuarai pertandingan badminton terbuka Malaya. Beliau adalah juara dunia yang tulin. Malangnya kita terpaksa menerima realiti setelah dirampas oleh dua lagi gergasi dunia iaitu China dan Indonesia. Walaupun sudah ada tanda-tanda menunjukkan kita mempunyai peluang untuk memerintah dunia badminton dalam tahun 90an tapi kita harus menunggu dan menggiatkan lagi usaha kita yang ada.

Dan kini kita mempunyai satu lagi sukan yang boleh mempertingkatkan nama negara di peringkat antarabangsa iaitu sepaktakraw yang sudah menembusi arena antarabangsa. Dalam Kejohanan Sepaktakraw Sedunia MAS – Utusan Malaysia – RTM yang sedang berlangsung di Stadium Negara, selain daripada negara-negara Asean, negara-negara asing seperti India, Sri Lanka, China, Korea Selatan, Australia, Jepun, Amerika Syarikat dan Great Britain turut mengambil bahagian.

Di samping itu, Perancis dan Kanada juga telah menunjukkan minat dalam sukan ini. Fenomena ini telah membuktikan sepaktakraw boleh dipopularkan di arena Olimpik. Kalau ini menjadi kenyataan negara kita mempunyai peluang untuk memenangi pingat di sukan ‘terapung’ di atas bumi ini. Beberapa negara yang mempunyai pengaruh, termasuk negeri China telah memberi jaminan menyokong rakyat Malaysia.

Walaupun sanjungan harus diberi kepada pihak penganjur Kejohanan Sepaktakraw Sedunia kerana telah berjaya mempopularkan lagi sukan itu di arena antarabangsa, namun kita ingin memberi sedikit teguran kepada "pihak-pihak yang bertanggungjawab" dalam sukan sepaktakraw di Malaysia yang seolah-olah berpuas hati dengan keadaan tersebut. Mereka sebaliknya tidak mempunyai cita-cita besar untuk terus menakluki sukan itu di peringkat antarabangsa pada masa hadapan.

Kita juga tidak mendengar sebarang keluhan dan kata-kata membayangkan kesedihan atas kekalahan pasukan Malaysia A kepada regu Thailand. Kita cuba menipu diri sendiri dengan memperbesarkan kemenangan regu Malaysia B ke atas regu Thailand itu.

Para peminat sepaktakraw tanahair tertanya-tanya apakah kita berhenti dan berpuashati cuma dengan mempopularkan sukan itu, katakanlah sehingga peringkat Sukan Olimpik. Apa yang hendak kita banggakan jika kita sebagai negara asal sepaktakraw tidak berkeupayaan untuk menjadi salah satu pencabar?

Sama-sama saksikan nanti.

## Kecam filem Hong Kong : **UTUSAN MALAYSIA** **NIAT JAHAT?**

**BARU-BARU** ini akhbar Utusan Malaysia telah menerbitkan satu berita yang benar-benar menggegarkan masyarakat Tionghua.

Menurut laporan akhbar itu, kononnya para pelajar keturunan Tionghua di Kolej Tunku Abdul Rahman (K.T.A.R) di Kuala Lumpur yang ditemui oleh wartawannya Ramli Ismail, telah melahirkan pandangan negatif tentang tayangan filem Hong Kong di RTM dan TV3.

Pada keseluruhan intipati kenyataan penuntut-penuntut K.T.A.R yang diwawancara itu ialah mereka berpendapat tentang filem-filem dari Hong Kong mengandungi ciri-ciri yang bertentangan dengan amalan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Salah seorang pelajar bimbang jika terlalu banyak filem Tionghua ditayangkan, ia mungkin mencetuskan perpecahan di kalangan masyarakat Malaysia oleh kerana masyarakat India mungkin juga akan membuat tuntutan menambahkan tayangan filem-filem India.

Golongan pelajar-pelajar ini mahukan pihak RTM dan TV3 mengurangkan penayangan filem-filem Hong Kong.

Justeru itu, laporan itu memberi satu gambaran bahawa bukan sahaja golongan pelajar di K.T.A.R bahkan masyarakat Tionghua menentang penayangan filem-filem Hong Kong yang sering ditayangkan sekarang.

Berita ini menjadi isu kontroversi dan hangat diperkatakan oleh masyarakat Tionghua yang sebulat suara membidas pandangan pelajar K.T.A.R tersebut. Pandangan sedemikian dianggap 'pengkhianat' bangsa Tionghua dan diibaratkan 'bagai kacang lupakan kulit'.

Menurut laporan akhbar Tong Bao, 4 April 1988, ada insiden-insiden yang tidak diingini termasuk salah seorang yang memberi pandangan di akhbar Utusan Malaysia, telah dikecam oleh para pelajar di K.T.A.R itu sendiri. Ramai juga pelajar-pelajar K.T.A.R berhimpun di Bilik Hal Ehwal Pelajar Kolej itu bagi menuntut keterangan dan penjelasan lanjut tentang laporan Utusan Malaysia itu.

Daripada reaksi di atas, jelas masyarakat Tionghua langsung tidak bersetuju dengan pandangan yang dicurahkan oleh pelajar-pelajar K.T.A.R itu.

Bagaimanapun, seorang wakil golongan pelajar tersebut telah menulis kepada akhbar Tong Bao mendakwa laporan Utusan Malaysia itu tidak tepat dan diputar belit oleh wartawan yang dituduh sebagai tidak etika. Tetapi ada juga tanda-tanda yang kurang menyakinkan malah dicurigai dalam penafian itu.

Penafian itu merupakan kenyataan yang agak samar dan tidak tepat dengan isu-isu tersebut. Kenyataan itu cuma mendakwa apa yang diterbitkan dalam laporan yang kontroversi itu jauh berbeza dengan kenyataan pelajar-pelajar tersebut dan tidak langsung menjelaskan isi kandungan sebenarnya dalam wawancara berkenaan.

Setelah siasatan dijalankan, pihak berkuasa K.T.A.R mendapati bahawa wartawan Utusan Malaysia berkenaan 'mence-robohi' perkarangan Kolej tersebut bagi tujuan mewawancara pelajar-pelajar berkenaan. Jadi, niat wartawan itu telah menimbulkan tandatanya.

Kita tidak ingin mengulas tentang perbahasan yang dibentangkan tetapi ada pandangan terhadap perkara itu dari satu sudut yang berlainan.

Daripada segi laporan yang kontroversi jelas sekali akhbar Utusan Malaysia ingin melaporkan pandangan masyarakat Tionghua tentang sesuatu perkara iaitu tentang tayangan filem-filem Hong Kong.

Kebiasaannya, apabila sesuatu 'survey' ataupun tinjauan hendak dijalankan, pandangan seharusnya dikumpul daripada

pelbagai lapisan masyarakat yang mempunyai berlainan latar belakang sama ada dari segi pendidikan dan status dalam masyarakat mahupun usia mereka.

Dalam peristiwa ini, Utusan Malaysia cuma mengambil pandangan daripada pelajar-pelajar yang tidak boleh dianggap sebagai golongan yang cukup matang dalam fikiran mereka kerana usia dan pengalaman mereka yang masih cetek itu.

Lantaran itu, cara laporan Utusan Malaysia tentang perkara tersebut yang kurang munasabah, malah tidak bertanggungjawab telah dibidas oleh masyarakat Tionghua. Kita rasa Utusan Malaysia harus mengambil peristiwa ini sebagai satu ‘pengajaran’ untuk memperbaiki lagi mutu laporan akhbar tersebut demi kepentingan pembaca-pembacanya.

## Iklan rokok: **KEMENTERIAN TIDAK TEGAS**

APABILA manusia melangkah ke abad 21, perkembangan sains telah banyak mengubah cara kehidupan kita. Bagaimanapun, iklan, terutamanya iklan di kaca TV merupakan satu kemajuan sains yang paling banyak kita lihat kesan dan pengaruhnya ke atas manusia sejagat. Seorang pengkritik kesusastraan Perancis terkemuka dalam tahun lima puluhan Roland pernah menyifatkan iklan (pada keseluruhannya) sebagai penghasilan mitos, maknanya apa yang diketengahkan bukan perkara benar tetapi lebih mengandungi unsur-unsur dusta.

Walaupun tafsiran Roland itu telah dilafazkan tiga puluh tahun dahulu, namun ia adalah suatu gambaran yang begitu tepat tentang dunia pengiklanan negara kita hari ini, lebih-lebih lagi pengiklanan di kaca TV.

Umum mengetahui, kerajaan kita tidak menggalakkan rakyatnya merokok. Oleh sebab itu, setiap kotak rokok dalam pasaran pasti tercetak dengan amaran dari Kerajaan Malaysia mengingatkan penghisap rokok bahawa merokok membahayakan kesihatan. Tambahan pula, Kementerian Penerangan telah menyekat pengiklanan rokok di kaca TV kita mulai dari pertengahan tahun 1985. Malangnya, langkah kementerian tersebut tidak mendatangkan kesan yang diharapkan; sebaliknya ia menjadi "back-fired" kepada kerajaan kita, terutamanya Kementerian Penerangan yang telah menjadi bahan cemuhan

orangramai.

Semua ini bermula dari "Garis panduan pengiklanan barang menggunakan jenama rokok" yang telah ditujukan kepada agensi-agensi iklan dan syarikat penerbitan filem iklan yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan yang berkuatkuasa pada 1 Julai 1985.

Sebelum memberi apa-apa ulasan, rasanya lebih baik kita menjenguk bahagian-bahagian yang menarik dalam surat perkeliling (No. 55/85) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengiklanan Kementerian Penerangan seperti berikut:

"Bermula dari 1.7.1985 peraturan-peraturan berikut akan dikuatkuasakan bagi pengiklanan barang (menggunakan jenama rokok) melalui RTM dan TV3.

1. (A) Nama barang mesti dilah ditunjukkan bersama-sama barang yang diiklankan. Dalam hal di mana barang-barangan dan perkhidmatan yang tidak boleh di sentuh, nama barang mesti dilah ditunjukkan bersama-sama dengan istilah yang cukup jelas untuk menerangkan barang atau perkhidmatan tersebut.

(B) Barangan-barangan mesti dilah boleh didapati untuk jualan kepada orangramai.

(C) Suatu cogan kata, gambaran yang serupa, ungkapan-ungkapan yang digunakan ketika ini dalam media cetak, panggung wayang, media luar (termasuk papan tanda dan majalah-majalah luar negara yang diimport) untuk pengiklanan rokok tidak boleh digunakan.

Nota.

(i) Ini adalah untuk memastikan bahawa pengiklanan barang bukan rokok tetapi menggunakan jenama rokok adalah berlainan daripada pengiklanan rokok.

Setelah membaca "peraturan-peraturan" tersebut kita pasti pembaca tertanya-tanya tujuan sebenarnya. Kementerian mengeluarkan arahan itu? Bagaimana kementerian tersebut boleh meramalkan dan memberi keistimewaan kepada bakal pelanggan RTM dan TV3 yang akan menggunakan jenama rokok

dalam pasaran negara ini?

Berasaskan maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan dari penyiasatan secara terperinci, kita berani memberi kesimpulan bahawa pengiklanan yang menggunakan cogan kata jenama rokok (di kaca TV) adalah bak pepatah Tionghua "kepala kambing digantung tetapi daging anjing dijual", syarikat-syarikat rokok cuma mengambil kesempatan kelemahan dalam peraturan-peraturan yang "disengajakan" oleh Kementerian Penerangan yang pura-pura menjual barang lain. Tetapi itu hanya untuk mengabui mata dunia, sebenarnya rokok yang hendak dijual!

Pandangannya ini cukup untuk menerangkan keadaan sebenarnya. Soalan sekarang ialah, Kementerian Penerangan telah memberi gambaran kepada rakyat jelata betapa hipokritikal dalam "approach"nya. Dalam keghairahan hendak menonjolkan kementerian itu adalah selari dengan pendirian kerajaan yang tidak menggalakkan rakyat menghisap rokok, ia menipu dirinya dengan mengeluarkan peraturan-peraturan tersebut kepada syarikat-syarikat rokok. Dan peraturan-peraturan yang dicipta oleh kementerian itu adalah ibarat seorang pelacur yang tetap ingin meneruskan kegiatan pelacuran, tetapi sekadar meyembunyikan perbuatan maksiatnya dengan slogan "berkhidmat" (untuk siapa entahlah) atau sebagainya. Siapa yang kementerian itu ingin menipu, siapa yang ia harap memperdayakan?

Gejala tersebut telah mendedahkan suatu hakikat yang amat menyedihkan. Ia telah menunjukkan kepada kita semua bahawa Kementerian Penerangan telah tunduk kepada "ke-wibawaan" wang ringgit. Untuk mencari keuntungan dari syarikat rokok, kementerian itu sedia menjual prinsip dan maruah kerajaan dengan membenarkan syarikat rokok meneruskan pengiklanan mereka di bawah samaran "barang jenama rokok" sebenarnya, yang tidak lain dari "mengisikan arak yang sama dalam botol yang baru". Dengan berbuat demikian, kementerian telah memberi suatu teladan yang buruk kepada rakyat. Ia telah menambah budaya munafik di kalangan rakyat; apakah rakyat tidak akan terpengaruh kerana kalaularah kerajaan (kementerian) boleh cakap tak serupa bikin masakan rakyat tidak boleh mengikut sama?

Selagi Kementerian Penerangan tidak mengubah perbuatan hipokrit itu dan berterusan dengan perlaksanaan peraturan-

peraturan tersebut, imej kerajaan kita yang menyorak "pimpinan melalui teladan" akan terus terjejas. Apakah kementerian itu mahu menjadi nila setitik rosak susu sebelanga?

# PEPERANGAN UBAH SIKAP MANUSIA

BERITA mengenai kapalterbang Amerika Syarikat USS *Vicennes* menembak jatuh sebuah pesawat penerbangan awam Iran benar-benar menggemparkan seluruh dunia.

Peristiwa tersebut berlaku pada 3 Julai 1988 lalu apabila sebuah pesawat jenis Airbus A300 yang dimiliki oleh Syarikat Penerbangan Iran telah dibedil dengan peluru berpandu kapal perang Amerika Syarikat itu di ruang udara Selat Hormuz lalu terhempas ke Teluk Parsi. Kesemua 290 penumpang pesawat tersebut terkorban.

Boleh dikatakan, seluruh dunia mengutuk Amerika Syarikat di atas kejadian tersebut. Reaksi sebegini memang telah diduga ramai. Apa yang agak melucukan, tidak lain tidak bukan ialah Russia yang pernah melakukan tindakan kejam seperti itu pada awal September 1983 apabila sebuah jet pejuang negara itu membedil sebuah pesawat penumpang Boeing 747 Syarikat Penerbangan Korea Selatan atas alasan kononnya kapalterbang itu telah mencabuli ruang udara Soviet yang strategik mengakibatkan kesemua 269 orang penumpang dan kakitangan pesawat itu terbunuh – turut mengutuk Amerika.

Pada mulanya Iran mendakwa perkara tersebut dilakukan oleh Tentera Laut Amerika Syarikat tetapi pihak Amerika menafikan dakwaan itu dan hanya mengaku menembak jatuh sebuah jet pejuang F-14 Iran sahaja.

Bagaimanapun, keesokan harinya Presiden Amerika, Ronald Reagan mengaku bahawa perbuatan tersebut memang

dilakukan oleh tentera laut negaranya.

Walaupun Reagan menyesali 'tragedi besar' itu tetapi beliau turut membela pegawainya dengan mengatakan tindakan itu bukan disengajakan; sebaliknya, ia adalah langkah yang wajar bagi mempertahankan diri!

Sikap Amerika Syarikat ini cukup untuk membayangkan keangkuhan sebuah kuasa besar yang mana tindakan biadap boleh diputar-belitkan sebagai perbuatan suci.

Sekiranya kita memperkatakan segala kejadian ngeri itu tanpa sebarang emosi, maka beberapa realiti akan terdedah di hadapan mata kita yang mana kita sama-sama akan menyesali sikap kuasa besar tetapi tidak dapat berbuat apa-apa.

Pertama, apakah benarnya apabila pihak Amerika mendakwa tindakan tersebut bukan disengajakan? Dalam hubungan ini, kita harus mengelakkan sebarang hujah 'layman'.

Sebaliknya kita mengambil pandangan pakar-pakar Tentera Laut Amerika sendiri, Scott Truner, seorang penganalisis tentera laut yang mahir dengan kapal-kapal yang lengkap dengan peluru berpandu Aegis, menekankan bahawa amatlah sukar untuk dipercayai bahawa sistem Aegis boleh melakukan kesilapan.

Dalam pada ini, perlu diingatkan bahawa kapal penjelajah Amerika USS Vincennes yang menembak jatuh pesawat Airbus A300 Iran itu dilengkapi dengan sistem peluru berpandu Aegis yang merupakan sistem berpandu dari bumi ke udara yang termoden di dunia pada masa ini. Ia tidak mungkin terkeliru dengan sasaran-sasaran; ia berkebolehan mengesan kelajuan, haluan dan keberkesanan radar lebih 200 sasaran sejauh hingga 400 kilometer. Jabatan Pertahanan Amerika (Pentagon) telah mendakwa kapal penjelajah Vincennes yang dilengkapi dengan peluru berpandu Aegis telah 'tersalah' anggap pesawat Airbus Iran berkenaan sebagai sebuah jet pejuang F14 Iran, kebetulannya adalah buatan Amerika.

Berdasarkan faktor-faktor yang diketahui, ini tidak mungkin berlaku. Banyak bezanya di antara Airbus dengan jet pejuang F14, baikpun dari segi kelajuan, mahupun rekabentuknya. Dalam keadaan ini, apakah kesilapan boleh dilakukan?

Percaya ataupun tidak, Reagan boleh memberi jawapan yang memuaskan!

Mengapa tidak? Dalam tahun 1983, ketika beliau mengu-

tuk pihak Soviet menembak jatuh sebuah pesawat penumpang Boeing 747 Syarikat Penerbangan Korea Selatan, beliau berkata; tidak mungkin bagi seseorang untuk melakukan kesilapan dalam membezakan antara Boeing 747 dengan pesawat lain.

Jadi, apakah perperangan telah mengubah sikap dan fikiran manusia sehingga menghilangkan segala ciri-ciri kemanusiaan. Dan mungkinkah nakhoda kapal perang Vinennes itu bertindak dalam keadaan seperti ini?

Dalam hubungan ini, sekiranya 'tragedi' itu dilakukan oleh pegawai berkenaan Amerika harus berani mengakuinya.

Merenung kembali, mengapa Amerika dibiarkan mengantar kapal penjelajah lengkap dengan peluru berpandu moden di perairan Teluk Parsi atas dakwaan negara itu bertindak demikian untuk memelihara keamanan Teluk Parsi.

Sebenarnya, dengan campurtangan dari kuasa-kuasa besar telah merumitkan segala usaha untuk mencari perdamaian di antara negara-negara Parsi berkenaan. Kesan peristiwa terbaru ini belum diketahui; tetapi apa yang dipastikan ialah ketegangan di Teluk Parsi tentu akan meningkat.

Iran sudah bersumpah akan membala dendam dengan mengeluarkan amaran 'darah yang mengalir itu akan dibalas dengan darah juga'!

Kita percaya negara kita boleh memainkan peranan yang agak positif dalam usaha mencari jalan perdamaian di Teluk Parsi itu. Sebenarnya pada beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia pernah bertindak bertungkus lumus dengan berulang-alik di negara-negara Teluk Parsi sebagai 'peace maker'; malangnya setakat ini masih belum mencapai sesuatu. Perperangan Iran dan Iraq masih berterusan.

Soalnya sekarang ialah mahukah kita melihat banyak lagi nyawa terkorban akibat perperangan 'persaudaraan' di Teluk Parsi itu?

Satu hakikat yang amat ketara, selagi perperangan di Teluk Parsi berterusan, negara kuasa-kuasa besar tetap mendapat untung dari penjualan senjata. Oleh sebab itu, segala 'usaha' perdamaian yang dijalankan oleh kuasa-kuasa besar adalah merupakan pertunjukan amal David Copperfield, bukan benar dan langsung tidak boleh dipercayai atau boleh diharapkan untuk menjadi kenyataan.

Malangnya, Iran-Iraq tidak menyedari segala ini; dan ma-

sing-masing berdegil dan asyik dengan peperangan ‘persaudaraan’ mereka itu. Mungkin suatu hari nanti, apabila keadaan kembali tenang, mereka akan hairan apa yang sebenarnya mereka (Iran-Iraq) berperang!

Peperangan di Teluk Parsi merupakan sebuah cermin bagi negara-negara lain; dalam hubungan ini kita amat menghargai cara pandangan jauh yang ditunjukkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Datuk Hussien (Perdana Menteri ke dua Malaysia) apabila beliau berjaya dalam usahanya untuk mengisyiharkan negara-negara rantau ini sebagai kawasan berkecuali yang mana konsep itu telahpun dipersetujui oleh kuasa-kuasa besar.

Justeru itu, kita boleh bersyukur kerana dapat hidup dalam suasana aman tanpa peperangan. Kita harus menghargai dan memelihara kedamaian ini untuk selama-lamanya.

Bagaimanapun berdasarkan semangat peri-kemanusiaan negara kita harus juga meneruskan usaha mencari perdamaian di Teluk Parsi; usaha itu adalah perbuatan yang suci – untuk menyelamatkan dan mengelakkannya nyawa dari terkorban dengan sia-sia sahaja serta membolehkan manusia yang ‘mengalir darah panas’ di sebelah benua di Timur Tengah agar dapat menikmati kehidupan seperti kita, iaitu dalam keadaan aman dan tenteram.

Oh Malaysia, teruskan usaha suci yang bermakna itu!

## PERPADUAN MELALUI AKHBAR

BAGI negara majmuk seperti Malaysia, keharmonian dan persefahaman di antara kaum adalah faktor amat penting dalam usaha mewujudkan sebuah masyarakat bersatupadu.

Ini memerlukan usaha dari semua pihak, sama ada kerajaan ataupun rakyat jelata, mengembang tenaga ke arah memperbaiki dan memperkuatkan hubungan antara kaum.

Umum mengetahui, sejak kita mencapai kemerdekaan, perhatian pihak kerajaan dalam perkara ini mungkin tidak kurang dari usaha yang telah ditumpukan ke atas pembangunan negara.

Tetapi kita harus mengakui bahawa dalam soal perpaduan rakyat masih ada kekurangan dan kelemahan yang mana kita perlu meningkatkan lagi usaha tersebut.

Dalam hubungan itu, media massa boleh memainkan peranan penting lagi bermakna.

Perhatian penulis tertarik kepada satu laporan dalam akhbar Utusan Malaysia terbitan 28-6-88 mengenai berita sedih seorang murid Sekolah Rendah Kebangsaan Raja Perempuan Ipoh, Wendy Thong Lai Kiew, 11 tahun yang telah disahkan mengidap penyakit leukimia oleh Hospital Universiti di Petaling Jaya.

Menurut laporan akhbar itu, adik Wendy dalam keadaan sedih kerana bapanya Thong Fook, tidak terdaya menanggung bil perubatannya yang mencapai beratus-ratus ringgit seminggu. Thong yang sudah 'kehilangan' isteri adalah seorang penganggur.

Buat masa ini nasib adik Wendy bergantung pada belas

kasihan dan simpati orangramai. Utusan Malaysia telah menyiarkan berita sedih itu dan menyeru orangramai yang bersimpati terhadap penderitaan kanak-kanak malang itu supaya terus menghantarkan segala sumbangan ke rumah Thong di Ipoh.

Adik Wendy dan bapanya Thong dianggap bernesib baik kerana dalam keadaan yang memilukan itu sebuah akhbar tempatan sudi tampil ke depan untuk memberi pertolongan. Setinggi-tinggi tahniah juga harus disampaikan kepada Utusan Malaysia kerana telah menunjukkan semangat 'keMalaysiaan'. Perbuatan yang tidak ada prejudis berdasarkan ras. Ini adalah satu-satunya nilai murni yang harus dipupuk oleh kita semua.

Kita masih teringat tidak lama dahulu, akhbar Utusan Malaysia telah berjaya mengutip wang untuk membantu seorang lagi budak leukimia, adik Mohd. Hafizi Harun untuk menjalani pemindahan sum-sum tulang di Hospital Kanak-kanak Prince of Wales, di Sydney, Australia.

Itu mungkin suatu peristiwa 'biasa' yang hanya menunjukkan akhbar tersebut ada perasaan belas terhadap manusia yang kurang bernesib baik dan jarang kita 'mengheboh-hebohkan' perbuatan begini.

Tetapi apabila Utusan Malaysia sebagai sebuah akhbar berbahasa Malaysia (Melayu) memberi liputan yang 'luas' tentang penderitaan adik Wendy yang berketurunan Tionghua, ia membawa makna yang besar lagi berharga.

Apa yang dilakukan oleh Utusan Malaysia itu sebenarnya adalah satu tindakan tanpa rasa membezakan antara kaum. Saya rasa gembira kerana akhbar berbahasa Mandarin pernah juga menyiarkan berita mengenai orang bukan Tionghua yang menderita dan menyeru masyarakat Tionghua memberi bantuan kepada mereka.

Utusan Malaysia dan akhbar-akhbar tempatan berbahasa Mandarin telah melakukan sesuatu yang mulia dalam 'bidang' yang dimaksudkan itu adalah suatu usaha yang menggalakkan dan juga membanggakan.

Kerana akhbar-akhbar harian ini yang berpengaruh ke atas orangramai. Dan apabila akhbar-akhbar itu mengambil 'Approach' dan bersemangat 'keMalaysiaan' dengan membasmikan ataupun melupakan perasaan perkauman. Rakyat jelata yang terdiri dari berbilang kaum juga, lambat laun, akan terharu dan terpengaruh dengan perbuatan yang 'noble' itu yang

mana mereka pasti akan mengikut teladan yang telah ditunjukkan.


Kita menyeru pihak media massa meneruskan semangat 'keMalaysiaan' itu dan meningkatkannya dalam masa akan datang demi menjalin dan mempereratkan hubungan persaudaraan di antara kaum dalam negara ini.

Syabas kepada akhbar-akhbar yang menyemaikan semangat 'keMalaysiaan'.



**Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan - Setia?**

Beliau mengkhianati dan menikam kawan dari belakang beberapa hari sebelum pilihanraya umum 1990 dengan menarik PBS keluar dari BN.



*Walaupun Malaysia tidak bermusim, namun musim perayaan setiap kaum boleh dirasai melalui perhiasan di bandar-bandar mengikut muslim. Ini menunjukkan kepelbagaiannya kebudayaan negara kita. (Gambar ehsan dari NANYANG SIANG PAU)*





Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad begitu 'sporting' menyambut 'Ang Pow' dari 'The God of Prosperity' yang tidak asing lagi dalam Kebudayaan Tionghua pada Tahun Baru Cina 1991. Ini membuktikan semangat toleransi terhadap kebudayaan yang di amalkan oleh negara kita. (Gambar ehsan dari NANYANG SIANG PAU)